Keunggulan Sahsiah

Rasulullah ﷺ

Utsman Nuri Topbaş

Keunggulan Sahsiah Rasulullah ﷺ

Utsman Nuri Topbaş

PENERBIT ERKAM

Kandungan

BAHAGIAN KETIGA / 145

BAHAGIAN KEEMPAT / 215

Prakata

Nabi Muhammad SAW ialah nabi dan rasul terakhir diutuskan kepada umat manusia hinggalah manusia yang terakhir sebelum berlakunya kiamat. Kerasulan merupakan berita yang mengemparkan dan peristwa yang agung dalam keedaan yang sungguh luar biasa. Hari perlantikkanya sebagai rasul merupakan berita yang sungguh mengemparkan berbanding berita-berita lain. Oleh itu, sejarah manusia telah menyaksikan kebangkitan insan bernama Muhammad dalam sebuah masyarakat yang tidak bertamadun menjadi seorang yang teristimewa dan terkenal mempin dunia. Nama 'Muhammad' sudah cukup untuk menggambarkan bahawa Baginda adalah seorang tokoh agung. Beginda dihiasi dengan pelbagai kemuliaan dan budi perketi yang luhur oleh Tuhannya Yang Maha Esa. Hakikatnya, Nabi Muhammad SAW adalah seorang yang terpuji dan terhebat di sisi Allah SWT. Baginda merupakan kekasihNya di antara sekian jenis makhluk yang wujud di permukaan bumi ini.

Baginda SAW diutus dengan kebijaksanaan, kebajikan, perdamaian, kebahagian, keamanan dan keimanan kepada semua. Di samping nilai-nilai kemanusiaan juga diterap pada dirinya oleh Allah Yang Maha Pencipta. Kepelbagaian sifat terpuji seperti rendah diri, kasih sayang, bersikap ihsan, berbuat baik dan sebagainya terpancar dari diri seorang yang amat

istimewa di sisi Allah SWT, Malaikat dan makhluk-makhluk lain. Baginda SAW telah dijadikan contoh teladan terbaik dalam memdidik umat manusia berakhlak dan beradab.

Buku ini akan menceritakan keperibadian mulia dan unggul Rasulullah SAW. Semua keperibadian mulia dan indah Baginda dirakam dan tidak akan terpadam hingga akhir zaman. Tidak ketinggalan bagi menggambarkan kepada kita tentang kisah Nabi Muhammad SAW dari seorang yatim piatu menjadi manusia paling agung yang mengumpul semua sifat terpuji seolah-olah kita melihatnya secara langsung. Rangkuman sifat-sifat tersebut akan terpancar kepada setiap umat manusia umpama bintang dilangit yang bergemerlapan pada waku malam hari.

Semoga buku ini dapat membantu pembaca untuk mencontohi segala sifat mula dan terpuji Baginda SAW untuk mendapat kebahagian dunia dan akhirat. Terlebih penting mendapat keredaan Allah SWT Tuhan Pencipta segala kebaikan dan kesempurnaan.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

Allah SWT telah memperkenalkan Rasulullah SAW kepada kita melalui beberapa firmanNya sepertimana berikut ini:

وَمَآ اَرْسَلْنَاكَ اِلَّا رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ ﴿الْاَنْبِيَاءِ: ١٠٧﴾

Ertinya: Tiadalah Kami mengutus engkau (Muhammad), melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi sekalian alam. (Al-Anbiyya 107)

يَآ اَيُّهَا النَّبِيُّ اِنَّآ اَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا
وَنَذِيرًا وَدَاعِيًا اِلَى اللهِ بِاِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا

﴿سورة الْاَحْزَابِ: ٤٥-٤٦﴾

Ertinya: Wahai Nabi! Sesungguhnya Kami mengutus enkau sebagai saksi (terhadap umatmu) dan pembawa berita gembira (kepada orang yang beriman) serta pemberi peringatan (kepada orang yang ingkar). Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada (agama) Allah dengan izin-Nya dan sebagai lampu yang menerangi. (Al-Ahzab: 45-46)

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللّٰهِ اُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ
كَانَ يَرْجُوا اللّٰهَ وَالْيَوْمَ الْاٰخِرَ وَذَكَرَ اللّٰهَ كَثِيرًا

﴿الْاَحْزَابِ: ٢١﴾

Ertinya: Sesungguhnya, bagi kamu pada (diri) Rasulullah itu model yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula banyak menyebut dan mengingati Allah. (Al-Ahzab: 21)

وَاِنَّ لَكَ لَاَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ وَاِنَّكَ لَعَلٰى خُلُقٍ
عَظِيمٍ ﴿سورة الْقَلَمِ: ٣-٤﴾

Ertinya: sesungguhnya engkau pasti beroleh pahala yang amat besar yang tidak putus-putus. Dan sesungguhnya engkau benar-benar berbudi pekerti yang luhur. (Al-Qalam: 3-4)

يَآ اَيُّهَا الَّذِينَ اٰمَنُوٓا اَطِيعُوا اللّٰهَ وَاَطِيعُوا الرَّسُولَ
وَلَا تُبْطِلُوٓا اَعْمَالَكُمْ ﴿مُحَمَّدٍ: ٣٣﴾

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah dan janganlah kamu membatalkan amalan kamu. (Muhammad: 33)

وَمَنْ يُطِعِ اللّٰهَ وَالرَّسُولَ فَاُولٰٓئِكَ مَعَ الَّذِينَ اَنْعَمَ اللّٰهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّنَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَآءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ اُولٰٓئِكَ رَفِيقًا ﴿النِّسَاءِ: ٦٩﴾

Ertinya: Sesiapa mentaati Allah dan Rasul-Nya (Muhammad), maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang yang telah dikurniakan ni'mat oleh Allah kepada mereka, (iaitu) para Nabi, para siddiqin (pecinta kebenaran), orang-orang yang mati syahid, dan orang-orang salih. serta Mereka itulah teman yang sebaik-baiknya. (An-Nisa': 69)

اِنَّ اللّٰهَ وَمَلٰٓئِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَآ اَيُّهَا الَّذِينَ اٰمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿الْاَحْزَابِ: ٥٦﴾

Ertinya: Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad). Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penuh penghormatan kepadanya. (Al-Ahzab: 56)

Maha benar Allah dengan segala firman-Nya

Pendahuluan

Segala puji-pujian dipanjatkan kepada Allah SWT di atas limpahan nikmat dan curahan segala kebaikan. Dialah yang telah mengangkat martabat manusia dengan melantik seorang Rasul dari kalangan manusia sendiri. Dialah yang mengutus kepada kita 'mahkota' Nabi-nabi dan kekasihNya, Muhmmad SAW sebagai Nabi dan Rasul.

Selawat dan salam yang berpanjangan dicurahkan kepada Baginda Muhammad SAW, matahari paling terang dari semua matahari, cahaya hakiki dan hidayah yang selalu bersinar dan menyinari jalan kebahagiaan bagi seluruh manusia.

Allah SWT telah mengutus Nabi SAW sebagai nikmat dan rahmat bagi sekalian manusia, pada saat manusia sedang mengalami masa sangat kritikal dan paling sukar iaitu ketika tenggelam dalam kezaliman dan kegelapan.

Allah SWT memuliakan kita dengan kehadiran Rasulullah SAW. Baginda bagai bintang terindah yang muncul dari ufuk paling tinggi, dan Allah SWT menjadikannya sebagai cahaya yang menerangi planet-planet, bintang-bintang, dan matahari yang sebelumnya dilitupi oleh kegelapan dunia, dimana masyarakatnya tidak jauh berbeza dengan haiwan buas yang saling memburu mangsa, dibuai kecuaian, dan dilingkupi kemaksiatan.

Allah SWT menganugerahkannya sebagai rahmat yang tidak pernah terputus, bagi semua makhluk yang ada di muka bumi, rahmat bagi makhluk hidup dan sekalian benda, batu-batan, tumbuh-tumbuhanan, sungai, lautan, bumi dan langit, ruang dan bagi waktu, khususnya bagi manusia. Baginda adalah sebagai perantaraan untuk meraih keberkahan, hidayah, rahmat dan keselamatan.

Baginda adalah rahmat; kerana semua makhluk yang ada di muka bumi inisememangnya dicipta untuk menghormati dan mengagungkannya. Oleh itu jika seseorang semakin mencintai Rasulullah SAW maka semakin tinggi pula darjatnya di sisi Allah SWT.

Baginda adalah rahmat; kerana budi bahasa dan kasih sayangnya melingkupi semua manusia dan makhluk yang ada di muka bumi.

Baginda adalah rahmat; kerana Allah SWT memuliakan baginda dengan menjadikannya sebagai sumber kehidupan yang berkekalan bagi hati dan akal secara bersama-sama, dan sumber kebahagiaan bagi jiwa dan keberkahan yang tidak ada hentinya.

Baginda adalah rahmat; kerana Allah SWT memuliakanya dengan Al-Quran yang menjadi penuntun kepada hidayah yang abadi.

Baginda adalah rahmat; kerana beliau adalah Rasul yang paling dicintai oleh Allah SWT dan merupakan makhluk-Nya yang paling mulia, baginda adalah rasul yang telah mendapatkan kemuliaan berupa perjalanan Mi'raj.

Baginda adalah rahmat; kerana jika tanpanya dunia akan menjadi padang pasir yang kering kerontang dan gersang.

Baginda adalah rahmat; kerana alam semesta diciptakan dari nur-nya.

Baginda adalah rahmat; kerana segala keindahan terpancar darinya, dan keindahan dicipta sebagai bentuk penghormatan bagi kewujudannya.

Setiap bunga yang tumbuh di muka bumi ini, jika tidak mendapat nur-nya, maka tidak akan mekar. Tanpa Baginda, maka tidak ada satupun makhluk yang akan dicipta di alam semesta, dan kerananya pula kita diciptakan sebagai manusia. Baginda adalah bunga ilahiyah yang tercipta dari cahaya paling sempurna, yang sinarnya tidak akan redup, tetapi akan selalu bertambah terang benderang seiring bertambahnya waktu.

Baginda adalah rahmat; kerana Allah SWT dengan zatNya telah meninggikan darjat dan pangkatnya, dengan selalu bershalawat kepadanya.

Semua makhluk yang ada di alam semesta berada di bawah naungan hidayah dan rahmat kenabian Rasulullah SAW, semuanya telah merasai kedamaian dan ketenangan jiwa yang hakiki. Kehidupan manusia yang telah lama tercekik oleh asap kemaksiatan dalam gelap gelita kejahiliyahan, mulai merasakan kembali nafas kehidupannya dari pintu-pintu ilmu, hakikat dan makrifat, yang telah dibukakan oleh Nabi kita Muhammad SAW, dan mulai mengepakkan kedua sayapnya untuk terbang tinggi ke langit yang membentang luas.

Qalbu yang telah lama keras bagaikan batu, berubah menjadi tanah yang lembut melalui tangannya yang penuh dengan keberkahan. Hati yang kotor dan berkubang di dalam lumpur sampah dan karat-karat dosa, lalu dibasuh dengan sumber airnya yang penuh dengan kesejukan dan kesegaran sehingga ianya berubah menjadi bersih dan suci, kegelapan dan kekerasan yang ada padanya pula berubah menjadi cahaya.

Alkisah, Wahsyi, seorang hamba sahaya dari negeri Habsyah sebelum masuk Islam, dia adalah seorang yang keras hatinya, sikapnya pula yang degil membangkang dan sehingga sanggup membunuh. Namun apabila dia menyerahkan jalan hidupnya pada tarbiyah Rasulullah SAW, maka ia berubah menjadi seorang sahabat yang lembut hatinya dan kerap menangis, dan masih banyak lagi kisah-kisah sahabat Rasulullah SAW lain yang serupa dengan kisah Wahsyi tersebut.

Ruh-ruh mereka hampir sahaja dirobek oleh kuku-kuku sifat buruk, tetapi setelah minum air dari mata air hidayahnya, lantas mereka memahami kehidupan yang abadi, sehingga akhirnya mereka meraih kebanggaan, kemulian dan keagungan, dan nama-nama mereka sering digandingkan dengan nama baginda Muhammad SAW.

Semua perkara inimenjadi bukti, bahawa Muhammad SAW adalah mukjizat terbesar yang diciptakan Allah SWT yang dikurniakan kepada kita, baginda adalah mukjizat dari segala perkara, samaada zahir mahupun batin, bagindaadalah seorang yang sempurna lagi disempurnakan, yang mulia lagi dimuliakan dan seorang pecinta yang dicintai.

Oleh kerananya baginda merupakan rahmat untuk seluruh alam semesta, Baginda adalah pemberian dan anugerah daripada sang Pencipta Azza wajalla pemilik segala keagungan. Tidak menghairankan apabila para solehin, orang-orang yang terpilih, para wali, orang-orang bijak dan para penguasa baik di pelbagai wilayah, mereka adalah paksi hakikat dalam sejarah manusia, mereka adalah cermin yang menggambarkan hakiki manusia, bahkan mereka bagaikan cahaya bulan yang bersinar kerana pantulan sinar matahari.

Jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan meraih keredhaan-Nya adalah dengan menempuh jalan cinta Rasul SAW dan mengikuti sunnahnya. Allah SWT menjelaskan hakikat ini dalam firman-Nya:

قُلْ اِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللّٰهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللّٰهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللّٰهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿اٰلِ عِمْرٰنَ: ٣١﴾

Ertinya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, maka ikutilah aku, nescaya Allah mencintai kamu dan mengampuni dosa-dosa kamu."(ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (Ali-Imran: 31)

Pada ayat lain Allah SWT juga menjelaskan:

مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ اَطَاعَ اللّٰهَ وَمَنْ تَوَلّٰى فَمَآ اَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ﴿النِّسَاءِ: ٨٠﴾

Ertinya: Sesiapa mentaati Rasul (Muhammad), maka sesungguhnya dia telah mentaati Allah. Dan sesiapa yang berpaling ingkar (dari ketaatan itu), maka (ketahuilah) Kami tidak mengutus engkau (Muhammad) untuk menjadi pengawal mereka (amal perbuatan mereka. Justeru janganlah engkau bersedih hati). (An-Nisa': 80)

Sebagaimana diperkukuhkan dengan ayat-ayat di atas, bahawa satu-satunya panduan untuk meraih cinta Allah SWT adalah dengan mengikuti sunnah Rasulullah SAW, berpegang teguh kepadanya serta berputar dalam paksinya. Jika tidak demikian maka keimanan tidak akan dikira. Sukatan untuk mendapatkan cinta Allah SWT adalah dengan mengikuti sunah Nabi-Nya. Hal itu adalah hakikat kebenaran yang tidak mungkin diingkari oleh orang yang beriman kepada Allah SWT. Maka menjadi wajib hukumnya untuk menghadirkan Rasulullah SAW dalam semua segi kehidupan kita sampai pada perkara yang paling kecil. Keistimewaan peribadinya kita jadikan sebagai model panutan dan tolak ansur sukatan kita dalam membina syakhsiah kita. Untuk itu, keperluan kita yang paling asas adalah pengetahuan mendalam tentang kepribadiandan kaedah kehidupan Rasulullah SAW. Bahkan sampai pula pada pengetahuan tentang hembusan nafasnya. Sebagaimana juga kesesuaian berirama dalam setiap detak jantung kita dengan detakjantung Rasulullah SAW, dan berusaha menjadi seperti para sahabatnya yang mencintai dan merindui Rasulullah SAW sampai hati mereka terbakar oleh mahabbah dan kerinduan itu.

Walaupun kita menyedari kelemahan diri kita dan tidak mungkin mencapai peringkat itu, tetapi setidaknya kita mengambil jalan hidayahnya. Nescaya itu sudah cukup, dan merupakan sebuah kebahagiaan yang besar seandainya kita dapat meneladaninya walau hanya dari satu sisi kepribadiannya yang tiada bandingannya, juga merupakan pintu yang akan menghantarkan kita pada keabadian.

Untuk itulah kami menulis buku ini yang penuh dengan segala kekurangan, dengan harapan dapat mengenalkan lebih dekat lagi kepribadian Nabi yang agung. Dan mungkin sahaja walaupun pembahasan yang kami kupas panjang, tapi itu tetap belum sampai pada tahap huraian yang lengkap. Oleh itu, sudah selayaknya kita mengucapkan syukur diatas nikmat Allah SWT yang tak terkira, iaitu sahsiah Rasulullah SAW, samada dengan cara membincangkannya, mempelajari perjalanan hidupnya, mahupun berusaha hidup dalam naungan hidayah serta sunahnya.

Sesuai dengan batas kemampuan dan kekuatan kita, tugas kita adalah menjadi jambatan penghubung antara rahmat dan kehadiranya yang abadi, yang merangkumi semua yang ada di alam semesta ini, di zaman kita ketika ini, yang sedang tercekik oleh beragam masalah. Matlamatnya adalah agar manusia mengetahui mukjizat yang telah mencapai titik kesempurnaan dalam bentuk yang paling baik dan bahasa yang paling indah. Dan merupakan sebuah kemuliaan bagi kita jika kita mampu menampilkan akhlak Nabi SAW dalam bentuk yang paling indah.

WahaiTuhan kami, kurniakanlah kepada kami sebahagian kecil dari kepribadian Nabi SAW, seorang ikutan danmukjizat yang tidak ada bandingannya. Jadikanlah hati kami istana-istana yang dipenuhi oleh kecintaan dan kerinduan kepadanya. Berikanlah kami taufik dan kejayaan dalam menghadapicabaran ketakwaan, dan kaitkanlah dengan kepasrahan dan keterikatan denganya, dan jadikanlah kami orang-orang yang berhak menerima keredhaan dan kecintaan-Mu. Amiin.[1]

1. Saya memohon kepada Allah SWT dengan rasa rendah diri semoga apa yang telah diusahakan oleh pelajar-pelajar kami dan bantuan yang telah mereka berikan terhadap percetakan buku ini menjadi ladang amal sedekah jariyah bagi mereka.

BAGIAN PERTAMA

- Keperibadian Ulung Yang Diteladani ialah keperibadian Rasulullah SAW
- Teladan yang baik / Model dan teladan paling indah

Keperibadian Ulung Yang Diteladani ialah keperibadian Rasulullah SAW

Allah SWT telah menganugerahkan Nabi Muhammad SAW sebagai suatu kurniaan yang tidak ternilai kepada umat manusia. Hal ini kerana Baginda dilangkat pada kedudukan tertinggi dan terpuji di sisi Allah SWT. Allah SWT menetapkan ketaatan kepada kekasihNya sebagai bukti ketaatan kepadaNya. Begitu juga, janji taat setia kepadaNya bermula daripada janji taat setia kepada kekasihNya. Di samping itu, Allah SWT telah menetapkan syarat utama untuk mendapat cinta juga keredaanNya iaitu dengan mengikuti segala suruhan NabiNya. Kesemuanya ini telah dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-firmanNya seperti berikut:

وَمَآ اَرْسَلْنَاكَ اِلَّا رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ ﴿الْاَنْبِيَاءِ: ١٠٧﴾

Ertinya: Tiadalah Kami mengutus engkau (Muhammad), melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi sekalian alam. (Al-Anbiyya 107)

Malahan, Nabi SAW sendiri sering menggunakan ungkapan yang memberi gambaran bahawa Baginda adalah 'pemberi rahmat' ketika berucap atau bersabda kepada para sahabat. Sabdanya "يا أيها الناس"

'Wahai manusia sesungguhnya aku adalah rahmat yang diberikan petunjuk'.

FirmanNya lagi;

مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ اَطَاعَ اللّٰهَ
وَمَنْ تَوَلّٰى فَمَآ اَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ﴿النِّسَاءِ: ٨٠﴾

Ertinya: Sesiapa mentaati Rasul (Muhammad), maka sesungguhnya dia telah mentaati Allah. Dan sesiapa yang berpaling ingkar (dari ketaatan itu), maka (ketahuilah) Kami tidak mengutus engkau (Muhammad) untuk menjadi pengawal mereka (amal perbuatan mereka. Justeru janganlah engkau bersedih hati). (An-Nisa': 80)

اِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ اِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللّٰهَ يَدُ اللّٰهِ فَوْقَ اَيْدِيهِمْ
فَمَنْ نَكَثَ فَاِنَّمَا يَنْكُثُ عَلٰى نَفْسِهِ وَمَنْ اَوْفٰى بِمَا
عَاهَدَ عَلَيْهُ اللّٰهَ فَسَيُؤْتِيهِ اَجْرًا عَظِيمًا ﴿الْفَتْحِ: ١٠﴾

Ertinya: Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad – untuk berjuang menentang musuh), mereka sebenarnya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah . Allah mengawasi keadaan mereka yang memberikan taat setia itu (untuk membalasnya). Oleh itu, sesiapa yang melanggar janji setianya, maka bahaya melanggar itu hanya menimpa dirinya sendiri; dan sesiapa yang menepati janjinya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar (Al- Fath: 10)

قُلْ اِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللّٰهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللّٰهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللّٰهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿العمران: ٣١﴾

Ertinya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, maka ikutilah aku, nescaya Allah mencintai kamu dan mengampuni dosa-dosa kamu."(ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (Ali-Imran: 31)

Hakikatnya, Allah SWT melarang sekeras-kerasnya bentuk perbuatan atau percakapan yang mendahulukan yang lain selain daripada diriNya dan juga RasulNya. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman:

يَآ اَيُّهَا الَّذِينَ اٰمَنُوا لَا تُقَدِّمُوا بَيْنَ يَدَيِ اللّٰهِ وَرَسُولِهِ وَاتَّقُوا اللّٰهَ اِنَّ اللّٰهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿الْحُجُرَاتِ: ١﴾

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mendahului Allah dan RasulNya (dalam melakukan suatu perkara sebelum mendapat hukum atau izin daripada kedua-duanya) dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mendenga lagi Maha Mengetahui. (Al-Hujurat: 1)

Dalam ayat di atas, Allah SWT memerintah orang-orang beriman agar menetapkan sempadan hidup berdasarkan ketetapan al-Quran dan al-Sunnah dan jangan sesekali melampau batas atau sempadan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Malah kita juga wajib menuruti apa yang telah ditetapkan Islam agar tidak terkeluar daripada ruang lingkup

(skop) arahan Allah SWT dan RasulNya dengan berpandukan al-Quran dan Al-Sunnah. Dalam pada itu, Rasulullah SAW telah mendidik para sahabat agar mengikuti segala panduan daripadanya dan juga wahyu dari al-Quran. Oleh yang demikian, para sahabat terdidik dengan suatu jawapan yang berhemah iaitu "Hanya Allah SWT dan Rasul-Nya sahaja yang lebih mengetahui" setiap kali Baginda bertanyakan kepada mereka sekalipun mereka mengetahui jawapannya. Hal ini kerana ketinggian adab dalam amalan dan keperibadian para sahabat, malah tidak keterlaluan dikatakan mereka telah berada pada tahap terbaik dari sudut akhlak, lemah lembut terhadap Allah SWT dan RasulNya dan berbudi bahasa dalam memberi jawapan kepada RasulNya.

Allah SWT menyaran umat Islam agar sentiasa berwaspada dan beradab sopan serta menutur tutur kata yang lembut ketika berbicara atau berinteraksi dengan Baginda Rasulullah SAW. Antaranya tidak meninggikan suara di hadapan Rasulullah SAW ketika bertutur atau bercakap. Justeru, perlakuan yang tidak beradab atau berlaku ketidakpatuhan dalam aspek ini akan mengakibatkan terhapusnya amalan mereka. Allah SWT telah menjelaskan perihal beradab sopan dan berakhlak tinggi ketika bersama Rasulullah SAW melalui firmanNya:

يَآ اَيُّهَا الَّذِينَ اٰمَنُوا لَا تَرْفَعُوٓا اَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ اَنْ تَحْبَطَ اَعْمَالُكُمْ وَاَنْتُمْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿الْحُجُرَاتِ: ٢﴾

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu meninggikan suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana kamu menyaringkan suara semasa bercakap sesama kamu. (larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedangkan kamu tidak menyedarinya. (Al-Hujuraat: 2)

Sementara itu, Allah SWT menjadikan perbuatan memuliakan kedudukan Rasulullah SAW dibandingkan dengan hamba-hambaNya yang lain sebagai satu ujian untuk mengecapi nilai takwa dalam kalangan hamba-hambaNya. Di samping itu, untuk mencapai tahap takwa sebanar dalam hati yang selari dengan matlamat penghambaan kepadaNya dan tuntutan tauhid ubudiyyah perlulah digambarkan melalui pengagungan dan penghormatan kepada kekasihNya. Malahan, Allah SWT menganggap orang yang tidak berbudi bahasa ketika berbicara dengan Rasul SAW sebagai tanda-tanda orang jahil.

إِنَّ الَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصْوَاتَهُمْ عِندَ رَسُولِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ امْتَحَنَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوَىٰ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ عَظِيمٌ إِنَّ الَّذِينَ يُنَادُونَكَ مِن وَرَاءِ الْحُجُرَاتِ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿الْحُجُرَاتِ: ٣-٤﴾

Ertinya: Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya semasa mereka berada di sisi Rasulullah, mereka itulah orang-orang yang telah dibersihkan hatinya oleh Allah

untuk bertaqwa. Mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar. Sesungguhnya orang-orang yang memanggil engkau (Muhammad) dari luar bilik(mu) kebanyakan mereka tidak mengerti (adab dan tata tertib). (Al-Hujuraat: 3-4)

Dalam hal ini, penjelasan selanjutnya juga dapat difahami melalui firman Allah SWT:

لَا تَجْعَلُوا دُعَآءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَآءِ
بَعْضِكُمْ بَعْضًا ﴿النُّورِ: ٦٣﴾

Ertinya: Janganlah kamu jadikan panggilan Rasulullah (Muhammad) di antara kamu seperti panggilan sebahagian kamu kepada sebahagian (yang lain). (An-Nuur: 63)

Ibnu Abbas ra menafsirkan ayat di atas sebagai berikut: Zaman dahulu orang-orang memanggil Nabi SAW dengan sebutan, Ya Muhammad, Ya Abal Qasim, kemudian Allah SWT melarang mereka, sebagai pengangungan dan penghormatan kepada Nabi-Nya. Dia berkata: "Panggilah dengan Ya Nabiyallah, Ya Rasulallah". (Ibnu Katsir, tafsir surat An-nur: 63)

Allah SWT tidak pernah sekali-kali memanggil Nabi SAW dengan sebutan nama atau panggilannya, akan tetapi Allah SWT memanggilnya dengan jolokan sifatnya seperti; "Ya Nabiyyallah, Ya Rasulallah" sebagai bentuk penghormatan kepadanya, tidak sepertimana Allah SWT memanggil para Nabi sebelumnya dengan nama atau panggilan mereka. Maka dengan ini Allah SWT mengajarkan kepada hamba-Nya sebuah

pelajaran yang berharga dalam budi bahasa ucapan dan sikap terhadap kekasih-Nya nabi kita, Muhammad SAW.

Allah SWT memberikan peringatan kepada orang-orang yang tidak menghargai kedudukan Nabi SAW yang mulia, dimana Allah SWT telah bersumpah bahawa hidup kekasih-Nya merupakan tafsir hidup daripada al-Quran al-Karim, sepertimana disebut dalam firman-Nya berikut:

Allah SWT memberi peringatan kepada mereka yang tidak menghargai kedudukan dan kemuliaan Nabi SAW dengan suatu sumpahan bahawa sesungguhnya kewujudan (hidup) kekasihNya digambarkan sebagai 'tafsir hidup' bagi al-Quran al-Karim, disebut dalam firman-Nya:

لَعَمْرُكَ إِنَّهُمْ لَفِي سَكْرَتِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿الْحِجْرِ: ٧٢﴾

Ertinya: «Demi umurmu (wahai Muhammad), sesungguhnya mereka membuta tuli dalam kemabukan (kesesatan) mereka». (Al-Hijr: 72)

Hakikatnya, tidak terdapat suatu sumpah yang serupa dengan sumpah Allah SWT berkaitan matlamat pengutusan Rasul SAW kepada manusia. Hal ini kerana wujudnya Rasul SAW bagi menjelaskan apa yang terkandung dalam wahyu Allah SWT secara langsung. Perumpamaan sebagai 'tafsir hidup' melambangkan betapa tinggi dan agungnya kedudukan Rasulullah SAW di sisi Allah SWT. Dalam ayat lain, Allah SWT menjelaskan bahawa Allah SWT beserta malaikat-Nya sentiasa berselawat kepada kekasihNya. Malah, Allah SWT mengesa orang-orang yang beriman agar berselawat dan

mengucap salam kepada Baginda SAW serta tidak lupa untuk mengingatinya selalu melalui hati dan lidah. FirmanNya:

إِنَّ اللهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَآ اَيُّهَا الَّذِينَ اٰمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿الْاَحْزَابِ: ٥٦﴾

Ertinya: Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad). Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penuh penghormatan kepadanya. (Al-Ahzab: 56)

Pemuliaan Allah SWT kepada NabiNya serta berbuat baik (hormat) kepadanya tidak hanya terhenti pada pengurniaan tertinggi (berselawat kepada NabiNya) ini sahaja, malahan pengurniaan tersebut berterusan hingga ke hari kebangkitan. Allah SWT merakamkan detik itu dalam firmanNya:

وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰ ﴿الضُّحٰي: ٥﴾

Ertinya: Sesungguhnya tuhanmu akan memberikanmu (kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat) sehingga engkau reda – berpuas hati. (Ad-Dhuha: 5)

Selain itu Allah SWT juga telah menjadikanya sebagai Rasul yang paling mulia dan melebihkan darjatnya berbanding para Nabi dan Rasul yang lain sebagaimana Allah SWT juga memberikan tempat yang khas di antara mereka. Allah SWT berfirman:

تِلْكَ الرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلٰى بَعْضٍ مِنْهُمْ مَنْ كَلَّمَ اللّٰهُ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَاتٍ ﴿الْبَقَرَة: ٢٥٣﴾

Ertinya: Rasul-rasul itu Kami lebihkan sebahagian daripada mereka mengatasi sebahagian yang lain (dengan kelebihan-kelebihan yang tertentu). Di antara mereka ada yang (langsung) diajak berbicara oleh Allah, dan sebahagian dari pada mereka ditinggikann-Nya beberapa darjat. (Al-Baqarah: 253)

"sebahagian mereka" ertinya adalah salah seorang diantara mereka. Kata "sebahagian" dalam bahasa arab mempunyai banyak maksud, antaranya: "satu", dan yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah Nabi Muhammad SAW.

Daripada Ibnu Abbas RA, beliau berkata: Suatu hari para sahabat duduk-duduk menunggu ketibaan Nabi SAW, lalu Baginda keluar. Ketika Nabi hampir tiba, Baginda terdengar mereka sedang berbincang tentang sesuatu, sebahagian dari mereka berkata: "Sungguh mengagumkan bahawa Allah memiliki kekasih, dan Ibrahim adalah kekasih Allah". Yang lain pula menambah: "Lebih menakjubkan lagi bahawa Allah telah berbicara secara langsung dengan Musa". Berkata yang lain: "Isa AS adalah kalimat Allah dan Ruh-Nya". Dan yang lain berkata: "Adam dipilih oleh Allah". Lalu Nabi mengucapkan salam dan mendekati mereka, Baginda berkata: "Sesungguhnya aku telah mendengar perkataan dan kekaguman kalian bahawa Ibrahim adalah kekasih Allah, dan memang ia seperti itu adanya, Musa adalah kalimullah, dan ia seperti itu adanya, Isa ruh dan kalimat-Nya, dan ia seperti itu adanya, Adam dipilih

oleh Allah, dan ia seperti itu adanya, dan bahawa aku adalah habibullah (kekasih Allah) dan aku tidak berbangga, aku adalah pembawa bendera Al-Hamdi (panji kesyukuran) pada hari kiamat dan Adam bertada di bawah panji itu di barisan belakangku, aku adalah pemberi syafaat dan yang pertama memberi syafaat pada hari kiamat, dan aku tidak berbangga, aku adalah yang pertama membuka pintu syurga, dan aku juga tidak berbangga, kemudian Allah bukakannya untuku dan masuk bersamaku orang-orang yang faqir dari umat Islam, dan aku juga tidak berbangga, aku adalah yang paling mulia, dari orang yang terdahulu mahupun yang akan datang di kemudian, dan aku tidak pula berbangga". (At-Tirmidzy, Al-Manaqib, 1/3616. Ad- Darimi, Al-Muqaddimah, 8)

Rasulullah SAW dalam hadith lain bersabda: "Aku adalah pemimpin anak Adam di hari kiamat, dan aku tidak berbangga, dan ditanganku panji kesyukuran, dan aku tidak pula berbangga, dan pada hari itu tidak ada seorang pun Nabi kecuali ada di belakangku, dan aku adalah yang pertama kali dibangkitkan dari bumi, dan tidaklah aku bermegah dengannya". (At-Tirmidzy Tafsir Al-Qur'an, 17/3148)

Disebabkan semua sifat dan keistimewaan dimiliki oleh Nabi SAW, maka Allah SWT meminta semua umat Islam agar menyebati serta menjiwai diri Rasulullah SAW. Begitu juga gaya dan cara hidup seperti gaya dan cara hidup Rasulullah SAW seolah-olah mereka akan mempersembahkan amalan mereka di hadapan Rasulullah SAW kelak. Pembuktian yang kuat dalam hal ini ialah perintah Allah SWT ketika duduk tasyahud dalam semua solat harian. Ucapan "السلام عليك ايها النبي ورحمة الله وبركاته".

ditujukan kepada Rasulullah SAW seolah-olah Baginda berada dihadapan. Padahal, mengucapkan salam kepada selain Nabi SAW ketika sedang mengerjakan solat, akan membatalkan solat.

Imam Abu Hamid Al-Ghazali berkata ketika menjelaskan hikmah ini: "Adapun ketika engkau sedang duduk tasyahud, maka duduklah dengan adab, kerana semua yang engkau ucapkan dari shalawat dan kalimat-kalimat baik lainnya adalah sebahagian daripada akhlak yang baik kepada Allah SWT, demikian juga ketika engkau ucapkan segala macam kekuasaan milik Allah SWT, iaitu pengertian kepada *at-tahiyaat*. Maka, hadirkanlah ke dalam hatimu Nabi SAW beserta sifat-sifat keperibadiannya, dan katakanlah "*as-salamu alaika ay-yuha nabiyu wa rahmatullah wa barakatuh*" (Semoga keselamatan bersama engkau wahai Nabi, dan juga rahmat Allah dan barakahnya) untuk diyakini bahawa salam itu sampai kepada Nabi dan Nabi akan menjawabnya dengan jawapan yang lebih sempurna daripada itu". (Abu Hamid Al-Ghazali, Ihya Ulumuddin, 1/224)

yeikh Khalid Al-Baghdady dalam kitabnya Al-Maktubaat pada risalah yang keempat, menukilkan kata-kata Al-'Allamah As-Syeikh Asyihab bin Hajar Al-Maky dalam *Syarah Al-Ubab fi bayani Ma'ani Kalimat At-Tasyahud* (*Syarah Al-Ubab* dalam menerangkan makna kalimat al-tasyahud), menyatakan bahawa: "Ucapan kepada Nabi SAW itu ialah untuk menunjukkan kepada umatnya yang melakukan sembahyang, bahawa seakan Nabi SAW hadir menyaksikan amal terbaik

yang dilakukan oleh mereka, sehingga dengan itu mereka menjadi lebih khusyu' dan tunduk ketika sembahyang".[2]

Kesimpulanya Nabi Muhammad SAW adalah hamba yang paling dicintai oleh Allah SWT dan makhluk yang paling mulia; beliau adalah kebanggaan di dunia dan di akhirat, pemberi hidayah dan penyelamat manusia dalam kehidupan di dunia dan pemberi syafaat di akhirat kelak. Nabi Adam as, bapa manusia ketika beliau dijauhkan dari syurga beliau bertaubat kepada Allah SWT dan meminta ampunan kepada-Nya, kemudia Allah SWT mengampuninya setelah Adam as bertawasul (perihal berhubung dengan Allah SWT dengan mengamalkan ibadat khusus atau umum) kepada Nabi SAW, sebagaimana juga Nabi SAW sejak pertama kali diutus adalah sebagai jalan pemberi hidayah bagi seluruh manusia. Hal ini bertepatan dengan sabda Nabi: "Ketika Adam melakukan kesalahan ia berkata: Wahai Tuhan! Aku memohon keampunan daripadaMu dengan kebenaran Muhammad. Allah bertanya: Wahai Adam bagaimana kamu mengetahui Muhammad, padahal Aku belum menciptakanya? ia berkata: Wahai Tuhan! Engkau ketika menciptakanku dengan tangan-Mu dan meniupkan ruh-Mu padaku, aku mengangkat kepalaku, dan aku melihat di tiang-tiang Arasy tertulis, La ilaha illallah Muhammad Rasulullah, maka aku tahu bahawa Engkau tidak menggandingkan dengan nama-Mu kecuali ia adalah makhluk yang paling Engkau cintai. Kemudian Allah berkata: Kamu benar wahai Adam, bahawa ia adalah

2. Dalam Maktubat Maulana Khalid, hal: 118. Risalah Rabithah (dalam kitab Ar-Rasyhat karya Maulana Shafiyyudin, hal: 225-226)

makhluk yang paling Aku cintai, berdoalah dengan kebenaran Muhammad, sesungguhnya Aku telah mengampunimu, jika tanpa Muhammad, maka kamu tidak akan Aku ciptakan"[3]

Demikianlah Adam AS bertawasul dengan Rasulullah yang mulia, kemudian Allah SWT mengampuninya. Rasul SAW yang mulia ini ketika masih berbentuk nutfah (air mani) berpindah ke tulang sulbi Nabi Ibrahim AS, lalu api itu menjadi sejuk dan Nabi Ibrahim AS selamat. Mutiara insan yang berharga ini ketika masuk ke sulbi Nabi Ismail as, lalu Allah SWT menurunkan tebusan dari langit juga dengan pengantaraan namanya (SAW).

Sebagaimana kita ketahui, para Nabi mendapatkan inayah ilahiyyah (pertolongan Allah), disebabkan Rasul SAW yang mulia, bahkan sayidina Musa AS berkeinginan untuk menjadi sebahagian dari umat Nabi Muhammad SAW, agar dia memperoleh segala keberkatan dan kelebihan yang disediakan kepada umat Nabi Muhammad SAW.

Dari Qatadah bin Nu'man RA, Nabi Musa as berkata:

"Wahai Tuhan, aku menemukan di alwah (catatan Taurat), suatu umat terbaik yang diutuskan untuk manusia. Mereka mengajak berbuat kebajikan dan mencegah kemungkaran. Jadikanlah mereka sebagai umatku. Allah berkata: Itu adalah umat Ahmad.

Wahai Tuhan aku menemukan di alwah umat yang diciptakan terakhir tapi pertama memasuki syurga. Wahai

---

3. Al-Hakim, Al-Mustadrak Ala As-Sahihain, Beirut, 1990, juz: 2, hal: 672/4228

Tuhan jadikanlah mereka sebagai umatku. Allah berkata: Itu adalah umat Ahmad.

Wahai Tuhan aku menemukan di alwah umat yang bacaan mereka meresap di dalam hati mereka, dan mereka membacanya, padahal umat sebelum mereka, membaca kitab-kitab mereka dengan cara melihat, dan ketika mereka mengangkat pandangan, mereka tidak menghafalnya sedikitpun dan tidak mengetahui isinya, Engkau memberikan umat itu hafalan yang tidak diberikan kepada umat-umat sebelumnya. Wahai Tuhan jadikanlah mereka sebagai umatku. Allah berkata: Itu adalah umat Ahmad.

Wahai Tuhan sesungguhnya aku menemukan di alwah, umat yang beriman kepada kitab terdahulu dan kitab yang diturunkan terakhir, mereka memerangi kesesatan dan mereka juga memerangi seorang yang matanya sebelah dan pembohong, jadikanlah mereka sebagai umatku. Allah berkata: Itu adalah umat Ahmad.

Wahai Tuhan aku menemukan di alwah umat yang sedekahnya di makan sendiri oleh mereka, dan mereka mendapatkan pahala dengan itu. Sedangkan umat-umat terdahulu ketika bersedekah, Allah menerima sedekah mereka dengan mengirimkan api lalu memakannya, tetapi jika ditolak, sedekah itu dibiarkan begitu sahaja lalu dimakan oleh binatang buas atau burung. Sesungguhnya Allah mengambil sedekah mereka dari golongan orang kaya untuk orang-orang faqir di antara mereka. Wahai Tuhan jadikanlah mereka sebagai umatku. Allah berkata: Itu adalah umat Ahmad.

Musa berkata: Wahai Tuhan sesungguhnya aku menemukan di alwah umat yang ketika hendak melakukan kebaikan, tapi tidak melakukanya, maka Allah mencatatnya sebagai satu kebaikan, dan jika ia melakukanya maka Allah mencatatnya sebagai sepuluh kebaikan sampai tujuh ratus kebaikan. Wahai Tuhan jadikanlah mereka sebagai umatku. Allah berkata: Itu adalah umat Ahmad.

Wahai Tuhan sesungguhnya aku menemukan di alwah umat yang diberikan syafaat dan dapatmemberikan syafaat kerana mereka, jadikanlah mereka sebagai umatku. Allah berkata: Itu adalah umat Ahmad.

Qatadah berkata: Diceritakan kepada kami bahawa Musa kemudian membuang alwah, dan berkata: Ya Allah jadikanlah aku sebagai umat Ahmad."[4]

Ringkasnya, setiap tempoh waktu (masa) dari risalah para Nabi yang diberkati dan diberi petunjuk merupakan kabar gembira berkaitan kedatangan al-mustafa SAW yang diutus untuk menjadi rahmat bagi alam semesta.

Akhirnya 'nur' yang dinanti-nantikan telah turun ke alam nyata, pada hari Isnin, 12 Rabiul Awal, ketika hampir matahari terbit tahun 571 Masihi, maka ketika itulah masa yang paling agung, dan tempat (Baginda dilahirkan) itulah tempat yang paling mulia.

Dengan kelahiran Nabi SAW ini, maka bertambahlah lagi rahmat Allah SWT kepada alam dan berubahlah warna

4. Ibnu Katsir, Tafsir Al-Qur'an Al-Adhim, Beirut, 1988, juz: 2, Al-A'raf, hal: 154.

kehidupan pada setiap pagi dan petang serta perasaan kasih sayang pula makin menebal di hati. Lantaran itu, segala kata-kata, ucapan dan perasaan seronok pun turut tunduk hormat kerana kemuliaannya. Hakikatnya, setiap sesuatu memperoleh pengertian yang berbeza dan keindahan yang berlainan. Pada masa yang sama, berhala-berhala turut bergegar dan tersungkur jatuh, malah tiang dan beranda istana Kisra juga hancur musnah, manakala tasik pula menjadi surut airnya. Dengan yang demikian, hati-hati manusia dipenuhi dengan keberkatan dan kesucian, bahkan keberkatan ini memenuhi alam semesta pada setiap waktu dan setiap tempat dan berkekalan sepanjang zaman.

Jika tidak dimuliakan Nabi SAW di dunia ini –dengan semua kelebihan yang ada pada dirinya- nescaya akan kekallah sifat kemanusiaan dalam kegelapan dan keganasan (kerana hilang sifat kemanusiaan) sehingga hari kiamat. Akibatnya, orang-orang yang lemah akan menjadi mangsa kepada yang kuat, kejahatan akan menguasai segala kebaikan manakala dunia akan dikuasai oleh orang-orang zalim dan para taghut.

Sebaik-baik madah sepertimana kata seorang penyair dalam syairnya:

Wahai Pesuruh Allah, andai engkau tidak muncul ke dunia ini

Bunga-bunga tidak akan mekar, burung-burung bul tidak akan menyanyi, dan kekal nama-nama tanpa diketahui hanyalah pada Adam AS

Segala yang wujud tidak akan bermakna dan dunia akan tenggelam dalam kesediahan dan kekelaman

Maulana Jalaludin Ar-Rumy telah berbicara tentang pentingnya kita mengecapi nikmat dan kelebihan dengan kehadirannya Rasulullah SAW yang menghancurkan semua berhala, menyemai benih keadilan ke pelusuk dunia dan menghilangkan kegelapan dari dada manusia, ia berkata:

"Oh, wahai muslim zaman ini, andai tak ada jihad, semangat dan kegigihan sayidina Muhammad SAW dalam menghancurkan berhala-berhala, nescaya engkau pada saat ini tiada bezanya dengan nenek moyangmu yang menyembah berhala".

Sesungguhnya insan ummi ini muncul di tengah-tengah masyarakat jahiliah, sebuah masyarakat yang jauh dari peradaban dan ketamadunan. Insan istimewa ini telah mengalahkan manusia ilmuan silam dan moden dengan ilmu dan kebijaksanaanya. Baginda dikurniakan dengan mukjizat yang tidak diberikan kepada orang lain bahkan tidak akan diperolehinya sehingga hari kiamat sekalipun iaitu al-Quran al-Karim. Melalui Al-Quran diceritakan peristiwa-peristiwa dan sejarah-sejarah yang terdahulu, begitu juga dibicarakan tentang perbahasan ilmu dan genre bagi kegunaan pada masa depan. Malahan, dalam tempoh 1400 tahun diturunkan al-Quran, tiada seorangpun mampu mengingkari kebenaran kandungannya. Namun sebaliknya, enslikopedia-ensklipodia terkenal hari ini sentiasa terdedah kepada kepada penyemakan dan penambahbaikan kandungannya malah ditambah pula jilid tambahan sepertinya pada setiap tahun.

Nabi yang yatim lagi *ummyi* ini, tidak pernah mendapatkan ilmu dari siapapun dari mana-mana manusia, akan tetapi beliau adalah penyelamat kepada manusia semuanya. Di samping menjadi peneroka kepada alam ghaib (meneroka ilmu-ilmu Allah SWT) dan menjadi guru terbilang dalam sekolah Allah SWT.

Nabi Musa AS diutus dengan membawa hukum-hukum, Nabi Dawud AS pula diutus dengan membawa doa-doa dan merendah diri serta munajat kepada Allah SWT. Manakala, Nabi Isa as diutus untuk mengajar manusia tentang akhlak yang baik dan zuhud dalam hidup. Akan tetapi Nabi Muhammad Al-Mustafa SAW iaitu Nabi bagi agama Islam, didatangkan dengan membawa semua perkara itu. Beliau mengajarkan syariat dan hukum-hakam kepada semua, beliau juga mendidik manusia untuk pembersihan dalaman (jiwa). Di samping itu, beliau mengajarkan etika berdoa kepada Allah SWT dengan hati yang bersih, memperkenalkan kepada manusia akhlak yang baik, malah menjadi suri teladan yang baik. Meninggalkan wasiat pada mereka agar tidak tertipu oleh keindahan dan godaan dunia. Kesimpulannya, terhimpunlah padanya segala tugas dan tanggungjawab ambiya' sepertimana terkumpul padanya jua ketulenan keturunan dan adab yang baik-baik di samping keindahan rupa dan bentuk kesempurnaan diri.

Nabi Muhammad SAW hidup di tengah masyarakat jahiliah selama 40 tahun lamanya, ketika segala kesempurnaan dan kelebihan yang dipamerkan oleh beliau merupakan sesuatu yang sama sekali tidak pernah diketahui atau ditemui oleh masyarakat ini. Pada masa itu, Rasulullah SAW belum dikenali

sebagai seorang negarawan, penasihat dan ahli pidato yang ulung dan juga tidak dikenali sebagai seorang tentera, apalagi sebagai panglima agung.

Ketika usia Baginda menjangkaui empat puluh tahun, maka berlakulah suatu peristiwa penting pada dirinya iaitu kemuncak segala perubahan yang telah merubah kehidupan manusia seluruhnya.

Sebelum mencapai umurnya itu, beliau tidak pernah mendengarkan orang berbicara tentang sejarah umat-umat dan Nabi-nabi terdahulu, berbicara tentang hari kiamat, syurga dan neraka. Beliau sekadar menjalani kehidupan dengan gayanya tersendiri iaitu sebagai seorang elit yang memiliki akhlak yang mulia. Namun, setelah beliau pulang dari gua Hira' dengan membawa tugas Ilahi, seluruh episod kehidupannya berubah sama sekali.

Ketika Nabi SAW mula berdakwah dan menyampaikan ajaran Ilahi, seluruh semenanjung Tanah Arab mengalami kejutan dan kegusaran yang tinggi. Hal ini disebabkan kefasihan balaghah Nabi SAW seolah-olah 'menyihir' minda mereka menyampaikan khutbah yang luar biasa. Sekaligus menyaksikan pertandingan menyampaikan syair, mencipta bahasa sastera dan balaghah (zaman jaliliyah) telah mengalami masa kemerosotan yang teruk. Dengan itu, tiada lagi syair-syair yang telah menang dalam pertandingan digantung pada dinding Kaabah seperti lazimnya. Malahan, telah menjadi bahan peninggalan sejarah yang berkurun-kurun lamanya tanpa diselidiki atau dikaji. Diceritakan bahawa saudara

perempuan kepada penyair terkenal, Imru' al-Qays ketika diperdengarkan kepadanya ayat berikut:

وَقِيلَ يَآ اَرْضُ ابْلَعِي مَآءَكِ وَيَا سَمَآءُ اَقْلِعِي وَغِيضَ الْمَآءُ وَقُضِيَ الْاَمْرُ وَاسْتَوَتْ عَلَى الْجُودِيِّ وَقِيلَ بُعْدًا لِلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿هُودٍ: ٤٤﴾

Ertinya: setelah itu diperintahkan kepada bumi: "wahai bumi telanlah airmu dan wahai langit berhentilah daripada hujan." Dengan sebab itu surutlah air, serta terlaksanalah perintah (Allah) itu dan bahtera itu pun berlabuh di atas gunung Judiy dan diingatka (bahawa), kebinasaanlah akhirnya bagi kaum yang zalim. (Hud: 44)

Katanya "Tidak ada seorangpun yang dapat mengatakan sesuatu. Tiada gunanya menggantungkan puisi saudaraku pada dinding-dinding Ka'bah, sebab tidak ada satu orang penyair pun yang mampu menyainginya".

Lalu dia menurunkan *mu'alaqat* abangnya (Imru' al-Qays) iaitu antara *mu'alaqat* yang paling atas daripada syair-syair yang tergantung pada dinding Kaabah dan diikuti *mu'alaqat al-sab'ah* yang lain satu persatu.[5]

Sesungguhnya Rasulullah SAW telah mengajar manusia tentang ilmu kemanusiaan terutamanya yang melibatkan tugas sebagai khalifah Allah di muka bumi. Beliau telah

5. Ahmad Judat Basya, Qishah Al-Anbiya wa Tawarikh Al-Khulafa', Istanbul, 1976, juz: 1, hal: 83.

meletakkan peraturan yang lengkap dalam semua bidang seperti kehidupan bermasyarakat, sosial budaya, ekonomi, urusan kependudukan dan juga hubungan antarabangsa. Akan tetapi, tiada seorangpun dapat memahami hikmah sebenar disebalik semua itu. Malahan, ilmuan yang terpilih juga gagal mendapatkan jawapannya melainkan setelah dijalankan kajian yang berterusan dalam penyelidikan mereka serta eksperimen yang menyeluruh kepada manusia dan benda. Hakikatnya, ketika mana pengetahuan melalui teori ilmu dan eksperimennya berkembangnya makin banyak terserlahnya '*al-haqiqah al-muhammadiyah*' iaitu kebenaran risalah Muhammad SAW.

Rasul kita yang mulia (SAW) yang hanya sekali menjadi 'penonton' dalam peperangan iaitu berkeadaan tidanya pedang di tangan telah berjaya menjadi general yang berwibawa walaupun tanpa mempelajari ilmu dan latihan ketenteraan sebelumnya. Malah, beliau juga merupakan seorang tentera yang gagah berani, sentiasa mengikuti peperangan-peperangan untuk meninggikan kalimah tauhid disamping mencapai matlamat perubahan sosial manusia. Hal ini kerana, tiada tujuan lain diutuskan Nabi Muhammad SAW selain membawa rahmat kepada seluruh umat manusia.

Rasulullah SAW memulakan penyampaian agama suci Allah SWT dan membina keperibadian manusia dengan cara pintu ke pintu (rahsia). Alangkah sedihnya apabila mereka menolak petunjuk yang dibawanya, malah menutup pintu daripada dimasuki Nabi SAW. Mereka bimbang 'cahaya' daripada Baginda akan sampai kepada mereka dan akhirnya

mereka berada dalam kegelapan untuk selama-lamanya. Lantaran kekerasana hati-hati mereka menerima cahaya ilahi, mereka bersikap kurang ajar dan kasar terhadap Baginda. Namun Baginda SAW terkesan kerana kealpaan dan kejahilan mereka, bukannya disebabkan tingkah laku mereka yang ganas. Baginda menyuarakan isi hatinya melalui firman Allah SWT:

قُلْ مَآ اَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ اَجْرٍ وَمَآ اَنَا۠ مِنَ الْمُتَكَلِّفِيْنَ ﴿ص: ٨٦﴾

Ertinya: Katakanlah (Muhammad), "Aku tidak meminta kepada kamu sebarang bayaran kerana menyampaikan ajaran al-Qur'an ini, dan bukanlah aju daripada orang yang mereka-reka. (Sad: 86)

Ini bermaksud Nabi SAW hanya mengharapkan keredhaan Allah SWT sahaja. Baginda berjaya menakluk seluruh semenanjung tanah Arab dalam tempoh 9 tahun dengan kekuatan tentera (pada kebanyakkannya) hanya satu pertiga daripada kekuatan tentera musuh. Dengan semangat dan kekuatan ruhiyah yang diterapkan kepada pejuang-pejuang yang tidak tersususan sebelumnya, malah sentiasa tidak teratur dalam peperangan. Pencapaian dalam pembukaan negara Islam amat membanggakan. Ini dibuktikan dengan kekalahan yang amat kecil dalam peperangan dan bilangan pejuang-pejuang Islam yang gugur juga sedikit jika dibandingkan dengan musuh. Hasilnya, tentera Islam berjaya mengalahkan dua empayar besar ketika itu, iaitu Rom dan Parsi.

Rasulullah SAW mampu melakukan perubahan terbesar dalam sejarah kehidupan manusia, meskipun keadaan

ketika itu tidak stabil. Beliau telah menghapus segala bentuk kezaliman dan menghentikan tangis orang-orang yang lemah dan terzalimi. Tangannya yang penuh dengan keberkatan mengusap kepala anak-anak yatim, cahaya rahmatnya telah mencerahkan hati-hati yang dipenuhi dengan kesedihan.

Seorang penyair Turki, Muhammad Akif, menggambarkan perlakuan terbaik ini melalui bait-bait syairnya:

> Ketika anak yatim itu telah mencapai usia empat puluh tahun, maka darah-darah yang selama ini mengucur, kini telah mengering dan bersih.
>
> Sang maksum itu telah memerdekakan manusia dengan tiupan keimanan yang ia tiupkan pada setiap hati manusia.
>
> Ia bertarung dengan para raja dan penguasa, kemudian memukul dan menjatuhkanya, hingga tersungkur dalam kehancuran, dan menyelamatkan orang-orang yang lemah dan tersiksa yang selama ini dirantai oleh kehinaan dan kerendahan.
>
> Tak pernah terbesit dalam rongga dada sang raja dan penguasa itu, bahawa kerajaanya akan jatuh, ia disedarkan oleh kematian dan kejatuhan.
>
> Benar, bahawa syariat yang dibawanya adalah rahmat bagi semesta alam, sayap-sayap rahmatnya telah menaungi negeri-negeri yang merindukan keadilan, segala yang dimiliki dunia, adalah dari pemberiannya.

Individu, masyarakat dan kehidupan manusia, semuanya berhutang kepadanya, wahai Rabb, bangkitkanlah kami di hari kiamat dalam keadaan sebagai orang yang mengakui semua ini.

Perjalanan Nabi kita Muhammad SAW, penghulu nabi-nabi dan rasul-rasul seumpama lautan luas, sedangkan perjalanan nabi selainnya ibarat sungai yang terpecah daripada laut itu. Rasulullah SAW adalah seorang yang memiliki sifat dan keistimewaan telah menjadi pemisah antara yang mengetahui atau yang jahil, melebihi para Nabi yang menurut sebahagian riwayat jumlahnya mencapai 124 ribu Nabi dan Rasul. Dan sifat itu jugalah yang mencorak akhlak istimewa dan disuburi dengan segala keindahan. Ditambah pula dengan perkembangan pemikiran dan kehidupan yang dijaga oleh nilai kemanusiaan yang betul. Hakikatnya, keperibadian Rasulullah tetap menjadi 'ramuan' terbaik bagi menyelesaikan permasalahan ummah hingga hari kiamat. Oleh sebab itulah Baginda diutus kepada seluruh manusia umpama "Nabi Akhir Zaman".

Nabi SAW menceritakan keperibadiannya yang mulia dalam sabdanya: "Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak". (Muwato', Husnul Khuluk, 8)

Kesimpulannya, beliau tidak meninggalkan harta kekayaan dunia sebagai warisan, akan tetapi beliau meninggalkan keperibadian dan akhlaknya yang mulia sebagai warisan terbaik dan teragung untuk keperluan keidupan manusia.

Teladan yang baik / Model dan teladan paling indah

Nabi Muhammad SAW adalah satu-satunya individu dan Rasul yang dicatat semua sejarah riwayat hidupnya hinggalah yang terkecil tentang dirinya. Hakikatnya, antara tanda kesempurnaan para nabi ialah mereka memperlihatkan contoh ikutan yang tersendiri bagi membentuk manusia dan nilai kemanusiaan kepada kebenaran dan kebaikan. Sikap dan kepribadian manusia telah berubah dari dulu hingga ke hari ini, namun perubahan tersebut amat terbatas. Sementara Nabi Muhammad SAW iaitu nabi akhir zaman, riwayat hidupnya pula direkod pada setiap detik dan masa dalam bentuk penyesuaian dengan keadaan (adaptasi) dalam semua perbuatan dan percakapan Baginda. Bermula dari sekecil-kecil perkara hinggalah sebesar-besarnya bahkan sesempurna bentuk perekodannya. Segala-galanya dicatat dan direkod dalam sejarah seolah-olah menjadi paparan kemuliaan dan kebanggan ummat. sampai yang besar, telah ditulis dalam sejarah dengan penuh kebanggaan. Tambahan pula, semua perlakuan dan pertuturan Baginda adalah bersumberkan dari sifat pengasihnya Allah SWT. Semuanya akan terkesan dengan keperibadian Baginda bermula dari awal detik (perutusaannya) hinggalah kepada orang yang terakhir lahir sebelum hari kiamat.

Sebenarnya, kita tidak dapat lari daripada berhadapan dengan fitnah dunia yang berupa dugaan, musibah dan perkara-perkara yang tidak disangka-sangka. Oleh itu, amat wajar kita menerapkan keperibadian tinggi Nabi SAW sebagai sebaik-baik dan seelok-elok penerapan dalam diri kita. Antara keperibadiannya ialah syukur, tawakal, reda dengan ketentuan Allah, sabar menghadapi dugaan, keazaman yang tinggi, berani, pengorbanan, qana'ah, kaya hati, berbuat baik bagi orang lain, santun, tawadu, dan keteguhan ketika berdepan dengan pelbagai kejadian dalam kehidupan seharian.

Bagi mencapai matlamat iaitu menjadi ikutan yang baik dalam semua perkara, Allah SAT mengutuskan 'hadiah' berharga kepada semua manusia iaitu Penghulu kami Sayyidina Muhammad, Rasulullah SAW. Beliau adalah mursyid atau pembimbing yang paling sempurna yang telah diutuskan berlatarbelakngkan kehidupan yang suci sesuai menjadi teladan unggul kepada manusia.

Episod kehidupan Rasulullah SAW sebagai contoh terbaik generasi-generasi yang akan datang hinggalah hari kiamat dirakamkan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

وَإِنَّ لَكَ لَأَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿القلم: ٤-٣﴾

Ertinya: sesungguhnya engkau pasti beroleh pahala yang amat besar yang tidak putus-putus. Dan sesungguhnya engkau benar-benar berbudi pekerti yang luhur. (Al-Qalam: 3-4)

Sesungguhnya keperibadian Rasulullah SAW dan keberkatan diri yang dimiliki Baginda telah berjaya mencorak dan menyeragamkan akhlak luaran manusia dan juga dalamannya. Namun begitu, sebagai manusia biasa ciptaan Allah SWT, kita tidak mungkin memperoleh dan menguasai semua kesempurnaan yang ada pada Baginda. Contoh teladan daripada keperibadian Rasulullah SAW juga telah berjaya menyempurnakan tugas 'mursyid', malahan Baginda adalah contoh jelas dan nyata (live) kepada dalam amalan kehidupan manusia.

Hakikatnya, Allah SWT telah mengaugerahkan keperibadian Nabi Muhammad SAW kepada umat manusia seluruhnya sebagai satu uswah (teladan) sebagaimana diungkapkan al-Quran melaui firmanNya:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ
يَرْجُوا اللهَ وَالْيَوْمَ الْاٰخِرَ وَذَكَرَ اللهَ كَثِيرًا ﴿الْاَحْزَابِ: ٢١﴾

Ertinya: Sesungguhnya, bagi kamu pada (diri) Rasulullah itu model yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula banyak menyebut dan mengingati Allah. (Al-Ahzab: 21)

Setiap lembaran hidup Baginda SAW ditunjukkan kepada kita melalui segala keindahan dan kesempurnaan yang pasti tiada tandingannya. Dipamerkan kepada manusia segala sifatnya yang baik samada secara umum atau terperinci. Oleh itu, kita dapati semua aspek kehidupan Rasululah SAW dan sunnahnya yang dipenuhi dengan cahaya adalah sebaik-baik

dan sesempurna peribadi yang menjadi pilihan Baginda sendiri.

Rasulullah SAW adalah teladan dalam kepemimpinan al-Din (cara hidup). Baginda adalah model dan ketua dalam kepemimpin negara. Baginda adalah contoh ulung dalam membina keperibadian dalaman manusia iaitu hubungan cinta kepada Ilahi (*mahabbah ilahiyyah*). Malahan, Baginda adalah ikutan terbaik dalam melahirkan rasa syukur dan tawadu' apabila dikurniakan segala kenikmatan oleh Allah SWT.

Sementara itu, dengan kesabaran Baginda dan keberserahan diri (pasrah) pada saat dan ketika dilanda musibah telah dijadikan cerminan diri bagi umat manusia. Begitu jualah ketika berdepan dengan harta rampasan perang, Baginda sekali lagi mempamerkan kemuliaaan dan ketinggian peribadinya. Bahkan kemuliaan dan keindahan peribadinya ditonjolkan kepada ahli keluarga (isteri), kerabat, orang-orang lemah, hamba sahya dan para musafir. Tidak ketinggalan juga, Baginda menunjukkan sikap pemaafnya kepada orang-orang yang melakukan kesalahan terhadapnya.

Jika kita adalah seorang yang kaya, maka ingatlah bagaimana Nabi SAW begitu tawadhu dan santunnya, ketika ia memimpin seluruh jazirah Arab beserta para penguasanya, dan mampu menarik mereka dengan nilai kasih sayang.

Jika kita adalah seorang rakyat yang miskin dan lemah, maka jadikanlah Nabi SAW sebagai teladan, ketika beliau hidup di bawah kekuasaan para penguasa musyrik Makkah yang zalim.

Jika kita adalah seorang panglima dan penakluk yang selalu berjaya, maka ambillah pegajaran daripada keperwiraan Nabi SAW yang berserah kepada Allah ketika berdepan dengan kekalahan musuh dalam perang Badar dan Hunain.

Jika kita adalah seorang guru, ingatlah dan renungkanlah Nabi SAW yang mengajarkan ajaran-ajaran Allah, dan bagaimana beliau menumpahkan kelembutan dan kasih sayang kepada para sahabatnya yang tinggal di serambi masjid.

Jika kita adalah seorang penuntut ilmu, gambarkanlah bagaimana Nabi SAW duduk dengan adab, fokus dan penuh perhatian di depan Jibril Al-Amin AS ketika ia datang untuk mengajarkan wahyu kepadanya.

Jika kita adalah seorang pemberi nasihat atau pembimbing yang jujur kepada orang lain, maka dengarkanlah ucapan Nabi SAW ketika beliau berbicara dengan bahasa yang indah dan tutur kata yang lembut ketika ia menjelaskan hukum dan berbincang dengan para sahabatnya di masjid Nabawi.

Jika kita adalah seorang pembela, penyampai atau berpegang dengan kebenaran dan tiada seorangpun penolong membantu kamu, maka renunglah pada kehidupan Rasulullah SAW yang dengan lantang menyampaikan kebenaran di depan para penguasa zalim dan mengajak mereka kepada hidayah di Makkah, dimana ketika itu tidak ada seorangpun yang membantu dan menolongnya.

Jika kita hendak menaklukan musuh dan mengalahkan mereka, untuk mengangkat kebenaran dan meruntuhkan kepalsuan, maka lihatlah bagaimana Rasulullah SAW semasa

memimpin tentera Islam menakluki kota Makkah. Begitu juga, Baginda dengan penuh rasa syukur ketika memasuki tanah haram dan ketawadukan yang tinggi sambil menunggang untanya seolah-olah Baginda sedang bersujud.

Jika kita adalah seorang pemilik sawah atau kebun yang hendak mengatur dan mengolahnya, maka jadikanlah Rasulullah SAW sebagai teladan ketika beliau menempatkan orang-orang berkelayakan untuk mengurus tanah yang diperolehi dari bani Nadhir, Khaibar dan Fadak.

Jika kita asing atau berseorangan dan tiada penolong kita, maka renungkanlah bagaimana Nabi SAW yang yatim mampu menjadi penyejuk hati bagi Abdullah dan Aminah.

Jika kita adalah seorang pemuda yang sehat, maka perhatikanlah kehidupan Nabi SAW ketika muda yang dikemudian hari menjadi Rasul, ketika mengembala kambing kepunyaan bapa saudaranya di Makkah.

Jika kita adalah seorang peniaga, maka perhatikanlah kepribadian Rasulullah SAW yang agung dan luhur, ketika ikut bersama kafilah-kafilah berdagang menuju ke Syam dan Yaman.

Jika kita adalah seorang hakim, maka lihatlah keadilan dan kebijaksanaan Nabi SAW ketika beliau menangani sikap pembesar-pembesar Quraisy yang hampir sahaja bertengkar dan terjadi peperangan di antara mereka, lantas Baginda dipilih untuk meletakkan Hajar Aswad ke tempat asalnya pada Ka'bah. (Hal ini menunjukan betapa kuatnya firasat Nabi SAW).

Cuba kita lihat kembali sejarah pada ketika Nabi SAW duduk di masjid Nabawi, ketika beliau memutuskan hukum dengan seadil-adilnya dan tidak membeza-bezakan antara orang miskin yang tidak memiliki apa-apa dan orang kaya yang berkedudukan serta melimpah hartanya.

Jika anda adalah seorang suami, maka perhatikanlah petunjuk yang membawa keberkatan daripada Nabi SAW dan perasaan cinta yang mendalam serta kasih dan sayang Baginda ketika menjadi suami kepada Khadijah dan Aisyah.

Jika kita adalah seorang ayah, maka pelajarilah sikap Nabi SAW takala menjadi seorang ayah kepada Fatimah Az-Zahra dan datuk kepada Hasan dan Husain.

Bagaimanapun sikap kita atau apa juapun keadaan kita, kita akan dapati Nabi Muhammad SAW sentiasa menjadi pembimbing terbaik dan menjadi semulia-mulia petunjuk kepada diri kita.

Baginda adalah pembimbing bagi kita, kerana kita akan memperbetul segala kesalahan yang kita lakukan dan memperbaiki amalan-amalan agar tidak menyimpang dari kebenaran. Di samping itu kita juga memperbaiki semua aspek kehidupan agar selari dan bertepatan dengan sunahnya yang mulia. Dan di bawah 'nur' Muhammad SAW dan petunjuknya kita akan terhindar dan terlepas dari segala rintangan hidup, dan memperolehi kebahagiaan yang sebenar-benarnya.

Hakikatnya, dunia Nabi Muhammad SAW tentang perasaan dalaman hati adalah 'taman yang penuh dengan kemewahan' seumpama taman-taman yang dihiasi dengan

bunga-bunga mekar, menarik dan dipenuhi dengan bunga mawar yang mempunyai bau sewangi minyak kasturi.

Sepertimana kita ketahui, kehidupan Nabi SAW adalah contoh yang terbaik dan teladan yang paling sempurna bagi setiap individu dalam masyarakat. Hal ini kerana corak kehidupan dalam sesebuah masyarakat itu berkitar tentang cara hidup atau gaya sebuah kehidupan seperti cara kehidupan yang mulia dan yang hina. Contohnya, cara hidup rakyat atau orang yang diperintah tidak dapat dijadikan contoh teladan kepada pemerintah dalam menetukan cara hidupnya, begitulah sebaliknya.

Samalah halnya dengan seorang fakir yang menghabiskan sisa usianya, berdepan dengan kehidupan yang penuh tekanan bagi mendapatkan sesuap makanan, tidak dapat dijadikan contoh bagi kehidupan seseorang yang melimpah harta kekayaannya

Sesungguhnya, corak kehidupan Rasulullah SAW telah dipilih sebagai contoh terbaik bagi mengimbangi kedua-dua taraf tersebut (mulia dan hina). Hal ini kerana Allah SWT yang telah menentukan cara hidup nabi kita, Muhammad SAW bermula dari 'yatim' umpama jisim yang lemah dalam masyarakat manusia, kemudiannya diangkat kedudukan dan pangkatnya secara berterusan sehingga berada pada kedudukan tertinggi dari sudut kemampuan dan kelayakan iaitu sebagai seorang pemimpin sebuah negara dan seorang seorang nabi. Manakala setiap peringkat dan cara hidup Rasulullah SAW pula memperlihatkan kepada kita kemuliaan sifat peribadi Baginda. Maka dari itu seperti apapun tingkat dan darjat

seseorang dalam hidup, kehidupan Nabi SAW adalah contoh sempurna yang paling berkesan dan dapat diteladani oleh setiap orang sesuai dengan batas kemampuanya.

Hakikatnya, Nabi Muhammad SAW merupakan mukjizat ilahi terbesar yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia. Baginda juga merupakan contoh teladan yang paling sempurna bagi setiap insan bermula dari serendah-rendah kedudukan hinggalah yang paling tinggi dalam masyarakat. Baginda adalah timbangan terbaik yang dapat digunakan sebagai penimbang kepada setiap mukmin yang menjiwai tingkah laku, akhlak dan keperibadian istimewa Rasulullah SAW.

Sesungguhnya orang yang mengaku mampu memberikan jalan selamat dan mampu menjadi contoh bagi manusia, khususnya para ahli falsafah cuba menjelaskan segala sesuatu dengan akal mereka yang terbatas, mereka tidak akan dapat menjadi contoh. Hanya para Nabi dan Rasul dan orang-orang soleh yang mengikuti jejak mereka sahaja yang mampu. Sebab para Nabi dan Rasul bersandar pada wahyu Ilahi, yang menjadi petunjuk dalam membuka jalan hidayah Ilahiyah dan menerima serta menyampaikan hukum-hukum yang datang dan diperintahkan oleh Allah SWT. Mereka sentiasa mengatakan "Demikianlah yang diperintahkan Allah". Oleh sebab itu sekeras apapun para ahli falsafah mencuba untuk menjadi petunjuk dalam mencari kebenaran, mereka tidak akan mampu, sebab mereka tidak memiliki sokongan dan pertolongan dari Allah SWT. Mereka hanya bersandar pada akal mereka yang mudah terpengaruh dan mudah dikuasai

oleh hawa nafsu, sehingga mereka hanya akan memberikan hukum yang sesuai dengan akal mereka. Mereka selalu berkata: "Demikianlah pendapatku atau menurut pendapatku". Maka tidak hairan jika kita menemukan sebahagian dari mereka mendustakan sebahagian lainya. Mereka tidak dapat memberi petunjuk pada diri sendiri apalagi memberi petunjuk bagi masyarakatnya.

Aristoteles contohnya, ia telah meletakkan beberapa dasar dan kaedah dalam falsafah akhlak, akan tetapi ia bukanlah seorang individu yang menerima wahyu, sehingga ia tidak dapat menemukan dalam hidupnya seorangpun yang beriman dan percaya kepada falsafahnya, atau ia mendapatkan kebahagiaan ketika mengamalkan falsafahnya tersebut. Sebabnya adalah hati dan jiwa mereka tidak akan dapat disucikan, dan pemikiran, perbuatan serta sikap mereka tidak akan mencapai kesempurnaan jika tanpa bantuan wahyu yang mensucikan dan menyempurnakannya.

Oleh sebab itu, satu-satunya yang mampu menyelamatkan manusia dari berbagai musibah dan masalah yang disebabkan oleh akal dan kecenderungan hati dan perasaan yang tidak terdidik dan tidak terbersihkan oleh wahyu, hanyalah Al-Quran Al-Karim. Al-Quran adalah ikatan kuat yang Allah SWT anugerahkan bagi manusia yang dibawa oleh Nabi akhir zaman. Dan pada kenyataanya, kebenaran-kebenaran yang ada di dalam Al-Quran itu terlaksanakan dalam sikap dan perbuatan Nabi SAW yang terdapat di dalam sirah dan sejarah Nabi SAW. Oleh kerana itu, perbuatan-perbuatan dominan yang seharusnya dilakukan oleh manusia atas dasar tujuan

penciptaan mereka adalah tindakan istiqamah dalam segala hal dan bergerak dengan penuh kejujuran yang sesuai dengan nilai Al-Qur'an dan Hadis.

Nabi SAW telah mewariskan kepada kita dua sumber yang akan menjadi pembimbing dan petunjuk iaitu Al-Quran dan As-Sunah. Keduanya adalah kunci untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat, dan keduanya adalah penginggalan abadi bagi "nur al-wujud".

Nabi Muhammad SAW telah dicintai oleh kaumnya, sebelum diturunkan kepadanya risalah. Mereka menyebutnya dan memberikannya gelar sebagai seorang yang jujur dan terpercaya. Dengan itu Rasulullah SAW memulakan dakwahnya melalui keperibadianya yang agung.

Beliau dikenal dengan sikapnya yang baik dan akhlaknya yang mulia sebelum diutus sebagai Nabi, yang membuatnya dicintai oleh kaumnya. Kaumnya memberinya gelar "al-amin", mereka reda dan menerima keputusannya ketika mereka berselisih tentang peletakan hajar aswad ketika membaik pulihKa'bah.

Buktinya, ketika Hiraklius bertanya kepada Abu Sufyan. Ketika itu ia sangat membenci dan memusuhi Nabi SAW. Ia ketika itu belum beriman. Hiraklius bertanya kepadanya "Apakah kamu semua menuduhnya berbohong sebelum ia menyampaikan apa yang ia sampaikan?", Abu Sufyan tidak dapat menjawab selain kata "Tidak". Lalu dia bertanya: "Apakah ia berkhianat? ", "Tidak", kata Abu Sufyan, "Selama kami hidup bersamanya dalam tempoh waktu yang lama, kami tidak menemukan ia pernah melakukan itu". Dan kami

tidak menemukan alasan untuk mengatakan sesuatu yang berlawanan dengannya.[6]

Penduduk Makkah mempercayai setiap yang diucapkan oleh beliau, mereka tidak pernah mendapati beliau berucap kecuali benar adanya.

Suatu hari Abu Jahl serta rakan-rakannya, berkata kepada Nabi SAW, dan mereka adalah yang paling keras memusuhi Nabi: "Wahai Muhammad, demi Allah, kami tidaklah mendustai dirimu, engkau adalah seorang yang jujur. Kami hanya mendustai apa yang engkau bawa".

Maka turunlah ayat berikut yang bercerita tentang itu:

قَدْ نَعْلَمُ إِنَّهُ لَيَحْزُنُكَ الَّذِي يَقُولُونَ فَإِنَّهُمْ لَا يُكَذِّبُونَكَ
وَلَٰكِنَّ الظَّالِمِينَ بِآيَاتِ اللهِ يَجْحَدُونَ ﴿الْأَنْعَام: ٣٣﴾[7]

Ertinya: Sesungguhnya, Kami mengetahui bahawa apa yang mereka katakana itu menyedihkan hatimu (Muhammad), (janganlah engkau bersedih hati) kerana sebenarnya mereka bukan mendustakan engkau, tetapi orang yang zalim itu mengingkari ayat-ayat Allah. (Al-An'am: 33)

Dari peristiwa yang tercatat dalam sirah menceritakan bahawa mengapa kaumnya menggelar beliau dengan "al-Amin" adalah ketika terjadi perang Khaibar, seorang Yahudi berbicara

---

6. Al-Bukhari, Badau Al-Wahyu: 6, As-Solat: 1, As-Shadaqat: 28. Muslim, Al-Jihad: 74.
7. Al-wahidi, Asbab Nuzul, Tahqiq: Kamal Basyuni Zaghlul, Beirut, 1990, hal: 219.

kepada Nabi, ia hendak masuk Islam dan bergabung dengan kaum muslimin dengan membawa kambing, tapi kemudian Nabi menyuruhnya untuk memulangkan kambing tersebut kepada pemiliknya, dan iapun kembali kepada kaumnya[8] untuk memulangkan kambing itu, padahal ketika itu perang sedang berkecamuk, dan umat Islam sedang dalam krisis makanan. Perintah Nabi SAW ini adalah contoh rasa tanggung jawab dan pentingnya memelihara amanah, dalam keadaan apapun, termasuk dalam keadaan paling sukar.

Dari peristiwa Isra dan Mi'raj kita dapat mengambil pelajaran tentang akhlak Nabi SAW.Ketika Abu Bakar menerima kabar peristiwa itu dan membenarkanya dengan ucapannya yang abadi: "Jika ia berkata demikian, maka ia berkata benar dan jujur".

Kenyataanya, setiap keadilan, kasih sayang dan cinta sang Nabi itu akan menjadi contoh dan teladan hingga hari kiamat menjelang.

Setiap mata yang melihat dengan jujur, nescaya akan melihat dan menjadi saksi bagi sinarnya yang terang benderang yang telah menerangi alam semesta dan tidak ada yang akan mengingkari hal itu itu, walau sedikit pun.

Sebagaimana yang terjadi pada para pakar dari kalangan barat yang masih memiliki akal sehat, mereka membenarkan kebesaran dan kejayaan Nabi SAW, walaupun hanya sebatas dalam hati.

8. Ibnu Hisyam, Sirah Nabawiyah, Beirut, Dar Al-Fikr, 1937, juz: 3, 397-398.

Thomas Karl berkata: “Kemunculanya menggantikan gelita menjadi cahaya”.

Knowledge of Britanica menulis tentang kelebihan Nabi SAW: “Apa yang telah dicapai oleh Nabi Muhammad, tidak akan sanggup dicapai oleh seorang Nabi atau reformis atau agamawan sepanjang kehidupan manusia”.

B. Smith menulis: “Sesungguhnya Muhammad adalah reformis terbesar yang tanpa batas, tanpa syarat, dan berdasarkan kepada kesepakatan semua orang”.

Kebenaran itu juga di akui oleh seorang penulis Stanly Lein Bowl, ia menulis: ”Hari dimana ia mendapatkan kemenangan terhadap semua orang yang memusuhinya dan memenangkan kelebihan atas hawa nafsunya, adalah ketika ia membebaskan dan memaafkan semua orang Quraisy tanpa ganjaran, bahkan bukan hanya Quraisy sahaja, tapi juga semua orang yang ada di Makkah ketika itu”.

Arthur Gleman berkata: “Kita telah menyaksikan kedudukanya yang tinggi, ketika menaklukan Makkah, dimana ia tidak dipengaruhi oleh semua yang pernah diterimanya di masa silam, padahal bolehsahaja ia menuntut balas atas semua itu, tetapi Muhammad melarang pasukannya untuk menumpahkan darah atas dasar apapun, dan memperlihatkan kasih sayang, kesyukuran dan pujian yang besar pada Allah atas semua itu”.

Law Vhit, salah seorang ahli falsafah yang termasuk penggubal dasar-dasar pemikiran revolusi Perancis, tahun 1789, sebelum adanya hak asasi manusia, ketika ia mengajar sistem

hukum, ia berkesimpulan bahawa hukum Islam lebih tinggi, ia berkata: “Betapa luar biasanya engkau wahai Muhammad, engkau telah mencapai titik punca dalam keadilan, dimana tidak ada seorangpun yang dapat melakukan itu sampai hari ini, dan mustahil akan ada seorang yang mencapainya setelah itu”.[9]

Ini adalah sebuah kelebihan yang diakui, diterima dan terpaksa dibenarkan oleh musuh. Orang-orang yang tidak mengimani Nabi, mereka mengakui kelebihan, kecerdasan dan kemuliaanya. Sejarah Nabi SAW mampu menjawab semua permasalahan yang pelbagai. Memuat kesempurnaan akhlak. Dan menerangi jalan para pencari cahaya. Hal ini menjadi titik dasar pengajaran bagi manusia yang ada di muka bumi.

Hidayahnya adalah cahaya yang tidak akan pernah redup, yang menjadi jalan yang lurus dan benar bagi para pencarinya. Seorang penuntun dan pembimbing yang tiada tandinganya.

Ajaran-ajaran dan petunjuk-petunjuk yang dibawa oleh Nabi SAW merangkumi semua orang dari pelbagai tingkatan. Di dalamnya semua menyatu dan bersatu walau berbeza dari segi bahasa, budaya, warna kulit, dan status sosial.

Tidak ada batas dan tidak ada syarat yang menghalangi seseorang untuk masuk ke dalamnya. Majlisnya tidak dikhususkan untuk satu golongan tertentu, akan tetapi majlisnya adalah pusat ilmu dan makrifat bagi setiap orang, dilihat dari dirinya sebagai seorang manusia. Di dalamnya

9. Kamil Mirats, terjamahan Tajrid Sarih, Ankara, 1972, juz: 9, hal: 289.

terdapat yang kuat juga terdapat yang lemah dan tidak ada perbezaan diantara keduanya.

Jika kita melihat para pengikut Nabi Muhammad SAW, maka kita akan melihat diantara mereka terdapat para pemuka dari kaumnya, seperti Najasy, raja Habasyah, Dzil Kailah raja Hamir, Fairuz Ad-Dailami, Farwah, pembesar Mai'n, Ubaid bin Ja'far pemimpin Aman, dan Mirkabud, pembesar Yaman. Dan kita akan menyaksikan di samping mereka, duduk berdampingan, Bilal, Yasir, Suhaib, Khabab dan Ammar dari kalangan biasa. Selain itu kita juga menemukan budak-budak wanita dan janda-janda, seperti Sumayyah, Labinah, Zinnirah, Nahdiyah dan Umu Ubais.

Di antara para sahabat Nabi SAW, kita akan menemukan orang-orang cerdas dan genius. Di antara mereka juga kita akan menemukan pribadi-pribadi yang mampu menyelesaikan masalah-masalah yang paling rumit dan tahu akan dunia dan celah-celahnya.Mereka mengatur negara-negara dengan penuh kepintaran dan kebijaksanaan.

Di antara pengikut Nabi SAW terdapat para penguasa dan para pemimpin. Yang menebarkan keselamatan dan kedamaian. Mereka menyatu dengan rakyatnya bagaikan saudara. Dan di bawah naungan mereka, manusia menemukan kebahagiaan dan merasakan nikmatnya keadilan.

BAHAGIAN KEDUA

- Akhlak Rasulullah SAW yang mulia
- Kriteria dan Ciri-ciri Utama Peribadi Rasulullah SAW Setinggi Bintang Di Langit

Akhlak Rasulullah SAW yang mulia

Jika kita menyingkap sejarah kemanusiaan, tidak pernah kita temui seorangpun yang telah dipelajari, dikaji dan diselidiki sejarah hidupnya secara terperinci dan menyeluruh sepertimana penulisan sejarah hidup Rasulullah SAW. Malahan, setiap aspek kehidupannya diteliti, diselidiki dan direkod dengan penuh minat dan cukup teliti. Sekiranya kelebihan yang mencerminkan keperibadian istimewa Rasulullah SAW cuba ditulis walaupun berjilid-jilid banyaknya, tetap tidak akan selesai dan lengkap semuanya.

Ilmu-ilmu Islam pada dasarnya[10] diambil daripada keperibadian Nabi SAW yang pelbagai untuk dijadikan bukti. Hal ini yang sama juga terjadi dalam Ijtihad[11]. Oleh sebab

10. Asas yang dijadikan sandaran ilmu-ilmu Islam adalah Al-Qur'an dan hadits, adapun fungsi hadits ialah sebagai penjelas dan pentakwil isi kandungan Al-Qur'an, dah hadits ialah segala bentuk perkataan, perbuatan, ketetapan atau perilaku Nabi Muhammad SAW. Dan tidak ada pintu ijtihad apabila terdapat suatu perkara yang telah ditetapkan oleh Al-Qur'an ataupun hadits.
11. Ijtihad ialah: usaha sungguh-sungguh dalam pengistinbatan (pengambilan) hukum-hukum yang berkaitan dengan suatu masalah yang tidak disebutkan hukum qat'i (pasti) dalam Al-Qur'an atau hadits.Akan tetapi ijtihad masih berada dalam ruang lingkup yang berkaitan dengan al-qur'an dengan hadits atas dasar usul-usul yang telah diletakkan oleh para mujtahidin.

itu, setiap disiplin ilmu telah berusaha bersungguh untuk mempelajari peribadi Rasululah SAW secara keseluruhannya.

Semenjak lebih 1400 tahun penulis-penulis Islam telah mengambil bahagian dalam menjelaskan al-Quran dan menceritakan seorang insan yang digelar Rasulullah SAW secara meluas. Dengan kemampuan yang terbatas dan kekurangan yang ada, tidak mungkin kita dapat memahami kelebihan Sayyidina Muhammad SAW yang dianggap mukjizat kepada kejadian dengan pemahaman yang sempurna. Contohnya, kita tidak dapat memahami 'Nur Muhammad' dengan sebenar-benarnya kerana keadaan semulajadi yang datangnya dari fitrah manusia (alam manusia) tidak mampu untuk menilai dan memahami hakikat sebenarnya.

Justeru, dalam usaha memperkenalkan keperibadian Rasulullah SSW, kami –dengan kemampuan yang dimiliki- akan mengenengahkan beberapa contoh yang dianggap lautan luas bagi mengambarkan keperibadian Rasululah SAW.

Keindahan (ketampanan) wajah,
kejadian Rasulullah SAW dan akhlaknya

Rasulullah SAW adalah kejadian yang diberkati, malah tiada seorangpun yang dicipta sama sepertinya, mempunyai rupa bentuk yang cantik serta yang paling sempurna perjalanan hidup dan petunjuknya. Amat sukar untuk mencari ungkapan bahasa yang mengambarkan segala kesempurnaan itu.???

Imam al-Qurtuby pernah menyatakan: "Sesungguhnya keelokan dan kecantikan (ketampanan) Rasulullah tidak

terlihat kesemuanya, jika diperlihatkan (keelokan dan kecantikan sebenar Baginda yang memiliki segala keindahan) semuanya, nescaya tiada seorangpun daripada sahabat-sahabatnya mempunyai kekuatan (pada diri mereka) untuk menatap wajah".[12]

Teramat sedikit benar daripada kalangan sahabat Baginda –kerana beradabnya para sahabat dengan Rasululah SAW- yang mampu melihat cahaya kecantikan Rasululllah SAW, padahal Baginda sentiasa berada di tengah-tengah oleh para sahabat (para sahabat sentiasa mengerumuni Baginda). Diriwayatkan ketika Nabi SAW keluar ke tengah-tengah sahabatnya, dari kalangan Muhajirin dan Anshar yang sedang duduk-duduk, di antara mereka ada Abu Bakar dan Umar. Tidak ada seorangpun yang mengangkat pandanganya kecuali Abu bakar dan Umar, keduanya menatap pada Nabi SAW dan Nabi SAW menatap keduanya, lalu keduanya tersenyum pada Nabi SAW dan Nabi SAW pun tersenyum kepada keduanya. (Diriwayatkan oleh At-Tirmidzy, dalam Kitab Al-Manaqib, 16/3668)

Amr bin Ash ra, pembuka negara Mesir telah menyatakan situasi ini di penghujung hayatnya dengan ungkapan "Tidak ada seorangpun yang lebih aku cintai daripada Rasulullah SAW dan tidak ada yang lebih agung di mataku selainnya. Aku tidak dapat menatapnya, kerana aku begitu menghormatinya. Jika aku diminta untuk menyebutkan sifat-sifatnya, aku tidak dapat melakukan hal itu". (Diriwayatkan oleh Muslim, dalam kitab Al-Iman, 192. Musnad Ahmad, 4, 199.)

12. Ali Yardam, Syamail Rasulina, Istanbul, 1992, juz: 4, 199.

Rupa Nabi SAW yang diberkati itu telah menyebarkan ketenangan dan ketenteraman bagi semua orang yang berada disekitarnya, wajahnya itu adalah seindah-indah dan sesuci-suci wajah manusia. Sehinggakan seorang sahabat Nabi SAW, Abdullah bin Salam ra, sebelum memeluk agama Islam beliau termasuk ulama Yahudi. Ketika melihat wajah Nabi yang diberkati iaitu ketika pertama kali datang dari Makkah ke Madinah, pada peristiwa hijrah, ia berkata: "Sesungguhnya wajah ini bukanlah wajah pembohong". (Diriwayatkan oleh At-Tirmidzy, Kitab Al-Qiyamah, 42/ 2485. Ibnu Majah, kitab Al-At'imah, 1. Musnad Ahmad, 5/ 451.)

Ketampanan, kewibawaan, kebersinaran dan kebercahayaan wajah Nabi SAW itu, telah cukup menunjukkan bahawa ia adalah seorang Nabi, walaupun tanpa disertaikan dengan bukti, mukjizat dan dalil bagi menunjukkan bahawa beliau adalah Rasulullah. Wajahnya akan berubah ketika tidak menyukai sesuatu, dan ketika menyukainya, maka keridhaan akan tampak dari raut wajahnya.

Pada diri Rasulullah SAW yang lemah lembut itu telah terhimpun semuanya sifat keinginan, rasa malu, keazaman, tekad yang tinggi, namun kelembutan perasaan dan isi hati nurani Baginda tidak dapat digambar dan diungkapkan dengan kata-kata.

Sementara itu, cahaya keelokan juga terpancar pada wajah Baginda SAW, kata-kata yang terpacul dari mulutnya sentiasa tersusun dan lunak, gerak-gerinya serasi, petah lidahnya dan fasih tutur katanya serta mengandungi gaya retorik (balaghah) yang mempesonakan ketika Baginda menerangkan sesuatu.

Baginda SAW tidak berbicara pada perkara yang sia-sia, bahkan setiap tutur katanya mengandungi banyak hikmah dan nasihat. Dengan kata lain, tiada langsung istilah '*al-qila*' (dikatakan) dan '*al-qala*' (berkata) serta perkataan yang tidak memberi apa-apa makna keluar dari mulut Baginda. Malah, Baginda sering berbicara menggunakan perkataan yang sesuai dengan kemampuan seseorang untuk memahami dan menerimanya.

Rasulullah SAW merupakan seorang yang tawadu' dan sangat lemah lembut. Apabila Baginda ketawa, tidak ketawa sehingga terbahak-bahak, seringkali ukiran senyuman menjadi penganti tawanya. Sesiapa yang terpandang Baginda secara tidak sengaja, akan berubah wajahnya kerana bimbang tidak disenangi Baginda. Dan siapa yang berkawan dan bergaul mesra dengan Baginda, dia akan merindui Baginda dan mencintai Baginda dengan sepenuh hati dan jiwanya.

Baginda menghormati golongan yang memiliki kelebihan sesuai dengan kedudukan (kelebihan) mereka. Baginda memuliakan kaum kerabatnya lebih daripada yang lain. Bagaimana Baginda melayan dengan baik keluarga dan para sahabatnya, sama jugalah halnya ketika Baginda melayan semua orang dengan penuh sopan dan kasih sayang. Malahan, Rasulullah SAW sangat menghormati pembantunya, Baginda memberi mereka pakaian yang sama dengan yang Baginda berpakaian, Baginda memberi makan mereka sama dengan apa yang Baginda makan.

Sepertimana mulianya perkerti Rasulullah SAW yang sangat banyak memiliki kelebihan dan sangat pengasih dan

kasihan belas, Baginda adalah seorang berani dan gagah ketika dalam kesusahan malah menjadi penyayang ketika menyempurnakan sesuatu. Justeru, sangat mustahil bagi kita dapat mengukur tahap keluhuran budi Baginda SAW, beliau memberi dengan pemberian seorang yang tidak takut kefakiran. Hal ini telah diceritakan oleh Jabir ra, katanya: "Tidak pernah sekalipun Rasulullah mengatakan tidak, ketika dimintakan sesuatu". (Diriwayatkan oleh Muslim, dalam kitab Al-Fadhail, 56)

Sementara itu, Rasulullah SAW yang memiliki semulia-mulia perkerti dan sebaik-baik kejadian, seringkali menziarahi kerabat-kerabatnya bagi menujukkan bahawa betapa kasih dan sayangnya Baginda sesama makhluk. Baginda juga melayan orang lain dengan sebaik-baik layanan malah sentiasa menjauhi perlakuan-perlakuan buruk ketika bersama mereka. Justeru itu, Baginda bersabda: "Tidak ada yang lebih berat dalam timbangan seorang mukmin di hari kiamat dibandingkan akhlak yang baik, dan Allah SWT tidak menyukai seorang yang kasar lagi berkata kesat". (Diriwayatkan oleh At-Tirmidzy, kitab Al-Birr, 62 / 2002)

Pada masa yang sama, Rasulullah SAW sentiasa menepati janji dan berkata benar selain memiliki akal yang sangat cerdas (sangat bijaksana), bahkan kesempurnaan sifatya itu layak diberi pujian dan sanjungan. Seringkali Baginda bersedih apabila memikirkan sesuatu. Oleh itu, Baginda lebih banyak diam daripada banyak berbicara, dan jika berbicara sekalipun, Baginda sentiasa menyempurnakan perbicaraannya. Kata-katanya sedikit tetapi mempunyai banyak makna dan mendalam isinya atau disebut '*jawamiul kalim*'. Kata-

katanya dapat dibilang banyaknya disamping itu, Baginda meninggalkan bicara yang sia-sia biarpun sedikit apatah lagi yang banyak. Baginda juga petah berbicara sesuai dengan kehebatan dan kefasihan Baginda yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Baginda tidak pernah marah kecuali apabila kebenaran dilanggar atau manusia tidak mahu tunduk kepada kebenaran itu. Jika kebenaran dilanggar, kemarahan Baginda akan berterusan hinggalah kebenaran itu dikembalikan pada tempatnya. Ketika kebenaran sudah tertegak, maka beliau kembali tenang. Baginda tidak sesekali memarahi kepada dirinya sendiri (jika berpunca dari dirinya), tidak juga membela dirinya sendiri dalam soal yang terkait dengan peribadinya dan tidak pernah terlibat dalam perbincangan dan perdebatan dengan sesiapa pun.

Baginda SAW tidak akan masuk rumah sesiapapun sebelum diizinkan. Jika berada dalam rumahnya, Baginda membahagikan waktu keberadaannya kepada tiga bahagian, pertama untuk beribadah kepada Allah, kedua untuk keluarganya dan ketiga untuk dirinya sendiri. Manakala, waktu yang ketiga (untuk dirinya sendiri) dikhaskan untuk berjumpa dengan orang ramai (orang awam atau sebaliknya). Baginda tidak meghalang mereka berjumpa dengan Baginda, malah sedia menerima siapapun yang datang dengan sepenuh hati.

Apabila berada di masjid pula, Baginda duduk di setiap sudut masjid iaitu tidak membiasakan dirinya duduk pada tempat yang tertentu sahaja. Hal ini kerana Baginda tidak ingin melihat berlakunya pertambahan tempat-tempat yang dianggap suci (selain daripada yang telah ditetapkan). Baginda

juga tidak suka jika adanya pengkhususan tempat tertentu baginya di dalam masjid untuk mengelak wujudnya sikap sombong dan takabur. Dalam sesuatu majlis, mana-mana tempat kosong yang ditemui Baginda, disitulah Baginda duduk, Baginda juga meminta orang lain melakukan perkara yang sama sepertinya.

Setiap kali diminta oleh seseorang untuk ditunaikan permintaannya, baik penting atau tidak penting, besar atau kecil, Baginda tidak akan tenang hinggalah perkara tersebut diselesaikan. Jika tidak dapat menunaikanya, Baginda tidak membiarkan orang tersebut pulang kehampaan tetapi Baginda akan berbicara dengan penuh kelembutan dan kata-kata yang baik. Rasulullah SAW turut merasai penderitaan dan kesedihan yang dialami orang lain. Semua manusia adalah sama di sisi Baginda tanpa terkecuali, apapun kedudukanya, baik ia seorang yang kaya, miskin, berilmu atau seorang yang bodoh. Setiap majlisnya adalah tempat untuk mempraktikkan sifat-sifat mulia seperti malu, sabar, tawakal, amanah, ilmu dan kebijaksanaan.

Rasulullah SAW tidak pernah mencela sesiapapun kerana keaiban dan kekurangannya. Jika ingin memberi peringatan kepada seseorang, Baginda mengingatkannya dengan isyarat tanpa menyakitinya sedikitpun. Sebagaimana Baginda tidak menyibukkan diri dengan segala keaiban dan kekurangan yang disembunyi atau disorot oleh seseorang, Baginda melarang keras perbuatan menyebarkan keaaiban orang lain.

Baginda SAW tidak akan berbicara tentang kebanggaan dan kemegahan yang dimiliki makhluk-makhluk lain

melainkan perkara yang mendatangkan kebaikan. Kebanyakan majlis Baginda dipenuhi dengan kecintaan. Apabila Baginda berbicara, setiap orang yang ada di sekitarnya, mendengarkan dengan penuh minat, mereka terpikat dengan kata-katanya seolah-olah mereka disihir. Suasana beradab dan perasaan tenang sentiasa menyelubungi setiap orang yang berada bersama Rasulullah SAW. Begitulah keadaan mereka sifatkan hal itu dengan ungkapan "Seolah-olah di atas kepala kita ada burung-burung". (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, kitab As-Sunah, hlm: 23-24, 4753.)

Keberadaban dan rasa malu Rasulullah SAW berlainan dengan para sahabatnya hinggakan mereka merasa berdepan kesukaran teramat sangat malah merasa tidak selesa untuk mengemukakan soalan kepada Rasulullah SAW. Oleh yang demikian, mereka biasanya menunggu peluang dengan ketibaan orang badawi dari padang pasir untuk bertanyakan sesuatu kepada Rasulullah SAW sehingga mengambil manfaat dari limpahan ruhaniyah Nabi SAW yang meliputi majlis.

Rasulullah SAW adalah contoh dan teladan yang hidup dan lambang bagi keikhlasan yang tiada batasnya selama hidup beliau. Beliau tidaklah berkata kecuali apa yang ada di hatinya. Akhlak dan kebiasaanya adalah Al-Quran berjalan. Beliau tidak pernah memerintahkan seseorang melakukan sesuatu yang tidak pernah beliau lakukan.

Sifat Tawaduk Rasulullah SAW

Sekalipun Rasulullah SAW dapat menerajui kerajaan yang luas dalam tempoh masa yang singkat, yang tidak ada

seorangpun di dunia ini dapat melakukan hal itu. Begitu juga, Baginda SAW diterima oleh semua umatnya sebagai seorang guru dan murabbi terbilang untuk semua orang. Akan tetapi Baginda tidak tergoda dengan nikmat dunia yang berada di bawah pengawasan Baginda. Hal ini kerana ketawadukan Rasulullah SAW masih menebal dalam dirinya sama seperti sebelumnya. Seperti juga keadaan sebelumnya, Baginda biasanya tidur dalam bilik yang kecil saiznya, sederhana pula keluasannya dan tidak mewah. Bilik tersebut dibina daripada batu bata dan Baginda pula tidur di atas katil biasa buatannya. Baginda memakai pakaian yang sederhana. Seringkali ketika ketiadaan makanan untuk dimakan, Baginda tetap bersyukur kepada Tuhannya sambil meletakkan batu atas perutnya untuk menahan lapar. Walaupun segala dosanya yang telah lalu atau akan dating sudah terampun, Baginda tetap melahirkan kesyukuran dan bertawasul kepada Allah SWT malah Baginda masih melakukan solat malam hingga kakinya bengkak.

Beliau sentiasa membantu yang miskin, meneguhkan para yatim dan menemani yang sedang kesepian. Sekalipun beliau seorang yang mulia dan agung, tapi tetap sibuk melayan orang-orang lemah dan fakir, dan menampakkan kasih dan sayangnya pada mereka.

Ketika Makkah ditakluki, dimana manusia baru pertama kali menyaksikan kekuatan yang sangat besar, membuat hati mereka dipenui ketakutan dan kegentaran. Gigi-gigi mereka bergetar kerana sangat takut. Salah seorang dari mereka mendatangi Nabi, ia berkata: “Ya Rasulullah ajarilah aku tentang Islam”, maka Rasul SAW memegang tangannya

dan mengajarkanya tentang Islam, dengan mengingatkan penduduk Makkah itu, tentang keadaan Rasulullah SAW, ketika ia lemah ketika masih di Makkah beberapa waktu silam. Beliau bersabda: "Tenangkanlah dirimu, sebab aku bukanlah seorang raja, aku hanyalah anak dari seorang wanita yang memakan daging yang dikeringkan".

Dengan kata-kata ini, Rasul SAW telah sampai kepada tahap tertinggi dalam ketawadukannya. Iaitu tahap yang tidak akan dapat dicapai oleh pemimpin agung lainnya hingga mampu berada pada tahap lebih rendah dari itu.

Di hari yang sama, Rasulullah SAW memperlihatkan kepada Abu Bakar, kekasih dan temannya ketika berada di gua Thur sifat tawaduk Baginda. Peristiwa itu berlaku ketika Abu Bakar sedang memimpin bapanya masuk ke dalam masjid lalu Baginda berkata dengan penuh lemah lembut: "Biarkan saja ayahmu itu rumah, biarlah aku menjenguknya".

Rasulullah SAW selalu merendah diri dan menganggap dirinya seorang yang lemah (sebagai hamba Tuhan), Baginda menyatakannya seperti pada ayat berikut.

قُلْ اِنَّمَآ اَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ ﴿الْكَهْفِ: ١١٠﴾

Ertinya: Katakanlah (wahai Muhammad), "Sesungguhnya aku ini hanyalah seorang manusia seperti kamu. (Al-Kahfi: 110)

Rasulullah SAW selalu mengingatkan umatnya agar tidak tersesat sama seperti umat-umat terdahulu. Oleh itu, Baginda melatakkan ungkapan '*ᶜabd Allah*' (hamba Allah) pada setiap

awal ucapannya untuk meunjukkan bahawa perutusan Baginda adalah benar.

Baginda memberi amaran kepada sesiapa yang suka mengagungkannya secara berlebihan-lebihan dengan katanya: “Janganlah kalian memuliakan diriku sebagaimana orang-orang Nashrani memuliakan Isa, putera Maryam. Sesungguhnya aku hanyalah seorang hamba, maka katakanlah, Abdullah dan Rasulullah”. (Diriwayatkan oleh Al-Haitsami, 9/21.)

“Suatu ketika Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam memiliki nampan yang disebut Gharra`, dan hanya mampu diangkat oleh empat orang laki-laki. Di pagi hari ketika mereka telah melaksanakan sembahyang dhuha, nampan tersebut dibawa dan telah penuh dengan bubur. Orang-orang pun mengerumuninya, ketika jumlah mereka telah banyak, Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam duduk di atas lututnya. Seorang Arab badwi lalu berkata, “Duduk apakah ini?” Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: “Sesungguhnya Allah telah menjadikan aku seorang hamba yang mulia, bukan seorang autoritarian dan pembangkang.” Kemudian Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda lagi: “Makanlah dari sekitarnya dan biarkan bahagian atasnya maka akan diberkahi padanya (Abu Daud, kitab: Al-Ath’imah, 17/3778)

Sekali lagi Nabi SAW berkata menjelaskan hal ini: “Berbuat benarlah, berusahalah mendekatinya, dan berilah kabar gembira, sebab tidaklah seorang di antara kamu sekalian masuk syurga kerana amalnya”. Para sahabatpun merasa bingung dengan hal itu, mereka kemudian bertanya; ”Tidak juga engkau wahai Rasulullah?” Nabi kemudian menjawab:

“Tidak juga aku, hanya sahaja aku telah diliputi oleh ampunan dan rahmat Allah”. (Sahih Bukhari, Ar-Riqaq, 18. Sahih Muslim, Al-Munafiqin, 71, 72. Ibnu Majah, Zuhud, 20. Ad-Darimi, Ar-Riqaq, 24.)

Rasulullah SAW mengingatkan umatnya, bahawa tidaklah seorang yang memakai pakaian kerana kesombongan, berbangga dan ujub, kecuali Allah SWT akan memakaikannya baju kehinaan di hari kiamat. Sebagaimana disabdakan oleh Rasulullah SAW: ”Allah tidak akan melihat dihari kiamat, seorang yang menarik kain sarungnya kerana sombong”. (Diriwayatkan oleh Al-Bukhari, Al-Libas, 1, 5)

Beliau besabda: ”Siapa sahaja yang memakai baju kerana ingin masyhur di dunia, maka Allah akan memakaikan baju kehinaan di hari kiamat, dan ia akan dibakar di dalam neraka”. (Diriwayatkan oleh Ibnu Majah, Al-Libas, 24.)

Rasulullah SAW juga membahagi-bahagikan harta rampasan perang yang

Rasulullah SAW juga membagi-bagikan harta rampasan perang yang menjadi bahagiannya. Beliau hidup dengan gaya hidup yang sederhana dari segi material, sebagaimana umatnya yang kebanyakan adalah orang tidak mampu.

Sifat Dermawan Rasulullah SAW

Rasulullah SAW menyifatkan dirinya sebagai seorang yang diperintahkan untuk berinfaq. Baginda bersabda: “Sesungguhnya Allah SWTlah yang memberi dan Dia memiliki segala-galanyanya (al-Malik).

Diceritakan bahawa Sofwan bin Umayyah bersama-sama (menyertai peperangan) Rasullah SAW dalam perang Hunain dan Thoif sebelum keislamannya. Dia merupakan salah seorang pembesar kaum musyrikin pada waktu itu. Selepas peperangan, tentera Islam memperoleh harta rampasan perang yang berlimpah. Ketika itu, di (kota) Ji'ronah, Rasulullah mendapati Shofwan Ibnu Umayyah sedang memerhatikan celah gunung yang dipenuhi harta rampasan perang yang berupa haiwan-haiwan ternak. Lalu beliau bertanya: "Wahai Aba Wahab (Sofwan), apakah kamu suka dengan harta ini?" Ya, jawabnya. Lalu Rasulullah berkata: "Itu semua untukmu". Sofwan pun menjawab: Tidak ada seorangpun yang mempunyai hati sebaik ini kecuali hati seorang nabi sepertimu. Lalu dia mengucapkan kalimat syahadat dan mengikrarkan keislamannya. [13]

Setelah kembali kepada kaumnya Sofwan berkata:

"Wahai kaumku, masuklah kalian ke dalam Islam. Sungguh Muhammad SAW akan memberikanmu harta sedangkan dia pula tak takut jatuh miskin". (Diriwayatkan olwh Muslim, al-Fadhail, 57-58. Musnad Ahmad, 3, 107.) Pada suatu hari, salah seorang daripada mereka datang menemui Rasulullah SAW lalu meminta sesuatu daripada Baginda. Akan tetapi, Rasulullah SAW tidak memiliki apapun untuk diberikan kepadanya pada ketika itu, melainkan dengan cara berhutang (daripada seseorang) untuk diberikan kepada orang itu dan Baginda berjanji akan membayar hutangnya itu.

13. Al-Waqidi, al-magazi, Beirut, 1989, juz: 2, hlm: 854 – 855.

Sifat Rasullah SAW seperti Nabi Ibrahim AS iaitu Baginda tidak pernah membiarkan tetamunya menjamah makanan secara bersendirian. Baginda sering melangsaikan hutang orang yang meninggal, atau meminta keluarganya untuk menyelesaikan hutang tersebut. Bahkan, Baginda juga enggan menyolatkan jenazah yang belum dilunaskan hutangnya (meninggal dalam keadaan berhutang). Di dalam hadithnya Rasulullah SAW berkata, yang ertinya:

"Orang yang dermawan dekat dengan Allah, dekat dengan syurga, dekat dengan manusia dan jauh dari neraka. Dan orang yang bakhil jauh dari Allah, jauh dari syurga, jauh dari manusia dan dekat dengan neraka". (Tirmidzi, Al-Birr, 40/1961)

Dalam hadith yang lain Baginda bersabda:

"Dua sifat yang tidak akan ada dalam seorang mukmin iaitu sifat bakhil dan akhlak yang tercela." (Tirmidzi, Al-Birr, 41/1961.)

Ketaqwaan Rasullah SAW

Rasulullah SAW adalah orang yang paling tinggi taqwanya. Baginda pernah berdoa kepada Allah SWT agar memberinya ketaqwaan, dengan berkata: "Ya Allah! Berikanlah diriku ketaqwaan dan bersihkanlah ia kerana Engkau adalah sebaik-baik yang dapat membersihkanya. Dan Engkaulah yang dapat melindunginya dan memilikinya." (Diriwayatkan oleh Muslim, Ad-Dzikru, 73)

Baginda juga bersabda:

"Ya Allah! Sesungguhnya aku meminta kepadamu petunjuk, ketaqwaan, keampunan, dan kekayaan." (Diriwayatkan oleh Muslim, Ad-Dzikru, 72) Kerana taqwa jugalah Rasulullah SAW sanggup hidup dalam kehidupan yang dianggap setaraf dengan kehidupan orang-orang fakir

Dalam hal ini, Sayyidah Aisyah RA, *Ummul Mukminin*, berkata:

"Keluarga Muhammad tidak pernah kenyang dari roti gandum selama tiga hari berturut-turut" (Diriwayatkan oleh Bukhari, Al-Aiman, 22. Muslim, Az-Zuhdu, 20-22.)

Rasulullah SAW selalu menasihati para sahabat untuk bertaqwa, dalam sebuah hadith Baginda bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang yang paling utama bagiku adalah orang-orang yang bertaqwa, (tanpa mengira) siapakah mereka dan dimana mereka (berada)" (Ahmad 7/235, Al Haitami 9/22)

Baginda juga pernah bersabda:

"Sesungguhnya kekasih-kekasihku hanyalah orang-orang yang bertaqwa" (Abu Dawud, Al-Fitan, 1-424)

Dalam hadith yang lain beliau bersabda, yang ertinya:

"Bertaqwalah kepada Allah di manapun kamu berada, ikutilah perbuatan-perbuatan buruk itu dengan perbuatan yang baik, nescaya ia dapat menghapuskan (dosa) perbuatan buruk tersebut, dan bergaullah dengan manusia dengan akhlak yang baik." (Tirmidzi, Al Birr, 1987/55)

Rasullulah SAW telah menjelaskan jalan untuk mencapai hakikat taqwa dalam hadithnya, yang bermaksud:

"Tidaklah sampai seorang hamba pada darjat taqwa hingga dia meninggalkan sesuatu yang sebenarnya tidak apa-apa baginya kerana takut terjadi apa-apa baginya." (Tirmidzi, Al-Qiyamah,2451/19; Ibnu Majah, Az-Zuhd, 24)

Sungguh Rasulullah SAW adalah orang yang tidak pernah membeza-bezakan manusia dan sering meletakkan manusia pada darjat yang sama. Baginda bersabda:

"Tidak ada kelebihan bagi orang Arab atas orang ajam (selain Arab) ataupun sebaliknya, begitupula orang yang berkulit merah atas orang berkulit hitam ataupun sebaliknya, kecuali dengan ketaqwaan." (Ahmad, 5/411)

Sayyidina Isa AS pernah mengungkapkan definisi taqwa yang sangat menarik ketika datang kepadanya seorang laki-laki, lalu beliau berkata:

"Wahai Sang Pengajar kebaikan! Ajarilah aku sesuatu yang kau ketahui dan tidak aku ketahui, bermanfaat bagiku dan tidak membahayakan dirimu. Lalu beliau berkata: Apa itu? Bagaimana caranya seseorang dapat sepenuhnya bertaqwa kepada Allah SWT? tanya lelaki tersebut. Lalu beliau (Isa AS) menjawab: Mudah sahaja; Cintailah Allah sepenuhnya dari hatimu, dan kerjakanlah segala kewajibanmu terhadapNya dengan sungguh-sungguh dan sekuat tenagamu, dan sayangilah seluruh keturunanmu dengan penuh kasih sayang. Lalu ia berkata: Wahai Sang Pengajar kebaikan! Lalu siapa yang kau maksud dengan keturunanku? Beliau menjawab: Seluruh

keturunan Adam AS. Dan apa yang tidak kau inginkan dari orang lain, janganlah kau memberikannya kepada orang lain. Dengan demikian sungguh kau adalah orang yang benar-benar bertaqwa." (Diriwayatkan oleh Ahmad, hlm: 59)

Pada suatu hari Umar bin Khattab RA bertanya kepada Ubay bin Ka'ab RA: "Apakah itu taqwa?" Ubay pun menjawab: "Wahai Amirul Mukminin pernahkah engkau berjalan di atas jalan yang berduri?" Beliau menjawab: "Ya". Ubay pun kembali bertanya: "Lalu apa yang kamu lakukan?", "Aku berhati-hati dan bersungguh-sungguh", jawab beliau. "Itulah erti dari taqwa", jelas Ubay bin Ka'ab.[14]

Orang yang paling dekat dari hati Rasulullah SAW adalah orang-orang yang bertaqwa. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan dari Mu'adz bin Jabal RA bahawa:

Setelah Rasulullah SAW mengutus Muaz bin Jabal ke Yaman, Rasulullah SAW berjalan bersamanya, dan beliaupun menasihatinya, ketika itu Muadz berada di atas kendaraanya dan Rasulullah SAW berjalan disampingnya. Setelah itu beliau berkata: "Wahai Muaz, sungguh engkau tak akan bertemu denganku lagi setelah tahun (terakhir)ku ini, mungkin kau hanya dapat melihat masjidku ini ataupun makamku". Lalu Muadz RA pun langsung menangis sedih setelah mengetahui bahawa ia akan berpisah dari Rasulullah SAW. Lalu beliau menghadap kearah Madinah dan berkata: "Sesungguhnya

14. Lih: Ibnu Katsir, Tafsir Al-Qur'an Al-adhim, Beirut, 1988, juz: 1, 42.

orang yang paling utama bagiku adalah orang-orang yang bertaqwa, siapapun dan dimanapun mereka pernah berada.[15]

Sifat Zuhud Rasulullah SAW

Sesungguhnya telah banyak negara dan bangsa-bangsa lain yang tunduk kepada Khilafah Islamiyyah. Mereka masuk ke dalam agama Islam semasa di bawah pemerintahan dan kepimpinan Rasulullah SAW dengan rela hati. Seluruh semenanjung tanah Arab berada bi bawah kekuasaan dan pemeritahan Baginda. Walaupun Baginda boleh melakukan apa sahaja kerana memiliki kekuasaan dan pengaruh yang besar, namun begitu Baginda lebih senang hidup dalam kesederhanaan. Baginda pernah berkata: "Aku tidak memiliki apapun untuk diriku, cukuplah Allah yang menentukan segalanya dengan kekuata-Nya dan kekuasaan-Nya".

Zaman pun berubah dan revolusi juga berkembang dan jajahan takluk makin meluas. Kafilah-kafilah berunta yang membawa harta kekayaan mula memenuhi Madinah. Namun begitu, Baginda tetap mengagihkan kekayaan tersebut kepada yang memerlukan dan kekallah Baginda dengan kezuduhan hidupnya. Baginda berkata: "Sungguh seandainya gunung Uhud itu adalah emas, tidak akan pernah membahagiakanku, sementara emas itu menetap padaku lebih dari tiga malam, dan aku memiliki satu dinar darinya, kecuali satu dinar yang akan aku gunakan untuk membayar hutang". (Bukhori, bab at-tamanniy, 2; Muslim, Bab Zakat, 31)

15. Lihat: musnad Ahmad, juz: 5, 235. Al-Haitsami, Majmu Az-Zawaid, Beirut, 1988, juz: 9, 22.

Hari-hari terus berlalu tetapi di rumah Rasulullah SAW tiada api dinyalakan (tidak memasak) untuk memasak makanan, malah seringkali Baginda tidur dalam keadaan lapar. (Ahmad, 217/6; Ibnu Sa'ad, 405/1)

Dari Anas bin Malik, ia berkata: Suatu hari aku datang ke rumah Rasulullah SAW, aku mendapatinya sedang berbaring di atas ranjang yang dipintal dengan tali, di bawah kepalanya sebuah bantal dari serabut yang dilapisi oleh kulit. Tidak lama kemudian datanglah para sahabat, yang diantaranya adalah Umar bin Khattab RA., kemudian Rasulullah SAW mengubah kedudukan tidurnya iaitu mengiring sehingga kelihatan di bahagian tepi badannya bekas tali alas tidurnya. Umar pun menangis ketika melihat keadaan Rasulullah SAW yang demikian, lalu Rasulullah bertanya: "Apa yang membuatmu menangis Umar?" Lantas Baginda menjawab: "Sungguh aku tidak sanggup melihat keadaanmu ya Rasulullah SAW, sedangkan aku mengetahui bahawa engkau jauh lebih mulia daripada Kisra (raja Parsi) dan raja Romawi yang diberi penghormatan di dunia". Lalu Rasulullah SAW berkata: "Tidakkah kamu merasa rela melihat mereka memiliki dunia dan kita memiliki akhirat?", "Ya", jawab Umar RA., lalu Rasulullah berkata: "Seperti itulah keadaan mereka".[16]

Rasulullah SAW mengumpamakan keadaan dirinya sama seperti dunia seraya bersabda:

16. Musnad Ahmad, juz: 3, 139. At-Thabrani, al-jami' al-kabir, tahqi: Hamdi Abdul Majid As-salafi, Beirut, Dar ihya at-turats al-arabi, juz: 10, hlm: 162.

“Apalah ertinya diriku di dunia ini! Aku hanyalah seperti seorang pengembara yang berteduh di bawah pokok lalu pergi meninggalkanya”.[17]

Demikianlah akhlak Rasulullah SAW!

Baginda takut apabila ditanya tentang nikmat dunia pada hari kiamat kelak. Sebab itu Baginda selalu berdoa:

“Ya Allah berikanlah aku kehidupan sebagai orang yang miskin dan berikanlah aku kematian sebagai orang yang miskin dan kumpulkanlah aku di antara orang yang miskin pada hari kiamat kelak“. (Tirmidzi, Zuhud, 37/2352. Ibnu majah, Zuhud, 7.)

Para Nabi Allah mengetahui bahawa mereka mendapat jaminan dari Allah untuk dimasukkan ke dalam syurga, namun mereka juga mengetahui bahawa di akhirat kelak mereka akan ditanya apakah benar mereka telah menyampaikan risalah kepada manusia sebagaimana mestinya, begitu juga dengan nikmat yang telah Allah SWT limpahkan kepada mereka, sudahkah mereka mensyukurinya. Allah SWT berfirman:

فَلَنَسْئَلَنَّ الَّذِينَ اُرْسِلَ اِلَيْهِمْ وَلَنَسْئَلَنَّ الْمُرْسَلِينَ

﴿الْاَعْرَافِ: ٦﴾

Ertinya: Maka sesungguhnya Kami (Allah) akan menyoal umat-umat yang telah diutuskan (rasul-rasul) kepada mereka

17. At-Tirmidzi, Zuhud, 44/2377. Ibnu Majah, Zuhud, 3. Musnad Ahmad, juz: 1, 301.

dan sesungguhnya Kami akan menyoal (pula) rasul-rasul itu (tentang tugas da'wah mereka). (QS. Al-A'raaf: 6)

Hakikatnya, kalimah taqwa, zuhud dan ihsan adalah tiga kata yang berbeza namun mempunyai maksud yang hampir sama. Objektif bersepadu daripada pengertian inilah akan membentuk mutiara suci dalam pendidikan iaitu membataskan keinginan diri. Dengan demikian jiwa ini terdidik agar manusia dapat mencapai darjat khusyuk dan berhati jernih, yang merupakan penjelmaan dari ungkapan "qalbun saliim (hati yang bersih)" yang selalu bersedia untuk beribadah dan tunduk kepada Allah SWT, sebagaimana firman Allah SWT:

إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿الشُّعَرَاءِ: ٨٩﴾

Ertinya: Kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan hati yang bersih (Asy-Syu'ara': 89)

Sifat Kasihan Belas atau Sifat Lemah Lembut Rasulullah SAW

Rasulullah SAW adalah orang yang sangat lembut hatinya. Suatu hari Rasulullah SAW melihat seorang laki-laki meludah ke tanah. Perlakuan itu menimbulkan reaksi negatif daripada Rasulullah SAW iaitu mukanya yang berubah menjadi kemerahan. Baginda terus berdiri di tempat tersebut (tidak berganjak dari situ) sehinggalah para sahabat segera menimbus ludah itu dengan debu. Setelah itu, Rasulullah SAW meneruskan perjalanannya.

Rasulullah SAW juga selalu menyuruh menjaga penampilan yang baik dan kemas. Baginda tidak suka melihat pakaian yang lusuh dan tidak kemas. Baginda juga tidak menyukai seorang yang memiliki janggut yang tidak dirapi atau tidak terurus. Suatu hari, Baginda melihat seorang lelaki masuk ke dalam masjid dengan keadaan rambut dan janggut yang tidak kemas (berserabut). Lalu Rasulullah SAW memberikan isyarat kepadanya dengan tangannya untuk keluar, seakan beliau menyuruhnya untuk merapikan rambut dan janggutnya. Laki-laki tersebut segera melakukanya, lalu Rasulullah SAW berkata:

"Bukankah ini lebih baik daripada kalian datang ke masjid dengan rambut yang kusut dan berserakkan seperti syaitan"[18]

Suatu ketika, Rasulullah SAW pernah bertemu seorang dengan rambut yang kusut masai dan berserakkan. Lalu Baginda berkata: "Apakah dia tidak memiliki alat untuk dia merapikan rambutnya?". Apabila Baginda melihat seorang lelaki memakai pakaian comot, lalu Baginda berkata: "Apakah dia tidak memiliki air untuk dia mencuci bajunya?" (Abu Dawud, bab Al-libas, 4062/14; An-Nasa'iy, bab Ziinah, 60)

Pada ketika yang lain, Rasulullah SAW berjumpa seorang lelaki yang memakai pakaian yang buruk, lalu Baginda bertanya: "Apakah kamu memiliki harta?" Lalu dia menjawab: Ya. Kemudian Rasulullah kembali bertanya: "Dari mana kamu mendapatkan harta tersebut?" Lelaki itupun menjawab: Allah SWT memberikanku harta dari hasil menjual unta, kambing,

18. Muwattha, bab Sya'r, 7; Al Baihaqi, bab Syu'abul Iman, Beirut,1990 M, Juz 5, hal 225.

kuda dan hasil perhambaan (menjual hamba). Lalu Rasulullah berkata: "Apabila kamu dikurniakan rezeki oleh Allah SWT, maka perlihatkanlah (hasil dari) nikmat dan kelebihan yang telah diberikanNya kepadamu". (HR. Abu Dawud, Bab Al-Libas, 4063/14; An-Nasa'iy, Bab Az-Ziinah, 54; Ahmad, 147/4)

Dalam riwayat lain diceritakan bahawa Baginda bersabda yang maksdunya: "Allah SWT senang melihat kesan (dari) nikmat yang dikurniakanNya kepada hambaNya. (At-Tirmidzi, Al-Adab, 2419/54; Ahmad,311/11)

Sesungguhnya peribadi Rasulullah SAW mencerminkan satu watak sangat mengasihani, baik kelakuan, lemah lembut dan ramah. Biarpun Baginda kerapkali didatangi oleh seseorang yang kurang sopan akhlaknya (kasar perlakuannya) dan memanggil Baginda dengan panggilan: "Wahai Muhammad, Wahai Muhammad", namun Baginda tidak sedikitpun memperlihatkan kemarahan melainkan beliau menyapanya dengan lembut dan berkata: "Apa urusan kamu?"[19]

Dalam riwayat yang lain sifat lemah lembut dan akhlak mulia Rasulullah SAW terpancar ketika Baginda sedang melayan tetamu-tetamu iaitu Baginda sendiri melayan tetamu-tetamunya. (Baihaqi, bab Sya'b, 518/6, juz 7, 436)

Sejak masa kecilnya Rasulullah SAW tidak pernah terlibat dalam perbincangan atau perdebatan sengit dengan siapapun. Hal yang demikian kerana Baginda adalah orang yang lembut

19. Muslim, Bab Nadzr, 8; At-Tirmidzi, Bab Zuhud, 50; Ahmad, juz 4, 239.

hati malah Baginda jugs telah mendidik keluarganya dengan akhlak yang mulia ini.

Akhlak mulia Rasulullah SAW dicontohi oleh cucu Baginda, Hassan bin Ali RA. Pada suatu hari, ketika beliau sedang melakukan tawaf di Ka'bah, sesampainya di *maqam Ibrahim*, dia pun solat dua rakaat, lalu meletakkan pipinya di atas maqam, lalu berkata: HambaMu yang kerdil ini telah tiba di pintuMu, pemohon ampunanMu telah tiba di pintuMu, hambaMu yang miskin telah tiba di pintuMu. Beliau mengulanginya berkali-kali kemudian beredar dari situ. Dalam perjalanan, beliau bertemu beberapa orang-orang miskin dan mereka itu hanya mempunyai sepotong roti untuk dimakan. Kemudian, beliau mengucapkan salam kepada mereka dan mereka pula mengajaknya (Hassan) makan, kemudian beliau duduk bersama-sama mereka dan berkata Hassan RA: "Kalau ini bukan sedekah yang diberikan kepada kamu sekalian, tentu aku makan bersama kalian. Kemudian dia berkata: "Mari ikut bersamaku ke rumah" lalu mereka pun datang bersamanya ke rumah, dan Hasan RA memberi mereka makanan dan pakaian juga membekalkan mereka sedikit wang.[20]

Inilah bukti kelembutan dan keramahan seorang hamba yang sedar akan nilai-nilai yang disuburkan Tuhannya Yang Maha Pengasih, ketika bermuamalah atau melayan manusia.

Contoh lain yang pernah berlaku kepada Sayyidina Hassan RA ketika beliau sedang berjalan sekitar Madinah. Beliau berjumpa seorang lelakii berkulit hitam dan di tanganya

20. Al-Absyaihi, Al-Mustathraf, Beirut, 1986, juz: 1, 31.

terdapat sepotong roti. Lelaki itu memakan roti bersama seekor anjing, sesuap untuknya dan sesuap untuk anjingnya hingga habis roti itu dibahagi dua. Hassan RA terkejut melihat kasih sayang Allah SWT yang terpancar pada sikap lelaki yang memberi makan anjing tersebut, lalu ia berkata: Apa yang membuatmu memberi roti itu kepada anjing sedangkan ia itu tiada kaitan denganmu?. Lelaki itu menjawab: "Aku termalu jika tidak memperdulikan anjing itu". Lalu Hassan RA bertanya: "Anak siapa kamu?". Jawab lelaki itu: "Anak Abban bin Uthman". Tambah Hassan lagi "Dan rantai[21] itu (kepunyaan siapa)?". Kemudian lelaki itu menjawab: "Ini milik Abban bin Uthman". Mulai saat itu Hassan RA berkeinginan untuk memiliki hamba itu yang pada lahirnya 'seorang hamba' tetapi hakikatnya, dia adalah kekasih Allah SWT serta yang dekat padaNya. Kemudian Hassan RA berkata kepadanya: "Tunggulah disini! Aku berjanji akan kembali kepadamu. Kemudian beliau pergi ke rumah tuan si hamba tersebut dan membeli hamba itu beserta rantainya sekali, lalu kembali menemuinya dan berkata: "Wahai pemuda! Aku sudah membelimu", kemudian pemuda tersebut berdiri dan berkata: "Sembah taatku kepada Allah SWT, kepada RasulNya dan kepadamu wahai tuanku". Ketika Hassan RA mendengar kalimat tersebut hatinya merasa tersentuh dan takjub kepada pemuda berkenaan, kerana keluhuran hatinya dan kesucian serta kemuliaan akhlaknya. Lalu Hassan RA berkata kepadanya: "Aku telah membeli rantai itu. Kamu sekarang bebas dan rantai itu adalah hadiah dariku untukmu." Kemudian pemuda

21. Rantai perak yang dilekatkan di leher seorang hamba oleh tuan-ya

itu berkata: Wahai tuanku aku, sudah memberikan rantai itu demi seseorang yang telah engkau berikan kepadanya. (Ibnu Mandhur, Mukhtasar Tarihk Dimasyq, juz: 7/25.)

Akhlak dan Sifat Pemalu Rasulullah

Rasulullah SAW tidak pernah berbicara dengan suara yang tinggi dan keras malah Baginda sentiasa melemparkan senyuman ketika berbicara atau berjumpa dengan orang. Apabila Baginda terdengar kata-kata kesat atau kasar yang tidak disukainya, Baginda tidak berkata (bersuara) walaupun sepatah. Namun begitu, raut wajah Bagindalah yang akan memperlihatkan isi hatinya setiap kali Baginda berdepan dengan sesuatu atau perkara yang kurang enak didengari. Keadaan ini menyebabkan orang-orang yang berada di sekelilingnya sentiasa berhati-hati dalam perbualan dan percakapan mereka agar tidak menyakiti hati Rasul SAW. Oleh kerana tingginya sifat malu dalam dirinya, Baginda tidak ketawa terbahak-bahak ataupun dengan suara yang tinggi, sebaliknya senyuman adalah 'ketawa'nya. Kerana sifatnya itu para sahabat mengatakan bahawa Rasulullah SAW adalah orang yang sangat pemalu bahkan melebihi seorang perawan yang biasanya duduk (bersembunyi) dalam biliknya.

Rasulullah SAW menggambarkan sifat malu dalam hadith-hadithnya, Baginda bersabda:

"… malu adalah bahagian dari iman". (Al Bukhori, Al-Iman, 16)

"Malu dan iman adalah berpasangan, apabila salah satunya hilang maka yang lainnya juga hilang". (Al Bukhori, Adab, 1313)

“Sesungguhnya sifat lemah lembut itu tak berada pada sesuatu melainkan dia akan menghiasinya (dengan kebaikan). Sebaliknya, tidaklah sifat itu dicabut dari sesuatu, melainkan dia akan membuatnya menjadi buruk”. (Muslim, Al-Birr, 78; Abu Dawud, Jihad, 1)

Sifat malu yang hakiki adalah yang dapat mengingatkan kita kepada kematian, yang merupakan cara untuk menghilangkan kecintaan kepada dunia dari hati kita. Rasulullah SAW meminta para sahabat untuk bersifat malu terhadap Allah SWT. Suatu hari Rasulullah SAW berkata kepada para sahabat:

“Hendaklah kamu benar-benar malu kepada Allah!” Kami mengatakan, “Wahai Rasulullah, al-hamdulillah kami malu (kepada Allah)”. Baginda Sollallahu 'alaihi wa sallam berkata, “Bukan begitu” (sebagaimana yang kamu sangka). Tetapi (yang dimaksud) benar-benar malu kepada Allah adalah engkau menjaga kepala dan isinya, menjaga perut dan apa yang berhubungan dengannya; dan hendaklah engkau mengingat kematian dan kebinasaan. Dan sesiapa menghendaki akhirat, dia meninggalkan perhiasan dunia. Sesiapa telah melakukan itu, bererti dia telah benar-benar malu kepada Allah Azza wa Jalla". (Tirmidzi, Al-Qiyamah, 24/2458)

Rasulullah SAW tidak pernah memandang wajah seseorang dengan pandangan tajam, melainkan Baginda memiliki pandangan yang lembut, pandangannya ke tanah lebih lama daripada pandangannya ke langit, pandangan lamanya adalah ketika dalam pangamatan. Kerana sifat malunya Rasulullah SAW tidak pernah mencertikan keaiban ataupun kekurangan seseorang dihadapannya. Sayyidah

Aisyah RA menyebutkan: jika datang kepada Rasulullah SAW suatu kabar tentang seseorang Baginda tidak berkata "Kenapa fulan berkata demikian", namun Baginda berkata "Kenapa orang-orang (kaum-kaum) berkata demikian". (Abu Dawud, Adab, 4788/5)

Apabila Rasulullah SAW yang berada pada kedudukan tertinggi ingin memberi peringatan kepada seseorang kerana kesalahan yang telah dilakukan sedangkan kesalahan tersebut tidak sepatutnya dilakukan orang mereka, Baginda akan berkata: "Kenapa saya lihat kalian (berbuat) begitu dan begini?".[22]

Begitu juga, apabila Baginda SAW berkesempatan untuk menasihati seseorang, Baginda sangat berhati-hati agar tidak timbul rasa marah atau membuat seseorang itu merasa sedih mendengar ucapannya. Hal yang demikian kerana Baginda adalah insan terbaik memperlihatkan sifat kasih sayangnya kepada orang lain.

Jalaluddin Ar Rumi pernah berkata:

"Akalku bertanya kepada hatiku: Apakah itu iman? lalu hatiku menyatakan pada 'telinga' akalku dengan kata-kata: Iman itu umpama akhlak".

Keberanian Rasulullah SAW

Tidak ada seorangpun pahlawan yang dapat mengatasi keberanian Rasulullah SAW, kerana Baginda tidak pernah

22. Muslim, bab Sholat, 119; Ibnu Hibban, juz 4, hal 538

sedikitpun merasa takut. Rasulullah SAW selalu nampak teguh dan sabar dalam menghadapi segala keadaan. Baginda tidak pernah merasa takut pada setiap waktu.

Ketika Rasulullah SAW pernah berjalan di antara orang-orang yang ingin membunuhnya beliau membaca dua ayat berikut:

إِنَّا جَعَلْنَا فِيٓ اَعْنَاقِهِمْ اَغْلَالًا فَهِيَ إِلَى الْاَذْقَانِ فَهُمْ مُقْمَحُونَ وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ اَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَاَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ ﴿يٰس: ٨-٩﴾

Ertinya: Sesungguhnya Kami telah memasang belenggu di leher mereka yang mengikat kedua-dua tangan ke leher mereka, (lebarnya belenggu itu) sampai (menongkatkan) dagu mereka, lalu mereka menjadi terdongak (tidak dapat tunduk ke bawah). Dan Kami jadikan sekatan di hadapan mereka, dan sekatan di belakang mereka, lalu kami tutup pandangan mereka . Maka dengan itu, mereka tidak dapat melihat (jalan yang benar). (Yasin: 8-9)

Sayyidina Ali RA menggambarkan sifat Rasulullah SAW, dengan kata-kata seperti berikut:

"Sungguh aku melihat ketika perang Badar bahawa diri kami berlindung dengan Rasulullah SAW, padahal Baginda berada pada kedudukan yang paling dekat dengan musuh, dan beliau ketika itu adalah orang yang paling banyak mendapat cubaan. (Ahmad, juz 1, hal 86)

Demi Allah, dulu ketika kami dalam keadaan sudah terdesak hingga memerah mata kami, kami berlindung di belakang beliau. Orang paling berani dari pihak kita adalah orang yang berani berdepan terus dengan musuh iaitu Nabi SAW. (Muslim, Jihad, 79)

Rasulullah SAW selalu berada di barisan hadapan dalam peperangan untuk meninggikan nama Allah SWT. Dalam perang Hunain, yang pada awalnya tentara muslimin merasa goncang, Rasulullah SAW tetap tidak goyah malah kelihatan begitu gagah berani. Dengan keberanian yang tinggi, Baginda masuk ke dalam barisan musuh sambil menunggang haiwan perangnya, dengan demikian bertambahlah keberanian para sahabat. Pada akhirnya umat muslim memenangi peperangan tersebut dengan bantuan Allah SWT. (Muslim, Jihad, 76-81)

Rasulullah SAW bersabda:

"Demi Allah yang jiwa Muhammad dalam genggaman-Nya, sungguh aku gembira untuk berperang di jalan Allah lalu aku terbunuh, kemudian (aku dihidupkan lagi dan) aku berperang lalu terbunuh, kemudian (aku dihidupkan lagi dan) aku berperang lalu terbunuh". (Muslim, Jihad, 103)

Kesabaran Rasulullah SAW

Rasulullah SAW adalah orang yang simple dan berhati mulia,[23] Aisyah RA berkata:

23. Muslim, Al-haj, 137.

"Tidak ada seorangpun yang lebih mulia akhlaknya daripada Rasulullah SAW, tiada seorangpun dari sahabat ataupun keluarganya memanggilnya kecuali Baginda akan menjawab: "Labbaik", dan kerana kemuliaan akhlaknya ini turunlah ayat Al-Qur'an yang menyatakan hal tersebut, Allah SWT berfirman:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿القَلَم: ٤﴾

Ertinya: Dan sesungguhnya engkau benar-benar berbudi pekerti yang luhur agung (Al-Qalam: 4)"

Rasulullah SAW tidak pernah sekalipun mempunyai dendam dalam dirinya. Baginda adalah seorang yang sangat pemaaf. Sayyidah Aisyah RA menjelaskan tentang banyak sekali kelembutan hati Rasulullah SAW, beliau berkata:

"Rasulullah SAW tidak pernah sama sekali memukul seseorang dengan tangannya, tidak kepada isterinya, tidak pula kepada pelayannya, kecuali ketika berjihad di jalan Allah. Apabila disakiti pun, Baginda tidak pernah membalas pelakunya, kecuali bila perkara-perkara yang Allah haramkan dilanggar, maka beliau baru membalas kerana Allah 'Azza wa Jalla". (Muslim, Fadhoil, 79)

Sayyiduna Anas bercerita tentang Rasulullah SAW, dia berkata:

"Aku sama sekali belum penah mencium bau minyak wangi 'ambar dan tidak pula misk (kasturi) dan tidak pula sesuatu yang lebih harum daripada bau Rasulullah SAW, dan aku sama

sekali belum pernah menyentuh sutera tebal mahupun tipis yang lebih halus sentuhannya daripada Rasulullah SAW".

Anas juga berkata:

"Wahai Abu Hamzah tidakkah engkau seakan-akan melihat Rasulullah SAW dan seakan-akan kamu sedang mendengar nyanyiannya", lalu dia menjawab: "Benar demi Allah sesungguhnya aku berharap bertemu dengan Rasulullah pada hari kiamat lalu aku akan berkata wahai Rasulullah aku adalah pembantu kecil engkau. Aku melayani Rasulullah sepuluh tahun di Madinah dan aku masih anak anak, tidak semua yang aku lakukan Rasulullah menyukainya, dan mungkin sahaja beliau mencelaku (membantah) tetapi beliau sahaja tidak pernah mengatakan kepadaku kenapa kamu lakukan ini dan jangan kau lakukan ini". (Ahmad, 3, 222. Bukhari, Shaum, 53, Al-Manaqib, 23. Muslim, Al-Fadhail, 82.)

Rasulullah SAW pernah memuji sahabatnya, Baginda berkata:

"Sungguh dalam dirimu terdapat dua sifat terpuji yang disenangi oleh Allah SWT iaitu sifat sabar dan tenang". (Muslim, Iman, 25-26)

Abu Hurairah berkata bahawasannya Seorang Arab Badwi kencing di dalam masjid kemudian orang-orang (sahabat) berdiri untuk memberhentikannya. Nabi SAW bersabda, "Biarkan dia dan siramkanlah sebaldi air atau sebaldi besar air pada kencingnya. Kerana kalian diutus untuk mempermudah dan tidak diutus untuk mempersulit.» (Bukhari, Adab, 80.)

Lalu Rasulullah SAW menjelaskan kepada orang Badwi tersebut tentang adab ketika di dalam masjid dengan kata-kata yang santun (lemah lembut).

Anas bin Thabit menjelaskan sifat sabar Rasulullah SAW, katanya:

"Aku berjalan bersama Rasulullah SAW yang memakai pakaian (burd) Najran yang kasar ditepinya. Lalu seorang Badwi memegangnya dan menariknya dengan kasar sehingga aku terlihat kesan selendang di leher Nabi SWA (berbekas kerana terlalu kuat ditarik), kemudian dia berkata: Wahai Muhammad, berikan kepadaku sebahagian harta Allah yang engkau miliki", lalu Baginda melihatknya dan tertawa, setelah itu Baginda memerintahkan untuk memberikannya (memberikan baju itu kepadanya". (Bukhori, bab Pakaian 81; Al Khums, 91, Al Adab, 86; Muslim, bab Zakat, 281)

Kejayaan dakwah Rasulullah SWA tidak lain kerana kemuliaan akhlaknya dan kesabarannya yang luar biasa. Allah SWT berfirman

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ
الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ ﴿آلِ عِمْرَانَ: ١٥٩﴾

Ertinya: Maka disebabkan rahmat (yang melimpah-limpah) daripada Allah-lah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah lembut terhadap mereka. Kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka akan menjauhkan diri dari sekelilingmu. (surat Ali Imran: 159)

Dan sesungguhnya orang-orang jahiliyyah ketika itu bagaikan lilin yang meleleh ketika berhadapan dengan watak Rasulullah SAW yang lembut, pemaaf, berakhlak mulia, sabar dan mempunyai toleransi. Hingga akhirnya mereka terlepas dari sifat-sifat jahiliyah yang kejam dan buruk menjadi seperti tilam yang lembut yang berada diantara ruh kemanusiaan yang jernih. Hakikatnya, Rasulullah SAW tidak ingin melihat berlakunya kerugian dalam diri manusia, oleh kerana itu beliau memberikan mereka petunjuk kepada jalan yang benar. Sebenarnya Baginda bukanlah sebagai azab bagi mereka tetapi merupakan kasih sayang bagi mereka.

Kasih sayang Rasulullah SAW

Rasulullah SAW bersabda dalam hadithnya: "Orang-orang yang menyebarkan kasih sayang, mereka selalu diberikan kasih sayang oleh yang Maha Penyayang. Maka sayangilah mereka yang ada di bumi, maka makhluk-makhluk yang ada di langit akan menyayangimu". (Tirmidzi, bab Al-Birr, 16/1924)

Ketika Baginda mendengar tangisan seorang anak, Baginda khawatir sesuatu telah terjadi pada ibunya, kemudian Baginda menghampirinya dan memendekkan (qasar) solatnya hingga perempuan itu pergi melihat anaknya yang menangis itu. Baginda sentiasa melaksanakan sembahyang tahajjud sepanjang malam hingga air mata minitis dari matanya sangat deras ketika mendoakan umatnya. Baginda menghabiskan seluruh waktunya untuk menyelamatkan manusia dari azab api neraka. Itu semua adalah tanda kasih sayang Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW diutus sebagai rahmat bagi semesta alam, rahmat dan kasih sayangnya meliputi seluruh ruh. Pada suatu hari orang-orang meminta kepada Rasulullah SAW untuk mendoakan kaum musyrikin, lalu Baginda berkata:

"Sesungguhnya aku tidak diutus untuk melaknat (orang lain), aku hanya diutus sebagai rahmat". (Muslim, Al-Bir, 87; Tirmidzi, Ad-Da'wah, 118)

Ketika Rasulullah SAW pergi ke Thaif untuk berdakwah tentang Islam, orang-orang musyrik dan penyembah-penyembah berhala melemparkan batu kepada Baginda. Lalu datanglah malaikat penjaga gunung dan Jibril AS, lalu mereka berkata kepada Rasulullah SAW:

"Apakah engkau ingin aku menghancurkan kaum itu? Lalu Rasulullah SAW menjawab: Bahkan aku berharap, semoga Allah mengeluarkan dari keturunan mereka (orang-orang) yang menyembah Allah semata tidak menyekutukanNya dengan sesuatu apapun". (Bukhori, Permulaan penciptaan, 7; Muslim, Jihad, 111)

Penduduk Thaif selalu memberikan pelbagai bentuk penyiksaan kepada Rasulullah SAW, mereka menghalau Baginda dari tanah mereka, memperlakukannya dengan kekerasan hingga tahun ke-sembilan hijrah, dan merekalah yang selalu menyebabkan kerugian bagi umat muslim. Namun demikian Rasulullah SAW berkata:

"Ya Allah berikanlah hidayah kepada bani Thaqif (qabilah yg tinggal di Thaif) dan datangkanlah mereka (dalam keadaan Islam)". Baginda berulangkali mendoakan mereka hingga

akhirnya penduduk Thaif datang ke Madinah Al Munawwarah dan mereka memeluk agama Islam. (Ibnu Hisyam, juz 4/134; Tirmidzi, bab Akhlak mulia, 73/3942)

Sungguh Abal Asyad telah mendatangi Nabi SAW dengan membawa para tawanan dari Bahrain. Lalu Rasulullah SAW melihat salah seorang wanita dari mereka sedang menangis. Kemudian Baginda bertanya: "Ada apa denganmu?", lalu wanita itu berkata: "Dia (Abu Asyad) telah menjual anakku", lalu beliau berkata kepada Abu Asyad: "Apakah kamu menjual anak perempuan tersebut?", dia berkata: "Ya", Rasul kembali bertanya: "Kepada siapa?" ia menjawab: "Bani Abas", Nabi SAW berkata: "Pergilah kamu kepada mereka dan datanglah dengan membawa anak tersebut".[24]

Rahmat dan kasih sayang Rasulullah S.A.W dicurahkan sepenuhnya hinggalah ke seluruh alam, Baginda berkata:

"Tidaklah kalian beriman sehingga saling mencintai, mahukah kalian aku beritahu sesuatu yang dapat menjadikan kalian saling mencintai, lalu para sahabat menjawa: Ya, ya Rasulullah, Nabi bersabda: Sebarkanlah salam di antaramu maka kalian akan saling mencintai, demi diriku yang berada di bawah kekuasaanNya, kalian tidak akan masuk syurga sampai kalian saling menyayangi, para sahabat berkata: Ya Rasulullah kami semua adalah orang-orang yang selalu memberikan kasih sayang, kemudian Nabi bersabda: Itu bukanlah berbelas kasih di antaramu akan tetapi memberi rahmat (kasih sayang) kepada yang lain". (Hakim, juz: 4, 185/7310)

24. Ali Al Muttaqi Al Hindi, *Kanzul Ummal,* Beirut, 1985, 4, 176/10044.

Sifat Pemaaf Rasulullah SAW

Allah SWT sentiasa memaafkan hambanya yang bersalah dan menyesal atas segala dosa yang telah dilakukannya. Sungguh Allah SWT akan menerima taubatnya, kerana Allah SWT adalah Maha Pemaaf dan Pengampun dosa. Kerana itu Allah SWT pun menginginkan hambaNya agar menjadi orang-orang yang pemaaf.

Hal yang membuat seseorang diampuni adalah penyesalan, taat kepada perintah-perintah Allah SWT, dan menjauhi segala laranganNya. Sebaik-baiknya contoh sifat pemaaf dapat kita temui ialah pada diri Rasulullah SAW. Beliau telah memaafkan Hindun, yang telah menyatakan keislamannya setelah penaklukkan kota Makkah, setelah sebelumnya dia meyakitkan hati bapa saudara beliau, sayyidina Hamzah, ketika peperangan Uhud.

Habbar bin Aswad adalah salah seorang yang sangat memusuhi Islam. Dialah yang telah melemparkan kuda yang ditunggangi Zainab, putri Rasulullah SAW, dengan tombaknya hingga ia terjatuh dari kudanya dalam peristiwa hijrah dari Makkah ke Madinah. Ketika itu Zainab sedang mengandung, lalu ia pun keguguran dan mengalami pendarahan yang sangat parah. Ekoran kejadian itu, puteri Rasulullah SAW, Zainab akhirnya wafat. Sehinggakan banyak kejahatan lain yang telah dilakukan oleh Habbar bin Aswad. Setelah kota Mekah ditakluki, dia melarikan diri dan belum ditangkap. Pada ketika Rasulullah SAW sedang duduk bersama sahabat di Madinah Al Munawwarah datanglah Habbar bin Aswad berdiri di hadapanya. Lalu ia berkata: "Asslamu'alaika wahai

Rasulullah! Sungguh aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah SWT dan engkau adalah Rasulullah SAW. Aku telah melarikan diri darimu dan berusaha meninggalkan kota dan bergabung dengan kaum Ajam, lalu aku teringat akan kebaikan, kemurahan hatimu dan sifat pemaafmu terhadap orang-orang yang tidak kamu kenali. Kami dahulu adalah ahli syirik, lalu Allah SWT memberikan hidayahNya kepada kami melalui perantaramu, dan Allah SWT telah menyelamatkan kami dari kehancuran, maka maafkan kebodohanku dan kesalahan-kesalahan yang telah aku perbuat kepadamu. Aku menyatakan kesalahan perbuatanku dan mengakui segala dosaku". Lalu Rasulullah SAW berkata:

"Aku telah memaafkanmu, dan Allah SWT telah berbuat baik terhadapmu sebagaimana Dia telah memberikan hidayah (Islam) kepadamu, dan Islam menghapus segala (kesalahanmu) sebelumnya (sebelum Islam)."

Rasulullah saw melarang kita untuk menghina dan mencacinya (Al-Waqidi, juz: 2, 857-858)

Ikrimah bin Abi Jahal adalah salah seorang musuh Islam yang terkenal. Setelah penaklukkan kota Makkah dia pergi melarikan diri. Isterinya adalah seorang wanita yang bijaksana, anak dari Harith bin Hisyam seorang juga wanita yang pandai, akhirnya dia masuk Islam, dan meminta kepada Rasulullah SAW memberi perlindungan kepada suaminya. Lalu Rasulullah SAW menyuruhnya untuk membawa suaminya kembali, lalu dia pun berjumpa dengan suaminya dan memintanya untuk pulang, dan berkata lelaki itu:

“Aku datang kepadamu atas perintah orang yang paling baik dan paling murah hati, aku telah memintanya keamanan bagimu, dan aia akan memenuhinya”.

Lalu dia pun kembali bersama isterinya, setelah mendekati kota Makkah, Rasulullah SAW berkata kepada sahabatnya: ”Akan datang kepadamu Ikrimah bin Abi Jahal sebagai seorang mukmin dan orang yang berhijrah, maka janganlah kalian menghina ayahnya. Kerana sesungguhnya penghinaan terhadap orang yang sudah meninggal hanya akan menyakiti orang yang masih hidup dan tidak akan sampai kepadanya”. Setelah dia sampai di depan pintu Rasulullah SAW, beliau sangat gembira dan segera berdiri mendekatinya kerana kedatangannya. (Hakim, Al-Mustadrak, 3, 269)

Akhirnya, Baginda berkata: “Selamat datang bagi tamu yang berhijrah (kepada Islam).”[25] Rasulullah SAW telah memaafkanya dan tidak mengingatkanya dengan kesalahan yang telah dia lakukan.

Rasulullah SAW selalu berkata dalam doanya: “Ya Allah SWT berikanlah keampunan kepada kaumku, sesungguhnya mereka tidak mengetahui”. (lihat: Al-Bukhori, Al Anbiya’, 52; Ibnu Majah, Al Manasik, 56; Ahmad, juz 1, 441)

Ketika Thumamah bin Uthal, pemimpin Yamamah, masuk Islam dan dia berkata: Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah utusan Allah. Wahai Muhammad tidak ada wajah yang paling aku benci (sebelumnya) di atas bumi ini lebih dari wajahmu, tetapi

25. Tirmidzi, al-isti’dzan, 34/2735.

sekarang wajahmulah yang paling aku suka di antara wajah-wajah yang pernah aku jumpai. Tidak ada agama yang paling aku benci (sebelumnya) daripada agamamu, dan sekarang hanya agamamulah yang paling aku sukai di antara agama-agama yang pernah aku temui. Dahulu, tidak ada negeri yang paling aku benci daripada negerimu, tetapi sekarang negerimulah yang paling aku cintai di antara negeri-negeri yang pernah aku kenal. Sesungguhnya pasukan berkudamu selalu mengawasiku, sedangkan aku ingin melakukan umrah. Bagaimana pendapatmu? Rasulullah SAW lalu menyampaikan berita gembira kepada Tsumamah bahawa dia dibenarkan melakukan umrah. Ketika sampai di kota Makkah, salah seorang bertanya kepadanya: Apakah kamu sudah keluar dari agamamu? Thumamah menjawab: Tidak. Tetapi aku hanya sudah tunduk kepada Rasulullah SAW. Demi Allah, tidak akan ada sebutir biji gandum pun dari Yamamah yang akan sampai kepadamu sebelum mendapatkan izin Rasulullah SAW. (Al Bukhori, Al-Maghoziy, 70)

Lalu Tsumamah memutuskan hubungan perdagangannya dengan kaum musyrikin. Padahal kaum Quraisy sangat bergantung rezeki dan segala keperluannya dari Yamamah. Akibatnya penduduk Mekah mengalami kelaparan dan kekeringan sumber makanan, lalu mereka memohon perlindungan kepada Rasulullah SAW agar membantunya dari musibah ini. Kemudian Rasulullah SAW menuliskan surat kepada Thumamah agar tidak memutus hubungan perdangannya dengan kaum Quraisy.[26]

26. Ibnu Abdul Barr, Al-Isti'ab, Kairo, tanpa tanggal, juz 2, 214-215; Ibnu Atsir, Asadul Ghoyah, Kairo, 1970, juz 1, 295.

Mereka lupa bahawa dahulu mereka pernah memboikot umat Islam dari menyalurkan makanan dan minuman selama tiga tahun di bawah perlindungan Abu Talib namun Rasulullah SAW telah memaafkan mereka.

Setelah penaklukkan kota Khaibar, Rasulullah SAW memperoleh khabar bahawa penduduk kota Makkah sedang dalam keadaan yang sukar dan kerugian, tanah mereka tandus dan kekeringan. Lalu Rasulullah SAW mengirimkan utusan kepada mereka dengan membawa gandum terbaik, Abu Sufyan mengambilnya semua dan memberikannya kepada orang-orang fakir Quraisy, lalu dia mengungkapkan kata syukurnya seraya berkata:

"Semoga Allah SWT memberikan ganjaran yang baik kepada anak saudaraku, sesungguhnya dia adalah orang yang sangat berbelas kasihan" (Al-Ya'kubi, bab Tarikh, juz 2, 56)

Tidak lama kemudian, seluruh penduduk kota Makkah memeluk agama Islam setelah luluh hati mereka kebajikan dan kemurahan hati Rasulullah SAW yang sangat besar.

Suatu ketika di Hudaibiyah Rasulullah SAW diserang satu kumpulan yang ingin membunuhnya. Setelah semua mereka berjaya ditangkap, Rasulullah SAW memaafkan mereka. (Muslim, bab Jihad, 132-133)

Setelah penaklukkan kota Khaibar, seorang wanita pernah meletakkan racun pada makanan Rasulullah SAW. Peristiwa ini terjadi ketika Rasulullah SAW mengambil sepotong daging dan ingin menelannya tiba-tiba Baginda meluahkannya semula. Lalu seorang wanita Yahudi mengakui perbuatanya

terhadap Rasulullah SAW, bahawa ia lah yang meletakkan racun tersebut pada makanan Rasulullah SAW. Kerana ia telah mengakui kesalahanya, Rasulullah SAW memaafkan kesalahanya. (Al-Bukhori, bab At-Thibb, 55; Muslim, bab As Salam, 43)

Rasulullah SAW telah mengetahui melalui wahyu bahawa Lubaid, seorang munafiq Yahudi, telah menyihirnya dan menyebabkan Baginda jatuh sakit. Sebenarnya Rasulullah SAW tahu siapa dalang dari segala perbuatan ini. Namun demikian, Rasulullah SAW melupakan semua kejahatan yang pernah dilakukan oleh Lubaid, dan tidak pernah terfikir oleh Baginda untuk mecelakkannya dengan cara yang sama, apalagi untuk membunuh salah seorang Yahudi dari keluarga bani Zuraiq terutamanya keluarga Lubaid.[27]

Dalam hal ini Allah SWT berfirman di dalam Al Qur'an:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَاَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ

Ertinya: Jadilah engkau pema'af dan suruhlah orang mengerjakan yang makruf, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) daripada orang-orang yang bodoh. (Al-A'raaf: 199)

Para sahabat, yang pernah rapat dengan Rasulullah SAW dan merasakan kasih sayangnya, juga memiliki sebahagian sifat pemaaf seperti Rasulullah SAW. Mereka selalu meyakini bahawa dengan memberi maaf kepada orang lain, mereka akan mendapatkan maaf dari Allah SWT.

27. Lih: Ibnu Sa'ad, juz: 2/197. Al-Bukhari, at-thib, 47-49. Muslim, as-salam, 43. An-Nasa'I, at-tahrim, 20.

Mansour Al Hallaj, ketika direjam (dilempari) dengan batu, dia merintih kesakitan sambil berkata: "Wahai Tuhanku, maafkanlah orang-orang yang merejamku sebelum Engkau memaafkanku."

Rasulullah SAW Menjaga Hak-hak Kejiranan

Rasulullah SAW selalu mengambil berat terhadap hak-hak kejiranan, untuk itu Baginda berkata dalam sebuah hadithnya:

"Jibril terus-menerus berwasiat kepadaku (untuk berbuat baik) terhadap jiran tetangga sampai-sampai aku mengira bahawa jiran tetangga akan dijadikan sebagai ahli waris". (Al-Bukhori, bab Adab; Muslim, bab Al-Birr, 140-141)

Dalam hadith lain Rasulullah SAW bersabda:

"Jiran itu ada tiga macam (situasi), di antara mereka ada yang memiliki tiga hak, ada yang memiliki dua hak, dan ada yang memiliki satu hak. Adapun jiran yang memiliki tiga hak, iaitu jiran muslim dan memiliki hubungan kerabat, dia memiliki hak kejiranan, hak Islam dan hak kekerabatan. Dan jiran yang memiliki dua hak, iaitu jiran muslim; dia memiliki hak kejiranan dan hak Islam. Dan tetanngga yang hanya memiliki satu hak, iaitu jiran yang selain muslim, dia hanya memiliki hak kejiranan". [28]

Antara perkara yang melanggar hak-hak kejiranan iaitu: melihat jiran melalui tingkap rumahnya, mengganggu jiran-

28. Al-Baihaqi, As-Sya'b, 7/83; As-Suyuti, Al Jami'-ash Shogir, Mesir, 1321 H, 1/146.

jiran dengan bau makanan, memberikan sesuatu yang tidak baik.

Oleh yang demikian, Rasulullah SAW bersabda:

"Sebaik-baiknya teman bagi Allah SAW adalah yang paling baik di antara mereka kepada temannya, dan sebaik-baiknya jiran bagi Allah adalah yang paling baik di antara mereka kepada jirannya." (Tirmidzi, bab Al-Birr, 28)

Dalam hadith yang lain Rasulullah SAW bersabda:

"Bukanlah seorang mukmin, seorang yang melalui malamnya dengan kekenyangan sedangkan jirannya yang berada di sebelahnya pula dalam kelaparan". (Hakim, juz 2, 15/2166)

Abu Dzar Al-Ghifari RA pernah berkata bahawa Rasulullah SAW pernah menyuruhnya apabila ingin memasak makanan, untuk melebihi kuahnya hingga dia dapat makan dan membahagikanya kepada jiran-jiran. Rasulullah SAW bersabda:

"Wahai Abu Dzar, jika kau masak gulai, maka perbanyaklah kuahnya, janganlah engkau lupa membahagikannya kepada jiranmu". (Muslim, Al-Birr, 142)

"Wahai Abu Dzar, jika kau masak gulai, maka perbanyaklah kuahnya, lalu sendokkanlah (bahagikanlah) sebahagian daripadanya kepada jiran-jiranmu". (Ibnu Majah, bab Ath'imah, 58)

Abu Dzar pada waktu itu adalah salah seorang sahabat Rasul yang paling miskin. Ertinya tidak ada alasan bahkan

bagi orang yang fakir sekalipun untuk tidak menunaikan hak-hak kejiranan.

Abu Hurairah RA juga meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pada suatu hari pernah berkata: "Demi Allah tidaklah beriman! Demi Allah tidaklah beriman! Demi Allah tidaklah beriman! Lalu para sahabat bertanya: Siapa wahai Rasulullah? Lalu Rasul menjawab: Orang yang jirannya tidak merasa selamat dari gangguannya". (Al-Bukhori, Al-Adab, 29; Tirmidzi, Bab Hari Kiamat, 60)

Dalam riwayat yang lain diceritakan bahawa: "Tidaklah masuk syurga orang yang jirannya tidak merasa selamat dari gangguannya". (Muslim, Iman, 73)

Layanan Rasulullah SAW Terhadap Orang-orang Fakir

Rasulullah SAW melayan orang-orang fakir, yatim, janda, dan orang asing dengan penuh kasih sayang, memberi perlindungan dan perhatian.[29] Baginda memperlakukan mereka dengan penuh rasa cinta hingga mereka tidak merasakan bahawa mereka adalah golongan fakir..

Abu Sa'id Al-Khudariy RA pernah berkata:

"Aku duduk dalam sebuah jama'ah kaum *dhu'afa* Muhajirin, sebahagian dari mereka duduk menutupi yang lainya (kerana mereka tidak memakai baju – kerana kefakiranya) agar tidak nampak terbuka (tubuhnya). Salah seorang dari mereka membacakan (ayat Al-Qur'an), (tiba-tiba) datanglah Rasulullah

29. Bukhari, an-nafaqah, 1. Muslim, zuhud, 41-42.

SAW berdiri di hadapan kami. Seketika pembaca Al-Qur'an terdiam dan mengucapkan salam kepada Rasulullah SAW. Lalu Rasul berkata: Apa yang kalian perbuat? Kami menjawab: Wahai Rasulullah SAW, dia (qari) yang membacakan kepada kami ayat Al-Qur'an dan kami mendengarkanya. Lalu beliau berkata: Segala puji bagi Allah SWT yang telah menjadikan di antara umatku, orang-orang yang aku diperintah (Allah) untuk menenangkan hatiku bersamanya.[30] Lalu (Abu Sa'id Al-Khudariy) berkata: Kemudian Rasulullah SAW duduk di tengah-tengah kami agar baginda dapat menyamakan kedudukannya dengan kami. Kemudian Rasul berkata: Sambil (memberi isyarat) dengan tangannya (meminta para jama'ah untuk duduk melingkar) hingga nampaklah wajah mereka di hadapan baginda. (Abu Sa'id Al-Khudariy) berkata: aku melihat Rasulullah SAW tidak kenal seorangpun daripada mereka melainkan diri aku. Lalu Rasulullah berkata:

Bergembiralah kalian wahai jama'ah kaum (fakir) Muhajirin dengan cahaya yang sempurna pada hari kiamat, kalian akan masuk ke dalam syurga lebih dulu selama setengah hari dari orang-orang yang kaya, dan itu (setengah hari) ialah selama lima ratus tahun lamanya". (Abu Dawud, Bab Al-Ilm, 13/3666)

Pada suatu hari Rasulullah SAW sedang duduk di Madinah, lalu datang kepadanya sekelompok orang yang tidak beralaskaki dan pakaian, hingga tulangnya nampak jelas akibat lapar dan kekeringan. Melihat keadaan demikian wajah Rasul berubah kekuningan, tidak sanggup melihat apa yang mereka derita dari

30. Nabi SAW mengarahkan kepada surat: al-Kahfi, ayat: 28.

kemiskinan. Beliau masuk ke rumahnya lalu keluar kemudian menyuruh bilal untuk mengumandangkan adzan dan iqomah. Lalu beliau solat dan berkhutbah, meminta para sahabat untuk berinfaq dan memberi bantuan kepada kaum fakir. Kemudian para sahabat bersegera menyalurkan bantuan mereka kepada orang-orang yang fakir. Melihat apa yang dilakukan para sahabat, wajah Rasulullah SAW kembali bersinar dan merasa tenang. (Muslim, Zakat, 69-70; Ahmad, 4/ 357-361)

Kehidupan Rasulullah SAW dipenuhi dengan sifat-sifat yang positif seperti suka memberi, istiqamah, jujur, kasih sayang, murah hati, dan kelembutan hati. Rasulullah SAW pernah berwasiat kepada Sayyidah Aisyah, dengan berkata:

"Wahai Aisyah, janganlah engkau menolak orang yang miskin, walaupun kamu hanya dapat memberinya setengah buah kurma! Wahai Aisyah, cintailah orang-orang yang miskin dan dekatilah mereka. Maka sesungguhnya Allah akan mendekatkanmu kepada mereka pada hari kiamat. (Tirmidzi, Az-Zuhud, 37/2526)

Abbad bin Syuruhbil pernah bercerita:

"Saya terkena musibah kekeringan (hingga menjadi fakir), lalu aku masuk ke dalam salah satu kebun di Madinah. Kemudian aku mengupas sebiji buahan atau tanaman dan mengeluarkan bijinya kemudian aku memakannya, lalu aku membawanya dalam bajuku. Kemudian datanglah pemilik kebun tersebut, lalu ia memukulku dan mengambil pakaianku (sebagai hukuman baginya). Kemudian aku datang kepada Rasulullah SAW, lalu beliau bersabda:

"Memberi peringatan dan memaafkannya (kerana ketidaktahuannya) adalah lebih baik daripada engkau menghukumnya dengan cara itu. Atau (engkau dapat) memintanya memulangkan barang yang senilai dengannya. Dengan demikian engkau telah berbuat baik kepadanya dan mengajarkanya kerana ketidaktahuannya.

Selepas itu baginda meminta pemilik kebun untuk memulangkan baju yang telah diambilnya dan pemilik kebun tersebut memberikan sebanyak setengah daripada (berat) makanannya kepadaku". (Abu Dawud, Az-Zuhd, 93/2623; An-Nasaiy, bab Qudhot, 21)

Hadith ini menunjukan kepada kita bahawa Islam mengajar kita untuk mencari punca masalah atau punca kekeliruan terlebih dahulu. Kemudian berusaha untuk membaiki setiap kesalahan yang telah dilakukan dan diikuti dengan memperbetulkan diri orang yang bersalah. Jelaslah kepada kita bahawa hukuman dalam syari'at Islam ibarat tindakan atau hukuman dari seorang ibu atau bapa terhadap anak-anak mereka. Matlamat dari tindakan yang diambil bukanlah bertujuan untuk menakutkan pesalah tetapi memberi peluang kepadanya untuk memulakan hidup baharu.

Layanan Rasulullah SAW Terhadap Tawanan Dan Pembantu (Hamba Sahaya)

Sesungguhnya kemurahan hati dan kasih sayang Rasulullah SAW yang berpanjangan dicurahkan olehnya kepada semua manusia termasuklah tawanan-tawanan perang. Baginda SAW mengarahkan agar setiap tawanan perang dilayan dengan

layanan yang baik. Abu Aziz bin Umair, saudara Mush'ab bin Umair, pernah bercerita tentang kejadian yang sangat memberi pelajaran, katanya:

Aku adalah antara para tawanan perang Badar. Lalu Rasulullah SAW bersabda: "Perlakukanlah para tawanan dengan baik".

Ketika aku berada dalam kumpulan (daripada kaum Ansar), aku dapati apabila tiba masa makan siang dan makan malam mereka memakan kurma, dan memberi kepadaku gandum (roti) sepetimana pesanan Rasulullah SAW iaitu meleyan tawanan dengan baik. Bahkan, tidak pernah aku lihat mereka menyimpan roti walaupun secebis kecuali mereka memberikannya kepadaku. Sehinggakan aku terasa malu, lalu aku memulangkan semula potongan roti itu kepada salah seorang dari mereka namun mereka segera mengembalikannya padaku." (Lihat: Al-Haitsamiy, 6/86; Ibn Hisyam, 2/288)

Pada awalnya Rasulullah ingin menghapuskan amalan penghambaan yang sedia ada sebelum itu iaitu dengan mengambil beberapa langkah penting ke arah itu. Dalam setiap kesempatan Rasulullah SAW selalu menganjurkan orang-orang untuk memerdekakan hamba sahaya. Baginda pernah berkata bahawa hal ini merupakan ibadah yang besar (pahalanya). Bahkan, pembebasan atau memerdekakan hamba perempuan adalah pilihan pertama (daripada pilihan-pilihan yang tiga) apabila ingin menunaikan kaffarah (denda). Kaffarah atau denda pula salah satu cara untuk menghapuskan dosa. Rasulullah SAW sentiasa menyarankan sahabat-sahabat Baginda untuk membebaskan hamba. Abu Bakar Ash-Shiddiq

iaitu orang yang paling dicintai Rasulullah dan sahabatnya yang paling dekat telah membelanjakan sebahagian besar hartanya untuk pembebasan dan memerdekakan hamba demi mendapat keredaan Allah SWT.

Al-Ma'rur bin Suwaid RA berkata: Aku bertemu dengan Abu Dzar di Rabadzah, dia memakai baju yang sama dengan anaknya. Lalu aku bertanya kepadanya mengenai hal itu, dia menjawab:

"Aku telah memalukan (mencela) seseorang (hamba), dengan menghina ibunya (hitam), lalu Rasulullah SAW bertanya: Wahai Abu Dzar, apa benar engkau telah menghinanya dengan (cara) menghina ibunya? Sesungguhnya engkau adalah orang yang mempunyai sifat jahiliyyah. (Ketahuilah bahawa) hamba-hambamu juga merupakan saudaramu, Allah SWT telah menjadikan mereka di bawah tanggungjawabmu. Maka, kepada sesiapa yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya, (hendaklah) dia memberinya makan seperti apa yang dia makan, dan memberinya pakaian seperti apa yang dia pakai, dan tidak membebaninya apapun yang lebih dari kemampuannya, jika (dia terpaksa) membebaninya maka hendaklah dia membantunya." (Al-Bukhori, Al-Iman, 22; Muslim, Al-Aiman, 38)

Seorang lelaki daripada satu kaum telah menikahkan hambanya dengan seorang jariah, setelah itu dia ingin memisahkan mereka berdua. Hamba tersebut datang menemui Rasulullah SAW untuk menjelaskan keadaannya, lalu Rasulullah SAW bersabda:

"Wahai manusia, mengapa salah seorang dari kalian menikahkan hambanya lalu ingin memisahkan mereka berdua, (padahal) talak hanyalah hak seorang suami yang berhak atas isterinya. (Ibnu Majah, bab Talak, 31; At-Thabrani Al-Kabir, juz 11, 300)

Untuk berdepan dengan kejadian sedemikian ataupun kejadian yang hampir sama seperti itu kebanyakannya para sahabat lebih mengutamakan pembebasan semua hamba-hamba mereka. Kesannya, amalan penghambaan telah dihapuskan secara berperingkat-peringkat hinggalah ke hari ini. Islam telah meleraikan ikatan perhambaan dari leher manusia. Sebelum itu, perhambaan adalah salah satu daripada hak-hak yang wujud dalam sejarah kemanusiaan dengan anggapan ia adalah salah satu cara perang.

Syari'at Islam telah memerintahkan kepada pemilik hamba untuk memberinya makan dari apa yang dia makan, memberinya pakaian seperti yang dia pakai, tidak membebaninya dengan sesuatu di luar kemampuanya, dan memenuhi segala keperluannya. Islam juga telah menjelaskan bahawa memerdekakan hamba merupakan amal soleh dan merupakan salah satu jalan yang dapat menyelamatkan orang Islam. Di samping itu, Islam juga telah meletakkan hak-hak bagi seorang hamba yang harus dijaga dan diperhatikan, dan menjadikan seorang yang tidak memilki hamba lebih baik daripada yang memilikinya. Islam memandang seakan-akan seseorang yang memiliki hamba adalah orang yang terikat untuk memenuhi hak-hak hambanya, hal tersebut sebenarnya telah meletakkan dirinya sama seperti hamba. Rasulullah SAW bersabda (ketika Baginda hampir menemui Tuhannya):

"Jagalah solat!, Jagalah solat! (kerjakanlah solat), bertaqwalah kalian kepada Allah dan perhatikanlah orang-orang yang di bawah tanggung jawab kalian (budak-budak) yang kalian miliki". (Abu Dawud, Al-Adab, 123-124; Ibnu Majah, bab Wasiat, 1)

Itulah pesanan yang sangat bererti daripada Rasulullah SAW kepada umatnya. Jelaslah, Baginda telah menutup pintu-pintu yang menuju perhambaan dan membuka pintu-pintu pembebasan hamba buat selama-lamanya. Pada setiap kesempatan yang ada, Baginda selalu mengesa kepada pembebasan hamba. Persolannya, adakah contoh yang lebih baik dari apa yang dilakukan Rasulullah SAW dalam menghapuskan perhambaan?

Pendirian tegas Baginda SAW dalam soal pembebasan hamba adalah bukti kukuh Islam menghormati hamba.

Sebagaimana kita ketahui bahawa sayyidina Bilal Al-Habasyi adalah seorang hamba sebelum dia masuk Islam. Setelah masuk Islam, Rasulullah SAW melantik dia menjadi seorang muadzin yang berpengaruh dan menjadi 'guru utama' kepada muadzin- muadzin lain. Buktinya terdapat ungkapan "Wahai Bilal Al-Habasyi!" pada dinding tempat para muadzin bersidang.

Contoh lain ialah, Zaid bin Harithah adalah seorang hamba yang dihadiahkan oleh sayyidah Khadijah untuk membantu Rasulullah SAW. Kemudian Rasulullah SAW membebaskanya dan menjadikannya salah seorang daripada sahabat Baginda yang dikasihi. Begitu jugalah halnya yang berlaku kepada anak

Zaid, Usamah yang telah dilantik menjadi pemimpin tentera Islam di usia muda.

Thariq bin Ziyad, seorang penakluk tanah Andalus, dahulu adalah seorang hamba yang dilehernya diikatkan rantai dan diperjual belikan. Namun Islam memperlakukanya dengan baik dan mengembalikankan kehormatannya yang sesuai dengan dirinya dan fitrah kemanusianya. Hingga akhirnya ia menjadi seorang pemimpin pasukan perang umat muslim yang dihormati.

Ringkasnya, Islam telah menjadikan seorang budak seperti layaknya seorang tuan. Hal inilah kemudian menjadi permasalahan yang diperangi oleh orang-orang musyrik. Bukankah pada zaman moden ini mereka (orang-orang selain muslim) melakukan hal yang sama? Orang-orang yang merenggut kemerdekaan di dunia pada zaman moden ini, bukankah mereka yang menjadikan orang-orang yang merdeka sebagai budak-budak mereka? Tidakkah mereka telah merenggut hak-hak orang-orang tak berdosa dan lemah dengan mengatasnamakan kebebasan hanya untuk memanfaatkan kekuatan material yang mereka miliki? Apakah sistem perbudakan anti kasih sayang pada zaman moden ini, dengan istilah-istilah yang selalu didengungkan menusuk telinga ketika didengar, berbeza dengan kezaliman yang telah dikenal dalam sejarah kemanusiaan?

Oleh kerana itu sesungguhnya Islam yang telah menghapuskan perbudakan hingga ke akar-akarnya dari zaman dahulu, dan mengangkat harga diri manusia, adalah satu-

satunya yang dapat memberikanpenyelesaian bagi kehidupan umat manusia di zaman moden ini.

Namun apabila nilai-nilai yang diajarkan Islam bagi kemanusiaan telah ditinggalkan, maka ia akan bertembung dengan kehancuran dan kealpaan di tengah taring paham-paham oportunisme yang haus keuntungan belaka.

Janji-janji pembangunan yang mereka laungkan sampai ketika ini masih menghisap darah orang-orang yang lemah dan menjadikan mereka budak-budak. Padahal Islam telah meletakkan dasar-dasar kemanusiaan yang bernilai tinggi dan kekal, yang diungkapkan dalam lisan Rasulullah SAW. Beliau pernah berkata tentang para tawanan dan pembantu:

Maka barang siapa yang bertanggung jawab terhadap saudaranya, (hendaklah) ia memberinya makan seperti apa yang ia makan, dan memberinya pakaian seperti apa yang ia pakai. (Al-Bukhori, Al-Iman, 22; Muslim, bab Al-Aiman, 36-37)

Demikianlah Islam mengangkat nilai kemanusian seseorang dalam segala keadaan, waktu, dan tempat.

Sebenarnya satu-satunya penyelesaian untuk menyelamatkan kemanusiaan pada zaman moden ini sama dengan penyelesaian untuk menyelamatkan kemanusian pada zaman dahulu; yang tidak lain adalah mengikuti petunjuk yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan berpengang teguh kepadanya. Kerana sesungguhnya Rasulullah SAW telah meletakkan dasar-dasar yang tepat dalam bermu'amalah antara sesama manusia, memanusiakan manusia, dan tidak membeza-bezakan antara satu dengan lainnya; miskin atau kaya, pemimpin atau

orang biasa, tuan ataupun budak. Ketika salah seorang sahabat datang kepada Rasulullah SAW, ia bertanya: "Berapa kali kita harus memaafkan untuk seorang pembantu?" Rasulullah saw menjawab: "Maafkan ia tujuh puluh kali setiap hari" (HR. Abu Dawud, Al-Adab, 123-124/5164; Tirmidzi, Al-Birr, 31/1939)

Kasih sayang Nabi SAW bagaikan lautan yang tidak ada tepinya. Perhatiannya terhadap hati manusia tidak ada duanya. Hal tersebut ditunjukkan pada perkataan beliau berikut ini:

"Apabila salah seorang dari kalian datang kepada pembantunya dengan makanan, hendaklah ia duduk bersama, jika tidak dapat duduk bersama dengannya, maka hendaklah ia memberikan makanan kepadanya satu atau dua kali, sepotong atau dua potong, kerana ia adalah orang yang memerhatikannya ketika panas (dalam pembuatan) dan menyiapkanya." (Al-Bukhori, Al-Ath'imah, 55; At-Tirmidzi, At-Ath'imah, 44)

Jika Allah SWT menghendaki, maka ia akan menjadikan seorang pembantu sebagai tuan dan tuan sebagai pembantu. Oleh kerana itu kita wajib untuk memuji dan bersyukur kepada Allah sebagaimana kita wajib untuk bermuamalah dengan orang-orang yang di bawah tanggungjawab kita dengan cara yang baik.

Layanan Rasulullah SWT Terhadap Kaum Wanita

Wanita pada zaman jahiliyyah dilayan dengan perlakuan yang merosakkan kehormatannya baik sebagai seorang anak perempuan mahupun wanita dewasa. Manusia pada zaman jahiliyyah mengubur anak-anak perempuan mereka hidup-

hidup tanpa kasih sayang agar tidak menerima celaan. Mereka adalah manusia yang sangat keras hati (sekeras batu) kerana sanggup melakukan perbuatan buruk itu bagi mengelak diri mereka daripada ditimpa musibah yang mereka bayangkan. Allah SWT menggambarkan keadaan mereka dalam Al-Qur'an:

وَاِذَا بُشِّرَ اَحَدُهُمْ بِالْاُنْثٰى ظَلَّ وَجْهُهٗ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيْمٌ

Ertinya: Dan apabila seseorang dari mereka diberi kabar dengan (kelahiran) anak perempuan, hitamlah (merah padamlah) mukanya, dan dia sangat marah. (An-Nahl: 58)

Orang-orang pada zaman jahiliyah memperlakukan wanita dengan cara yang menjatuhkan harga diri mereka, mereka hanya dijadikan bahan untuk hiburan yang merosak kehormatan mereka. Perlakuan tersebut berterusan hinggalah diutus Rasulullah SAW bagi mengembalikan hak-hak wanita. Akhirnya wanita telah menjadi lambang kebaikan dan penghormatan dalam masyarakat, malah dianggap simbol kemuliaan. Dengan jasa kebaikan Rasulullah SAW yang wanita telah mendapatkan nilai dan kehormatan yang selayaknnya bertepatan dengan sabdanya yang bermaksud "Syurga itu terletak di bawah telapak kaki ibu"[31]

Alangkah indahnya ungkapan tersebut yang mengandung erti kasih sayang dan kelembutan sepertimana yang diungkapkan oleh Rasulullah SAW bagi menghargai golongan

31. An-Nasaiy, Al-Jihad, 62; Ahmad, juz 3, 429; As-Suyuti, juz 1, 125.

wanita. Diceritakan pada suatu hari Rasulullah SAW dalam perjalanan, beliau bersama seorang perempuan yang bernama Anjasya sedang menunggang unta[32] unta berjalan laju. Bimbangkan keselamatan wanita yang menaiki unta tersebut, lalu baginda berkata:

"Hati-hati wahai Anjasyah, perlahan-lahan jika mengawal para wanita." (Al-Bukhori, Al-Adab, 95; Ahmad, juz 3, 117)

Dalam hadith yang lain Rasulullah SAW bersabda:

"Ya Allah, sungguh aku mengharamkan hak dua orang yang lemah, orang yatim dan perempuan terhadap siapa sahaja yang menzalimi mereka." (Ibnu Majah, Al-Adab, 6)

Beliau juga bersabda dalam hadithnya:

Janganlah seorang mukmin membenci seorang mukminah. Jika seorang lelaki tidak menyukai suatu akhlak pada seorang wanita, maka hendaklah ia melihat sisi lain yang ia ridhai" (Muslim, Ar-Radha', 18)

Hakikatnya, wanita bukanlah tanah berduri yang layak untuk dibenci atau dijadikan musuh, tetapi wanita ibarat taman dan kebun yang layak untuk dikasihi dan dicintai. Dan cinta pada wanita merupakan anugerah dan pemberian Allah SWT. Dalam hal ini Rasulullah SAW berkata:

32. Unta sangat tertarik dengan suara merdu. Sang Pengiring unta biasanya mengeluarkan suara yang merdu agar kafilah unta berjalan dengan cepat

حُبِّبَ إِلَيَّ مِنَ الدُّنْيَا النِّسَاءُ وَالطِّيْبُ
وَجُعِلَ قُرَّةُ عَيْنِي فِي الصَّلاَةِ

Ertinya: Dijadikan kepadaku kesukaan dari dunia, wanita, minyak wangi dan dijadikan sembahyang menjadi penyejuk pandanganku. (An-Nasai, asyarat an-nisa, 10. Ahmad, juz:3, 128, 199)

Amat tidak wajar bagi kita menilai tahap kecintaan pada wanita melalui pandangan mata kasar sahaja kerana wanita adalah lombong benih yang akan 'menghasilkan' seorang khalifah Allah di dunia.[33]

---

33. Tidak mungkin kita temukan kecenderungan syahwat dalam setiap pernikahan Rasulullah SAW yang mulia. Beliau tidak pernah menikahi seorang perawan pada masa mudanya. Bahkan isteri pertamanya adalah seorang janda yang berumur 40 tahun, iaitu Sayyidah Khadijah. Beliau tidak pernah menikah sepanjang umur Khadijah, dan Beliau hidup bersamanya pada umur-umur mudanya. Setelah Khadijah wafat, umur Rasulullah SAW telah berada pada usia pertengahan. Beliau menikahi isteri-isterinya setelah berumur lima puluh empat tahun, dan perintah ini tidak datang dari keinginan dirinya, melainkan perintah dari Allah yang bertujuan (selain hikmah ilahi) untuk mengajari agama kepada isteri-isteri. Pada umumnya wanita-wanita yang dinikahi Rasul adalah wanita-wanita yang telah berumur, tidak berkeluarga dan mempunyai anak. Dan hasilnya, kejayaan Rasulullah SAW dalam menjalankan tugas-tugas kenabian dan kekeluargaan pada umurnya yang sudah tua, telah membuktikan dengan jelas bahawa pernikahan-pernikahan Rasulullah terjadi kerana perintahan Allah dan bertujuan untuk menyebarkan Islam dengan mudah kepada kelompok-kelompok manusia yang lebih besar. Untuk lebih jelasnya lihat: Utsman Nauri Taubasy, Sayyidina Muhammad al-Musthofa SAW, juz 1, hal 130-140.

Perlu diketahui juga bahawa kecintaan kepada wanita telah ditetapkan oleh Allah SWT secara fitrahnya. Fitrah kecintaan ini telah disediakan dalam kedudukan atau peringkat yang sesuai bagi menyalurkan cinta yang agung. Oleh itu, perasaan cinta Rasulullah SAW sama sekali tidak dipengaruhi oleh keinginan semata-mata (kecenderungan syahwat), namun sebaliknya Baginda telah memberikan harga diri yang tinggi kepada yang berhak mereka miliki. Wanita dalam sejarah kemanusiaan telah mendapatkan harga dirinya di bawah naungan (nilai-nilai) Islam yang suci. Hakikatnya, peraturan-peraturan -selain Islam-, yang mendakwa telah mengembalikan harga diri kepada golongan wanita sebenarnya telah meletakkan harga diri wanita setaraf harga bahan perhiasan. Selain itu kehormatan dan harga diri mereka telah dimusnah dan dihancurkan serta disalahgunakan. Lebih malang lagi, wanita digunakan untuk tujuan memperolehi kemewahan (wang ringgit) dan melepaskan nafsu syahwat.

Oleh yang demikian, sudah menjadi kemestian untuk mengembalikan nilai kemanusiaan iaitu memandang nilai dan harga wanita secara yang betul -lebih-lebih lagi pada masa sekarang-. Kembali menghargai perempuan sepertimana ditetapkan oleh agama suci lagi diberkati iaitu Islam. Perempuan dan lelaki, semenjak dari awal penciptaannya adalah dua individu yang pandai, berakal, dan saling melengkapi satu sama lainya. Tapi dalam proses saling melengkapi, Allah SWT memberikan kepada wanita peranan dan pengaruh lebih besar berbanding lelaki. Hal ini kerana wanita mampu memusnah dan membangunkan (memakmurkan) sesebuah masyarakat. Pengiktiran paling tinggi dan penting dari kacamata Islam

ialah kemampuan wanita dalam mendidik dan memulihkan nilai-nilai kemasyarakatan. Dalam hal ini Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang punya tiga anak perempuan atau tiga saudara perempuan atau dua anak perempuan atau dua saudara perempuan dan dia mengatur urusan serta keperluan mereka (dalam mengasuh) dengan baik lalu dia bertaqwa kepada Allah maka baginya syurga." (At-Tirmidzi, bab Shilah, 13/2040; Abu Dawud, bab Adab, 131/5147; Ahmad, juz 3, 98)

Sekali lagi Rasulullah SAW menyatakan perkara tersebut dalam sabdanya yang bermaksud:

"Sesiapa yang memberi nafkah dua anak wanitanya hingga berumur baligh, dia akan datang di hari kiamat, aku dan dia seperti ini (Beliau merapatkan jari jemarinya)". (Muslim, al-birr, 149; At-Tirmidzi, Al-Birr, 13/2038)

Kemudian Rasulullah SAW menjelaskan tentang ketinggian nilai (kedudukan) seorang wanita solihah dengan sabdanya:

"Dunia itu adalah perhiasan dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah wanita shalihah." (Muslim, Ar-Radha', 64; An-Nasaiy, An-Nikah, 15; Ibnu Majah, Nikah, 5)

Secara umum sesungguhnya di belakang (menyokong) setiap pemimpin besar ialah wanita solihah. Contohnya sayyidah Khadijah, iaitu isteri Rasulullah adalah penyokong utama dan paling kuat kepada Rasulullah SAW pada awal da'wahnya. Dan Rasulullah SAW tidak pernah melupakannya sepanjang umurnya. Begitu pula dengan sayyidah Fatimah

Az-Zahra, ia memiliki peranan penting dalam segala kejayaan sayyidina Ali RA.

Secara ringkasnya dapat dikatakan bahawa perempuan solihah adalah nikmat dunia yang paling besar. Dengan pengiktirafan ini, Rasulullah SAW menyatakan antara syarat untuk mengenali seseorang (hamba Allah) itu sholih atau tidak ialah keupayaannya melayan dengan baik. Baginda bersabda:

"Orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya. Dan sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap para isterinya" (At-Tirmidzi, Ar-Radha',11/1162, 1195)

Dengan demikian, sangat hina dan rendah sekali, jika seorang wanita hanya menjadi tempat uuntuk keseronokan, dipandang rendah umpama 'bahan hiasan' bagi pancaindera dan keinginan syahwat serta diperlakukan sedemikian rupa pada tubuhnya. Tidak menghormati perempuan bererti buta terhadap nilai-nilai kehormatan harga diri yang tinggi yang telah Allah SWT berikan kepadanya. Hal ini kerana wanita pada zaman sekarang, dimanfaatkan sebagai alat pemikat yang tampil terbuka. Hakikatnya, perlakuan tersebut merupakan keadaan yang merosak kehormatan wanita dan harga dirinya.

Sesungguhnya wanita perlu dididik seperti seorang arkitek dan pengasas penting dalam membangunkan sesebuah masyarakat. Wanita harus menjadi pendidik calon-calon pemimpin, kerana ia tidak memiliki kedudukan lain yang layak untuknya iaitu yang berhak untuk dihormati dan cintai, selain tugas menjadi seorang ibu. Dan seorang ibu sejati telah mengandung kita di dalam perutnya sekian lama, kemudian

mengasuh kita dengan kedua tangannya dan sepenuh hati hingga akhir hayatnya. Seorang ibu telah mewakafkan diri sendiri dan menyerahkan seluruh kehidupannya kepada keluarganya; oleh itu ia layaklah dia dicintai dan diberi setinggi-tinggi penghormatan serta diucapa terima kasih sepanjang hayatnya.

Jika kita kembali kepada wangian yang harum (yang dimaksud oleh hadith di awal) milik Rasulullah SAW adalah hikmah yang diletakkan pada diri Rasulullah, perasaan dan hati yang lembut yang dianugerahkan pada jiwanya. Dan wangian yang dimaksud adalah wangi harum yang disukai oleh malaikat. Wangian ini juga adalah lambang kebersihan, kerana sesiapa yang dari badannya keluar aroma yang harum bererti dia berkeadaan bersih. Contohnya, Rasulullah SAW mengenakan pada badannya wangian dari bunga mawar di setiap waktu. Aroma bunga mawar ini dapat diketahui berdasarkan bau peluh yang keluar dari badannya. Apabila Rasulullah SAW mengusap kepala bayi, aroma kasturi yang keluar daripada kepala bayi akan berkekalan untuk tempoh waktu yang panjang.

Dalam hal ini Al-A'masy meriwayatkan dari Ibrahim, dia berkata: "Rasulullah SAW pada malam hari memiliki aroma yang harum." (Ad-Darimiy, Al-Muqoddimah, 10)

Apabila kita menilai keindahan nilai sembahyang (yang dimaksud dalam hadith di awal) merupakan sebuah kegembiraan yang dicipta untuk Rasulullah SAW. Sembahyang adalah hubungan dan pertemuan dengan Pencipta, oleh kerana itu harus dikerjakan dengan pemahaman bahawa sembahyang

adalah hubungan seorang hamba kepada Tuhannya. Seakan orang yang sedang sembahyang melihat Allah SWT, walaupun dia tidak dapat melihatNya, sesungguhnya Allah melihatnya. Oleh itu, dijadikan kegembiraan Rasulullah SAW terletak pada sembahyangnya.

Cara Rasulullah SAW Melayan Anak-anak Yatim

Allah SWT telah mengutus rasulNya yang sangat dicintaiNya ke dunia dalam keadaan yatim agar menjadikan kedudukan yatim mempunyai nilai tersendiri. Rasulullah SAW sangat menyayangi anak-anak yatim, dan memperhatikan mereka dengan penuh kebaikan. Dalam Al-Qur'an terdapat ayat-ayat yang membicarakan tentang penjagaan hak-hak anak yatim. Dalam Al-Qur'an Allah telah memberikan petunjuk tentang kewajiban yang harus dilakukan manusia terhadap orang yatim. Allah SWT berfirman:

فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ

Ertinya: Adapun anak yatim maka janganlah engkau berlaku kasar terhadapnya. (Adh-Dhuha: 9)

Rasulullah SAW bersabda dalam hadithnya:

"Sebaik-baik rumah kaum muslimin adalah rumah yang di dalamnya terdapat anak yatim yang dipelihara dengan baik sedangkan seburuk-buruknya rumah muslimin adalah rumah yang di dalamnya terdapat anak yatim yang diperlakukan dengan buruk." (Ibnu Majah, Al-Adab, 6)

Dalam hadith yang lain Rasulullah bersabda:

"Sesiapa, dari kaum muslimin, yang memelihara anak yatim dengan memberi makan dan minum kepadanya, maka Allah SWT akan memasukkannya ke dalam syurga, kecuali ia melakukan dosa yang tidak diampuni (oleh Allah)" (At-Tirmidzi, Al-Birr, 14/1917)

Dalam hadith lain Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang mengusap kepala seorang anak yatim (dan dia tidak mengusapnya kecuali) kerana Allah, maka baginya banyak kebaikan di setiap helai rambut yang dilalui oleh tanganya, dan sesiapa yang berbuat baik kepada seorang anak yatim perempuan mahupun laki-laki yang diasuhnya, adalah aku bersama dia di syurga seperti ini, Baginda gandingkan jari telunjuk dan tengahnya." (Ahmad, juz 5, 250)

Rasulullah SAW menasihatkan orang-orang yang memiliki hati penyayang dalam masyarakat supaya menunaikan kewajiban sosial mereka terhadap anak-anak yatim, Baginda berkata:

"Aku dan orang yang melindungi anak yatim (nanti berada) di dalam syurga, seperti ini" Baginda menisyaratkan dengan dua jarinya iaitu jari telunjuk dan jari tengahnya. (Bukhori, Adab, 24)

Rasulullah SAW telah menyatakan kepada seorang sahabat yang mengadu kepada Rasul tentang hatinya yang keras, dengan satu wasiat. Sabda Baginda:

"Apabila engkau ingin melembutkan hatimu, maka berilah makan orang yang miskin, dan usaplah kepala anak yatim" (Ahmad, juz 2, 263, 378)

Sekali lagi Rasulullah SAW memberi gambaran tentang kasih sayang dan belas kasih, dengan sabdanya:

"Aku lebih utama kepada setiap mukmin daripada dirinya sendiri. Barang siapa mewariskan harta, maka itu untuk keluarganya, barang siapa mewariskan agama, maka akan kembali kepadaku, atau menghilangkannya, maka ia akan berhadapan denganku." (Muslim, Al-Jum'ah, 43; Ibnu Majah, Al-Muqaddimah, 7)

Cara Rasulullah SAW Melayan Karenah Haiwan

Sesungguhnya setiap perbuatan Rasulullah SAW didasari oleh kasih sayang dan rasa cinta. Baginda mendekati makhluk-makhluk Allah SWT dengan penuh kasih sayang, dan memenuhi setiap keperluan orang yang sedang memerlukan. Haiwan-haiwan pun dapat merasakan hamparan lautan kasih sayang Rasulullah SAW. Manusia pada zaman jahiliyah melayan haiwan tanpa ada rasa kasih sayang dan keadilan. Mereka memotong daging haiwan-haiwan dalam keadaan yang masih hidup tanpa belas kasihan dan memakannya. Mereka mengadakan pertandiangan-pertandingan yang melaga-lagakan haiwan (laga haiwan dengan haiwan) serta buhuh membunuh. Rasulullah SAW telah menghapuskan amalan-amalan yang terkeluar daripada nilai-nilai kemanusiaa dan fitrah manusia yang suci.

Abu Waqid Al-Laithi pernah bercerita:

Rasulullah SAW datang ke Madinah dan terlihat mereka memotong pundak-pundak unta dan ekor-ekor kambing. Lalu Rasulullah SAW melarang hal tersebut dan Baginda berkata:

“Apa-apa yang terpotong dari haiwan dalam keadaan (haiwan itu) masih hidup, maka potongan itu adalah bangkai.” (AT- Tirmidzi, Ash-Shoid, 12/1480; Ahmad, 5, 218)

Dari Jabir bahawa Rasulullah SAW pernah melihat keledai diberi tanda (cop) pada wajahnya, Baginda berkata:

“Apakah aku belum melarang hal ini? Allah SWT akan melaknat pelakunya”. Dan Baginda melarang perbuatan memukul haiwan pada mukanya. (Abu Ya’la, al musnad, 4, 76)

Dari Abdurrahman, dia berkata: kami bersama Rasulullah SAW dalam suatu perjalanan ketika beliau sedang membuang hajatnya, kemudian kami melihat seekor burung Hummarah (burung yang berwarna merah) bersama dua anaknya, maka kami ambil dua anak burung tersebut. Kemudian burung Hummarah tersebut datang dan bergayut.

Kemudian Nabi SAW datang dan berkata: “Siapa yang mendatangkan kesediahan kepada burung ini dengan mengambil anaknya? Kembalikanlah anak burung itu kepadanya”. Dan Baginda juga melihat perkampungan semut yang telah kami bakar, lalu Rasulullah SAW bersabda: “Siapakah yang telah membakar perkampungan semut ini?” Kami menjawab: “Kami”.

Kemudian Baginda bersabda: “Siapapun tidak layak menyiksa sesuatu dengan api kecuali Tuhan yang telah membuat api." (Abu Dawud, 112/2675, Al-Adab, 163-164/5268)

Suatu hari Rasulullah SAW keluar dalam keadaan ihram menuju Makkah Al- Mukarramah, setelah sampai di tempat yang bernama “al-Uthayah” beliau melihat seekor rusa (atau seakan-akan jenisnya) sedang terlentang dan tidur di bawah naungan pokok. Lalu Rasulullah SAW menyuruh salah seorang sahabat untuk menjaganya agar tidak diketahui oleh manusia yang akan mengganggunya (memburunya). (Al-Muwattho', Hajj, 79; An-Nasaiy, Hajj, 78)

Suatau masa ketika Rasulullah SAW bersama-sama bala tentera yang besar sera sepuluh ribu orang menuju ke kota Makkah untuk menaklukinya. Apabila sampai diantara kawasan A'raj dan Talub, Baginda melihat seekor anjing yang sedang duduk bersama anak-anaknya, dan mereka sedang menyusu, lalu Baginda memerintahkan salah seorang sahabat yang bernama Juail bn Suraqah untuk berdiri dihadapan anjing, sehingga ketika bala tentera beredar dan mereka tidak mengganggu anjing tersebut dan anak-anaknya. (Al-waqidi, juz: 2, 804)

Suatu hari Rasulullah SAW melewati unta yang kurus, lalu beliau bersabda:

“Takutlah kalian kepada Allah dalam memperlakukan binatang yang tidak dapat berbicara ini. Tunggganglah binatang itu secara baik dan makanlah ia juga secara baik.” (Abu Dawud, Jihad, 44/2548)

Dari Abdullah bin Ja'far, ia berkata, "Pada suatu hari Rasulullah SAW memboncengkan saya, lalu Baginda merahasiakan perkataan yang saya tidak akan menceritakannya kepada seorang lainpun (di antara manusia). Dan sesuatu yang paling digemari oleh Rasulullah SAW sebagai tembok (dijadikan dinding) ketika Baginda menyempurnakan qada' hajat ialah timbunan tanah atau pokok-pokok kurma. Setelah itu, Baginda masuk kebun kepunyaan orang Anshar dan di dalam kebun itu terdapat seekor unta. Apabila unta itu melihat Nabi SAW, dia menangis dan berlinang kedua matanya. Kemudian Nabi SAW mendatangi unta tersebut dan mengusap bahagian belakang kepalanya, lalu (unta itu) diam. Kemudian beliau bersabda, "Siapa pemilik unta ini? Kepunyaan siapa unta ini ?". Kemudian datang seorang pemuda Anshar dan berkata, "Kepunyaan saya ya Rasulullah". Maka Baginda bersabda, "Mengapa kamu tidak takut kepada Allah dalam memperlakukan binatang ini yang Allah telah mengamanahkannya kepadamu?". Sesungguhnya dia mengadu kepadaku bahawa kamu membiarkannya lapar dan kamu membebaninya dengan pekerjaan yang berat". (Abu Dawud hal. 44, no. 2549)

Rasulullah SAW pada suatu hari melintasi kaum yang sedang berdiri di atas haiwan tunggangan mereka, lalu Baginda berkata:

“Tungganglah haiwan-haiwan ini dengan cara yang baik, kurunglah ia dengan cara yang baik (pula), dan janganlah kamu memperlakukannya sebagaiamana tempat duduk untuk perbincanganmu di jalan-jalan dan di pasar-pasar, maka banyak sekali haiwan tunggangan itu lebih baik dari pada yang

menunggangi (penunggang), kerana ia lebih banyak dzikir kepada Allah dari pada si penunggang". (Ahmad, 3, 439)

Suatu hari Rasulullah SAW bertemu dengan seseorang yang menyembelih kambing sesudah merebahkan kambing yang akan disembelihnya barulah dia menajamkan pisaunya. Melihat hal itu Nabi SAW memperingatinya dari perbuatan yang kurang kasih sayang ini, lalu Baginda berkata, "Apakah engkau ingin membuatnya mati berkali-kali? Mengapa engkau tidak menajamkan pisaumu itu sebelum engkau merebahkannya?" (Hakim, 4, 257, 260)

Abdullah bin Mas'ud RA berkata, Rasulullah SAW pernah bersabda:

"Inginkah aku kabarkan kepadamu orang yang dijauhkan api neraka darinya? Mereka berkata: Ya, wahai Rasulullah. Baginda berkata: Iaitu setiap orang yang ramah, lemah-lembut dan murah hati." (Ibnu Hibban, Shahih, 2, 216/470; Ahmad, 1, 415)

Rasulullah SAW pernah menjelaskan kedudukan orang yang penyayang dan tidak penyayang, Baginda berkata:

"Ada seorang lelaki yang sedang berjalan lalu dia merasakan kehausan yang sangat sehingga dia turun ke suatu perigi lalu minum dari air perigi tersebut. Ketika dia keluar dia mendapati seekor anjing yang sedang menjulurkan lidahnya menjilat-jilat tanah kerana kehausan". Orang itu berkata, "Anjing ini sedang kehausan seperti yang aku alami tadi". Maka dia (turun kembali ke dalam perigi) dan diisinya sepatunya dengan air, dan sambil menggigit sepatunya dengan mulutnya dia naik ke atas lalu memberi anjing itu minum. Kerana perlakuannya itu,

Allah berterima kasih kepadanya dan mengampuninya. Para sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah, apakah kita akan dapat pahala dengan berbuat baik terhadap haiwan?” Beliau SAW menjawab, “Terhadap setiap makhluk bernyawa diberi pahala”. (Al-Bukhori, Al-Masaqhot, 10)

Dalam hadith yang lain Rasul bersabda:

Seorang wanita telah diazab kerana mengurung seekor kucing sampai mati dan dia dimasukkan dalam neraka, kerana dia tidak memberi makan dan minum ketika mengurungnya dan tidak pula dia melepaskannya sehingga dapat makan serangga”. (Al-Bukhari, Al-Anbiya, 54; Muslim, As-Salam, 151, 145, Al-Birr, 133, Al-Kusuf, 14)

Bersandarkan norma-norma inilah Rasulullah SAW berjaya mengubah masyarakat (Arab) zaman jahiliyah sehingga menjadi sebaik-baiknya masyarakat pada waktu itu malah zaman itu telah menjadi zaman yang terbaik (penuh dengan didikan). Hinggakan orang-orang yang sebelumnya mengubur anak-anak peremuannya hidup-hidup menjadi contoh kasih sayang dan kemurahan hati Baginda termasuklah curahan kasih sayang kepada haiwan-haiwan.

Kerana Rasulullah SAW adalah qudwah (contoh yang tepat) bagi mereka, yang selalu menjaga hak segala sesuatu hingga seekor burung yang kecil. Rasul SAW telah melayannya dengan penuh perasaan dan kelembutan hati. Bahkan ketika menyuruh mereka untuk membunuh kalajengking dan ular, Baginda SAW menyuruh mereka untuk membunuh dengan satu kali pukulan agar tidak menyiksa mereka. Dalam hal tersebut, Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa membunuh cicak dengan sekali pukul, maka baginya 100 pahala, dan siapa yang membunuhnya dengan dua kali pukul, maka baginya sekian pahala (di bawah yg pertama), dan bila membunuhnya dengan tiga kali pukul maka pahalanya lebih sedikit lagi." (Muslim, As-Asalam, 147; Abu Dawud, Al-Adab, 162-163/ 5263)

Sesungguhnya Rasulullah SAW mewasiatkan dengan penuh kelembutan hati dan kasih sayang dalam membunuh haiwan yang berbahaya yang wajib untuk dibunuh seperti ular dan kalajengking. Bukankah ini merupakan contoh yang jelas dari sikap kelembutan hati yang disemai di dada orang yang mulia, yang tidak mungkin dicapai oleh orang yang biasa.

Rasulullah SAW tidak suka dipuji pada setiap waktu kerana banyak beribadah kepada Allah SWT dan memiliki akhlak yang sangat mulia. Baginda pernah menghitung nikmat Allah SWT atasnya sambil berkata dengan penuh rasa rendah diri "Tidak ada kebanggaan". (At- Tirmidzi, Al-Munaqib, 1; Ibnu Majah, Az-Zuhud, 237; Ahmad, 1, 5, 381) Perasaan sombong berpunca daripada terlalu banyak pujian dan penghargaan, malah menjadi salah satu sebab berlakunya kezaliman terhadap manusia. Walaupun Rasulullah SAW adalah ciptaan yang paling mulia dan Allah SWT telah memujinya, namun Baginda berkata pada dirinya:

"Janganlah kamu berlebih-lebihan memujiku, sebagaimana orang-orang Nasrani telah berlebih-lebihan memuji Isa putera Maryam. Aku hanyalah seorang hamba, maka katakanlah: Hamba dan Rasul Allah" (Al-Bukhori, Al-Anbiya', 48; Ahmad, juz 1, 23)

Sebenarnya sifat penghambaan ada dalam diri setiap orang, samada dia menjadi hamba kepada kepentingan dan

keperluan dirinya atau dia menjadi hamba Tuhannya. Sesiapa yang menjadi hamba bagi Allah SWT (Tuhannya) maka dia akan terlindungi dari menjadi hamba bagi keperluan dan mashlahat dirinya dan kemanusiaan, dan dia akan selamat dari hal tersebut.

Rasulullah SAW tidak menunjukkan sifat lemah atau ketidakmampuan dalam menjaga keseimbangan dalam segala segenap kehidupan manusia yang sangat mementingkan agama. Tidak mungkin dalam sejarah umat manusia kita akan temui seseorang yang berkeperibadian yang sepertimana peribadi Rasulullah SAW.

Kita mungkin sahaja mendapati tentara di dalam masyarakat, mereka memiliki kelebihan dalam beberapa aspek kehidupan. Adapun Rasulullah SAW merupakan satu-satunya contoh preibadi yang tepat yang unggul dan terampil dalam setiap aspek kehidupan.

Hasilnya, sesungguhnya Rasulullah SAW adalah peribadi yang tepat dan yang luar biasa malah berada pada darjat tertinggi. Di samping amat terkenal dalam sejarah peradaban manusia yang mengcakupi setiap ruang lingkup dan aspek kehidupan manusia sehingga ke hari ini.

Rasulullah SAW telah banyak memperlihatkan kepada kita kebaikan-kebaikan untuk dijadikan teladan dalam menerapkan nilai-nilai kemanusiaan. Semua kebaikan yang ditunjukkan ini pastinya tidak ada seorangpun dapat menghampiri tahap tersebut apatah lagi mengatasinya terutama dalam soal beribadah, muamalah dan akhlak mulia. Rasulullah SAW telah memberikan kebaikan material dan non material (yang berupa

norma-norma kehidupan) yang tiada duanya bagi kehidupan manusia.

Untuk itu Rasulullah SAW merupakan pemimpin abadi yang memahami tanggungjawab utama menjadi pemimpin yang paling tepat bagi alam semesta. Dan perlu diketahui bahawa Rasulullah SAW sangat menitikberatkan tentang sembahyang dan menjadikannya perkata utama bagi segala-segalanya. Beliau tidak tidur malam kecuali sebentar sahaja, kerapkali tubuhnya tidak menyentuh tilam. Pada ketika orang lain menikmati tidurnya di waktu malam, air matanya mengalir dalam sujudnya. Hinggakan pada saat-saat terakhir sebelum kewafatannya (ketika keadaannya sedang sakit), Baginda tetap berusaha untuk keluar dari biliknya untuk sembahyang berjamaah dengan para jama'ah.

Abdullah bin Syakhir pernah bercerita tentang kekhusyukan Rasulullah SAW dalam sembahyang, ia berkata:

"Aku mendatangi Rasulullah yang sedang melakukan sembahyang terdengar suara keras dari dadanya seperti suara cerek. Beliau sedang menangis". (Abu Dawud, bab Sembahyang 156,157/904 Nasai bab As-Sahw,180)

Selain bulan Ramadhan, Rasulullah SAW tidak pernah melalui satu bulan atau satu minggupun tanpa beliau berpuasa sunnah. Dalam hal ini sayyidah Aisyah RA pernah berkata:

"Rasulullah SAW (selalu) berpuasa, sampai kami berkata (seolah-olah) ia tidak pernah berbuka, namun beliau juga (selalu) tidak berpuasa sampai kami mengatakan (seolah-olah) ia tidak pernah berpuasa." (Al-Bukhori, Shaum, 52)

Rasulullah SAW selalu berpuasa pada tanggal 13, 14, dan 15 pada setiap bulan, enam hari pada bulan Syawwal, hari kesembilan dan kesepuluh atau hari kesepuluh dan kesebelas pada bulan Muharram. Dan Baginda juga membiasaankan diri untuk berpuasa pada hari Isnin dan Khamis pada setiap minggu.

Setelah turunnya ayat (tentang perintah) berzakat, Rasulullah SAW memerintah umat Islam membayar zakat dan berinfaq untuk kebaikan. Baginda adalah orang pertama yang melaksanakannya, dan memberikan contoh terbaik dalam berinfaq. Dan Baginda hidup selari dan sejajar dengan prinsip ayat Al-Qur’an.

وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

Ertinya: Dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka (Surat Al-Baqaruh: 3)

Baginda selalu memuji harta yang digunakan di jalan yang baik sebagaimana beliau memuji para peniaga yang bertaqwa dan menafkahkan hartanya di jalan Allah SWT.

Kriteria dan Ciri-ciri Utama Peribadi Rasulullah SAW Setinggi Bintang Di Langit

Rasulullah SAW tidak menyimpan sedikitpun segala kesenangan dan kemewahan dunia sebaliknya segala harta yang diperolehi Baginda (sampai kepadanya) diinfakkan pada jalan Allah SWT. Perlakuana ini merupakan salah satu ciri dan watak khusus yang tersemat pada diri Nabi SAW. Seorang sahabat terkenal Abu Dzar Al-Ghifary menyatakan:

"Aku berjalan beiringan dengan Nabi SAW dalam kegersangan kota Madinah hingga kami sampai di bukit Uhud, kemudian Baginda berkata:

"Wahai Abu Dzar."

"Labbaik, Ya Rasulullah."

Sambung Baginda: "Tidaklah menyenangkan bagi diriku dengan (keadaan) aku memiliki emas seperti besarnya bukit Uhud, kemudian berlalu bagiku malam ketiga sedangkan masih ada padaku darinya satu dinar, melainkan aku gunakan untuk hutang, kecuali aku berkata kepada hamba-hamba Allah begini, begini, dan begini" – seraya memberi isyarat ke arah kanan, kiri dan belakang beliau- kemudian Baginda berjalan lalu bersabda: "Sesungguhnya orang-orang yang memperbanyak (mengumpul) hartanya adalah mereka yang sedikit pahalanya

pada hari kiamat, kecuali orang yang mengatakan begini, begini, dan begini" – seraya memberi isyarat ke arah kanan, kiri dan belakang Baginda- namum mereka hanyalah sedikit". (Bukhari, Ar-Riqaq, 14, Al-Istiqradh, 3. Muslim, Zakat, 32.)

Kadang-kadang Rasulullah SAW menyambung puasa dalam dua ataupun tiga hari tanpa makan dan minum. Apabila para sahabat bertanya kepada Baginda untuk melakukan puasa sama seperti Baginda, Baginda bersabda:

"Janganlah kau sambung (puasamu)". Para sahabat berkata, "(Namun) engkau menyambung (puasamu)." Rasulullah bersabda: "Aku tidaklah sama seperti kalian. Sungguh aku diberi makan, juga diberi minum". Dan Rasulullah melarang mereka untuk melakukannya sebagai rahmat dan pemeliharaan/ perawatan bagi mereka. (Bukhari, Shaum, 48.)

Sebaliknya satu perkara penting yang selain dinyatakan tadi untuk direnungi bersama ialah bahawa (sepertimana yang kita sama-sama ketahui) Rasulullah SAW merupakan penunjuk, *mursyid* yang istimewa juga teladan unggul bagi kita semua. Oleh itu, kita harus tahu menilai kemampuan kita dalam mencontohi Baginda SAW. Perilaku dan tindak-tanduk Baginda SAW terbahagi kepada dua iaitu:

1. Perilaku (perlakuan-perlakuan) dan keadaan-keadaan yang dikhaskan kepada Baginda sahaja.
2. Perlakuan-perlakuan dan keadaan-keadaan yang melibatkan semua umat Islam.

Oleh itu, kita tidak memiliki kemampuan untuk meniru contoh-contoh mulia lagi terpuji yang dikhaskan kepada

Baginda SAW, seorang rasul yang mulia. Keadaan-keadaan (*ahwal*) dan perilaku mulia tersebut sebenarnya merupakan salah satu watak juga kriteria yang ketinggiannya umpama tinggi bintang (di langit). Iaitu suasana yang tidak mampu kita gambarkan juga tak mungkin kita dapat mencapainya.

Adapun kata-kata, keadaan, juga perilaku daripada bahagian kedua adalah hal-hal yang mampu kita tiru dan ikuti, juga berjalan di atas jalan 'cahaya'nya berasaskan kesediaan, kemampuan dan usaha masing-masing.

Walaupun amat mustahil bagi seorang manusia biasa untuk mencapai darjat Nabi Muhammad SAW, tetapi hendaklah kita menanamkan dalam diri kita "Muhammad kecil" iaitu dengan mengikuti perilaku dan petunjuk Baginda SAW secara berterusan. Umpamanya, tentera-tentera Uthmaniyah telah diberi gelaran "*al-Muhaimid*" iaitu al-Junaid al-Muhammady "Tentera Muhammad Kecil" kerana mendapat ilham daripada semangat keperwiraan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

Di samping itu juga, kita tidak lupa untuk memahami dan mengmbil tahu kadar atau nilaian harta yang wajib disedekah bagi menyempunakan tanggungjawab kita iaitu mengeluarkan zakat. Namun begitu, kita tidak mampu mengetahui kadar amal kebajikan yang wajib kita tunaikan untuk tujuan menyelesaikan tanggungjawab kita berbanding perolehan dan kemampuan yang diberikan Allah pada kita. Justeru itu, kewajiban kita ialah beribadah kepada Allah SWT dengan segala kemampuan yang kita miliki hingga ke akhir hayat kita.

Dalam konteks ini, sebaik-baik ukuran dan kriteria untuk menilai perihal diri kita ialah kaum Muhajirin dan Anshar yang dididik dan diajarkan langsung oleh Rasulullah SAW. Bagi melahir dan membuktikan tanda syukur di atas nikmat yang telah mereka perolehi, mereka sanggup bermusafir ke tempat-tempat jauh hingga sampai ke tanah China dan Samarkand. Mereka juga tidak merasa jemu, penat ataupun bosan dalam perjalanan atau semasa musafir, malah terus bersemangat demi menyebarkan Islam dan Iman.

BAHAGIAN KETIGA

- Kebenaran hati dalam mengikuti Rasulullah SAW
- Keluahankan Rasa Cinta dan Rindu Kepada Rasulullah SAW Dengan Cara Mengikuti Sunnahnya
- Zaman Kebahagiaan: Cerminan akhlak Nabi Muhammad SAW dan Cinta Terhadapnya.
- Lantunan indah dalam cinta Rasulullah SAW
- Shalawat dan salam yang mulia atas Nabi Muhamad SAW

Kebenaran hati dalam mengikuti Rasulullah SAW

Para sahabat yang mulia telah banyak mengambil manfaat daripada Rasulullah SAW serta mengakui bahawa Baginda adalah teladan yang baik. Demi mencapai tahap akhlak seperti tahap akhlak para sahabat yang mulia, kita haruslah memperbaiki hati kita terlebih dahulu agar hasrat dan hajat yang sebenar tercapai. Hal ini kerana dalam Al-Qur'an terdapat ayat yang membicarakan tentang uswah hasanah (ikutan yang baik). Friman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللّٰهِ اُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللّٰهَ وَالْيَوْمَ الْاٰخِرَ وَذَكَرَ اللّٰهَ كَثِيرًا

﴿الْاَحْزَابِ: ٢١﴾

Ertinya: Sesungguhnya, bagi kamu pada (diri) Rasulullah itu model yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula banyak menyebut dan mengingati Allah. (Al-Ahzab: 21)

Seperti yang telah dijelaskan dalam ayat di atas, bahawa dua perkara penting iaitu harapan menemui Allah SWT dan kehidupan di hari akhir dan banyak mengingat Allah,

membentuk langkah-langkah penting yang wajib kita ambil agar kita mampu meniru keperibadian Rasulullah SAW yang agung.

Ibadah-ibadah ditunai atau dilaksanakan pada waktu tertentu yang telah ditetapkan, akan tetapi iman pula wajib dipelihara secara berterusan malah dijaga pada setiap masa. Dan waktu-waktu keseluruhannya diperuntukkan bagi melaksanakan tanggungjawab beriman kepada Allah SWT dan mencari keredaanNya. Oleh kerana itu, orang mukmin semestinya berada dalam keadaan meningati Allah secara berterusan. Supaya hatinya tidak lemah dan mampu melawan gangguan syaitan dan nafsu dengan cara yang benar, di samping tidak pernah melupakan Allah pada setiap waktu.

Oleh yang demikian, Allah SWT berfirman dalam Al-Quran:

يَآ اَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوا اذْكُرُوا اللّٰهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿الْاَحْزَابِ: ٤١﴾

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman, ingatlah kepada Allah, dengan mengingat (nama-Nya) sebanyak-banyaknya.[34]

Jelasnya ayat tersebut tidak nyatakan kepada kita batasan tertentu berkaitan jumlah serta ukuran mengingat tersebut begitu juga perintah mengingatiNya tidak dihad jumlahnya. Maka, setiap perintah yang *mutlaq* (tidak dibatas-batasi) tidak akan sempurna melainkan ia telah mencapai tahap

34. Al- Ahzab, 41.

kesempurnaan (*kamaal*).[35] Dan dalam hal ini barang siapa yang ingin menjadi hamba yang sempurna, maka haruslah ia mengingat Allah sebanyak-banyaknya di setiap kesempatan dengan kadar kemampuannya.

Dalam ayat yang lain, Allah SWT telah berfirman:

اَلَّذِينَ اٰمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللّٰهِ اَلَا بِذِكْرِ اللّٰهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿الرَّعْدِ:٢٨﴾

Ertinya: (iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenang dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah hati menjadi tentram. (Ar-Ra'd: 28)

Maksud 'mengingat Allah' dalam ayat di atas bukanlah sekadar mengulang-ulang lafaz zikir tanpa penghayatan terhadap maknanya. Akan tetapi, kita diwajibkan agar menempatkan 'zikru Allah' dalam hati kerana pusat emosi atau perasaan adalah hati. Bahkan, setiap insan sepatutnya berasa seronok semasa mengingati Allah SWT. Kesannya, apabila seseorang mukmin sentiasa mengingati Allah SWT serta penuh penghayatan dalam hati mampu menjauhkan hatinya dari segala macam penyakit serta menyucikannya dari segala macam noda dan karat. Setelah itu dapat dimasukkan ke dalam hati 'kilauan cahaya' disamping memperoleh kesan sifat lemah lembut dan perasaan baik seterusnya menjadikan hatinya selalu dahagakan 'rahsia Ilahi'. Ketika degupan jantung

35. Segala sesuatu yang tidak disebutkan jumlah dan ukurannya maka ia bermaksud untuk pencapaian sesuatu.

bersatu dengan sebutan "Allah", maka niat seorang hamba dan amalannya akan bertambah besar dan mulia. Oleh itu, Rasulullah SAW bersabda dalam hadithnya:

"Tanda cinta pada Allah adalah cinta untuk selalu mengingatiNya" (Baihaqi, 1, 367 ; Suyuthi, C, 2, hal. 52)

Orang-orang yang mencintai sesuatu tidak akan melupakan sesorang yang dicintainya walaupun sekejap. Sesiapa yang ingin merasakan kemanisan iman perlulah dia berterusan mengingati Allah pada setiap waktu: dalam keadaan berdiri mahu pun duduk atau berbaring. Malahan, menjadi kewajipan kepada seseorang untuk menghayati dan merenung sedalam-dalamnya tentang hikmah disebalik penciptaan langit dan bumi oleh Allah SWT. Firman Allah SWT takala memberi gambaran di atas ialah:

رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هٰذَا بَاطِلًا ﴿آلِ عِمْرٰنَ: ١٩١﴾

Ertinya: Ya Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan semua ini sia-sia; Maha suci Engkau, lindungilah kami dari azab neraka. (Ali Imran: 191)

Manakala hati-hati yang belum merasai kesan kelembutan dan kenikmatan semasa mengingati Allah SWT sebenarnya hatinya tidak berminat kepada 'Allah'. Sejajar dengan itu, Allah SWT berfirman:

فَوَيْلٌ لِلْقَاسِيَةِ قُلُوبُهُمْ مِنْ ذِكْرِ اللّٰهِ أُولٰٓئِكَ فِي ضَلَالٍ مُبِينٍ ﴿الزُّمَر: ٢٢﴾

Ertinya: Maka celakalah mereka yang hatinya telah membatu untuk mengingat Allah. Mereka itu dalam kesesatan yang nyata (Az-Zumar: 22)

Mana-mana insan yang menjauhkan diri daripada mengingati Allah sepertiman yang telah dinyatakan dalam di atas sesungguhnya dia kehilangan perasaan dan nilai kemanusiaan.

Justeru, bagi membolehkan seseorang itu mengikuti keperibadian Rasulullah SAW serta mengambil manfaat daripada perkara yang disukai dan diingininya perlulah memenuhi hatinya dengan perasaan cinta dan kasih kepada Allah SWT. Di samping itu perlulah juga dia menjauhi dirinya daripada tergoda dengan godaan hawa nafsu dan kemewahan dunia. Sebaliknya, perlulah dia meletakkan pengharapan kepada Allah serta mengharapkan kehidupan di hari akhirat serta selalu mengingati Allah SWT.

Keluahankan Rasa Cinta dan Rindu Kepada Rasulullah SAW Dengan Cara Mengikuti Sunnahnya

Sesungguhnya bibit-bibit kecintaan dan kerinduan yang mendalam kepada Nabi Muhammad SAW dapat ditonjolkan dengan cara mengikuti jejak langkahnya umpama sebuah ma mahkota yang diletakkan di atas kepala. Begitu juga dengan cara tunduk serta patuh sepenuh hati dan jiwa kepadanya. Hal ini kerana individu yang memiliki perwatakan seperti itu adalah gambaran rahmat abadi bagi menunjukkan nilai kemanusiaan dalam kehidupan.

Dalam al-Qur'an digambarkan bahawa hati Nabi Muhammad SAW penuh dengan rasa kasih sayang kepada seluruh orang-orang mukmin sepertimana firman Allah SWT:

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَؤُفٌ رَحِيمٌ ﴿التَّوْبَة: ١٢٨﴾

Ertinya" Sesungguhnya, telah datang kepadamu seorang Rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaan yang kamu alami, (dia) sangat menginginkan (keimanan dan

keselamatan) bagimu, penyantun dan penyayang terhadap orang-orang yang berimam. (At-Taubah: 128)

Sementara itu, sebuah hadith telah membicarakan tentang kasih Rasulullah SAW dan sayangnya Baginda kepada umatnya. Dari Abdullah bin Mas'uud RA berkata:

Kira-kira sebulan sebelum kewafatan Rasulullah SAW, Baginda mengunjungi kami. Apabila menghampiri saat perpisahan dengannya, Baginda menggumpulkan kami di rumah Aisyah RA., *Ummu al-Mu'minin*. Kemudian Baginda SAW memandang kami lalu berlinanglah air mata dari kedua matanya dengan sangat deras, Baginda bersabda:

"Selamat datang semua, semoga Allah memanjangkan umur kalian, merahmati kalian, menaungi kalian, menolong kalian, mengangkat kalian, memberikan manfaat dan hidayah kepada kalian, memberi rezeki kepada kalian, memberi taufiq kepada kalian, memberikan keselamatan kepada kalian, serta menerima kalian di sisiNya, aku berwasiat kepada kalian untuk sentiasa bertaqwa kepadaNya, dan aku memohon kepada Allah SWT agar sentiasa bersama kalian, dan Dia menentukan daripada kalian seorang pemimpin".[36]

Rasulullah SAW merupakan seorang *mursyid (pemberi petunjuk)*, pembimbing dan penunjuk, serta rahmat yang meliputi seluruh elemen kehidupan manusia dengan segala perbuatan, perkataan, dan kehidupan serta akhlaknya. Semasa menjalankan da'wahnya, Rasulullah SAW meletakkan bebanan yang paling besar dan perjuangan yang paling berat

36. Tabrani, al-awsat, juz: 4, 208.

di atas bahu Baginda. Malahan, kesukaran itu kadang-kadang melewati kesabaran dan semangat juang Baginda. Rasulullah SAW sanggup meletakkan dirinya dalam keadaan bahaya dan bencana semata-mata ingin melihat umatnya mendapat hidayah dan rahmat.

Sehinggakan Allah SWT memberi peringatan kepada Baginda SAW agar tidak membahayakan diri sendiri dalam menjalankan tugas dakwah. Allah berfirman dalam Al-Quran:

فَلَعَلَّكَ بَاخِعٌ نَفْسَكَ عَلٰىٓ اٰثَارِهِمْ اِنْ لَمْ يُؤْمِنُوا بِهٰذَا الْحَدِيْثِ اَسَفًا ﴿الْكَهْفِ: ٦﴾

Ertinya: "Maka barangkali engkau (Muhammad) akan mencelakakan dirimu kerana bersedih hati setelah mereka berpaling, sekiranya mereka tidak beriman kepada keterangan ini (Al-Quran). (Al-Kahfi: 6)

Dan Allah SWT berfirman dalam ayat lainnya:

لَعَلَّكَ بَاخِعٌ نَفْسَكَ اَلَّا يَكُوْنُوا مُؤْمِنِيْنَ ﴿الشُّعَرَاءِ: ٣﴾

Ertinya:"Boleh jadi engkau (Muhammad) akan membinasakan dirimu (dengan kesedihan), kerana mereka (penduduk Makkah) tidak beriman. (As-Syu'ara': 3)

Jelaslah, ayat-ayat di atas menjadi bukti yang kukuh bahawa Nabi Muhammad SAW sangat ingin semua manusia yang hidup di dunia ini beriman kepada Allah SWT. Di samping itu ingin menyelamatkan seluruh manusia dari mendapat azab

neraka bagi membuktikan bahawa Baginda SAW sangat kasih dan sayang kepada umatnya.

Rasulullah SAW telah menumpahkan rasa cinta, perasaan sayang dan kasih mengasihi kepada umatnya dengan sebanyak-banyaknya. Oleh itu, sebagai umatnya kita seharusnya memikirkan bentuk pemberian yang sesuai sebagai balasan dari cinta dan kasih sayang Baginda.

Hakikatnya, ukuran kecintaan kita kepada Rasulullah SAW hanya dapat ditonjolkan apabila kita berpegang dengan Al-Qur'an dan sunnah Rasul. Selain itu, cuba menempatkan diri kita di tempat Baginda SAW (ikut merasakan keadaan beliau). Oleh itu, bagaimanakah para sahabat yang mencintai dan mendambakan diri kepada Baginda SAW dapat merasa dan mengerti keadaan Baginda? Bagaimanakah mereka bersimpati dengan Baginda SAW? Bagaimana mereka mencerminkan akhlak Baginda SAW dalam kehidupan mereka? Persoalannya, di mana (kedudukan) kita dalam keadaan-keadaan begini?

Justeru itu, kita seharusnya menilai tahap menghiasi kecintaan kita kepada Rasulullah SAW berdasarkan kriteria-kriteria tersebut, juga kita perlu menghiasi hati kita dengan akhlak Baginda SAW. Di samping itu, kita wajib membersihkan diri kita dari pelbagai macam dosa dan kesalahan, serta kekurangan diri kita. Bersihlah diri kita sebagaimana kita membersihkan badan kita dengan air zamzam. Malahan, kita wajib wajib meneruskan kehidupan kita dengan penuh penghayatan selari dengan tuntunan Baginda SAW.

Antara rahsia yang boleh membawa kita sampai pada Allah SWT ialah mendekatiNya dengan *qalbun salim (hati*

yang bersih), ikhlas hati menerima apa yang terkandung dalam kitabNya juga sunnah dan petunjuk Rasul SAW. Rahsia lainnya ialah dengan menunjukkan rasa kasih dan kecintaan kepada apa yang disukai oleh Allah SWT dan RasulNya dan menunjukkan rasa benci terhadap apa yang dibenci oleh Allah SWT dan RasulNya.

Cinta Ilahi mampu menghidupkan hati, memberi ketenteraman kepada hati, serta menjadi sesorang istiqamah dalam melakukan kebaikan. Sementara itu, kecintaan dan kebencian adalah dua perkara yang berlawanan dan tak mungkin akan menyatu dalam hati pada satu masa. Oleh itu, jika salah satunya terhakis, maka yang lain akan mengisinya. Dan perbezaan antara dua keadaan yang berlawanan seumpama tempat yang jaraknya tiada terbatas iaitu dua tempat yang sangat tinggi setinggi-tingginya dengan tempat yang rendah serendah-rendahnya.

Seindah-indah gambaran ialah bait-bait syair yang diungkap oleh penyair Adib Kamal Karkajo Ozil ketika menceritakan perihal orang mukmin yang lalai dan jauh dari sunnah Rasulullah SAW serta kecintaan kepadanya dalam syairnya seperti berikut:

> "Alangkah ruginya orang yang hidup jauh dari kasih sayang Rasulullah".
>
> "Sungguh dia telah rugi di dunia dan akhirat disebabkan kelalaiannya".

Alangkah ruginya orang yang tersekat untuk mendapatkan kasih sayang Rasulullah, dan dia akan menjadi orang-orang

yang lalai dan rugi di dunia dan akhirat. Ya Allah jadikanlah kami sebagai umat yang sentiasa mencintai Nabi Muhammad SAW, Baginda ialah satu-satunya punca rahmat dan kasih sayang yang tidak dimiliki oleh makhluk ciptaan lain.

Amat menakjubkan, setiap apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW kepada sekalian umat manusia, juga kepada orang-orang yang berjuang keras untuk kepentingan da'wah dan memberi petunjuk pada mereka dibalas dengan hinaan dan lemparan batu terhadap Baginda SAW. Malah, Rasulullah SAW mendoakan mereka dengan kebaikan dan tidaklah Baginda SAW mendoakan keburukan atas mereka. Zaid bin Harithah RA pernah bertanya kepada Baginda SAW:

"Ya Rasulullah! Sesungguhnya mereka telah menzalimimu dengan kezaliman yang amat keji. Maka tidakkah engkau akan mendoakan keburukan atas mereka sekarang?". Seperti kebiasaanya Rasulullah SAW mendoakan mereka agar diberi hidayah dan ditunjukkan kebenaran kerana Baginda diutus sebagai rahmat bagi seluruh alam. Malah, Baginda SAW tidak pernah mendoakan manusia agar ditimpa kebinasaan.

Adakah kita akan ketemui seorang yang telah menunjukkan kualiti teladan dalam pengorbanan (yang tinggi nilainya), pencurahan jiwa dan raga (yang sangat jarang ditemui), kelembutan dan kasih sayang yang semuanya telah dipertontonkan oleh Rasulullah SAW!

Nilai kemanusiaan hadir bersama-sama perutusan kenabian Muhammad SAW, iaitu Nabi yang ditunggu-tunggu bagi memberi sebaik-baik tunjuk ajar dan memandu umat manusia ke arah kesempurnaan. Oleh yang demikian, sesiapa

yang meneruskan kehidupannya dengan berlandaskan hawa nafsu setelah melihat keperibadian Nabi Muhammad SAW (yang agung serta menjadi teladan yang terbaik), dialah orang akan memikul seberat-berat tanggungjawab berbanding orang-orang yang hidup pada zaman jahiliyyah sebelum perutasan Nabi SAW .

Dari sudut lain, sesungguhnya nilai kemanusiaan dalam kehidupan masa kini bertuankan nafsu yang dikaitkan dengan kekuatan. Oleh itu, umat manusia kini perlulah berusaha keras dalam membentuk keperibadian dan penampilan diri yang menyerupai keperibadian Rasulullah SAW.

Hakikat yang perlu kita terima ialah pengaruh terbesar dalam sejarah kejayaan manusia iaitu wujudnya orang-orang beriman yang beramal soleh. Amalan-amalan ini diwarisis daripada Rasululah SAW yang diakui memiliki keperibadian yang muli dan tinggi. Justeru, mereka telah menunjukkan teladan baik bagi masyarakat pada zaman mereka.

Begitulah jua keadaanya, dari apa yang kita perhatikan bahawa umat Islam seolah-olah berada dalam kesedihan dan kerugian dengan hilangnya nilai dan erti kemanusiaan. Amat rugi umat manusia zaman ini kerana teramat jarang kita temui seorang yang berkeperibadian seperti Rasulullah SAW. Iaitu keperibadian yang kita telah bincangkan.

Sekali lagi ditegaskan, kita seharusnya memiliki nilai kemanusiaan yang boleh dijadikan teladan oleh umat ini. Semoga kita dapat mengukukuhkan tahap keimanan kita sepertimana iman mereka Nabi Muhammad SAW, juga dapat mendekati orang-orang yang hatinya dipenuhi dengan

ketenangan dan semangat tinggi. Contoh-contoh tersebut adalah sebaik-baik contoh yang pernah dipelajari dalam sejarah manusia. Sehubungan itu, kita mestilah mendengar dari mereka, menghayati perjuangan mereka, memahami, serta kita berusaha untuk mencapai sebahagian daripada nilai-nilai kerohanian (berkaitan dengan hati).

Justeru, wajib bagi kita menilai dengan bijak dan jauhari bagaimana kita hendak berurusan dengan dunia fana ini. Juga, bagaimana mereka menggunakan akal, sikap rendah diri, pengetahuan, ruh, serta harta yang telah diberikan oleh Allah SWT kepada mereka agar mampu membuka jalan bahagia bagi diri mereka dan bagi umat manusia sekalian.

Zaman Kebahagiaan[37]: Cerminan akhlak Nabi Muhammad SAW dan Cinta Terhadapnya.

Pengaruh batin dan pendidikan zahir Rasulullah SAW bagaikan permata yang merubah perilaku masyarakat jahiliyah yang bersikap kasar dan tidak mengerti banyak hal tentang kemanusiaan. Kemudian sampailah mereka dalam tempoh waktu yang singkat pada sebuah tatanan masyarakat yang mengalami peningkatan yang tidak dapat dibayangkan. Hal ini merupakan sebuah kegembiraan dalam sejarah umat manusia hingga kini; yang dimaksud tentunya adalah masyarakat para sahabat. Maka Nabi SAW telah membuat mereka saling melengkapi juga saling menyatu di bawah agama, panji, budaya, peradaban, syari'ah, dan hukum yang satu.

Dan pendidikan Rasul tersebut juga telah merubah para masyarakat jahiliyyah menjadi masyarakat yang beradab. Dan juga merubah orang-orang yang berbuat maksiat, kasar, dan suka membunuh menjadi orang-orang yang beradab dan soleh. Seperti halnya merubah orang-orang yang berbuat jenayah, kejahatan lagi kurang akalnya menjadi orang-orang yang bertaqwa; yakni menjadikan mereka sebagai orang-orang

37. Maksud zaman kebahagiaan dalam hal ini adalah zamannya Rasulullah SAW dan para sahabat.

yang soleh, hidup dalam kecintaan dan ketakutan pada Allah SWT.

Masyarakat jahiliyyah ini – yang tidak mampu mendidik satu orang pun yang mempunyai nilai dalam sejarahnya – telah menyaksikan kemunculan begitu ramai manusia yang disirami dengan sifat-sifat yang tinggi, telah diserap dengan naungan ruhani Rasulullah SAW serta ajaran-ajaran Baginda. Mereka telah membawa keimanan dan ajaran Islam serta memperkenalkannya ke seluruh pelusuk dunia. Mereka berusaha sekuat tenaga untuk menyinari dengan pelita ilmu pengetahuan. Dan yang terjadi adalah bahawa cahaya yang diturunkan di tengah padang pasir telah menjadikan keabadian di bawah naungannya. Kemudian mereka menyebarkan kebenaran, keadilan, serta cahaya kepada seluruh umat manusia. Hingga mereka menjadi rahasia "Kalau bukan engkau maka siapa".[38] Dan dengan ini terwujudlah tujuan Allah SWT dalam menciptakan seluruh mahluk.

Orang-orang yang dididik dan diasih oleh Rasulullah SAW kini telah membentuk masyarakat yang berpengetahuan. Ketika itu dikenali sebagai masa berfikir secara mendalam, masa mengenali Rasulullah SAW dan juga masa mengenal Allah SWT dari dekat. Para sahabat juga telah menjadikan persoalan tauhid sebagai fokus pemikiran dan pandangan akal mereka. Mereka telah berjaya menjauhkan kesenangan duniawi daripada bersarang dihati, bahkan mereka dapat mengecapi nikmat iman. Oleh itu, harta dan jiwa mereka dianggap sebagai

38. Lihat hadits "laulaka ma khalaqtu al-aflak, Hakim, juz: 2, 672/4228.

wasilah (perantara), dan bukan tujuan utama (matlamat). Mereka menyebar luaskan rahmat. Membantu sesama mereka atau memberi khidmat kepada orang lain adalah pendekatan suci dan berharga yang mereka tetapkan dalam kehidupan mereka. Dengan itu, mereka telah melakukan pengorbanan yang besar dalam memberi teladan baik kepada keperibadian muslim. Pengorbanan ini dapat dibuktikan melalui suatu kisah seorang yang ingin mendapatkan hadith sanggup keluar musafir selama sebulan semata-mata ingin menulis satu hadith sahaja, kemudian kembali. Mereka tidak mengambil hadith dari perawi asal disebabkan wujudnya penipuan atau peniruan hadith (kecurangan).

Perkara yang diambil oleh sahabat-sahabat dari Rasululah SAW adalah:

- Pengadaptasian (penyesuaian keadaan para sahabat dengan dengan keadaan Rasulullah SAW) atau pantulan keperiadian dan lain-lain
- Mendekat diri dengan Allah SWT

Melalui kaedah dan cara di atas, para sahabat menyucikan diri mereka daripada sifat-sifat buruk dan keji, sentiasa berkelakuan dengan akhlak yang baik dan jujur dalam penghidupan mereka. Mereka juga telah mendapatkan pemahaman baru tentang Allah SWT, alam semesta, serta diri. Tujuan utama mereka ialah menyamakan keadaan mereka dengan keadaan Rasulullah SAW umpama pantulan matahari pada sebuah cermin yang kecil.

Kerajaan Islam yang kecil di Madinah, terdiri dari 400 keluarga, telah memperluas kekuasaannya hingga Iraq dan Palestin hanya dalam tempoh waktu 10 tahun sahaja. Semasa Rasulullah SAW wafat, kerajaan Islam sedang berperang dengan kerajaan Rom dan Parsi. Namun, para sahabat tetap tidak merubah cara hidup mereka. Juga tidak merubah tahap penghidupan dan tidak juga megubah bentuk bangunan rumah mereka dari keadaan mereka sepuluh tahun sebelumnya. Mereka tetap mempertahankan kehidupan dalam keadaan susah dan beribadah. Para sahabat tidak mengetahui gaya hidup yang berlebihan, berfoya-foya, juga mewah. Dan mereka selalu sedarbahawa "tempat tinggal diri (tubuh) ini nantinya ialah kubur." Maka dari itu mereka selalu menjauhkan diri dari mengumpulkan kesenangan duniawi, dan tidak menikmatinya secara melampaui batas. Para sahabat menggunakan segala kenikmatan itu untuk tujuan mencapai nikmat dan kelazatan iman. Ianya juga dianggap sebagai wasilah untuk mendapat petunjuk dan kebahagiaan dalam kehidupan manusia.

Salah satu daripada sebab-sebab utama penyebaran agama Islam berlaku dengan begitu pantas – umpama fajar Subuh – dalam kalangan umat manusia yang dizalimi dan tertindas serta dijajah ialah memahatkan ruh Islam ke dalam diri para sahabat ke mana juga mereka pergi. Hal ini kerana para sahabat yang mulia merupakan orang-orang yang dekat dengan Rasulullah SAW. Mereka juga merupakan orang-orang mukmin yang sangat luar biasa, selalu dipenuhi dengan ibadah, kebenaran, keadilan, hati yang kaya dengan sifat-sifat mulisi dan cahaya kerasulan. Justeru, mereka melihat manusia dengan penuh kasih sayang umpama mata Khaliq (Pencipta)

melihat para makhluknya dengan penuh kasih sayang kepada hambaNya di atas muka bumi.

Mereka telah menempatkan Allah SWT dan RasulNya di kedalaman lubuk hati mereka. Begitulah keadaannya dari sebuah masyarakat yang tidak tahu membaca dan menulis hingga menjadi sebutir 'mutiara' dalam kemodenan (madinah) dan pusat ketamdunan manusia. Dan hati mereka selalu mengulang-ulang kata-kata hikmat, "Apa yang Allah SWT inginkan daripada kita? Dan bagaimana Allah SWT akan meredai kita? Dan bagaimana sukanya Rasulullah SAW apabila melihat kita?"

Hakikatnya, mereka ini telah banyak mencorak masa dan zaman (masa bahagia dan mendapat kejayaan), memuliakan manusia dan nilai kemanusiaannya pada zaman kebahagiaan. Orang-orang yang beriman telah telah membebaskan diri dari belenggu nafsu jahat yang mengajak pada keburukan. Kemudian mereka telah menjadikan dirinya jiwa yang selalu memohon, beramal serta merendah diri hinggakan orang badwi yang kasar menjadi seperti malaikat.

Imam Qarafy, salah seorang ulama' ushul dalam syari'at Islam (wafat tahun 684 H), berkata:

"Jikalau Rasulullah SAW tidak mempunyai satu mu'jizat apapun, namun Baginda mendidik para sahabat yang mulia, maka hal ini telah cukup untuk mengukuhkan bahawa Baginda adalah seorang Rasul." Dan semua sahabat yang mulia merupakan sebuah perumpamaan hidup atas mu'jizat Al-Qur'an al-Karim. Mereka juga telah mencapai sumber kecerdasan, kearifan, serta nilai-nilai kemanusiaan yang lain.

Mereka telah hidup dalam zaman tersebut dengan mengimbangi setiap keperluan akal dan hati secara sama rata hingga sampai kepada darjat kesempurnaan keimanan. Dengan keimanan yang kuat, mereka sepadukan pemikiran dengan perasaan, semangat, dan ruh. Mereka semua hidup berasaskan hakikat kebenaran bahawa dunia ini bagi mereka adalah medan ujian. Akhirnya, hati mereka faham dan mengerti hakikat itu hasil daripada curahan atau limpahan kekuasaan dan keagungan Ilahi.

Oleh kerana itu mereka pergi ke Cina, Samarkand, serta Andalus untuk berdakwah iaitu menyeru pada kebaikan dan mencegah manusia daripada kemungkaran. Terhasilah, suatu masyarakat yang berkeadaan jahiliyah sebelumnya menjadi masyarakat menerima kebenaran malah mengetahui hakikat sebenarnya. Bagi mereka malam bertukar menjadi siang dan musim sejuk menjadi musim bunga. Pemikiran mereka berkembang, mereka mula memikirkan sesuatu di sekeliling mereka dengan pemikiran yang mendalam. Contohnya; penciptaan manusia dari nutfah (segumpal darah), penciptaan burung dari telur yang kecil, tumbuhnya tanaman dari biji yang mati, dan sebagainya. Mereka menyusun dan mengatur cara hidup mereka atas dasar keredaan Allah SWT. Justeru, kasih sayang dan kemampuan telah sampai ke hati-hati mereka sehingga mereka mampu mencapai kebenaran dan melaksanakannya dengan sebaik-baik cara.

Bagi para sahabat, masa paling indah dan damai dalam kehidupan ialah semasa menyebarkan risalah tauhid kepada seluruh umat manusia.

Sesuatu yang menakjubkan, seorang sahabat yang berbaki tiga minit daripada hayatnya iaitu sebelum ajal, masih bersyukur kepadaNya kerana melambatkan waktu ajalnya selama tiga minit seraya berkata:

"Diriku mempunyai tiga minit yang mampu aku gunakan untuk telah sampaikan da'wah/seruan Allah SWT." Dia menyuarakannya, namun hatinya cemburu dengan keadaan yang telah dialaminya.

Hasilnya, para sahabat hidup dengan berpandukan Al-Qur'an dan hidup bersama Al-Qur'an. Malah, mereka telah mendambakan hidup mereka untuk Al-Qur'an. Mereka telah menunjukkan semangat yang luar biasa; semangat yang tidak pernah disaksikan oleh sejarah. Mereka juga terdedah kepada pelbagai bentuk penyiksaan, tekanan, dan kezaliman, namun mereka tetap tidak meninggalkan nilai-nilai yang mereka percayai (dari al-Qur'an) selama-lamanya. Mereka bertindak meninggalkan harta dan kesenangan mereka untuk berhijrah dari negeri mereka agar mereka mengikuti gaya hidup berteraskan ayat-ayat yang diutus oleh Allah SWT. Bagi mencapai matlamat dalam setiap kebenaran mereka sanggup mengorbankan apa saja yang yang dimiliki.

Mereka mempunyai semangat dan keinginan yang sangat besar untuk mempelajari Al-Quran dan penghidupan dengan bukti-bukti yang ada di dalamnya. Mereka tidak akan meninggalkannya melainkan sudah terdesak atau berada dalam situasi yang amat bahaya. 'Abbad bin Bisyr RA dalam sebuah peperangan Rasulullah SAW berkata: "Rasulullah SAW tiba di sebuah rumah kemudian bertanya: "Siapa yang akan berjaga

kita malam ini?" Maka dua sahabat menawarkan diri. Satu dari Muhajirin (Ammar bin Yasir) dan satu dari Anshar (Ibad bin Basyar). Mereka berdua berkata: "Kami, Ya Rasulullah". Maka Rasulullah berkata: "Berjagalah kalian di kaki gunung". Mereka turun ke kaki yang berada di lembah. Ketika dua orang keluar ke kaki gunung, berkatalah salah seorang Anshar kepada salah seorang Muhajirin: "Waktu (malam) manakah yang kau ingin aku berjaga, awal atau akhir?" Dia menjawab: "Berjagalah kamu pada awalnya." Maka berbaringlah orang Muhajirin dan kemudian tertidur. Apabila dia terbangun, orang Anshar sembahyang. Kemudian datang seseorang, ketika dia melihatnya dia mengetahui bahawa dia adalah pengintip musuh. Maka dia menembaknya dengan panah, dia meletakkannya, kemudian dia melepaskannya. Kemudian dia tetap berdiri, kemudian menembakkan panah yang lain. Dia meletakkannya, kemudian kembali dia melepaskannya. Dia tetap berdiri kemudian melakukan untuk ketiga kalinya. Kemudian dia ruku' dan sujud. Kemudian dia membangunkan temannya dan dia berkata: "Duduklah! engkau telah diberi!" Kemudian dia melompat, dan ketika orang tadi melihat mereka berdua, dia merasa terancam kemudian melarikan diri. Ketika orang Muhajirin melihat apa yang dialami oleh orang Anshar yang tengah berlumuran darah, dia berkata: "SubhanalLaah, mengapa engkau tidak membangunkanku?" Dia berkata: "Aku sedang membaca surat Al-Kahfi, dan aku tidak ingin memotongnya hingga menyelesaikannya. Maka ketika dia meneruskan tembakan panahnya, aku sujud lalu aku membangunkanmu, Demi Allah seandainya aku tidak mengkhawatirkan kaki gunung yang Rasullah perintahkan

kepadaku untuk menjaganya pasti aku akan kehilangan jiwaku”[39].

Para sahabat yang mulia telah hidup dalam kehidupan yang berteraskan Al-Qur’an al-Karim. Mereka juga telah mendapatkan kenikmatan yang tiada bandingannya dalam setiap rukun-rukun agama. Dan bagi mereka, setiap ayat yang turun dari langit bagaikan jamuan yang turun dari langit. Mereka telah berjuang sekuat tenaga untuk mempelajari Al-Qur’an dan menjadikannya contoh dalam kehidupan mereka. Maka alangkah agungnya gambaran kecintaan dan semangat mereka kepada Al-Qur’an sepertimana yang ditunjukkan oleh seorang sahabat wanita yang reda menerima ayat-ayat yang dihafal oleh seorang sahabat lelaki dan kemudiannya mengajarkan ayat-ayat yang dihafal sebagai mahar pernikahannya.[40]

Para sahabat juga sembahyang tahajud pada malam hari, melantunkan zikir dan wirid mereka hingga ke waktu sahur. Begitu juga mereka membaca Al-Qur’an di atas tilam yang hangat (hendak tidur). Hinggakan salah seorang dari mereka berjalan di rumah mereka dalam kegelapan malam, dia mendengar lantunan zikir dan bacaan Al-Qur’an seperti mendengar dengungan lebah.

Rasulullah SAW mengajar mereka Al-Qur’an dalam keadaan yang sangat sukar seperti yang diceritakan oleh Anas RA:

---

39. Sunan Abu Daud, Taharah, 78/198. Musnad Ahmad, juz: 3, 344. Al-Baihaqi, dalail nubuwwah, 3, 459. Ibnu Hisyam, juz: 3, 219.
40. Sahih Bukhari, nikah, 6, 32, 35, fadhail al-qur’an, 21, 22. Sahih Muslim, nikah, 76.

Pada suatu hari, dia bertemu dengan Abu Thalhah, ketika itu Nabi SAW sedang berdiri membacakan ayat-ayat al-Qur'an kepada para sahabat. Di atas perutnya ada pembatas dari batu, untuk menahan rasa lapar. Dan kesibukan mereka adalah memahami dan mempelajari Al-Qur'an, serta melantunkan ayat-ayat Al-Qur'an dan mengulang-ulangnya. (Abu Nu'aim, al-hilyah, juz: 1, 342.)

Para sahabat telah mengambil teladan dari Rasulullah SAW. Oleh itu, kota Madinah Al Munawwarah akhirnya dipenuhi dengan para ulama' dan penghafal Al-Quran.

Begitulah masa kejayaan dan kebahagiaan yang tidak dapat disamai oleh zaman lainnya.

Maka lihatlah, jika dikumpulkan seluruh ahli falsafah, pakar psikologi, ahli sosiologi, pakar pendidikan, dan seluruh ulama' di seluruh dunia, dapatkah mereka membentuk sebuah masyarakat kecil dengan sifat dan perwatakan yang tinggi secara keseluruhan yang ada pada masa kejayaan tersebut? Jawabannya adalah: tidak. Dan mereka tidak mempunyai kemampuan untuk mencapai darjat terendah sekalipun dari masyarakat pada zaman keemasan. Sebagai contoh, kitab Al-Faraby yang berjudul "*Al-Madinah Al-Fadhilah* (Kota yang Mulia)" dan pengibaratan dari perencanaan sebuah masyarakat percontohan yang dicetuskan oleh Al-Faraby itu adalah kahayalan belaka.

Rasulullah SAW merupakan sumber kecintaan dan kasih sayang yang tiada tandingannya. Sumber itu merupakan sesuatu yang membawa manusia kepada lautan cinta Allah SWT kerana kecintaan terhadap Rasulullah SAW berasal dari kecintaan kepada Allah SWT. Ketaatan kepada Rasulullah SAW berpunca dari ketaatan pada Allah SWT. Menderhakai Rasulullah SAW merupakan perbuatan maksiat pada Allah SWT. Dalam hal ini Allah SWT berfirman dalam Al-Qur'an:

قُلْ اِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللّٰهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللّٰهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللّٰهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿اٰلِ عِمْرٰنَ: ٣١﴾

Ertinya: Katakanlah (Muhammad): "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah Aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu." Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (Ali Imran: 31)

Dalam kalimat tauhid, terdapat ayat "*Muhammadur Rasuulullaah*" selepas ayat "*Laa ilaaha illa Allaah.*" Setiap kalimat tauhid dan setiap solat merupakan pengiktirafan yang paling tinggi kepada Nabi Muhammad SAW yang akan menjadi 'modal' untuk mendapat kecintaan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Seluruh kebahagiaan dunia dan

akhirat serta kemenangan yang bermakna tercapai melalui 'modal' kecintaan kepada Baginda SAW. Dunia merupakan penjelmaan dari kecintaan Ilahi manakal cahaya Muhammad SAW membentuk permata daripada penjelmaan tersebut. Dan satu-satunya jalan untuk mencapai zat Ilahi adalah melalui kecintaan kepada Rasulullah SAW.

Hakikatnya, seluruh keindahan seperti keindahan nilai-nilai kebatinan (rohaniah) dalam ibadah, kasih sayang dalam pergaulan, ketinggian akhlak dan perilaku, kelembutan hati, cahaya dan kebaikan di langit, kefasihan lidah, perasaan yang halus, dan kedalaman berfikir, adalah cerminan pada hati hasil daripada kecintaan kepada Rasulullah SAW yang diibaratkan sebagai cahaya dari kewujudan Allah SWT.

Alangkah indahnya kata-kata Maulana Jalaluddin al-Rumi bagi mengambarkan situasi di atas, katanya:

"Kemarilah wahai hati, perayaan yang sebenar ialah menuju ke hadrat Muhammad SAW. Kerana cahaya dunia berasal dari keindahan cahaya dari kewujudan diri (Baginda SAW) yang diberkati."

Dan dalam hal ini kita mengetahui bersama bahawa satu-satunya perantara yang tak mungkin kita tinggalkan untuk mencapai keredaan Allah SWT dan cintaNya adalah mengikuti contoh teladan Rasulullah SAW. Iaitu seseorang mukmin tidak mampu menjadi "insan kamil" atau manusia teladan – objektif sebenar agama Islam – selagi dia tidak mengikut jejak Rasulullah SAW dan petunjuknya dalam setiap ibadah dan perlakuannya, mereka tidak dapat mencapai ketenangan dan kebahagiaan dunia yang sebenarnya. Hal yang demikian

kerana Allah SWT telah menunjukkan contoh teladan “insan kamil” kepada manusia. Islam telah melatakkan sasaran (hadaf) pembentukan insan kamil melalui peribadi Rasulullah SAW. Allah SWT juga telah menjadikan Baginda SAW sebagai rahmat bagi sekalian alam, teladan bagi seluruh umat Islam.

Sehubungan dengan itu, ketaatan kepada Rasulullah SAW telah menjadi suatu yang penting hinggakan Allah SWT menjadikannya sebagai syarat bagi hamba-hambaNya untuk mendapatkan cinta dariNya. Bagaimanakah bentuk ketaatan tersebut?

Tidak syak lagi bahawa sesungguhnya ketaatan itu bermula dari rasa cinta kepada Rasulullah SAW dari hati yang jernih dan suci. Hasilnya akan terbentuk dalam lubuk hati kerana Allah SWT telah menyatakan dalam Al-Qur’an al-Karim mengenai kewajiban mencontohi Rasulullah SAW yang menjadi ‘*uswatun hasanah*’:

وَمَآ اٰتٰيكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهٰيكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

﴿الْحَشْرِ: ٧﴾

Ertinya: Dan apa sahaja yang diperintahkan Rasul kepadamu, maka penuhilah. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukumannya. (Al-Hasyr: 7)

Dalam ayat lain Allah SWT berfirman:

يَآ اَيُّهَا الَّذِينَ اٰمَنُوٓا اَطِيعُوا اللّٰهَ وَاَطِيعُوا الرَّسُولَ وَلَا تُبْطِلُوٓا اَعْمَالَكُمْ ﴿مُحَمَّدٍ: ٣٣﴾

Ertinya: Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul dan janganlah kamu merusakkan (pahala) amal-amalmu. (Muhammad: 33)

FirmanNya lagi:

وَمَنْ يُطِعِ اللّٰهَ وَالرَّسُولَ فَاُولٰٓئِكَ مَعَ الَّذِينَ اَنْعَمَ اللّٰهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيّٖنَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَآءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ اُولٰٓئِكَ رَفِيقًا ﴿النِّسَاءِ: ٦٩﴾

Ertinya: Dan sesiapa yang mentaati Allah dan Rasul (Muhammad), maka mereka itu akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi nikmat oleh Allah, (iaitu) para nabi, Para pecinta kebenaran, orang-orang yang mati syahid, dan orang-orang salih. Mereka itulah teman yang sebaik-baiknya. (An-Nisa': 69)

Sesungguhnya Al-Quran merupakan pelita, petunjuk, dan kitab pedoman ajaran Ilahi yang diturunkan oleh Allah SWT terus ke hati Nabi Muhammad SAW agar ditunjukkan kepada seluruh umat manusia tentang kekuasaan dan keagungan Allah SWT. Pastinya rahsia-rahsia Al-Quran akan dapat dicungkil dan diterokai melalui lipatan hati nurani Rasulullah SAW. Jika kita dipelawa secara terhormat untuk masuk ke 'alam' ini sepertimana sahabat, pastinya kita mampu mencapai

bahagia. Iaitu kebahagian ketika melihat realiti keindahan dan kemegahan Ilahi, semasa mencari hikmah tersirat di sebalik setiap suruhan dan larangan serta saat memperoleh ilmu dan hikmah yang terdapat dalam rahsia-rahsia tersebut.

Kesimpulannya, jika kita mampu membaca atau mempelajari kalam Ilahi juga penerangannya serta penjelmaan ayat-ayat melalui alam hati Rasulullah SAW, hati-hati kita boleh menjadi 'rama-rama' yang mengelilingi Rasulullah SAW umpama 'kekasih-kekasih' (para perindu) Nabi SAW yang berada pada zaman kebahagian dan kejayaan. Untuk kita memahami setiap kalimat, suruhan dan isyarat yang ditujukan kepada Baginda SAW dan juga untuk kita sampai ke tahap rindu, kasih dan berserah diri seperti yang digambarkan melalui kata-kata berikut: "*Ya Rasulallah, fidaaka bi abiy, wa ummiy, wa maaly, wa ruuhy*"

"Wahai Rasulullah, aku tebus diri engkau dengan ayahku, ibuku, hartaku dan ruhku"

Sesungguhnya kemunculan Nabi SAW yang menjadi sumber aliran dan cahaya, serta tempat bernaungnya kecintaan kepada manusia. Orang-orang yang berilmu mengetahui bahawa sebab wujudnya isi alam ini ialah kerana kecintaan Ilahi kepada 'nur' Muhammad. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa seluruh alam semesta adalah sebuah hadiah kepada Nabi Muhammad SAW. Manakala seluruh isi alam pula telah diciptakan kerana kemuliaan nur Muhammad SAW dan boleh dianggap sebagai penjaga bagi Baginda SAW. Diri Baginda SAW umpama permata dan mutiara manakala alam semesta adalah perisai bagi permata dan mutiara itu.

Maka layaklah peribadi tersebut (Rasulullah SAW) dipanggil oleh Allah SWT dengan panggilan "*habiby*" (kekasihku).[41]

Inilah dia kebahagiaan untuk orang-orang yang beriman dan memberikan hati-hati mereka Allah SWT dan RasulNya SAW serta di curahkan kecintaan kepadanya. Kecintaan tersebut telah mendapat kedudukan yang tinggi di mata mereka dibandingkan dengan kecintaan-kecintaan terhadap yang lain.

Sesungguhnya mendekatkan diri kepada hakikat Muhammad SAW akan tercapai dengan wujudnya rasa cinta dan kasih berbanding akal.

Dan telah terbuka langit Rabi'ul Awwal – yang memulikan kedatangan Nabi SAW ke alam semesta ini – untuk orang-orang mukmin sebagai rahmat dan pengampunan.

Sepertimana yang diceritakan (oleh sumber-sumber rujukan Sirah) bahawa sesungguhnya Sayyidah Thuwaibah RA merupakan salah seorang daripada ibu susuan Rasulullah SAW. Thuwaibah RA merupakan hamba kepada Abu Lahab, bapa saudara juga musuh Rasulullah SAW. Apabila Tsuwaibah memberitahu kepada Abu Lahab berita gembira tentang kelahiran anak saudaranya, Abu Lahab membebaskannya kerana fanatik perkauman yang sangat kental dalam dirinya. (Al-Halby jilid 1, 137)

41. Tirmidzi, manaqib, juz: 1/3616. Musnad Ahmad, juz: 6/241.

Kegembiraan menerima kelahiran Rasulullah SAW walaupun atas dasar fanatik perkauman sudah memadai untuk meringankan azab Abu Lahab pada hari Isnin setiap minggu.

Abbas RA bercerita tentang hal ini, katanya:

"Aku menunggu setahun lamanya setelah kematian Abu Lahab namun tidak melihatnya dalam tidur (mimpi), kemudian aku melihatnya dalam keadaan yang sangat buruk, kemudian berkata:

"Tidak aku temui selepas kamu masa-masa senang (istirahat) kecuali azabku yang diringankan setiap hari Isnin. Hal ini kerana Rasulullah SAW dilahirkan pada hari Isnin, pada hari itu juga Thuwaibah telah menyampaikan kabar gembira pada Abu Lahab dengan kelahiran Nabi SAW. Dia berkata (kepada Abu Lahab): Aku sampaikan padamu bahawa Aminah telah melahirkan seorang putera kepada saudaramu, Abdullah. Maka Abu Lahab berkata padanya: "Pergilah, engkau sekarang telah bebas (merdeka)". Tindakan sedemikian telah memberi manfaat yang besar kepada Abu Lahab ketika dia berada di dalam neraka. Samalah halnya dengan saudaranya Abu Talib, dialah ahli neraka yang paling ringan azabnya. (As-Suhaili, Ar-Raudhul Anfu 1, 273)

Dalam riwayat yang lain, Abu Lahab berkata:

"Aku tidak akan mendapat apa-apa kebaikan kecuali aku disiram dengan pembebasan Thuwaibah." Kemudian dia menunjuk pada celah jari iaitu yang berada di antara ibu jari dan jari-jemari lainnya.[42]

---

42. Ibnu Katsir, al-bidayah, juz: 2/277, Kairo, 1993. Al-Baihaq, sunan al-kubra, 7, 162.

Berkata Ibn al-Jauzy:

Jika musuh Nabi Muhammad SAW Abu Lahab sahaja diringankan azabnya dalam neraka jahannam kerana kegembiraan yang ditunjukkan walaupun atas dasar fanatik perkauman pada hari lahirnya Nabi SAW, maka apa yang bakal diperoleh oleh orang-orang mukmin dari pelbagai bentuk kemuliaan dan kelembutan Ilahi, jika Abu Lahab menunjukkan penghormatan pada malam kelahiran Rasulullah SAW dan membuka hati serta jamuannya untuk mununjukkan tahap kecintaan kepada insan kebanggaan alam semesta yang abadi! Maka wajib diadakan sebanyak-banyak majlis yang penting dan juga pengisian kerohanian dalam bulan Rabi'ul Awal iaitu bulan kelahiran Rasulullah SAW. Sama seperti mewajibkan umat manusia mengadakan "walimah" untuk mendapat manfaat secara rohaniah pada bulan yang penuh berkat ini dan juga pembaharuan dalam kekuatan batin dan kerohanian. Kita berkewajiban menggembirakan hati-hati yang sedang bersedih dengan pembacaan Al-Qur'an al-Karim, dan juga berbuat baik dengan segala bentuk kebaikan. Juga berkewajiban memberi sedekah pada orang-orang fakir, yatim, para musafir, dan pengembara serta orang yang berhajat.

Kecintaan para sahabat yang mulia kepada Rasulullah SAW

Para sahabat mencintai Rasulullah SAW dengan sebenar-benar cinta yang tidak mungkin dapat digambar dan dijelaskan sejauhmana cinta dan betapa tingginya tahap cinta mereka. Cinta sebegini akan tercapai dengan wujudnya kecintaan dan

cahaya Ilahi sahaja dan amat mustahil untuk tercapai selain cara tersebut.

Setiap orang daripada sahabat telah ditauti dengan satu ikatan persahabatan yang berterusan ketika bersama Rasulullah SAW umpama satu aliran yang mengalirkan perasaan cinta. Mereka menjadi seperti bintang-bintang di langit yang ada hubungkait dan pertalian dengan langit. Begitulah keadaannya pada diri setiap sahabat malah sering kedengaran bunyi: "Beginilah apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW". Dan demi mendapatkan pulangan yang baik dan pasti (kepada mereka) dengan mengikuti segala perlakuan Rasulullah SAW. Mereka berjalan di atas jalan yang dilalui oleh Rasulullah SAW, mencium aroma bunga mawar yang dicium oleh Nabi SAW, memakai wangi-wangian sama dengan apa yang dipakai oleh Nabi SAW serta berhenti di tempat-tempat di mana Rasulullah SAW berhenti.

Hakikatnya, gambaran tahap cinta yang membara dan kasih yang kental telah ditunjukkan oleh para sahabat kepada Rasulullah SAW tidak dapat dihitung dan dinilai. Bukti kecintaan tersebut dapat dilihat melalui beberapa contoh yang masyhur sepertimana yang dijelaskan oleh Sayyidatina Aisyah RA ketika menceritakan tentang kening Rasulullah SAW yang 'bersinar', dia berkata:

> Ketika penduduk Mesir mendengar sifat-sifat Rasulullah,
>
> mereka tidak menghabiskan duit mereka untuk meracuni Yusuf

fitnah Zulaikha akan terjadi seandainya dia melihat kening Baginda

Lantas perempuan-perempuan itu akan lebih suka memutuskan hatinya daripada memutuskan jarinya.

Maka Rasulullah SAW secara pastinya adalah seorang hamba dan manusia berdasarkan gambaran kesempurnaan diri sepertimana yang telah diungkapkan dalam kalimat syahadat. Namun jika dilihat dari persepktif sejarah kerasulan, Baginda adalah "*sayyidur-rusul*". Betapa indahnya apa yang dikatakan ustaz Aziz Mahmud Hadaii, yang telah melihat alam misteri. Beliau berkata:

Alam ini ibarat cermin, maka yang ada di dalamnya adalah benar, maka Allah selalu dapat dilihat dari cermin Muhammad SAW.

Sesungguhnya Rasulullah SAW adalah tempat utama penjelmaan cinta Ilahi yang amat tinggi setelah bersepadu dengan kecintaan terhadap metafora dalam fitrah insan dan penciptaannya. Pastinya, setiap seorang mukmin apabila melahirkan perasaan yang unik dan takut pada Ilahi. Begitu juga apabila ruhnya terlepas dari segala macam bentuk keinginan dan syahwat. Itulah langkah pertama setiap seseorang untuk mendapatkan sebahagian rasa cinta dan apa yang berkaitan dengannya serta penyatuan dengan Baginda SAW. Dalam hal ini, Maulana Jalaluddin Rumy berkata:

“Telah diciptakan dua alam demi satu hati[43] dan jiwa, maka berpikirlah tentang makna kalimat: kalau bukan kerana engkau (Muhammad), tidak akan diciptakan semesta”.

Dalam konteks ini, jelaslah bahawa kecintaan Rasulullah SAW memberi pengaruh yang sangat kuat untuk meninggikan darjat manusia di dunia dan di akhirat. Melalui kaedah inilah (kecintaan), para sahabat yang mulia telah mendapatkan darjat yang tinggi yang tidak dapat dikurangkan oleh siapapun iaitu dengan mencintai Rasulullah SAW.

Dan sebuah gambaran lagi untuk pembaca ialah gambaran kecintaan para sahabat yang mulia kepada Rasulullah SAW yang tiada setanding dengannya adalah:

Ketika masa hijrah, keluarlah Rasulullah SAW untuk pergi ke dalam gua bersama Abu Bakar RA. Maka dia berjalan kadang-kadang di depan Rasulullah SAW dan kadang-kadang di belakangnya, hinggakan Baginda SAW mengetahuinya dan bertanya kepadanya:

“Wahai Abu Bakar, mengapa engkau berjalan di depanku sesaat dan seketika yang lain ldi belakangku?”.

Maka dia berkata:

“Wahai Rasulullah, aku mengingat permintaan maka aku berjalan di belakangmu, kemudian aku mengingat pencarian, maka aku berjalan di depanmu”. Kemudian Rasulullah berkata:

43. Qalbu ialah hati anggota badan, fuad ialah sesuatu yang timbul di hati, lub ialah inti dari sesuatu.

“Wahai Abu bakar, jika kalau ada sesuatu yang aku suka engkau sahaja yang melakukannya tanpa aku?

Lalu Abu bakar berkata:

“Baik, demi Allah yang telah mengutusmu dengan hak, tidak ada yang lebih tepat melainkan hal itu, aku sahaja yang melakukan tanpa dirimu. (Al-Hakim, al-mustadrak, 3,7/4268)

Dan sesampainya di gua Thur, Abu Bakar RA berkata kepada Rasulullah SAW:

“Wahai Rasulullah, biarkanlah aku masuk sebelum engkau barang kali ada ular atau sejenisnya di dalam maka aku ada sebelum engkau”. Maka masuklah Abu Bakar dan mulailah ia meraba-raba dengan kedua tangannya. Setiap kali ia melihat lubang, ia menutupnya dengan pakaiannya, kemudian menutupinya dengan batu. Kemudian dia melakukan hal yang sama dengan seluruh pakaiannya. Tinggallah satu lubang, maka ia meletakkkan tumitnya di atasnya hingga masuklah Rasulullah SAW. Kemudian Nabi SAW bertanya:

“Di mana pakaianmu wahai Abu Bakar?” Kemudian ia menceritakan tentang apa yang telah diperbuatnya. Kemudian Nabi SAW mengangkat kedua tangannya ke langit dan mendoakannya.[44]

Dan dari sisi lain, alangkah indahnya kisah kecintaan sahabat kepada Rasulullah SAW terlihat dari cerita Sayyidah Samira binti Qais RA yang sudah kehilangan 5 orang dari keluarganya di peperangan Uhud iaitu dua orang anaknya ,

44. Ibnu Katsir, al-bidayah, juz: 3, 222-223.

ayahnya, suaminya dan saudara laki-lakinya. Kota Madinah ketika itu gempar dengan kabar wafatnya Rasulullah di medan perang dan terbungkamnya suara–suara di Madinah dan suara jeritan kesedihan terdengar sampai ke Arsy. Penduduk kota berhamburan ke jalan jalan mencari berita dari orang orang yang datang dari medan peperangan. Seorang sahabat perempuan Ansar yang telah kehilangan 5 orang dari keluarganya dia tidak sedih ketika mendengar syahidnya semua ahli keluarganya, akan tetapi dia justeru bertanya kepada orang-orang yang kembali dari medan peperangan bagaimana kabar Rasulullah, maka sahabat yang mulia menjawab Rasulullah dalam keadaan baik baik berkat rahmat Allah baik sebagaimana yang engkau harapkan, maka Sayyidah Samira menjawabnya:

"Perlihatkanlah kepadaku, aku ingin melihatnya". Lalu para sahabat mengisyaratkan Rasul kepadanya maka dia berkata: "Setiap musibah setelah engkau wahai utusan Allah adalah perkara besar". Dia lalu kembali ke Madinah dengan kedua anaknya menunggganghaiwan tunggangannya. (lihat Sirah Ibnu Hisyam juz 3 hal 51, Al Waqidi juz 1 hal 292, Al Haythami juz 6 hal 115)

Anas bin Malik RA meriwayatkan: "Datang seorang laik laki kepada Rasulullah kemudian bertanya bila terjadi hari kiamat?". Rasul menjawabnya: "Apa yang telah engkau parsiapkan untuk Hari kiamat?". Laki laki itu menjawab: "Mencintai Allah dan Rasul-Nya". Rasul menjawabnya: "Engkau nanti bersama dengan orang yang engkau cintai".

Anas berkata:

"Tidak ada yang lebih menggembirakan kami setelah kami memeluk Islam daripada sabda Nabi SAW: engkau bersama

dengan orang yang engkau cintai. Aku mencintai Allah dan Rasul-Nya dan Abu bakar dan Umar maka aku berharap bersama mereka sekalipun aku tidak beramal sebagaimana amalan mereka. (Muslim bab Al-Birr hal 163)

Tidaklah meragukan lagi, sesungguhnya setiap orang yang beriman agar ia dimasukan ke dalam golongan orang yang diberikan kabar gembira seperti yang telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW, maka ia harus menghiasi hatinya dengan perasaan suka, kerinduan, dan kecintaan kepada Rasulullah SAW.

Keadaan para sahabat ketika wafatnya Rasulullah seperti keadaan lilin yang terbakar sampai meleleh kerana perasaan sedih pada hari itu. Terbakarlah hati mereka dengan api kesedihan dalam waktu singkat bersamaan dengan wafatnya Rasulullah SAW. Para sahabat berubah keadaannya, misalnya Umar bin Khattab RA hilang kesedarannya dan Abu Bakar Ashidiq RA berusaha semampunya untuk menenangkan para sahabat. Kerana sesungguhnya hati para sahabat, yang amat mencintai Rasulullah SAWdan yang tidak mampu menahan beban kerinduan melewati hari tanpa melihat Rasulullah SAW, tidak mampu untuk menghadapi kenyataan bahawa mereka tidak akan melihat Rasulullah SAW lagi di dunia yang fana ini untuk selamanya. Dan seperti ini bentuk kesedihan para sahabat yang tidak mampu menahan beban kesedihan kerana kepergian Rasulullah SAW, misalnya Abdullah bin Zaid RA mengangkat tangannya ke langit dan berdoa dengan perasaan yang sangat sedih dan patah hati:

“Ya Allah, butakanlah kedua mataku agar aku tidak dapat melihat apa-apa lagi setelah kepergian kekasihku SAW hingga aku dapat bertemu dengannya lagi”. Dia membaca doa ini dari hati yang paling dalam dan matanya menguraikan air mata dengan tersedu-sedu sehingga dia tidak dapat melihat tempatnya.[45]Abu Bakar RA ketika menyebut hadist Rasulullah SAW setelah kepergian beliau dan setiap kali mengingatnya pecah tangisnya, minitiskan air mata dan berhenti berbicara. Abu Hurairah RA menceritakan hal tersebut lalu dia berkata: Pada suatu hari Abu bakar naik ke atas mimbar kemudian berkata: «Rasulullah SAW berdiri di atas mimbar pada tahun pertama”, lalu dia menangis dan mengulang kalimat kedua kalinya, kemudian menangis lagi dan mengulang lagi kalimat tersebut ketiga kalinya dan dia tidak mampu menguasai dirinya sendiri dan menangis untuk ketiga kalinya (Lihat: Tirmidzi, Adda›wat 105/3558, Ahmad juz 1,3)

Abu Bakar yang hidupnya setiap waktu selalu berada di samping Rasulullah SAW sekalipun, selalu merasa rindu kepadanya, bahkan setelah wafatnya Rasulullah SAW bertambah rasa kerinduannya. Sayyidah Aisyah menceritakan kedekatan dan kecintaan yang dirasakan oleh ayahnya kepada Rasulullah SAWdan dia berkata:

«Abu Bakar RA ketika menjelang ajalnya bertanya: Ini hari apa? Mereka menjawab: Hari Isnin. Dia berkata: Seandainya aku mati pada malam ini maka jangan menunggu nunggu esoknya, sesungguhnya hari kematian yang aku sukai

45. Aljami,qurthuby,Beirut1985,juz5 hal 271.

adalah hari yang dekat dengan hari meninggalnya Rasulullah». (Ahmad Juz 1,8)

Kemudian beliau meninggal pada hari Isninsebelah petang menjelang malam dan dikebumikan sebelum subuh. (Al-Bukhori , Al-Janaiz 94/70)

Para sahabat yang mulia kerana kerinduannya kepada Rasulullah SAW memandang dengan wajah yang gembira kepada orang sakit di saatkeadaannya kritikalkerana mereka akan bertemu dengan Allah dan Rasulullah SAW dan mereka mengirimkan salam kepada pemilik hati iaitu junjungan kita Nabi Muhammad SAW. Muhammad bin Almunkadir RA ketika mengunjungi Jabir bin Abdullah RA di saatkeadaan sakitnya kritikal dia berkata kepadanya untuk menghiburnya: «Wahai Jabir sampaikan salamku kepada Rasulullah SAW» (Ibnu Majah, Al-Janaiz, 4)

Para sahabat yang mulia yang merindukan Rasulullah SAW sangat merasa gembira dan bahagia pada saat mendengar tentang kenangan yang berkaitan dengan beliau. Sahabat Bara bin Azib RA menceritakan tentang keinginan ayahnya yang selalu ingin mencari kesempatan untuk dapat mendengar tentang kenangan Rasulullah SAW kemudian berkata:

«Abu Bakar RA membeli pelana unta dari sahabat Azib seharga tiga belas dirham kemudian Abu Bakar berkata kepada Azib: Perintahkanlah Bara untuk membawa barangnya kepadaku, kemudian Azib berkata: Tidak akan aku hantar, hingga engkau bercerita kepadaku apa yang engkau dan Rasulululllah SAW lakukan ketika engkau keluar dari kota Makkah dan orang-orang musyrik mengejar engkau

berdua. Abu bakar berkata: Kami pergi dari kota Makkah dan melakukan perjalanan siang malam hingga waktu terik matahari aku mengalihkan pandanganku mencari tempat berteduh kemudian aku mendatangi bebatuan lalu aku melihat bebatuan lainnya dan aku ratakan dan aku persiapkan untuk tempat istirahat Rasulullah SAW lalu aku berkata kepada beliau: Berbaringlah wahai Rasulullah lalu beliau berbaring. Kamudian aku pergi ke sekeliling tempat tersebut mencari barangkali dapat meminta pertolongan seseorang, kebetulan ada seorang pengembala biri-biri yang sedang membawabiri-birinya ke padang Sahara lalu aku bertanya kepadanya: Kepunyaan siapa engkau nak? Dia menjawab: Kepunyaan laki-laki Quraisy yang aku kenal, lalu aku bertanya: Adakah susu padabiri-birimu? Dia menjawab: Ya. Bolehkah engkau memerah susu untuk kami?[46]Dia menjawab: Ya, lalu aku memerintahkannya dan dia mengikat biri-birinya dan memerah susunya lalu aku menyuruhnya untuk menggoyangkan kedua telapak tangannya lalu dia menjawab: Seperti memukulkan salah satu kedua telapak tangannya lalu dia memerah susu secukupnya .

46. Kebiasaan orang Arab adalah mempersilakan setiap musafir untuk meminta susu biri-biri dan unta mereka. Mereka mengingatkan kepada para pengembala mereka dan mensyaratkan pada calon para pengembala mereka untuk tidak melarang para musafir yang melintas meminta susu gembalanya. Oleh kerananya Rasulullah SAW bersabda: "Allah SWT tidak berbicara pada tiga golongan manusia, orang yang melarang musafir meminta air lebih yang dia miliki, orang yang bersumpah palsu atas barang dagangannya, seseorang yang membaiat seorang pemimpin bukan kerana Allah dan bukan kerana berdasarkan kemampuannya". (Abu Dawud, Al-Buyu' 60/3474)

Aku membuat tempat untuk minum Rasulullah SAW yang terbuat dari kain lalu aku tuangkan susu tersebut hingga membasahi bahagian bawahnya kemudian aku bawa kepada beliau yang sedang bangun dari tidurnya lalu aku berkata: Minumlah wahai Rasulullah, lalu beliau meminumnya sampai aku merasa puas lalu aku berkata: Sudah waktunya untuk berangkat wahai Rasulullah, beliau menjawab: Benar, lalu kami berangkat dan kamum Quraisy sedang mencari kami. Tidak ada yang menemukan kami selain Suraqah Bin Malik Bin Ju'syum yang menunggangi kuda lalu aku berkata pencarian ini sudah menemukan kita wahai Rasulullah lalu beliau berkata: Janganlah engkau takut sesungguhnya Allah bersama kita (At-Taubah: 40)". (Al-Bukhari, Ashab Nabi, 2, Ahmad Juz 1,2)

Para sahabat memuliakan Rasulullah SAW, mengagungkannya serta mencintainya dengan kecintaan yang dalam dan penuh kemuliaan hingga sebahagian dari mereka tidak mencukur rambut kepala depan mereka dan tidak menyikatnya kerana Nabi SAW pernah memegangnya. (lihat: Abu Dawud bab Sholat 28/501)

Dan alangkah indah sebuah peristiwa yang menggambarkan kecintaan para isteri sahabat kepada Rasulullah SAW dan bagaimana mereka mengajarkan kecintaan tersebut kepada anak-anaknya. Mereka memarahi anak-anaknya pada saat mereka tidak menemui Rasulullah SAW dalam waktu yang lama . Kisah tersebut di ceritakan oleh Hudzaifah bin Yaman RA, dia berkata:

"Kapan engkau bertemu dengan Rasulullah? Kemudian aku berkata: Aku tidak menjumpainya sejak waktu sekian,

sekian dan sekian, maka dia memarahiku, kemudian aku berkata kepadanya: Biarlah nanti aku menemui beliau kemudian aku sholat magrib bersama Rasulullah hingga menyelesaikan sholat isya kemudian aku mengikutinya dan beliau mendengar suaraku lalu beliau berkata: Siapakah engkau, Hudzaifah? Aku menjawab: Benar, lalu beliau berkata: Apa yang kamu perlukan, Allah telah mengampunimu dan Ibumu…». (Tirmidzi, Manaqib 30-3781, Ahmad juz5, 391)

Keadaan Bilal RA seorang muadzin Rasulullah SAW yang diberi gelar Bulbul masjid Nabawi (sejenis burung yang bersuara merdu) lebih mengharukan dari perkara di atas. Setelah wafatnya Rasulullah SAW seakan akan lisannya telah terputus dan tidak dapat membuka suaranya lagi dan hatinya terasa pedih di Madinah. Di masa Khilafah Abu Bakar RA, beliau ingin mengulangi kenangan yang terjadi masa Rasulullah SAW dengan suara adzan Bilal dan beliau meminta Bilal berkali kali untuk melakukan adzan akan tetapi Bilal yang hatinya terlanjur pedih kerana kerinduannya kepada Rasulullah SAW berhalangan dan beralasan kepada Abu Bakar:

«Wahai Abu Bakar, setelah wafatnya Rasulullah SAW aku tidak mempunyai keinginan lagi untuk mengumandangkan adzan maka janganlah paksa diriku dan biarkanlah keadaanku sendiri». Akan tetapi Abu Bakar RA memohon dengan sangat kepada Bilal untuk melakukannya agar mengingatkan umat Islam dengan waktu-waktu terindah bersama Rasulullah SAW dan dia berkata: «Apakah engkau ingin mengahalangi suara muadzin Rasul dari umat sebagaimana engkau ingin menghalanginya dari Rasulullah SAW».

Mengahadapi permohonan seperti itu Bilal tidak sanggup untuk menolaknya, sekalipun dia bergerak menuju tempat adzan dalam keadaan wajah tertunduk dan berlinangan air mata untuk mengumandangkan adzan sholat subuh hanya sahaja kenangan masa masa indah bersama Rasulullah SAW terbayang di depan kedua matanya dan mulai isak tangisnya sehingga memutus suaranya dan dia tidak mampu mengeraskan adzannya, kemudian Bilal pulang dan Abu Bakar tidak pernah mendesak Bilal lagi.

Selepas kejadian tersebut Bilal RA tidak mampu untuk tinggal di Madinah lagi kerana kota tersebut penuh dengan kenangan kenangan bersama Rasulullah SAW, setelah selesai menunaikan sholat shubuh dia langsung pergi meningglkan Madinah dan berangkat ke Damaskus.

Bilal mengikuti banyak peperangan untuk mendapatkan mati syahid dan menginginkan untuk segera menyusul Rasulullah akan tetapi setiap kali kembali dari medan peperangan dia selalu dalam keadaan selamat berkat izin dan keputusan Allah. Dan keadaan seperti itu berlangsung bertahun tahun hingga wabah melanda kota Damaskus dan menewaskan 25 ribu orang, berkat izin Allah SWT Bilal tetap selamat dari wabah tersebut hanya sahaja dia hidup dalam keadaan hatinya terbakar kerana rindu bertemu Rasulullah SAW. Sampai suatu hari dia bermimpi bertemu Rasulullah SAW,dan Rasulullah SAW berkata kepadanya:

«Kekasaran apakah ini wahai Bilal? Sudah waktunya engkau mengunjungiku?" Bilal sedar dalam keadaan sedih, dan menungganghaiwan tunggangannya dan menuju

Madinah kemudian langsung menziarahi makam Rasulullah SAW dan menangis di sisinya hingga airmatanya membasahi wajahnya lalu datang Hasan Husein *"dua wewangian syurga"* dua cucu Rasulullah SAW lalu Bilal langsung memeluk dan menciuminya, keduanya berkata kepada Bilal: "Wahai Bilal kami ingin sekali mendengar suara adzanmu". Lalu Bilal mengiyakan dan menuju menara mesjid dan berdiri. Pada saat dia mengucapkan: "Allahu akbar Allahu akbar", suara itu mengejutkann penduduk Madinah dan kemudian pada saat mengucapkan: " Asyhadu an-la ilaha illa allah", bertambah terkejut mereka, kemudian sampai kalimat "Wa asyhadu anna Muahammad rasulullah", para wanita keluar dari bilik-bilik mereka dan mereka berkata: "Rasulullah telah bangkit". Tidak pernah terjadi setelah wafatnya Rasulullah SAW, suatu hari dimana banyak sekali lelaki dan perempuan menangis di kota Madinah selain hari itu. [47]

Sahabat mulia tersebut yang selalu merindukan Rasulullah SAW, wafat pada umur yang mencapai 60 tahun di kota Damaskus. Dan di tengah-tengah sakaratul mautnya dia selalu memperlihatkan kegembiraan dan suka cita: «Besok kami akan bertemu orang orang tercinta, Nabi Muhammad SAW dan pengikutnya» .

Isterinya berkata dalam keadaan menangis «Oh alangkah sedih». Adapun Bilal yang hati sedang penuh kerinduan untuk bertemu Rasulullah SAW dan sahabatnya memperlihatkan

47. Lihat: Ibnu Atsir "Asadul Ghoyah" juz 1,244,255/ Adzahaby, Siyar A'lam Nubala,Beirut 1986 juz 1 hal 357,358

kegembiraan dan berkata «Oh alangkah bahagia» (Adzahaby, Siyar A›lam Nubala juz 1 hal 359)

Dengan jelas kita melihat kecintaan yang mendalam dari para sahabat kepada diri Rasulullah SAW dalam meriwatakan hadis beliau. Ketika mereka sedang meriwayatkan hadis terlihat wajah mereka menjadi pucat dan menggigil ketakutan kerana khawatir mereka meriwayatkan sesuatu yang Rasulullah SAW tidak pernah katakan. Misalnya sahajasahabat Abdullah bin Mas›ud RA menggigil ketakutan ketika mengatakan:»Rasulullah SAW berkata …» dan para sahabat setelah meriwayatkan hadis selalu mengatakan: «atau seperti yang Rasul katakan, atau menyerupai apa yang Rasul katakan atau kalimat kalimat yang mengandung erti demikian". Demikian itu kerana takut melakukan kesalahan yang biasa terjadi pada manusia biasa. (Ibnu Majah, Muqoddimah hal 3)

Kerana Rasulullah SAW adalah utusan Allah yang agung, batang kurma yang menjadi penyangga berdiri beliau di ketika berbicara di depan umat sampai menangis kerana kepergiannya. Air mengalir dari kedua tangannya untuk di minum umatnya. Dan baki air yang tinggal dari beliau adalah penawar segala penyakit . Orang yang sedang berada dekat dengannya mendengar bagaimana makanan yang sedang beliau santap mengucapkan tasbih[48]. Beberapa helai rambut dan janggutnya yang mulia masih tersimpan rapi dan penuh penghormatan di mimbar masjid-masjid dengan nama *"al-lihyah as-syarifah"* *(Janggut yang mulia)* sebagai

48. Untuk melihat mukjizat dan lain sebaginya lihat: Bukhori bab Manaqib hal 25

bentuk penghormatan dan pengagungan padanya juga untuk mendapatkan berkah, hal demikian adalah sebagai bentuk rahmat untuk orang orang yang beriman.

Beliau adalah pemimpin seluruh umat manusia di hari kiamat,

Beliau adalah pemberi syafaat untuk orang orang yang berdosa,

Beliau adalah orang yang merasakan kepedihan umatnya sambil berkata:Wahai umat ku umatku …

Bendera segala puji ada di genggaman tangannya,

Semua Nabi berlindung di bawah perlindungan beliau,

Tangan pertama yang membuka pintu syurga adalah tangan beliau.

Alangkah indah lagu yang dilantunkan oleh Syeikh Gholib yang menjelaskan tentang Rasulullah:

Semua nasihat engkau selalu dibaca dan dilantunkan sepanjang masa,

Syariatmu, syafaatmu dan ucapanmu menjadi pedoman dan dasar pada hari kiamat,

Kedatanganmu yang mulia disambut dengan penuh sukacita dan kegembiraan oleh penghuni Arsyi,

Namamu selalu di sebut di langit dan di bumi,

Engkau adalah Ahmad (yang terpuji), engkau adalah Mahmud dan engkau adalah Muhammad hanya kepadamu doa rahmat dan kesalamatan wahai junjunganku!

Engkau adalah sultan pilihan Allah yang Haq untuk memimpin kami wahai junjunganku!

Curahan cinta yang selalu mengalir atas Rasulullah SAW setelah masa para sahabat yang mulia

Gelumbang kerinduan dan kecintaan kepada orang yang menjadi rahmat untuk semua umat manusia,seorang utusan Tuhan semesta alam terus selalu membawa arus yang baru yang semakin dalam ibarat laut yang tanpa tepi. Keranakunci kebahagian dan keselamatan di dunia dan di akhirat adalah kecintaan terhadapnya.

Rasulullah SAW menjelaskan dalam hadistnya yang mulia bahawa orang-orang yang mencintainya akan terus ada sampai datangnya hari kiamat lalu, beliau berkata:

«Sesiapa dari umatku yang sangat mencintaiku, akan datang nanti suatu ketika, salah satu dari mereka berharap seandainya bertemu denganku sanggup mengorbankan keluarga dan hartanya.» (Muslim, bab Jannah 12, Al-hakim juz 4 95/6991)

Gambaran tersebut menjelaskan dengan jelasbahawa kecintaan kepada Rasulullah SAW menurut pandangan orang-orang yang mencintai dan merindukannya melewati batas-batas cubaan dan musibah yang fana. Abdullah bin Mubarak berkata:

"Aku di samping Imam Malik, dan beliau sedang mengajarkan beberapa hadist dan di tengah-tengah membaca hadist tampak dari wajahnya tanda-tanda bahawa beliau sedang menahan sakit hingga memucatkan mukanya, hanya sahaja beliau tidak menghentikan membaca hadist tersebut dan menyelesaikannya sampai akhir. Pada ketikapara hadirin sudah meninggalkan tempat aku bertanya kepadanya:

Wahai Abu Abdillah, aku melihat hari ini sesuatu yang sangat pelik pada dirimu, kemudian beliau menjawab: Benar, di saat aku sedang mengajar seekor kalajengking mengahampiriku dan menyengatku sebanyak enam belas kali hanya sahaja aku menahan semuanya untuk menghormati hadist Rasulullah SAW»[49]

Imam malik tidak pernah meungganghaiwan tunggangannya di Madinah kerana menghormati tanah yang pernah diinjak oleh Rasulullah SAW. Ketika ada seseorang yang bertanya tentang sebuah hadist beliau langsung berwudhu, memasang serbannya, memakai wewangian, dan duduk di tempat yang tinggi setelah itu beliau baru mahu menjawabnya. Beliau mempersiapkan diri sebaik baiknya kerana spritual Rasulullah SAW. Beliau sangat memperhatikan dengan teliti dan sangat menjaga adabnya ketika sedang meriwayatkan sebuah hadist. Ketika beliau duduk di Raudhah (taman) yang mulia beliau berbicara dengan suara yang lirih. Ketika khalifah Abu Ja›far Al Mansur berbicara dengan suara keras, imam Malik berkata kepadanya:

49. Almanawy, Faidhul Qadir, Beirut 1994 juz 3 hal 333, Al Suyuty, Miftahul Jannah hal 52

«Wahai khalifah! Perlahankan suara engkau di tempat ini. Allah SWT melarang berbicara dengan suara keras di tempat Rasulullah SAW". Larangan dan peringatan tersebut untuk para sahabat yang lebih mulia dan utama.

Di lain waktu imam Malik memaafkan penguasa kota Madinah yang sudah zalim terhadapnya dan berkata: «Aku malu untuk berdebat di padang mahsyar nanti dengan salah satu keturunan Rasulullah SAW».

Sayyid Ahmad Yasawi salah seorang yang sangat merindukan Rasulullah SAW tidak berpergian dan mengembaraketika umurnya mencapai 63 tahun sebab kecintaan dan kerinduannya kepada Rasulullah yang wafat di umur yang sama. Dia hidup dalam keaadan menyendiri di sebuah tempat yang menyerupai makam selama sepuluh tahun sampai dia meninggal.

Imam Nawawi seorang ulama besar dan pakar hadist tidak pernah memakan tembikai seumur hidupnya kerana ketidaktahuannya bagaimana Rasulullah SAW memakan buah tersebut. Beliau setiap melakukan sesuatu dia akan melakukannya kerana keinginannya mengetahui lembaran hidup Rasulullah SAW dan kekhawatirannya melakukan sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW.

Adapun sultan Salim Al Usmani yang pertama menjadi penguasa dunia sungguh sudah mencapai hakikat Rasulullah SAW dan berpendapat bahawa setiap kekasih hati adalah di atas semua ukuran dunia dan kemudian dia berkata:

«Manusia yang menjadi penguasa dunia adalah gambaran dari perbalahan dan perjuangan yang tanpa makna».

«Hendaknya manusia mengikuti dan mencintai orang yang memberikan petunjuk hakiki dia adalah orang yang lebih tinggi dan lebih utama serta lebih berharga dari segala sesuatu».

Dengan menggunakan untaian syair ini, dia menjelaskan kerugiannya, kerinduannya dan pentingnya mendekatkan diri kepada rahmat Allah dan Rasul-Nya.

Dulu ada kebiasaan mengukir cincin dengan penggalan sebait syair atau kata-kata mutiara dari salah satuorang yang bijaksana. Sayyidah Bazmi Alam ibu dari salah satu sultan khilafah Turki Usmani mengukir cincinya dengan sebuah kalimat yang berertibahawa Allah menciptakan Alam semesta untuk memuliakan cahaya Muhammad dan mengagungkannya, dan Bazmi Alam bertutur tentang Nabi SAW:

> Sungguh munculnya Nabi Muhammad SAW adalah dari kecintaan Ilahi terhadapnya.
>
> Tidak ada kebaikan pada sebuah kecintaan yang lepas dari kecintaan kepada Nabi Muhammad.
>
> Dan kerana kemunculan dan kemuliaan sang kekasih, Bazmi Alam telah sampai kepada Tuhannya.

Adapun seorang penyair besar Alfudhuli Albagdadi menjelaskan tentang perasaan terbakar kerana kerinduan dalam syair terkenalnya yang bertajuk «Air»

Wahai mata janganlah engkau menitiskan air mata kerana api kecil dalam hatiku.

Air tidak akan mampu mematikan api yang terbakar dari api cinta tersebut.

Aku tidak mengetahui warna langit , apakah kubah langit berasal dari warna air ataukah air mata yang terus berlinang dan menitis dari mataku yang menjadikan warna tersebut sama.

Tukang kebun sebaiknya mengalirkan semua air ke tamansehingga hancur kebun tersebut dan tidak menyusahkan dirinya.

Kerana seandainya dia menyirami seribu taman, taman-tamantersebut tidak akan mampu menumbuhkan bunga mawar yang menyerupai wajahmu wahai Rasulullah SAW.

Wahai rakan-rakan terkasihku seandainya aku mati sebelum aku dapat mencium dua tangannya yang mulia.

Maka jadikanlah tanah makamku menjadi sebuah cawan untuk dipersembahkan kepada Nabi SAWoleh kerananya aku dapat menyentuh kedua tangannya yang mulia.

Air selalu mengalir tanpa henti sepanjang masa untuk membersihkan debu yang berada dalam kaki engkau yang mulia.

Kerana kecintaan,kerinduan,dan kegembiraannya kepadamu wahai Rasulullah SAW, air mengalir tanpa sedar memecahkan bebatuan.

Sulaiman Syalbi berkata mengungkapkan tentang matahari yang menyinari Rasulullah SAW ibarat rama-rama yang terbang mengelilingi pusat cahaya lalu dia berkata: «Rasulullah adalah cahaya dimana matahari bersinar menyinari sekelilingnya».

Sultan Turki Usmani Ahmad Khan mengukir bekas kaki Rasulullah SAW di atas serbannya agar mendapatkan inspirasi untuk selalu mengingatnya, dan merubah beberapa penggalan syair berikut:

> Seandainya aku membawa di atas kepalaku seperti apa yang aku selalu letakkan di mahkotaku,
>
> Bekas pijakan kaki Rasulullah SAW yang diberkahi seorang yang menjadi mahkota di antara para utusan Allah,
>
> Pemilik bekas pijakan tersebut adalah mawarnya taman kenabian,
>
> Wahai Ahmad pergilah dan lindungilah wajahmu dengan menggunakan bekas pijakan kaki Rasulullah SAW.

Ustadz Aziz Mahmud Hadai mengungkapkan tentang kerinduan tersebut lalu mengatakan:

> Kedatanganmu adalah rahmat, kenikmatan, kesucian, dan kelembutan wahai Rasulullah,
>
> Kemunculanmu adalah penawar derita kerinduan wahai Rasulullah,
>
> Berikanlah syafaat lahir batin bagi Hadai,

Dia meminta dengan sedih dan memohon mohon dengan berpegangan pada ambang pintu wahai Rasulullah.

Adapun penyair yang bernama an-Nabi pada ketika rombongan haji hampir mendekati Kota Madinah Munawwarah, dia sangat kecewa dan sedih kerana kedatangan salah satu pemimpinnya yang terlambat mendatangi Raudhah kerana lupa,kemudian dia menulis beberapa penggalan bait syair untuk mengungkapkan perasaannya yang mendalam dalam mengagungkan Rasulullah:

Waspadalah bertindak gegabah, ini adalah makam kekasih Allah,

Ini adalah tempat yang dicintai Allah dan makam manusia pilihan,

Wahai Nabi masuklah ke Raudhah dengan menjaga adab kesopanan.

Ini adalah tempat berkumpulnya orang-orang yang suci, tempat bertemunya para Nabi.

Para muadzin di Raudhah melantunkan pujian-pujian kepada Nabi SAW di waktu sembahyangshubuh kerana kerinduan suci yang meluap-luap dari hati. Panggilan lembut untuk Rasul kaum Arab dan manusia seluruhnya,iaitu Muhammad bin Abdullah SAW memberikanpengaruh yang luar biasa kepada penyair Nabi lalu dia masuk ke Raudhah dengan linangan air mata.

Adapun Sayyid Muhammad As›ad salah satu tokoh besar di masa-masa akhir ini mengungkapkan dengan ungkapan

yang sangat indah tentang rasa kerinduan, penderitaan, dan api kerinduan kepada Rasulullah SAW yang dia rasakan lalu dia berkata:

> Musim bunga bagi orang yang merasakan keelokan engkau wahai kekasihku berubah menjadi ibarat sebuah api,
>
> Pancaran wajahmu yang bersinar seperti matahari itu adalah yang membakar para pecinta seluruhnya.
>
> Lisan ibarat api, dada ibarat api, sampai kedua mata yang menangis kerana kerinduanya terhadapmu ibarat api,
>
> Apakah mungkin seorang yang syahid kerana kerinduan tersebut dapat dimandikan sekalipun api yang membakar ini .
>
> Tubuh ibarat api dan kain kafan ibarat api sehingga air wewangian untuk memandikan orang yang syahid tersebut adalah ibarat api.

Alangkah indahnya beberapa syair yang digubah oleh salah seorang penyair moden Yaman Dadah yang dulunya berasal dari pemeluk agama Nasrani, hanya sahaja dia mendapatkan kenikmatan dapat mengetahi hakikat Rasulullah dan dia berubah menjadi seorang muslim yang sangat mencintai dan merindukan Nabi SAW, kemudian dia berkata:

> Seandainya aku merasakan rasa dahaga yang luar biasa dan aku mengantarkan jiwaku berada di tengah-tengah padang Sahara yang membakar, sungguh aku tidak akan merasa menderita.

Letusan gunung berapi yang membakar dadaku hingga samudera menyiramiku aku tidak akan merasa basah dan segar.

Seandainya langit mencurahkan hujan api kepadaku dan aku basah kuyup kerananya, aku tidak merasakannya.

Hanya keelokanmu yang membahagiakanku, sungguh aku telah terbakar kerana cintamu wahai Rasulullah.

Alangkah indahnya sebuah kebahagian seorang manusia yang memejamkan matanya dengan cintamu dan mampu mengorbankan jiwanya untuk jalan menujumu.

Tidakk ah aku diperkenankan untuk mengorbankan dan menyerahkan jiwaku mencapai tanggamu wahai Rasulullah.

Sangat mudah aku memasrahkan jiwaku yang sedang menderita kerana perasaan rindu dan cinta kepadamu.

Hanya keelokanmu yang membahagiakanku, sungguh aku telah terbakar kerana cintamu wahai Rasulullah.

Aku menghantukrkan kepalaku, aku membungkukkan leherku, aku tersiksa. Sesungguhnya penawar deritaku hanya padamu.

Dua bibirku yang selalu melantun menyebutmu di hadapan kakimu terbakar kerana api kerinduan.

Hanya keelokanmu yang membahagiakanku, sungguh aku telah terbakar kerana cintamu wahai Rasulullah.

Alangkah indahnya syair yang di tulis oleh penyair kenamaan Kamal Adib Korkajo Ozil tentang kerinduan dan kegembiraan penduduk langit kerana naiknya Rasulullah ke langit pada hari Isra Mi›raj, dia berkata:

> Langit merasasangat terhormat kerana melihat wajahnya Rasul yang mulia malam mi›raj.
>
> Langit merasa bangga bersujud kepada bumi dengan sujud penuh rasa syukur.
>
> Dan Jibril (ruh kudus) meratap dengan rasa sedih menggunakan pakaian ihram setiap malam.
>
> Untuk menjadi tamu di tempat yang mulia dan disucikan iaitu kota Rasulullah SWA.
>
> Kerana rintihan orang yang melihat cahaya wajah sang utusan Allah sambil berkata: Seandainya aku melihatnya sekali lagi sungguh telah hilang akal kerana ketidaksedaran dan kehairanan.Sungguh pasti terkejut kerana keelokan wajahnya Rasulullah dan berteriak… Allah Allah!

Perwatakansahabat Nabi adalah pekerti yang sangat istimewa bagi sejarah manusia, mereka menjadi bintang yang bersinar di alam semesta kerana mencontohi Rasulullah sebagai teladan mereka. Orang-orang yang mengikuti jejak langkah Rasulullah dalam segala hal akan mendapatkan kebahagian sekarang dan selamanya. Mereka para sahabat yang mulia, orang shaleh, orang yang mempunyai kelebihan, kemuliaan dengan segala kemampuannya berusaha untuk mencontohi pekerti kebanggaan abadi jagad semesta iaitu Nabi Muhammad SAW.

Seberapa besar kecintaan kita terhadap Rasulullah SAW dibandingan oleh Abdullah bin Zaid RA, Bilal Alhabsyi RA, Imam An Nawawi, Sayyid Ahmad Yasawi dan lain sebagainya. Kita harus mengukur tingkat kecintaan kita terhadap Rasulullah SAW dan mengira-ngira sampai darjat mana kita layak dianggap sebagai umat Nabi Muhammad SAW. Kita juga harus menyirami kekeringan jiwa kita dengan kesedaran dan membangkitkan hakikat, semua itu dalam upaya menimbulkan kecintaan yang terus mengalir dari masa sahabat.

Pada kenyataannya para tokoh Islam yang disebutkan di sini tentunya merupakan suatu ukuran yang melampaui ukuran manusia lainnya dan bentuk perwatakan yang menjadi lambangbintang. Dan sesuatu yang menjadikan diri mereka tokoh-tokoh besar dalam hati orang beriman yang hidup setelahnya sampai hari kiamat adalah kecintaannya yang teramat, kerinduan, dan keterikatan yang mereka rasakan kepada Rasulullah SAW.

Dan kita tahu bahawasanya kecintaan adalah ibarat garis yang menghubungkan dua hati. Untuk menjadi seorang mukmin yang baik syaratnya adalah kesediaan hati untuk melakukan. Krisis yang dihadapi manusia ketika ini adalah ketidaksediaan hati, oleh kerananya nilai kebaikan menjadi debu yang bertaburan dan bercerai berai dalam ikatan hawa nafsu. Dan pada saat semua petunjuk dan bimbingan selalu berbentuk hawa nafsu dan duniawi maka tidak ada seseorangpun yang mampu menemukan jalan dan cara mencapai keluhuran jiwa.

Tidak mungkin manusia meningkatkan kerinduannya yang semu menjadi kerinduan yang hakiki sebagaimana tidak mungkin seorang Qais yang di juluki *majnun* (gila) sampai kepada kekasihnya dalam perjalanan cintanya yang dimulai oleh Laila kecuali dengan tunduk dan terlatihnya hati untuk mencari jalan cinta yang sejati. Manusia ketika ini sangat memerlukan bentuk rasa cinta seperti ini. Kerana ketiadaan rasa cinta tersebut akan menjadi punca segala malapetaka,kejahatan, dan keburukan.

Sesunguhnya kedalaman dan kesungguhan cinta hakiki diukur dari pengorbanan dan cubaan yang dilalui untuk mencapai kekasih yang kita cintai. Kerana orang yang sangat mencintai sanggup berkorban dengan jiwanya untuk mendapatkan orang yang dia cintai, tidak ada sedikitpun perasaan bahawa ia sedang berkorban akan tetapi ia merasakan seakan-akan sedang melunasi hutang yang wajib ia bayar. Hanya sahaja orang yang tidak mengetahui cinta hakiki dan tidak dapat merasakan kecintaan tersebut mereka tidak layak dengan tujuan yang dicari untuk sampai pada kesempurnaan dan mereka merugikan hati mereka dan merusaknya di bawah kendali hawa nafsu.

Memikul tanggung jawab dimana gunungpun enggan untuk memikulnya adalah sebuah dasar anugerahTuhan yang diperuntukan untuk manusia. Syarat terpenuhi kurnia ilahi dan kurnia dengan erti hakiki adalah kemampuan untuk sampai kepada cinta yang hakiki. Kerana pertentangan dan perseteruan dalam jiwa manusia mencair dan berakhir hanya pada cinta hakiki tersebut. Manusia yang sempurna

akan menyucikan jiwanya dahulu dari kecenderungan-kecenderungan haiwani dengan cerminan kebaikan yang dia contohi dari tokoh teladannya. Hatinya berubah ibarat kebun yang lengkap yang menyerupai kebun yang pintu hatinya terbuka melihat pemandangan ilahi.

Allah berfirman dalam Al-Quran Al-Karim:

وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي ﴿الْحِجْرِ: ٢٩﴾

Ertinya: Dan aku telah meniupkan ruh (ciptaan)-Ku ke dalam tubuhnya. (Al-Hijr: 29)

Allah mengingatkan kepada manusia tentang hakikat tingginya ruh manusia yang telah Allah berikan kepadanya. Kalau sahaja hakikat dan jiwa kemanusiannya mampu mengantarkan seorang yang berimana kepada kesempurnaan sebagai hasil dari kecintaan dan kerinduan, maka dari situ hati manusia mampu memutuskan tingkatan dan darjat menuju alam rahasia ilahi. Dan muncullah rahasia-rahasia yang disebut hakikat segala sesuatu,manusia dan alam semesta, dan seorang hamba Tuhan yang mampu memperlihatkan hati yang murni.

Seandainya manusia mampu mencapai kematangan dan kesempurnaan ini maka dia akan mulai mencari dan mengkaji tirai-tirai kealpaan atara Allah dengannya. Dia mampu mengurai rahasia «kematian sebelum mati» dan hilang di matanya keelokan dunia dan kecintaan terhadapnya yang fana, segala sesuatu hanya melintasi dan hilang lalu keluar dari kalbunya. Seperti itulah ruh ketika mendapatkan kenikmatan

yang tidak dapat dijelaskan keranakedekatannya dengan sang Khaliq.

Adapun orang-orang yang tidak pernah mencicipi rasa cinta yang hakiki maka tidak akan mampu melepaskan dirinya dari kecenderungan haiwani yang ada dalam diri setiap manusia iaitu hawa nafsu manusia. Mereka tidak akan mampu melangkahkan jejaknya pada darjat malaikat. Hati yang tidak mengenal cinta yang sebenarnya (cinta irfani) ibarat tanah yang gersang. Pengetahuan ada dalam sebuah kecintaan. Sumber kecintaan adalah pengetahuan kerana kecintaan adalah sebab adanya sebuah kewujudan (wujud). Sesuangguhnya kasih sayang ilahi yang telah menyelamatkan manusia dari kehinaan dan kerendahan dan mengangkatnya menuju kemuliaan adalah Rasulullah SAW yang telah memperkenalkan teladan yang mulia kepada manusia. Jalan kemulian hakiki adalah dengan mencari cinta yang sejati dan menyatu di dalamnya dan mengikuti petunjuk dan hidup dalam mencintainya.

Rasulullah SAW adalah kekasih alam semesta seluruhnya dan sebab terciptanya alam ini adalah kerananya. Beliau adalah kasih sayang Allah yang luhur. Beliau adalah orang yang memberi petunjuk dan menghantarkan hamba kepada Tuhannya. Beliau adalah yang meniadakan wujudnya dalam beribadah dengan gambaran yang sukar untuk di jelaskan, sesungguhnya Rasulullah SAW adalah teladan yang mulia bagi manusia dalam beribadah kepada Tuhannya.

Singkatnya, Rasulullah SAW adalah bentuk kasih sayang dan kecintaan yang meliputi seluruh alam. Hati yang jernih akan selalu merindu dan terbakar kerana kecintaan

terhadapnya, akan selalu meneguk setiap titis gelas kerinduan yang berhubungan dengannya.

Sebuah kerinduan yang bertambah akan melahirkan perasaan terbakarnya hati dengan merintih:

«Keelokanmu membahagianku, sungguh hatiku telah terbakar kerena merindukanmu wahai Rasulullah».

Seperti itulah kecintaan yang tampak pada orang-orang yang mulia seperti Bahauddin An-Naqsyabandi dan penyair besar Yunus Amrah dan Jalaluddin Rumi seperti bintang di langit hakikat yang bersifat maknawi. Dengan kecintaan ini Jalaluddin melangkah menuju dunia kebahagian yang abadi dan sejati. Kebahagian tersebut adalah sebab yang menghantarkan kepada Allah Dzat yang maha kuasa, mutlaq,kekal dan abadi. Orang–orang mulia tersebut sudah lepas dari ikatan tubuh yang fana, mereka telah memutuskan jaraknya demi menuju keabadian dan kekekalan, mereka hanya orang yang bahagia dengan keabadian dan kekekalan.

Bagaimana mungkin manusia dapat merasakan kebahagian hakiki padahal mereka akan binasa dan tiada. Maka satu satunya jalan menuju kebahagian yang abadi adalah dengan kecintaanmu dan kerinduanmu pada tokoh yang layak untuk di cintai.Contohnya adalah ungkapan yang disampaikan oleh Mahulana Jalaluddin Rumi yang menjelaskan tentang keabadian hal tersebut dengan mengatakan:

“Aku adalah hamba Quran selagi ruh dalam jiwaku melekat, aku adalah tanah pijakan Rasulullah. Seandainya ada salah seorang dari mereka mengatakan bahawa ucapanku

adalah lebih rendah dari ini, maka aku tidak ada hubungan dengannya dan dengan ucapannya»

Erti dari ucapan hendaknya engkau menjadi tanah pijakan Rasulullah SAW adalah pengorbanan selama hidup kita dengan mengikuti Rasulullah SAW dan sunahnya dalam segala hal dan kita hidup selalu terikat dengan mencintainya.

Selain itu, sesungguhnya jalan lain yang mampu menambah kecintaan kita kepada Rasulullah SAW dan menguatkan ikatan hati dengannya adalah dengan membaca sholawat yang mulia kepadanya dan menjadikannya pegangan bagi manusia. Ini adalah cara yang layak dan sesuai dengan kemuliaan cahaya Nabi Muhammad SAW.

Yang wajib kita lakukan untuk mengikuti cahaya wujud Muhammad SAW adalah mengikat dengan keimanannya. Dan menjadikan bacaan sholawat kepadanya menjadi kebiasaan harian. Kerana hal tersebut mampu menguatkan dan mengikat hati kita bersamanya dan menerangi hati kita untuk selalu mencintai Rasulullah.

Keagungan shalawat dan salam kepada junjungan Nabi besar Muhammad SAW

Allah SWT di dalam Al-Qur'an telah menceritakan kehidupan Nabi Muhammad SAW, menyebutkan namanya yang mulia beserta dengan nama-nama Rasul yang lain, mengharuskan seorang hamba muslim untuk beriman atas kenabiannya sehingga ia menjadi seorang muslim dan mukmin yang sejati, dan dia juga tidak ridha apabila terdapat seseorang yang mengeraskan suaranya di tengah-tengah kehadiran Nabi Muhammad SAW. Allah SWT tidak pernah menyebutkan namanya di dalam Al-Qur'an seperti nama-nama yang lain. Sebagai bentuk kecintaan dan tanda kemuliaan Sang Khaliq, Dia dan para malaikat memberikan ucapan shalawat atas makhluk yang paling dicintai-Nya, begitu juga Dia memerintahkan kepada umat-Nya untuk sentiasa memperbanyak shalawat kepada Nabi besar Muhammad SAW, sebagaimana di sebutkan dalam Al-Qur'an:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلٰٓئِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يٰٓاَيُّهَا الَّذِينَ اٰمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿الْاَحْزَابِ: ٥٦﴾

Ertinya: sesungguhnya Allah dan para malaikatnya bersalawat untuk Nabi, wahai orang-orang yang beriman!

Bersalawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan kepadanya (Al-Ahzab: 56)

Diriwayatkan dari seorang sahabat Ubay bin Ka'ab: bahawa Baginda Rasulullah SAW ketika dua pertiga malam telah berlalu beliau berdiri dan bersabda: "Wahai manusia, ingatlah kalian kepada Allah, ingatlah kalian kepada Allah, telah datang tiupan sangkala yang pertama yang menggoncangkan alam semesta, diikuti dengan tiupan sangkala yang kedua, telah datang kematian dengan kesengsaraan yang terjadi", kemudian Ubay bin Ka'ab bertanya: Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya memperbanyak shalawat kepadamu, maka seberapa banyak shalawat yang harus aku ucapkan untukmu? Lalu Nabi menjawab: "Terserah kamu", Ubay berkata: Seperempat, Rasulullah menjawab: "Terserah kamu, apabila kamu tambah maka lebih baik", lalu Ubay bertanya: Bagaimana kalau setengah? Rasulullah menjawab: "Terserah kamu, apabila kamu tambah maka lebih baik", lalu Ubay bertanya: Bagaimana kalau dua pertiga? Rasulullah menjawab: "Terserah kamu, apabila kamu tambah maka lebih baik". Kemudian Ubay bin Ka'ab berkata: Aku akan menjadikan shalawat semuanya untukmu, Rasulullah SAW menjawab: "Apa yang kamu ucapkan itu akan mencukupi kemahuanmu dan dosa-dosamu akan di ampuni. (At-Tirmidzi, Al-Qiyamah, 23/2457)

Hadits Nabi tersebut di atas menjelaskan bahawa orang-orang yang rindu kepada Baginda Nabi Muhammad SAW sentiasa menjadikan lisannya berdzikir dengan shalawat, kerana shalawat dan salam merupakan wasilah (perantara) sebagai tandabertambahnya cinta seorang mukmin kepada

Nabi Muhammad SAW. Pada penerapannya, mengikuti (ittiba') Nabi Muhammad SAW dengan bentuk yang sesuai dan mengambil manfaat darinya ialah dengan menjadikan nabi sebagai *uswatun hasanah* (teladan yang baik). Tentunya hal tersebut dapat tercapai dengan memahami dan mengetahui hakikat makna yang tersirat dalam Al-Qur'an dan hadits, dengan demikian seorang hamba mukmin dapat mendekatkan dirinya untuk mengikuti etika dan akhlak yang dilakukan oleh Rasulullah SAW.

Di alam dunia ini, tidak ada seorang makhluk, bahkan meskipun ia seorang seniman yang handal, yang dapat menggambarkan sifat dan kepribadian Rasulullah SAW dengan sebenarnya, mereka juga tidak dapat memahami dan mengetahui fitrah beserta akhlak Rasulullah SAW yang mulia dengan sebenar-benarnya. Para ulama, pemikir, orang-orang yang selalu menjernihkan hatinya mereka mengetahui dengan baik keagungan serta kemuliaan dalam mengikuti manhaj(kaedah) etika akhlak Rasulullah.

Di sisi lain, bentuk sebuah doa yang mengikuti adab Islam ialah didahului dan diakhiri dengan pujian kepada Allah serta shalawat kepada Nabi Muhammad SAW. Hal tersebut kerana dalam akidah Islam pujian kepada Allah dan shalawat atas Nabi-Nya yang dipanjatkan dalam doa dapat menyebabkan terkabulnya doa, oleh kerananya menghiasi doa dengan bacaan shalawat pada permulaan dan penutup merupakan bentuk yang muncul dari hakikat berdoa, sayidina Umar bin Khattab RA berkata:

"Sesungguhnya sebuah doa (yang dipanjatkan) berhenti di antara langit dan bumi, tidak ada yang naik sedikitpun sehingga kamu bershalawat atas nabimu". (At-Tirmidzi, Al-Witru, 21/486.)

Pada suatu hari Rasulullah SAW ketika sedang berjalan, beliau mendengar seseorang yang berdoa dalam sembahyangnya dan dia tidak bershalawat atas Nabi SAW, lalu Nabi SAW berkata: "Ia telah mempercepat doanya" (supaya doanya dikabulkan), lalu Nabi memanggil lelaki tersebut dan berkata kepadanya dan orang-orang yang hadir disekelilingnya:

"Apabila salah seorang dari kalian berdoa maka hendaklah memulai dengan memuji Allah dan memuja-Nya, kemudian hendaknya membaca shalawat atas Nabi SAW, kemudian berdoa setelah itu dengan apa yang dia inginkan". (At- Tirmidzi, Ad-Da'wat, 64/3477)

Diriwayatkan dalam sebuah riwayat dari Ibnu Abbas RA tentang pentingnya bertawassul (mendekatkan diri) kepada Rasulullah SAW: Dahulu orang-orang Yahudi berperang melawan bani Ghatafan, ketika mereka bertemu, orang-orang Yahudi mengalami kekalahan, lalu mereka kembali dan berdoa dengan doa ini:

"Seseungguhnya kami meminta kepada-Mu dengan perantara kebenaran seorang Nabi ummi yang Engkau janjikan akan Engkau utus di akhir zaman melainkan Engkau memberikan kemenangan kepada kami atas mereka".

Lalu Ibnu Abbas berkata: Maka ketika mereka bertemu antara satu dengan lainnya, orang-orang Yahudi berdoa

dengan doa tersebut kemudian mereka dapat mengalahkan bani Ghatafan. Maka ketika Rasulullah SAW diutus di muka bumi mereka (orang-orang Yahudi) mengkufurinya, lalu Allah SWT menurunkan ayat:

﴿وَكَانُوا مِنْ قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا﴾ أي بك يا محمد, إلي قوله تعالي ﴿فَلَمَّا جَآءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللهِ عَلَى الْكَافِرِينَ﴾

Ertinya: (Padahal sebelumnya mereka biasa memohon (kedatangan Nabi) untuk mendapat kemenangan atas orang-orang kafir), kepadamu wahai Muhammad, sampai ayat (maka setelah datang kepada mereka apa yang telah mereka ketahui, mereka lalu ingkar kepadanya. Maka laknat Allah-lah atas orang-orang yang ingkar itu.). (Al-Baqarah: 89, Al-Qurtubi, juz: 2, 27)

Allah SWT juga berkata kepada Rasul SAW dalam Al-Quran:

وَمَا كَانَ اللهُ لِيُعَذِّبَهُمْ وَاَنْتَ فِيهِمْ وَمَا كَانَ اللهُ مُعَذِّبَهُمْ وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿الْاَنْفَالِ: ٣٣﴾

Ertinya: Tetapi Allah tidak akan menghukum mereka, selama engkau (Muhammad) berada di antara mereka. Dan tidaklah (pula) Allah akan menghukum mereka, sedangkan mereka (masih) memohon ampunan. (Al-Anfal: 33)

Ayat di atas tersebut memberikan penjelasan bagaimana Allah SWT telah memberikan hak bagi orang-orang musyrikin, jika orang-orang musyrik memiliki kemuliaan dan kelebihan sehingga dapat dekat dengan Rasulullah SAW disebabkan kenikmatan duniawi, maka orang-orang mukmin seharusnya memiliki pelbagai macam nikmat Ilahi yang tidak dapat digambarkan oleh akal mahupun khayalan, hal itu kerana orang-orang yang beriman memiliki keimanan yang kuat terhadap kedudukan kemuliaan Rasulullah SAW, mereka mendapatkan bahagian yang lebih dalam mencintai Rasulullah SAW yang terwujud dalam dasar keimanannya. Dan di sini lah sebuah kedudukan yang tidak dapat digambarkan oleh kata-kata.

Sebuah kepastian, bahawasannya apabila hati seorang yang beriman merasakan tingkat kecintaan terhadap Rasulullah SAW maka hal tersebut dapat menambah darjatnya di akhirat dan dapat menambah ketenteraman serta kebahagiaannya dalam kehidupannya di dunia ini.

Dengan demikian, setelah dijelaskan tentang pentingnya kita selalu mengucapkan shalawat serta salam kepada Rasulullah SAW, maka seharusnya kita tidak akan pernah melupakannya dalam kehidupan kita sehari-hari, kerana kita kelak di hari kiamat memerlukan syafa'at (pertolongan) dan bertawassul (permohonan kepada Allah SWT) melaluinya.

BAHAGIAN KEEMPEAT

- Pentingnya kepribadian yang beretika dalam diri manusia
- Seberapa besarkah cinta kita kepada baginda SAW ?

Kepentingan paling besar dalam bingkai akal dan hati adalah kepribadian yang beretika

Tarbiyah Ilahi, hakikat jalan manusia menuju kepribadiannya

Allah SWT telah menjadikan langit dan bumi tunduk dalam melayani keperluan-keperluan manusia[50]. Dan tidak membiarkan manusia dalam kebingungan menghadapi perkara-perkara ini dan dirinya. [51]

Allah SWT telah memberikan arahan kepada manusia beserta fitrahnya untuk mengikuti peraturan-peraturan dan syari'at Ilahi yang telah ditetapkan, dengan mentakdirkan manusia untuk dapat hidup di alam ujian (alam dunia) yang dipenuhi oleh pelbagai kehidupan yang menghendaki kebebasan (syahwat) dan kehidupan yang menghendaki pertanggungjawaban (syari'at-syari'at Islam). Hal tersebut sesuai dengan firman Allah SWT dalam Al-Qur'an:

50. Lih: Al-jatsiyah, 13.
51. Lih: Al-Qiyamah, 36.

وَالسَّمَآءَ رَفَعَهَا وَوَضَعَ الْمِيزَانَ
اَلَّا تَطْغَوْا فِي الْمِيزَانِ ﴿الرَّحْمٰنِ: ٧-٨﴾

Ertinya: Dan langit telah ditinggikan-Nya dan Dia ciptakan keseimbangan, agar kamu jangan merusak keseimbangan itu. (Ar-Rahman: 7-8)

Ayat tersebut memberikan pernyataan yang kuat atas adanya keterikatan manusia terhadap keseimbangan peraturan Ilahi yang diletakkan di alam semesta ini. Lalu bagaimana dengan aturan di alam semesta ini yang tidak pernah terdapat kecacatan di dalamnya, oleh kerana itu seharusnya manusia tidak berpaling dan menghindar dari hak Allah SWT dalam menjalankan dan mengikuti syariatnya. Orang-orang yang bijaksana dalam hal tersebut, merekalah orang-orang yang sangat bahagia di alam semesta ini, kerana mereka selalu hidup dengan mentaati dan mematuhi ajaran-ajaran yang disampaikan melalui syari'at Islam. Akan tetapi bagi mereka yang selalu hidup dalam kejauhan dan keengganan mengikuti nilai-nilai Islam maka hati mereka sentiasa dipenuhi dengan kenikmatan-kenikmatan yang bersifat sementara, kerinduan yang tidak memiliki makna, mereka lalai terhadap rahasia penciptaan dan kefanaan mereka di alam ini. Mereka tidak bersatu padu dalam ketetapan-ketetapan dan aturan-aturan Sang Pencipta yang diletakkan di alam ini serta tidak mengetahui keagungan keseimbangan Ilahi. Dan yang cukup disayangkan adalah baki umur mereka akan habis dalam kelalaian yang tiada henti, ketertipuan yang berkepanjangan,

dan kesemuanya itu akan berakhir pada sebuah kerugian yang amat besar.

Penjelasan mengenai permasalahan ini berada dalam hakikat jiwa manusia itu sendiri, hakikat itu berupa ujian bagi manusia yang muncul ketika manusia diciptakan dan dilahirkan ke bumi ini, yang diciptakan dengan adanya kecenderungan terhadap perbuatan baik mahupun buruk, keduanya memiliki kekuatan yang sama dalam diri kita.

Oleh kerana itu, waktu yang dimiliki manusia sentiasa berjalan dengan diiringi pertentangan yang berlawanan, yang selalu muncul baik dari dalam mahupun luar diri manusia, hal itu kerana keduanya saling berebut dalam menguasai jiwa manusia, dengan adanya kesamaan antara dua kekuatan yang baik mahupun yang buruk, kekuatan buruk sentiasa menggoda jiwa manusia untuk melakukan perkara-perkara munkar.

Dalam pertikaian dua hal ini, peran naluri seperti akal, pengetahuan, ketundukan mahupun keinginan tidak cukup untuk dapat mengedepankan akal terhadap nafsu, seandainya naluri-naluri tersebut memiliki kesanggupan untuk mengalahkan hawa nafsu maka Allah SWT tidak akan mengirimkan kepada Nabi Adam AS tugas kenabiannya, serta hukum-hukum Allah SWT yang dapat membawa kebahagiaan di dunia mahupun akhirat tidak akan pernah sampai kepada manusia. Sebab dari itu, Allah SWT memberikan petunjuk kepada umat manusia melalui risalah Ilahi yang disampaikan melalui perantara para Rasul dan Nabi. Dia juga telah menurunkan kitab-kitab samawi sebagai sandaran dan penyokong akal serta qalbu untuk memahami kebenaran

hukum-hukum Ilahi, dan mengharuskan kepada setiap hamba-Nya untuk sentiasa hidup dalam tarbiah (pendidikan) Ilahi.

Akal adalah suatu senjata yang memiliki dua sisi, adakalanya dapat menjatuhkan manusia ke dalam kesesatan dan adakalanya dapat membantu mengangkat manusia dalam melaksanakan perbuatan-perbuatan baik. Apabila manusia menggunakan akal sebagaimana mestinya maka akan sampai kepada darajat *ahsanu taqwim* (dalam bentuk yang sebaik-baiknya) iaitu suatu darajat atau tingkatan dimana sampainya nilai sebuah kehambaan. Akan tetapi pada waktu yang sama, banyak kejadian yang menjadikan manusia kerapkali jatuh terjerumus ke dalam tingkatan *bal hum adhal* (bahkan lebih sesat) iaitu tingkatan yang lebih hina dan sesat daripada binatang (kerana tidak dapat mempergunakan akal pada tempatnya). Adapun akal yang sentiasa beriringan dengan nilai-nilai wahyu Ilahi akan membawa manusia kepada kebenaran, akan tetapi apabila menjauh maka akan terjerumus kedalam nilai-nilai buruk yang jauh dari kebenaran.

Pelbagai kejadian yang selalu terjadi pada orang-orang zalim, ketika mereka telah sampai pada titik punca akal, mereka melakukan banyak tindakan kasar dan kejam, yang jauh dari nilai-nilai fitrah kemanusiaan dan akalnya, mereka sama sekali tidak merasakan sedikitpun rasa iba dan penyesalan atas perbuatannya, hal itu kerana perbuatan-perbuatan yang mereka lakukan tersebut memiliki darjat yang lebih tinggi daripada akal mereka. Sebagai contohnya adalah Hulagu Khan, ketika memasuki Baghdad, dia telah menenggelamkan lebih dari empat ratus ribu orang yang tidak berdosa ke sungai

Dajlah, tetapi dia sama sekali tidak merasakan penyesalan sedikitpun. Di masyarakat jahiliyyah Makkah sebelum datangnya Islam, para ayah ketika mereka diberitahu tentang kelahiran seorang anak perempuannya mereka membawanya tanpa memperhatikan rasa kasih sayang yang dimiliki seorang ibu lalu menguburnya secara hidup-hidup, mereka juga memiliki kebiasaan tidak berperikemanusiaan dengan membunuh hamba sahaya seperti memotong kayu, hal itu semua terjadi kerana nilai-nilai yang tertanam dalam akal mereka, sehingga mereka melihatnya sebagai sebuah tindakan yang harus dilakukan.

Mereka sebenarnya adalah manusia sepeti kita yang memiliki akal fikiran dan perasaan, tetapi akal dan perasaan mereka seperti roda gigi yang berputar melawan arah, maka hasil yang diperolehpun seperti suatu benda yang dilihat dari arah berlawanan.

Semua contoh tersebut memberikan prespektif yang menjelaskan bahawasannya manusia memerlukan sesuatu yang dapat membimbing, mengarahkan serta memberinya petunjuk terhadap kecenderungan dan fitrahnya yang diselimuti oleh sifat-sifat positif dan negatif. Tetapi, syarat yang dapat mengarahkannya ke jalan tersebut haruslah sesuai dengan fitrah naluri manusia. Hal ini akan tercapai apabila manusia mengikuti tarbiyah yang disampaikan melalui risalah wahyu iaitu petunjuk dan seruan dalam mengikuti ajaran Nabi Muhammad SAW. Dan sebaliknya, apabila manusia mengikuti arah yang tidak sesuai dengan fitrahnya maka akan menuntunnya kepada terbentuknya fitrah dan prilaku yang buruk.

Seandainya salah satu dari sifat manusia (sifat kebaikan dan keburukan) menguasai dirinya, maka sifat itulah yang akan mendominasi dan menjadi penggerak bagi jiwanya, apabila sifat kebaikan menguasai dirinya maka pengaruh sifat buruk akan terkikis begitu juga sebaliknya. Pertikaian antara dua perangai ini dalam diri manusia sentiasa berterusan sepanjang hidupnya, oleh kerana itu, Allah SWT menurunkan para Nabi sebagai perantara kehendak Tuhan kepada hambanya, mereka adalah sebagai pembimbing sekaligus pengajar terhadap manusia. Akan tetapi di antara mereka terdapat insan yang dapat menerima dan menyerap ajaran-ajaran risalah wahyu yang disampaikan oleh para rasul dalam jiwanya dengan pelaksanaan dalam bentuk prilaku dan akhlak yang baik, hal itu semuanya merupakan anugerah atas kehendak Allah SWT. Begitulah, masyarakat jahiliyyah yang dahulunya memiliki perangai dan sifat yang jauh dari nilai-nilai kemanusiaan bahkan lebih hina dari binatang dengan mengubur anak perempuan mereka secara hidup-hidup dapat berubah menjadi manusia yang sampai kepada darajat kemuliaan di sisi Allah SWT, dan hal itu terjadi dengan adanya arahan dan petunjuk dari Rasulullah saw.

Oleh kerana itu, apabila manusia mengikuti dan mengamalkan petunjuk yang disampaikan oleh Rasulullah SAW, maka mereka akan menjadi seorang hamba yang diridhai oleh Allah SWT dan berhak mendapatkan pujian dari-Nya. Adapun mereka yang jauh dari petunjuk Ilahi dan gagal dalam ujian menghadapi pertikaian dua sifat ini dalam jiwanya maka mereka akan menuju kepada darjat manusia paling rendah. Kehidupan alam dunia pada hakikatnya diciptakan untuk

tujuan dan keperluan manusia dalam memenuhi keperluan kedua tabiat tersebut. Pada hakikatnya, manusia memiliki kekuasaan dalam menentukan pilihannya, kecendrungan-kecenderungan positif dan negatif pada diri manusialah yang menentukan dirinya ke arah mana yang akan dituju. Untuk dapat mencapai pada suatu arah dalam hidupnya manusia sentiasa menghadapi pertikaian antara jiwa dan ruhnya yang tentunya di sela-sela pertikaian tersebut akan mengalami pelbagai hal yang mempengaruhi dirinya.

Ketika manusia berada di taman yang dipenuhi pelbagai macam jenis bunga mawar, dia diselimuti oleh harumnya wewangian yang tiada tara, sebaliknya apabila dia berada di tempat yang dipenuhi oleh sampah-sampah maka ia akan berbau busuk, perumpamaan tersebut memberikan gambaran bahawapersekitaran yang menjadi tempat hidup dan membesarnya seseorang akan ikut berpengaruh dalam membentuk watak kepribadian. Oleh kerana itu, manusia adalah makhluk yang sangat memerlukan petunjuk, bimbingan serta kejernihan jiwa di antara makhluk-makhluk ciptaan lainnya.

Dan tentunya, manusia yang terjerumus ke dalam jurang kerendahan dan kehinaan yang telah menjadikan hidupnya sia-sia terjadi kerana adanya pertentangan-pertentangan kuat yang timbul dari dalam jiwanya, dan kerana pertentangan inilah terdapat manusia yang mencapai darjat paling utama di sisi Allah SWT, begitu juga terdapat manusia yang memiliki darjat paling hina yang menjauhkan dirinya dari maksud tujuan atas penciptaannya.

Dalam perjalanannya ini, hal-hal yang bergejolak di alam sedar manusia – yang tidak memiliki bimbingan yang benar dan hati yang belum merasakan ketenangan dan ketenteraman- akan menjadi seperti hutan yang dijadikan tempat berlindungnya haiwan-haiwan. Setiap manusia pada dasarnya memiliki naluri dan kebiasaan kecenderungan seperti binatang pada dirinya. Sebahagian dari mereka terdapat penipu seperti musang, orang yang buas seperti serigala, orang yang selalu berhasrat mengumpulkan sesuatu sepeti semut, orang yang memiliki racun mematikan dalam hidupnya seperti ular, terdapat pula orang yang kebiasaannya selalu menumpahkan darah, orang yang tertawa di depan orang lain tetapi menggali lubang dibelakangnya, dan berbagai sifat-sifat lainnya yang menjadikan mereka memiliki keserupaan naluri dengan binatang.

Manusia yang tidak dapat menyelamatkan dan membebaskan dirinya dari cengkeraman hawa nafsu -dengan mengikuti ajaran-ajaran Nabi yang menjadikannya sebagai insan mulia- ia akan selalu berada dalam ruang lingkup perangai yang hina lagi rendah. Kerapkali terjadi suatu tabiat haiwan mengawal diri seorang manusia, bahkan terkadang terdapat seseorang yang dirinya dikawal oleh beberapa sifat haiwan, dan hal itu terjadi ketika manusia berpaling dan menghindar dari identiti kemanusiaanya, dan bukanlah hal yang sukar bagi orang yang berakhlak mulia untuk memahami dan mengetahui watak orang-orang seperti itu, keranaprilaku mereka seperti cermin yang memantulkan watak kepribadian mereka, sebuah cermin yang tidak mengenal kedustaan apapun.

Bukankah komunisme telah menjadi suatu sistem yang dijalankan kepada lebih dari duapuluh juta orang yang merupakan cermin bagi hati yang buas dan liar. Piramid-piramid yang di sekitarnya dikubur ribuan orang untuk menghormati seorang Fira'un merupakan gambaran kezaliman dan kesewenang-wenangan, dan hal-hal lain seperti ini bagi orang-orang yang lalai terlihat seperti nila-nilai komponen sejarah yang mengejutkanbagi akal pikiran mereka, akan tetapi apabila kejadian-kejadian tersebut dilihat dengan pandangan dan perspektif yang benar tidakkah kekejaman-kekejaman itu memberikan pengaruh rasa takut, kehairanan, dan kebingungan bagi orang-orang yang melampaui batas dan orang-orang yang selalu menumpahkan darah?

Kesemuanya itu pada dasarnya memberikan penjelasan bahawasannya apabila seseorang yang berperangai seperti haiwan memimpin suatu masyarakat maka ia akan menjadikan masyarakat tersebut bagaikan rawa kezaliman baginya, begitu pula apabila seseorang yang memiliki ruh seperti ular memimpin suatu umat maka akan memberikankesan pada mereka dengan menyebarkan racun-racunnya yang bermula dari ancaman dan kekacauan. Akan tetapi jika yang memimpin suatu masyarakat adalah orang-orang yang membawa keharuman bunga mawar maka mereka akan membawanya kepada taman-taman rindang yang dipenuhi kedamaian dan ketenteraman yang sebenarnya.

Oleh kerana itu, manusia adalah makhluk yang sangat memerlukan tarbiyah (pendidikan) wahyu Ilahi, kerana orang-orang yang jauh dari tarbiyah Ilahi ini meskipun mereka

belum tersentuh oleh bingkai sifat keliaran dan kebuasan -seperti yang telah dijelaskan sebelumnya- mereka tetap mudah terpengaruh oleh sifat-sifat tersebut, meskipun dalam kesehariannya mereka menampilkan pribadi yang berprilaku baik dan sopan.

Hal itu disebabkan tingkah laku baik –yang tidak bersandarkan tarbiyah Ilahi- hanya bersifat sementara, sedangkan naluri pada diri manusia antara satu dengan lainnya memiliki perbezaan. Mereka yang memiliki naluri keburukan dalam jiwanya, maka hatinya akan tertutup untuk dapat menerima tarbiyah Ilahi, terlebih ketika naluri tersebut berada pada punca keinginan syahwat yang bergelora. Jiwa yang memiliki kehampaan dalam tarbiyah Ilahi akan menyerupai seekor kucing yang lapar ketika memburu tikus, meskipun di depannya dihidangkan pelbagai macam makanan yang nikmat akan tetapi ketika melihat seekor tikus ia akan langsung mengejar tikus tersebut dan meninggalkan makanannya. Jiwa manusia yang tidak terdidik oleh nilai-nilai tarbiyah Ilahi seperti kucing tersebut –meskipun dalam jiwanya memiliki pelbagai macam keindahan- yang lari dan mengejar tikus lalu menerkamnya, ketika kita melihat kembali dalam kisah Fir'aun dan raja Namrud kita mendapati keduanya telah melakukan banyak pembantaian secara zalim yang didasari atas nafsu mereka belaka, hal ini seperti keadaan tikus tersebut yang berada di bawah genggaman kucing.

Ketika memandang tarbiyah Ilahi yang memerintahkan kita untuk selalu memuliakan hak manusia sekecil apapun meskipun seperti api lilin yang bergerak kerana terhembuss

angin bagaimana mungkin seseorang dapat melakukan tindakan pembunuhan tanpa didasari hak yang benar? Sampai suatu ketika Rasulullah SAW pernah melarang untuk memotong tangkai pokok yang masih hijau. Ketika beliau manaklukan kota Makkah dalam peristiwa *Fathu Makkah,* beliau memerintahkan bala tentara untuk melalaui suatu tempat dari arah yang berlawanan supaya tidak mengganggu dan menakuti seekor anjing yang sedang menyusui anak-anaknya. Beliau juga pada suatu ketika terkejut ketika menyaksikan lubang semut yang terbakar kemudian berkata dengan marah "Siapa yang telah membakar lubang semut ini?".

Dengan tindakan mulia Rasulullah SAW inilah, orang-orang Utsmani (masayarakat Turki) mengambil contoh dan teladan darinya dengan mendirikan pelbagai macam institusi yang melayani keperluan-keperluan manusia atau dalam rasa kasih sayang terhadap makhluk-makhluk ciptaan lain yang mereka pelajari dari kepribadian Rasulullah SAW, seperti mendirikan institusi yang peduli pada masalah kesehatan haiwan. Di antara pemandangan rasa kasih sayang terhadap haiwan yang dapat di lihat oleh orang-orang asing ketika berkunjung ke negara Utsmani ini (Turki) adalah tersebarnya haiwan kucing dan anjing di daereh orang-orang muslim yang bercampur dengan manusia dengan tanpa rasa takut, bahkan di tempat lain haiwan-haiwan tersebut terkadang lari ketika melihat manusia.

Contoh-contoh di atas, adalah fenomena seorang manusia yang memiliki ilmu, dan seorang manusia yang jahil (bodoh) serta tidak mengetahui erti dan pentingnya pendidikan.

Manusialah yang menumpahkan, menuangkan dan menyirami bumi dengan darah, ia juga yang menyumbangkan darah untuk orang lain yang memerlukanya.

Ada hikmah di sebalik berdampinganya seorang yang memiliki kepribadian yang positif dengan seorang yang memiliki kepribadian negatif di dalam kehidupan dan di tempat yang sama. Jika hal tersebut dijelaskan dengan perumpamaan, maka perumpaannya adalah seperti seekor rusa kecil yang harus menanggung siksaan ketika ia dikurung bersama dengan haiwan-haiwan yang lebih besar dan kasar di dalam satu tempat. Kadang seorang yang bakhil hidup berdampingan dengan seorang yang dermawan, seorang yang bodoh dengan yang cerdas, seorang yang penuh kasih sayang kepada orang lain dengan seorang yang suka melakukan kezaliman. Adapun Seorang yang dermawan, ia akan bersikap tawaduk dan penuh kasih sayang ketika ia membantu dan menolong orang lain. Seorang yang bodoh ia tidak akan dapat memahami dunia luar. Seorang yang zalim, ia akan menyangka bahawa semua yang ia lakukan adalah tindakan keadilan, menggunakan kekuatan untuk melawan orang-orang yang ada di sekitar dia. Itu ertinya di dunia ini, orang yang memiliki hati yang keras bagai batu, mereka hidup berdampingan dengan orang-orang yang memiliki hati dan jiwa malaikat. Orang yang berhati malaikat hidup untuk mengenal Allah, menjadi hamba-Nya yang taat dan berjalan agar dapat sampai kepada-Nya, sementara orang yang hatinya keras, mengira bahawa kebahagiaan itu dapat diraih dengan cara mengikuti jalan orang-orang yang rendah. Dimana kehidupan mereka hanya

berkisar pada memenuhi keperluansahaja, berupa makanan, syahwat, jawatan dan urusan dunia yang tidak abadi lainnya.

Hidup berdampinganya, orang-orang dengan pelbagaiwatak dan sifat yang saling bertentangan, di dunia ini, adalah merupakan ujian yang sangat berat dan keras bagi manusia. Manusia dituntut untuk lulus dalam ujian ini, sebab tujuan utama bagi seorang manusia, adalah lulus dari pelbagai ujian di dunia dan mampu mendekatkan diri kepada Allah SWT, oleh kerana itu, seorang manusia harus melepaskan diri dari sifat-sifat buruk, yang kemudian menghiasinya dengan sifat-sifat yang terpuji dan mempertahankan kemuliaan dan ketinggian darjat manusia dan kemanusiaan.

Manusia itu memiliki unsur langit di dalam dirinya berupa ruh, dan sisi fizikalkerana diciptakan dari tanah. Maka ketika ruhnya naik dan mendekati Allah SWT, fizikalnya akan membawanya turun ke bawah menuju tanah. Dari segi fizikal ia memiliki sifat yang samadengan haiwan dan makhluk lainya. Kerana itu, ia mesti berupaya untuk mendidik jiwanya dengan pendidikan maknawi dan berusaha membersihkan jiwanya, ia harus menguasai hawa nafsunya, menguatkan dan memberikan ruhnya makanan. Namun jika sebaliknya yang terjadi, maka ia akan mudah dikalahkan dan dikuasai oleh syaitan dari luar dan oleh hawa nafsunya dari dalam. Ruhnya akan melemah dan tidak memiliki kekuatan. Dalam hal ini Allah SWT berfirman."

وَنَفْسٍ وَمَا سَوّٰيهَا فَاَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوٰيهَا قَدْ اَفْلَحَ مَنْ زَكّٰيهَا وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسّٰيهَا ﴿الشَّمْسِ: ٧-١٠﴾

Ertinya: Demi jiwa serta penyempurnaan (ciptaan)nya. Maka Dia mengilhamkan kepadanya (jalan) kejahatan dan ketakwaanya. Sungguh beruntung orang yang menyucikanya (jiwa itu). Dan sungguh rugi orang yang mengotorinya. (As-Syams: 7-10)

Mahulana Jalaludin Ar-Rumy, menjelaskan tentang kejahatan dan ketakwaan yang ada di setiap jiwa manusia, dan yang dijelaskan oleh ayat di atas, ia menjelaskanya dengan perumpamaan yang bagus dan indah.

"Wahai orang yang menuju kepada Allah SWT, jika engkau ingin tahu hakikat dan kebenaran, maka ketahuilah bahawa Musa dan Fir'aun belumlah mati, keduanya masih hidup hingga hari ini di dalam dirimu, walau keduanya tak nampak tapi keduanya selalu berseteru dan berperang di dalam hatimu, oleh keranaitu engkau harus mencari di dalam jiwamu, kedua pribadi itu, yang satu dengan yang lainya saling bermusuhan".

Mahulana meneruskan lagi perkataanya, ia berkata:

"Janganlah engkau terlalu berlebihan dalam mengembangkan dan memberi makan tubuhmu, sebab pada akhirnya ia hanya akan menjadi haiwan sembelihan yang dipersembahkan kepada tanah, akan tetapi perhatikanlah hatimu dan didiklah ia, sebab ia akan menjadi mulia dan naik ke alam yang tinggi. Berikanlah tubuhmu makanan sekadarnya, seperti dengan madu dan lemak, sebab seorang yang memberi makan tubuhnya, melebihi batas sekedarnya, pada akhirnya ia akan terjatuh ke dalam jeratan syahwat, ia akan menjadi lemah, hina dan tidak berguna. Berikanlah

ruhmu makanan dengan hal-hal yang bersifat maknawi, dan berfikirlah tentang bekal yang sesuai untuk ruh, agar tetap kuat dan tegar dalam perjalanannya menuju tempat-tempat yang akan engkau datangi".

Jiwa yang belum terdidik, bagaikan pokok yang akar tidak kuat, tanda-tanda ketidakkuatan itu tampak pada dahan, ranting, daun dan buahnya. Demikian juga jika di dalam hati terdapat penyakit, maka itu akan berakibat pada gerakan tubuh dan akan menimbulkan keburukan. Sifat-sifat yang berasal dari syahwat dan harus diobati, ialah seperti iri, dengki dan sombong.Perbaikan sifat-sifat yang buruk tersebut, pertama dapat dilakukan dengan caramengikatnya kembali dengan batasan-batasan yang telah Allah SWT tetapkan, kedua dengan hanya mengharapkan ridha Allah SWT pada setiap sikap dan tingkah laku, dan berusaha untuk komitmen di jalan tersebut. Adapun dua hal utama yang akan membuat seseorang mampu membangun kepribadian yang diridhai Allah SWT, adalah: keperluan terhadap teladan dan teladan yang baik, dan kecenderungan untuk mencontohi dan mengikuti teladan danteladan tersebut.

Kecenderungan manusia untuk mencari teladan dan mengkuti kepadanya

Sejak manusia dilahirkan, ia sudah memerlukan contoh dan qudwah (teladan) dalam semua urusanya, sebab pemikiran, bahasa, agama, adat istiadat, dan gambaranya tentang akhlak dan moral, itu semua terbentuk melalui contoh dan penyesuaian yang ia perolehi dari akidah, aktiviti dan

pengaruh yang dipancarkan oleh qudwah tersebut. Walaupun ada beberapa pengecualian, tapi secara umumsemuanya terjadi seperti hal di atas.

Sebagai contohnya, jika seorang ayah atau ibu berbicara dengan menggunakan bahasa tertentu, maka anaknya akan berbicara dengan bahasa yang digunakan oleh mereka berdua. Setelah itu, anak tersebut bisa mempelajari bahasa lainnya, dari contoh yang dilihatnya dari orang lain. Dari sudut ini, mendidik dan mengajari manusia sebenarnya hanyalah proses mencontohi atau mengikuti, baik hal yang diikuti itu sifatnya positif ataupun negatif, dan ini sudah ada di dalam fitrah setiap manusia, di samping ada beberapa faktor lain yang ikut mempengaruhi. Dalam hal ini, manusia dipengaruhi oleh ayah dan ibu yang membesarkanya, dan ia akan menyatu dan memberikan sumbangan pada masyarakat sekitar, baik sumbangan yang baik ataupun yang buruk, sumbangannya selalu sesuai dengan keadaan sebelumnya yang diperolehi dari proses mencontohiitu.

Namun, seseorang akan mendapatkan kemudahan ketika ia mempelajari satu bahasa dan hallainnya, dalam hal-hal yang bersifat lahiriyah, tetapi berbeza halnya ketika ia membentuk agamanya, memperbaiki akhlaknya dan hal-hal yang bersifat maknawi, ia akan mendapatkan kesukaran-kesukaran yang besar dan berat, sebab pelbagai halangan dan rintangan, berupa syaitan, syahwat, dan hawa nafsu yang sengaja Allah SWT ciptakan dan hadirkan sebagai bentuk ujian dan cubaan, tidak akan membiarkan manusia melakukan itu, mereka akan

berusaha untuk menjauhkan manusia untuk mengikuti dan mencontohikelebihan-kelebihan itu.

Manusia akan sangat kuat dipengaruhi oleh pribadi-pribadi yang mereka sebut dengan mursyid (pembimbing)- secara positif atau negatif- kerana secara fitrah kecenderungan manusia untuk mengikuti dan menjadikan mereka sebagai teladan, akan berusaha untuk meniru mereka sesuai dengan batas kemampuan masing-masing.Oleh kerana itu, selama manusia belum membentuk agama, akhlak dan alam maknawinya melalui tangan para Nabi dan para wali Allah, maka manusia tidak akan selamat dari terjerumus pada kelalaian, kesesatan dan kemaksiatan, dengan itu mereka telah mengganti kebahagiaan mereka yang abadi dengan kerugian yang besar dan jelas.

Akhir-akhir ini, orang-orang yang menjadikan mereka yang terkenal dan tenggelam dalam hal-hal rendah, sebagai idola dan qudwah, keadaan mereka sungguh memprihatinkan, sebab mereka melemparkan diri dan kebahagiaan kekal mereka ke dalam kebinasaan, hanya supaya dapat sampai dan dekat dengan para tokoh itu, keadaan ini adalah sebuah kerugian kemanusiaan dan peradaban yang tidak pernah terjadi sebelumnya. Betapa meruginya orang yang membiarkan orang-orang rendah itu untuk menduduki singgasana hatinya.

Mahulana Jalaludin Ar-Rumi, menjelaskan dengan bahasa yang jelas dan ringkas, tentang betapa mudahnya jiwa manusia tertipu dengan hal seperti itu.

"Tidak menghairankan jika biri-biri lari ketika melihat serigala, kerana musuh yang selalu memburu dan mengejar

biri-biri adalah serigala, akan tetapi yang membuat hairan adalah ketika hati biri-biri tertarik dan terpaut kepada serigala".

"Betapa banyak ikan yang hidup dengan penuh aman dan tenteram dari pelbagai hal, ketika ia tetap berenang di dalam air, akan tetapi disebabkan ketamakan dan kerakusanya, ikan tersebut naik ke darat sehingga terjerat oleh jaring".

Oleh kerana itu, manusia selalu memerlukan pembimbing yang memiliki kecerdasan ruh dan kelembutan hati, untuk menunjukan pada dirinya tentang tipu daya dan jeratan-jeratan jiwa dan hawa nafsu.

Kepribadian para Rasul yang tepat

Kehadiran seorang yang dapat dijadikan sebagai teladan, adalah suatu hal yang sangat penting bagi manusia. Kecintaan, kekaguman dan kecenderungan untuk mengikuti pribadi tertentu adalah hal yang fitri pada diri seorang manusia, kerananya merupakan sebuah keharusan baginya untuk mencari tokoh idola yang akan ia ikuti jejak langkahnya, itulah sebabnya Allah SWT tidak hanya menurunkan kitab bagi manusia, akan tetapi juga mengutus para Rasul yang memiliki sifat-sifat yang sempurna, sebagai bentuk kasih dan kelembutan Allah, agar mereka menjadi contoh hidup yang nyata bagi kitab-kitab yang diturunkan padanya.

Para Rasul itu, adalah pribadi-pribadi mulia, kesempurnaannya terlihat dari setiap segi kehidupan mereka, dari mulai sikap, tingkah laku, baik yang bersangkutan

dengan agama, ilmu mahupun akhlak.Setiap Nabi memiliki kepribadian mulia yang telah mencapai titik kesempurnaan, dan itu dicatat oleh sejarah kemanusiaan, dan mereka telah memberikan persembahan yang luar biasa kepada manusia.

Demikian juga dengan para wali-wali Allah, pewaris para Nabi, mereka adalah orang-orang yang dari segi kearifan, kesholehan, dan keimanan telah mencapai titik sempurna, hal itu disebabkan antara lain oleh:

- Mereka telah menyatukan hal-hal yang bersifat lahiriyah dengan yang batiniyah dalam masalah agama, dalam kesatuan dan ukuran yang tepat, kemudian mengukirnya dalam kepribadian mereka.
- Mereka telah berjalan jauh pada tahapan perjalanan hati dalam kezuhudan dan ketakwaan, dan mereka telah sampai pada watak yang sempurna dalam berprilaku.
- Mereka telah meluaskan cakrawala pemahaman dan perasaan sampai titik terjauh, di alam dunia dan di alam akhirat, mereka telah merasakan nikmatnya iman dan telah sampai pada perasaan mendalam tentang itu.
- Mereka telah membersihkan semua amal perbuatan dan usaha kemanusiaan mereka dari sifat dan hal yang buruk, dari kerusakan jiwa dan dari kezaliman, kemudian mereka naik ke tingkatan akhlak yang baik, atau dengan kata lain naik ke langit kesempurnaan maknawi.

Mereka adalah kunci kesempurnaan dalam memberikan petunjuk dan tingkah laku, yang terpencar dan terdapat di setiap generasi dan zaman, kepribadian mereka yang tinggi,

harus dijadikan sebagai teladan dan contohteladan, bagi mereka yang tidak diberikan anugerah untuk dapat menatap dan hidup bersama para Nabi. Kerana pada dasarnya, setiap nasihat dan bimbingan mereka yang mampu menghidupkan kembali hati, merupakan titisan-titisan ruhiyah yang segar dan menyejukan yang berasal dari mata air para Nabi.

Apapun keadaan dan kedudukan manusia, jika mereka tiba-tiba dikejutkan oleh keadilan yang merajai dan menguasai, oleh kasih sayang yang mengikat setiap hati mereka, oleh orang-orang kaya yang berlumba-lumba menolong orang miskin dan papa dengan penuh kasih dan sayang, oleh orang-orang kuat yang melindungi orang-orang lemah, oleh orang-orang sehat yang membantu orang-orang yang sakit, oleh orang-orang kaya yang menanggung para janda dan anak yatim, maka ia akan mengatakan dengan tanpa ada sedikitpun keraguan, bahawa semua kelebihan-kelebihan itu, berasal dari para Nabi dan dari orang-orang yang mengikuti jalan dan ajaranya.

Keluarga pertama yang dibangun oleh sayidina Adam AS dan ibu kita Hawa, mereka menjadikan Ka'bah sebagai tempat dan rumah pertama untuk ibadah, dengan tujuan agar hidup dalam suasana yang dipenuhi dengan kebahagiaan dan hadirnya suasana keagamaan. Setelah itu, keagamaan ini terus berkembang, melalui tangan para Nabi, yang membimbing dan mengajarkan anak keturunan Adam yang tersebar di pelbagai pelosok dunia disebabkan keperluan hidup dan sosial mereka. Dan ketika terjadi pelbagai penyimpangan yang dilakukan oleh orang bodoh dan orang yang berniat menghancurkan agama, maka Allah SWT mengutus para

Rasul untuk menghilangkan penyimpangan-penyimpangan itu, dan menghidupkan dan menguatkan kembali agama tersebut.Keadaan seperti itu berterusan sepanjang sejarah dan sepanjang generasi, hingga manusia dapat terlepas dari krisis pribadi dan sosial sampai pada zaman nabi Muhammad SAW, hal itu merupakan kelebihan dan kasih sayang Allah SWT.

Pada akhirnya, hadirlah "masa kebahagiaan" dimana keagamaan kembali mencapai titik punca kesempurnaanya, untuk terakhir kalinya, di sebuah tempat yang disebut Makkah, masa itu seperti waktu ashar pada hitungan hari kita.Kesempurnaan dan sumber itu dibawa oleh sayidina Muhammad SAW. Setelah kesempurnaan yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW itu, maka tidak akanada lagi kesempurnaan sesudahnya. Sebab pembaharuan dan penguatan kembali agama melalui pengutusan para Rasul telah mencapai titik terakhir. Hingga pada akhirnya agama yang diridhai oleh Allah SWT hanyalah agama Islam.

Pada akhir pembahasan ini, kita dapat mengatakan bahawa Rasul kita yang mulia, adalah contoh, teladan dan idola yang sempurna dalam mengajarkan dan mengarahkan manusia, melalui perbuatanya, yang jika dihitung maka akan sukar untuk menghitungya, sebab banyak sekali contoh perbuatan yang diperlihatkan dan ditampakkan oleh Nabi kepada para sahabatnya ketika Nabi masih hidup. Dan kecenderungan untuk mengikuti Nabi adalah fitrah, akan tetapi berjaya atau tidaknya kita mengikuti Nabi, itu semua tergantung dari seberapa dalam kita terpesona oleh kepribadianya, dan seberapa besar rasa cinta yang ada di dalam hati kita kepada Nabi.

Seberapa besarkah cinta kita kepada Rasulullah SAW?

Memanfaatkan hati dan akal

Allah SWT telah menciptakan manusia dengan sebaik-baikbentuk, dan memuliakan manusia dengan menjadikannya berada di kedudukan teratas dibanding makhluk lainya.Di samping itu juga menundukkan segala yang ada di langit dan bumi, untuk kepentingan manusia.Hal seperti ini membuat orang-orang yang memiliki akal berfikir dan merenung.

Dengan kata lain, bahawa tugas manusia yang paling besar adalah berfikir; berfikir tentang nikmat-nikmat yang telah Allah SWT berikan kepada kita. Dan agar kita menggunakan semua nikmat itu sesuai dan selaras dengan tujuan pemberiannikmat itu kepada kita.Untuk itu kita diperintahkan dan ditugaskan untuk memanfaatkan dan menggunakan hati serta akal kita dengan sebaik-baiknya.

Maka bagaimanakah kita menggunakan akal kita?

Tugas akal adalah jangan sampai ia tunduk dan berada di bawah arahan hawa nafsu dan syahwat jiwa, akal harusmenyedaribahawa ia adalah ciptaan yang sengaja Allah berikan kepada manusia, yang tugasnya untuk mengenal dan

memahami hakikat-hakikat dan kebenaran yang berasal dari Allah.

Dan bagaimanakah kita menggunakan hati kita?

Hati adalah tempat dimana rasa rindu dan cinta yang sejati kepada Allah bersemayam.Hati adalah tempat dimana Allah menilai hamba-Nya.Oleh sebab itu hati harus bersih dari segala dosa dan keburukan dan harus dipenuhi dengan dzikir dan tauhid.Agar pada akhirnya seorang hamba bisa menuju kepada Allah, dalam keadaan hatinya bersih.

Satu-satunya teladan dan teladan yang tepat adalah Rasulullah

Satu dari kemuliaan dan kelembutan Allah SWT yang tiada taranya iaitu Dia mengutus para Rasul ke muka bumi, dengan tujuan untuk membimbing dan mengarahkan kita, dan Rasul yang telah diutus hingga Nabi Muhammad SAW jumlahnya mencapai 124 ribu Rasul dan Nabi. Allah mengutus Nabi yang paling Dia cintai, Nabi yang memiliki kedudukan khusus di sisi-Nya, Nabi yang memiliki kedekatan dengan-Nya, iaitu Nabi Muhammad SAW sebagai penutup bagi para Nabi dan Rasul. Allah mengutus setiap Rasul khusus kepada kaumnya, dan Rasul yang di utus itu menjalankan tugasnya dengan baik iaitu mengajari dan membimbing kaumnya, sesuai dengan keadaan dan situasi kaumnya, baik secara individu mahupun secara sosial.

Adapun Nabi Muhammad SAW diutus untuk seluruh manusia dan dakwah Nabi berterusan hingga hari kiamat

tiba. Allah memberikan nikmat dengan diutusnya Nabi Muhammad SAW di ketika dunia sedang dipenuhi kegelapan dan kebodohan, agar Nabi Muhammad SAW menjadi matahari yang menyinari dan memberikan hidayah kepada manusia, Allah menganugerahkan Nabi Muhammad sebagai hadiyah bagi seluruh manusia.

Al-Quran Al-Karim adalah mukjizat terbesar

Allah memberikan Al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW sebagai mukjizat terbesarnya. Al-Quran akan membuktikan dirinya hingga hari kiamat, bahawa ia adalah firman-firman yang berasal dari Allah, dan bahawa Muhammad adalah Rasul yang diutus oleh Allah. Manusia akan melihat dan mengetahui secara lebih dekat hingga hari kiamat bahawa Al-Quran adalah mukjizat yang diberikan kepada Rasulullah SAW.

Dengan Al-Quran Nabi Muhammad SAW telah membangun satu tatanan masyarakat dan kehidupan social yang baru, yang disebut dengan "masyarakat abad kebahagiaan", tatanan masyarakat yang tidak pernah diketahui dunia, ada yang dapat menyamainya, sebab masa itu, dunia telah menyaksikan munculnya manusia-manusia yang mampu mencapai punca bintang, padahal mereka sebelum itu berada pada kedudukan paling rendah; masyarakat yang sanggup mengubur anak perempuan mereka hidup-hidup. Kemudian Nabi mengajari dan mendidik mereka dengan pendidikan ruhani, hingga mereka menjadi masyarakat yang dipenuhi oleh perasaan cinta, kasih sayang dan tanggung jawab terhadap

sesama, bahkan terhadap haiwan. Kejayaan ini sudah cukup untuk membuktikan bahawa pada pribadi Rasulullah SAW terdapat teladan dan contoh terbaik, yang boleh diikuti dan diteladani, sebab Nabi adalah "uswah hasanah" bagi seluruh manusia.

Orang yang buta akan iri dan dengki terhadap matahari

Andai hati itu tidak buta,makaia akan benar-benar melihat Rasulullah SAW itu sempurna, dan tidak akan menemukan satu kekurangan apapun pada diri Rasulullah SAW. Orang yang berusaha untuk mencari kekurangan pada pribadi Rasulullah SAW, ia tidak akan mampu melakukan hal itu, dan itu hanya akan menampakan kekurangan dan kelemahan dirinya sendiri.

Sesungguhnya sejarah penuh dengan kezaliman dan kebohongan yang dituduhkan kepada para Nabi oleh kaum-kaumnya. Hal itu keranakebenaran-kebenaran dari Allah yang disampaikan oleh para Rasul, kadang-kadang mengakibatkan kegoncangan dan kekalutan pada orang-orang yang tidak menyukai kebenaran-kebenaran tersebut, sebab mereka telah cenderung pada tarikan-tarikan nafsu syahwatdan terkurung olehnya.

Mereka menisbatkan (menuduh) semua akhlak dan perbuatan buruk yang mereka lakukan kepada para Nabi dan Rasul, agar apa yang mereka lakukan itu mendapatkan pengakuan dan pembenaran.

Akhir-akhir ini, semua propaganda palsu dan buruk yang dilancarkan untuk menolak Rasul, tidaklah menggambarkan sesuatu kecuali buruknya akhlak dan busuknya watak orang-orang yang melakukannya.

Segala sesuatu bisa bertahan hidup di tempat yang sesuai dengan tabiatnya masing-masing, tidak terkecuali juga dengan manusia. Sebagaimana lebah yang makanannya adalah madu, ia tidak dapat bernafas dan hidup, kecuali di tengah-tengah dunia yang dipenuhi dengan bunga-bunga, ia tidak dapat hidup di luar dunia yang ia tidak terbiasa di dalamnya. Demikian juga dengan tikus, yang terbiasa berada di tengah-tengah kotoran dan sampah, ia tidak akan dapat hidup di taman yang di kelilingi oleh bunga-bunga yang indah. Seperti itulah perumpamaan antara ruh-ruh yang mulia dan tinggi, yang terbiasa mendapatkan makanan dari hidangan rasa yang terpancar dari "hakikat Muhammad" dan ruh-ruh yang buruk, berbau busuk, dan fasik, akan merasakan ketenangan dan ketenteraman ketika berada di dalam keburukan dan kebusukan.

Ketika Abu Bakar As-Shidiq RA menatap wajah Rasulullah SAW, ia berdecak kagum, sambil berkata."Ya Tuhanku, betapa tampan wajahnya". Dan ini pada dasarnya adalah keadaandimana Abu Bakar menyaksikan dirinya sendiri yang tampak pada bayangan yang dipantulkan oleh cermin Rasulullah. Oleh kerana itu, ketika Rasul berkata kepadanya, suatu ketika.

"Tidaklah ada harta yang lebih bermafaat untuku selain hartanya Abu Bakar"

Kemudian Abu Bakar menangis, ia berkata:

“Tidaklah aku dan harta yang aku miliki itu selain untukmu ya Rasulullah”. (Ibnu Majah, al-Muqaddimah, 11)

Dengan perkataan itu, tampak bahawa Abu Bakar RA telah menadzarkan dirinya dan semua apa yang dimilikinya untuk Rasulullah SAW, ia benar-benar fana dalam mencintai Rasulullah SAW, kerana alam di dalam dirinyatelah berubah menjadi cerminan dari akhlak Rasulullah SAW.

Di sisi lainya, musuh terbesar Allah dan Rasulullah SAW, iaituAbu Jahal, keadaannya berubah menjadi negatif setelah menatap wajah Rasulullah SAW yang mulia.Ia menjadi terhalang dari keindahan dan kesucian yang terpancar dari wajah Rasulullah SAW. Sebab dari perbezaan itu adalah, bahawa setiap orang yang menatap wajah Rasulullah SAW, sebenarnya melihat hakikat dan keadaan dirinya sendiri ketika bercermin pada “cermin Muhammad”.

Para Nabi dan Rasul bagaikan cermin yang menampakkan pada setiap orang tentang keadaan dan alam di dalam dirinya. Selamanya tidak ada satupun cermin yang berbohong, dengan menampakan yang buruk dan hodoh menjadi baik dan tampan, dan yang tampan dan baik menjadi hodoh dan buruk. Cermin akan menampakan pada orang yang berkaca di depanya seiras dan sesuai dengan apa yang ada di depannya.

Faktanya, orang yang berusaha untuk menguasai dan memusuhi Islam, Al-Quran Al-Karim dan Rasulullah SAW, tidak diragukan lagi ia akan mendapatkan balasan dari Allah

SWT, cepat atau lambat. Kerana Allah SWT akan menjaga Islam dengan kekuatan dan kehendak serta kekuasaa-Nya.

Umat Islam yang bepegang teguh kepada prinsip dan ajaran agamanya dan yang hatinya dipenuhi dengan perasaan cinta kepada Rasulullah SAW, mereka selalu tersakiti oleh pen-pen beracun dari orang-orang yang memusuhi Islam dan tidak mengenal dirinya sendiri.Pen-pen itu bagaikan ular yang hidup di kegelapan malam.Merayap dari waktu ke waktu untuk mengacau dan balas dendam.

Kita harus tahu dengan baik, bahawabahagian dari kelembutan Allah SWT kepada manusia adalah tidak akan ada seorangpun yang dapat menghapus dari fitrahnya kecenderungan kepada kebenaran dan hakikat. Walaupun gerakan ateisme berusaha untuk mengembangkan dirinya dengan cara-cara yang zalim, tapi tetap sahaja ateisme tidak dapat membendung kembali menghijaunya akar-akar keagamaan yang tersimpan rapat dan kuat di dalam ruh, rasa dan hati.Seorang hamba tidak dapat menolak keperluan dirinya untuk dekat dengan Allah.Tidak mungkin kebahagiaan batin secara maknawi yang ada di dalam fitrahnya itu mampu dihilangkan.Kerana Allah SWT telah mentakdirkan keperluan terhadap agama dan keperluan untuk dekat dengan Allah SWT, menjadi sunatullah yang tidak akan berganti dan tidak akan berubah.

Betapa indah gambaran yang dipaparkan oleh Mahulana Jalaludin Ar-Rumi yang ditujukan kepada orang-orang lalai dan buta terhadap kebenaran, yang mengerahkan segala usaha dan upaya untuk memadamkan cahaya Ilahi, ia berkata.

“Sesungguhnya orang yang mencari aib pada matahari yang menyinari dunia kita, dan mengorek kekurangan yang terdapat padanya, orang itu ialah yang kedua matanya buta. Seharusnya ia menuduh dan mengherdik dirinya sendiri dengan lantang ,Wahai yang di kedua matanya terdapat kebutaan”.

“Jika Allah menghendaki seorang terbuka aibnya, Ia akan berikan pada hatinya keinginan untuk mencela dan merendahkan pribadi-pribadi yang bersih dan baik.”

Oleh kerana itu, sudah selayaknya manusia berfikir tentang cara untuk merubah keburukan yang ditujukan kepada Nabi menjadi rasa kesyukuran yang diberikan kepadanya.Hati yang tidak dipenuhi oleh rasa syukur dan penghargaan atas semua usaha dan upaya Rasul untuk memberikan hidayah kepada manusia sejak manusia dilahirkan hingga kematian menjemputnya, adalah hati yang bukan hati.

Sebab kecintaan Rasul kepada kita sebagai umatnya, lebih besar dan melebihi kecintaan, kasih sayang dan perhatian kedua orang tua kepada anak-anaknya. Dalam hal ini Rasulullah bersabda:

“Sungguh aku telah mengalami rasa takut di jalan Allah, tidak ada seorangpun yang pernah mengalaminya, aku telah disakiti di jalan Allah, tidak ada seorangpun yang pernah merasakanya, sungguh selama tiga puluh hari lamanya, aku dan Bilal tidak mempunyai makanan yang dapat dimakan oleh makhluk yang bernyawa (manusia atau binatang) kecuali sesuatu yang menutupi ketiak Bilal.” (At-turmudzi, al-Qiyamah, 34/2472)

Akan tetapi hatinya tidak berkeluh kesah atas semua itu, hanya kekacauan dan rasa sakit yang dirasakan oleh umatnya sahajalah yang membuat hatinya sedih. Beliau adalah seorang Rasul yang hatinya dipenuhi dengan kasih sayang terhadap kita, beliau berusaha dengan sangat keras untuk menyelamatkan kita ketika kita masih di dunia, dan ketika hari kebangkitan beliau pun akan bersujud di bawah Arsy Ar-Rahman, memohon dan meminta kepada Allah dan memberi syafaat kepada kita, beliau tidak akan bangun dari sujudnya hingga Allah mengabulkan doa dan syafaatnya terhadap kita.[52]

Atas semua usaha Rasul untuk kita, dan segala penderitaannya demi menyelamatkan kita, tidakkah kita wajib membalas semua itu dengan rasa syukur dan penghargaan yang mendalam serta pujian kepadanya, dengan cara menjalankan semua ajaran-ajaranya, menjadi umatIslam yang diridhai olehnya, memenuhi hati kita dengan rasa cinta dan rindu kepadanya, dan menjadikanya lebih utama dibanding nyawa yang ada di dalam diri kita.

Hati Rasul selalu ingin dan bergejolak demi memberikan syafaat kepada kita di dunia mahupun di akhirat nanti, maka bukankah dengan itu kita wajib menjadi seorang mukmin yang diinginkan oleh Rasulullah SAW?Bukankah kita wajib untuk memiliki hati yang selalu merindukan dan mencintai Rasulullah SAW? Bukankah kita wajib menjadikanyalebih utama di bandingkan nyawa yang ada di dada kita?

52. Lih: Bukhari, al-Anbiya, 3, 9. Muslim, iman, 327, 328. Tirmidzi, al-Qiyamah, 10.

Pecinta akan patuh pada orang yang ia cintai

“Seseorang akan bersama dengan orang yang ia cintai”. (Al-Bukhari, Al-Adab: 96)

Berapakah kadar kecintaan kita kepada Rasulullah SAW?

Sudah sewajarnya jika kita memahami dan memaknai cinta pada hubungan antara sang kekasih dan orang yang dicintainya.

Seseorang menyatu dengan yang dicintainya dalam sisi perkataan, makna dan dasar. Ia menyatu denganya dalam sikap dan tingkah laku, ia menyatu denganya dalam rasa dan pemikiran, ia menyatu denganya dalam hidup dan gaya hidup.

Itu ertinya, jika tidak ada kesatuan dalam cinta, dimana seseorang mengambil jalan berbeza dan bertentangan dengan jalan orang yang dicintainya, maka sampai bilapun ia tidak akan dapat menyatu secara menyeluruh dengan yang dicintainya, sebab ia sebagaimana dikatakan, cintanya bukanlah cinta yang sejati.

Oleh kerana itu, berapakah kadar kecintaan kita kepada Rasulullah SAW dan seberapa kuat kita berpegang teguh kepada sunahnya yang mulia? Seberapa kerap kita menceritakan kisahnya kepada anak-anak kita dan orang-orang yang ada di sekitar kita? Seberapa dalam keterkaitan hati kita dengan dua amanah besar yang diamanahkanya kepada kita, iaitu Al-Quran dan ahlu baitnya? Seberapa banyak bahagian yang kita ambil untuk rumah kita dari keluarganya yang dipenuhi dengan cahaya ruhiyah Al-Quran dan Sunah yang suci?

Untuk mengikuti Rasulullah SAW itu memerlukan latihan dan hati yang dididik dengan baik

Sudah selayaknya kita menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladan dan contoh bagi kita dalam setiap aspek dan sisi kehidupan kita, agar kita mampu meraih kebahagiaan di dunia yang sudah kacau bilau dan pada hari ketika semuanya dibangkitkan.

Sudah sepatutnya kita menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladan dalam kehidupan sosial, rumah tangga dan pekerjaan kita, sebab beliau adalah contoh yang mulia dan tidak ada duanya, bagi seluruh umat manusia dari yang memiliki kedudukan rendah sampai dengan yang memiliki kedudukan terhormat.

Akan tetapi bagaimanakah caranya kita menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladanbagi kita? Apakah dengan cara kita mempelajarinya dari buku-buku yang menulis mengenainya?Tidak. Bukan dengan itu, tetapi kita mempelajari contoh dan teladan itu, dimulai dari relung-relung hati kita.

Sebagaimana Allah SWT jelaskan tentang hal tersebut di dalam Al-Quran Al-Karim surah Al-Ahzab ayat 21, yang berbunyi:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ
يَرْجُوا اللهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللهَ كَثِيرًا

﴿الْأَحْزَابِ: ٢١﴾

Ertinya: Sungguh, telah ada suri teladan yang baik pada (diri) Rasulullah bagimu, (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) dan (kedatangan) hari kiamat dan yang banyak mengingat Allah. (Al-Ahzab: 21)

Ayat ini menunjukan bahawa syarat pertama untuk mempelajari bagaimana menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladan adalah berharap berjumpa dengan Allah, kemudian menjadikan perasaan itu tetap hidup dan tetap mengakar di dalam hati kita di setiap ketika dan setiap waktu, dan bahawasanya kita akan dimintai pertanggungjawaban di depan Allah SWT.

Syarat kedua untuk mempelajari bagaimana menjadikan Rasulullah SAW sebagai suri teladan ialah berharap ingin masuk syurga dan mengimani akan kedatanganya dengan keimanan yang kokoh. Dan kita harus memahami dengan baik bahawa kita hidup di alam yang fana dan kita akan meninggalkan alam itu, sebagaimana disampaikan oleh Mahulana Jalaluddin, ia berkata dengan bahasa yang indah:

"Kehidupan dunia bagaikan mimpi, orang yang memiliki harta melimpah di dunia ia seperti seorang yang menemukan harta karun dalam mimpi. Harta dunia akan tetap berada di dunia, hanya berpindah dari satu generasi ke generasi berikutnya".

Pada titik ini, maka kita wajibmenyedaribahawa kita sedang diuji di dalam kehidupan ini, dan sudah selayaknya kita menjadikan hati kita melakukan pengembaraan dan menyeberang naik ke kerajaan Allahdengan caramenjauhkan jiwa kita dari hawa nafsu dan dorongan syahwat.

Selalu menjadikan jiwa tetap berada di alam itu, mengangkat darinya segala dorongan-dorongan syahwat, sehingga dengan itu kita dapat meraih satu keadaan dimana bagi kita hari akhirat berubah menjadi tempat pertemuan. Danitu tidak dapat terwujud kecuali kita mengambil dari kepribadian Rasulullah SAW sebagai teladan terbaikdengan kadar yang cukup.

Ketika itulah, Allah SWT menjanjikan bagi kita syurga dan memberikananugerah pada kita, berupa menatap wajah Allah Yang Maha Mulia.

Syarat yang ketiga untuk mempelajari bagaimana menjadikan Rasulullah SAW sebagai suri teladan, ialah banyak mengingat Allah SWT. Menghadirkan pada setiap waktu, di dalam hati bahawa Allah SWT selalu bersama kita.Tetapi berapakah kadar rasa bersama Allah ini?

Jawabanya ialah sebagaimana difirmankan Allah dalam ayat berikut ini.

اَلَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللّٰهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلٰى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمٰوَاتِ وَالْاَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هٰذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿اٰلِ عِمْرٰنَ: ١٩١﴾

Ertinya: (iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri, duduk atau dalam keadaan berbaring, dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata), Wahai Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan

semua ini sia-sia; Maha Suci Engkau, lindungilah kami dari adzab neraka. (Ali Imran: 191)

Kebersamaanyang berkelanjutan itu ertinya kita selalu merasa bahawa kita hidup di bawah pengawasan Allah yang selalu mengawasi kita dan kita tidak pernah luput dari pengawasan itu. Allah lebih dekat daripada urat nadi kita. Tapi berapakah ukuran kedekatan kita kepada Allah itu? Untuk mewujudkan kedekatan itu, tidak ada jalan lain, kecuali dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladan kita.

Seperti apakah kedudukan kita dalam menyedari kedudukan Nabi SAW?

Sangat mustahil bagi kita untuk berjalan dengan benar menuju Allah SWT, jika kita tidak mempelajari dan menyedari kedudukan mulia yang ada pada Rasulullah SAW. Allah SWT telah menjelaskan tentang kemuliaan, keagungan dan kedudukan yang Ia berikan kepada Rasulullah SAW di dalam Al-Quran Al-Karim, dalam firman-Nya berikut ini.

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلٰٓئِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿الْاَحْزَابِ: ٥٦﴾

Ertinya: Sesungguhnya Allah dan para Malaikat-Nya bershalawat untuk Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Bershalawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan kepadanya. (Al-Ahzab: 56)

Allah SWT dan para malaikat-Nya bershalawat untuk Nabi SAW, dan mereka benar-benar melakukanya. Kita tidak dapat memahami cara dan bentuk shalawat itu, sebab itu berada diluar batas kemampuan hati, rasa dan indera kita. Tapi bagaimanakah Allah SWT bershlawat untuk makhluk-Nya?

Walau terdapat beberapa penafsiran dalam masalah ini, tetapi ini akan tetap menjadi "rahasia Ilahi", yang jelas dalam masalah ini, bahawa Allah SWT lebih mencintai Rasulullah SAW, dan Allah SWT meminta kita untuk memahami dan menyedari hal itu, oleh kerana itu Allah SWT berfirman seperti tersebut pada surat Al-Ahzab ayat 56 di atas.

Namun kewajiban kita bershalawat dan mengucapkan salam tersebut, tidak hanya dengan lisan kita sahaja, akan tetapi kita harus bershalawat dan mengucapkan salam dengan seluruh keadaan kita sepenuhnya. Setiap sikap dan tingkah laku kita baik dalam kehidupan berkeluarga mahupun dalam aktiviti-aktiviti di dunia kerja ataupun ketika berinteraksi dengan sesama manusia, maka itu harus sesuai dan selaras dengan shalawat dan salam kepada Nabi SAW.

Sebagai contoh, ketika saya merenungkan tingkah laku saya, ketika berada di tengah keluarga, perniagaan atau ketika berinteraksi dengan orang lain, saya merenungkan, akankah Rasulullah SAW tersenyum ketika melihat tingkah laku saya itu? Apakah beliau akan tersenyum ketika melihat cara saya dalam mendidik anak-anak saya? Apakah beliau akan tersenyum ketika melihat ibadah saya?

Pertanyaan-pertanyaan seperti ini, jika kita tidak pernah menanyakan kepada diri kita sendiri, dan tidak pernah

menghisab hati dan jiwa kita tentang hal itu, atau belum menimbangnya dengan timbangan kebenaran, nescaya esok hari di hari ketika dibangkitkan kita akan dihisab dan ditimbang dengan timbangan yang lebih menakutkan.

Tidak diragukan lagi, bahawasannya keadaan hisab kita di hari kiamat adalah:

اِقْرَاْ كِتَابَكَ كَفٰى بِنَفْسِكَ الْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا ﴿الْاِسْرَآءِ: ١٤﴾

Ertinya: "Bacalah kitabmu, cukuplah dirimu sendiri pada hari ini sebagai penghitung atas dirimu." (Al-Isra: 14)

Semua perbuatan kita yang tertutupi dan tersembunyi akan tampak pada hari itu pada lembaran-lembaran tentang catatan amal perbuatan kita. Kita akan menyaksikan kehidupan kita di dunia, bagaikan film wayang yang diputar, tentang bagaimana kita melaksanakan sembahyang, tentang bagaimana kita berpuasa, apakah kita melakukan semua amal ibadah kita hanya tubuh dan fizikalsahaja yang hadir, sementara hati dan ruh kita tidak hadir, tentang bagaimana kita mensyukuri semua nikmat Allah yang telah diberikan, nikmat yang tidak terkira dan tidak terhitung, tentang seberapa banyak kita menginfakan ruh, akal, harta, kekayaan dan kecerdasan kita di jalan kebaikan, dan seberapa banyak kita telah mengabaikanya, tentang seberapa dalam kecintaan kita kepada Allah, Rasul-Nya, dan seberapa kuat kita bergantung dan berpegang teguh kepada Allah, dan meneladani akhlak Rasulullah SAW?

Semua ini akan diperlihatkan kepada kita dalam lembaran-lembaran amal perbuatan kita, kita akan menyaksikanya pada

hari ketika semua ditampakan pada hari kiamat, dalam hal ini Allah berfirman di dalam Al-Quran:

حَتَّىٰٓ إِذَا مَا جَآءُوهَا شَهِدَ عَلَيْهِمْ سَمْعُهُمْ وَأَبْصَٰرُهُمْ وَجُلُودُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿فُصِّلَتْ: ٢٠﴾

Ertinya: Sehingga apabila mereka sampai ke neraka, pendengaran, penglihatan dan kulit mereka menjadi saksi terhadap apa yang telah mereka lakukan. (Fussilat: 20)

Oleh kerana itu, kita harus selalu menghisab diri kita, dengan kita bertanya kepada diri sendiri:.

Apa yang dilihat dan ditatap oleh mata kita?

Berapa kali dan berapa kerap, telinga kita mendengarkan wahyu Ilahi dan risalah-risalah yang dibawa oleh Nabi?

Berapa kali dan seberapa kerapkahkita menggunakan fizikal dan kemampuan kita demi membela dan menegakan kebenaran?

Kesimpulannya bahawa inti dari semua itu ialah kita menggunakan setiap kesempatan dan melakukan pelbagai pengaturan yang diperlukan untuk melihat, mempelajari dan merenungkankeadaanserta keadaan kita, sebelum segalanya menjadi terlambat.

Ujian tentang perasaan cinta dan tentang adab

Dunia ini adalah tempat ujian bagi manusia. Dunia ini adalah tempat ujian yang disediakan oleh Allah, salah satu

perkara yang diujikan di dunia ini adalah terkait dengan cinta, ketaatan dan adab kita terhadap Rasulullah SAW, dalam hal ini Allah SWT berfirman.

يَآ اَيُّهَا الَّذِينَ اٰمَنُوٓا اَطِيعُوا اللّٰهَ وَاَطِيعُوا الرَّسُولَ وَلَا تُبْطِلُوٓا اَعْمَالَكُمْ ﴿مُحَمَّدٍ: ٣٣﴾

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul, dan janganlah kamu merusakan segala amalmu. (Muhammad: 33)

Di ayat lain, Allah juga berfirman:

يَآ اَيُّهَا الَّذِينَ اٰمَنُوا لَا تَرْفَعُوٓا اَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ اَنْ تَحْبَطَ اَعْمَالُكُمْ وَاَنْتُمْ لَا تَشْعُرُون
اِنَّ الَّذِينَ يَغُضُّونَ اَصْوَاتَهُمْ عِنْدَ رَسُولِ اللّٰهِ اُولٰٓئِكَ الَّذِينَ امْتَحَنَ اللّٰهُ قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوٰى لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَاَجْرٌ عَظِيمٌ اِنَّ الَّذِينَ يُنَادُونَكَ مِنْ وَرَآءِ الْحُجُرَاتِ اَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿الْحُجُرَاتِ: ٤-٢﴾

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu meninggikan suaramu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara keras sebagaimana

kerasnya (suara) sebahagian kamu terhadap yang lain, nanti (pahala) segala amalmu bisa terhapus sedangkan kamu tidak menyedari. Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya di sisi Rasulullah, mereka itulah orang-orang yang telah diuji hatinya oleh Allah untuk bertaqwa. Mereka akan memperoleh ampunan dan pahala yang besar. Sesungguhnya orang-orang yang memanggil engkau (Muhammad) dari luar bilik (mu) kebanyakan mereka tidak mengerti. (Al-Hujurat: 2-4)

Kita boleh mengatakan bahawa adab kita terhadap Rasulullah SAW, ketaatan kita terhadapnya dan pengenalan kita terhadap Rasul SAW, dengan pengetahuan yang benar dan terpercaya, merupakan ujian ketakwaan bagi hati kita, juga merupakan sarana untuk memberikan nilai kepada rasa rindu dan cinta kita, dan jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Kita juga dapat mengatakan bahawa seseorang yang bersikap kasar kepada Rasulullah SAW dan memanggil beliau dengan suara yang tinggi dan keras, dan memperlakukanya tanpa penuh penghormatan dan pemuliaan, maka mereka adalah orang-orang yang bodoh yang tidak pernah menggunakan akal pikiran mereka.

Di lain sisi, kita dapat mengambil kesimpulan bahawa betapa pentingnya kita menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladan dan suri teladan, dan kewajiban kita adalah menimbang kehidupan kita dengan kehidupan Rasulullah, sebagaimana tertera dengan sangat jelas dalam firman Allah berikut ini:

مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ اَطَاعَ اللّٰهَ وَمَنْ تَوَلّٰى فَمَآ اَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ﴿النِّسَاءِ: ٨٠﴾

Ertinya: Sesiapa menaati Rasul (Muhammad), maka sesungguhnya dia telah menaati Allah. Dan sesiapa berpaling (dari ketaatan itu), maka (ketahuilah) Kami tidak mengutusmu (Muhammad) untuk menjadi pemelihara mereka. (An-Nisa: 80)

Timbangan dan ukuran dalam mencintai Rasulullah

Sebahagian peristiwa penting yang menjelaskan kepada kita tentang tingkatan yang harus dicapai oleh seseorang dalam mencintai Rasulullah SAW, adalah yang diriwayatkan oleh seorang sahabat yang mulia, Abdullah bin Hisyam RA, ia berkata:

Ketika kami sedang bersama dengan Nabi SAW, ketika itu beliau memegang tangan Umar bin Khatab, lalu Umar berkata kepadanya: Wahai Rasulullah, sesungguhnya engkau lebih aku cintai dari apapun, kecuali dari diriku, Nabi lalu bersabda. "Tidak wahai Umar, demi jiwaku yang berada dalam genggamanya, engkau mencintaiku sampai engkau lebih mencintaiku di bandingkan dengan dirimu". Umar RA kemudian berkata.: Adapun sekarang, demi Allah, sesungguhnya engkau lebih aku cintai dibanding diriku sendiri. Nabi SAW kemudian bersabda: "Sekarang baru wahai Umar". (Al-Bukhari, Al-Iman, 4)

Demikianlah semestinya kita mengikuti Rasulullah SAW dengan penuh kecintaan dan kerinduan, sebagaimana rindu dan cintanya Umar RA dan menjadikan Rasulullah

SAW memenuhi seluruh permadani-permadani hati dan pembimbing dalam kehidupan kita, sebab mencintai Rasulullah SAW merupakan sebuah kewajiban.[53]

Allah SWT mengabarkan di dalam Kitab-Nya, tentang kewajiban menjadikan Rasul lebih dicintai, lebih didaduhulukan dan lebih diutamakan oleh umatIslam dibanding dengan diri mereka sendiri, Allah berfirman:

اَلنَّبِيُّ اَوْلٰى بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ اَنْفُسِهِمْ وَاَزْوَاجُهُ اُمَّهَاتُهُمْ

﴿النِّسَاءِ: ٦﴾

Ertinya: Nabi itu lebih utama bagi orang-orang mukmin dibandingkan diri mereka sendiri. (Al-Ahzab: 6)

Serupa dalam hal ini, Hadits Asy-Syarif menyebutkan bahawa kecintaaan terhadap Rasulullah SAW merupakan syarat untuk mencapai keimanan yang hakiki, Nabi bersabda:

"Tidaklah beriman salah seorang dari kalian, hingga aku lebih ia cintai dibandingkan orangtuanya, anaknya dan seluruh umat manusia". (Al-Bukhari, Al-Iman, 8)

Untuk itu para sahabat yang mulia, selalu dalam keadaan bersiap siaga untuk menyambut sekecil apapun perintah yang keluar dari Rasulullah SAW, mereka menyambutnya dengan penuh kerinduan yang memenuhi hati mereka. " Ayah, ibu, jiwa dan segala sesuatu yang aku miliki menjadi tebusan bagimu ya Rasulullah".

53. Lih: at-Taubah, 24.

Tidak memperhatikan dan menghargai kecintaan kepada Rasul ini merupakan tanda kebodohan seseorang, sementara memperhatikan dan berteguh hati padanya, merupakan petua mujarab untuk meraih keselamatan dan kemenangan.

Tanda-tanda cinta kepada Rasulullah SAW.

Ketika seseorang jatuh cinta, ia akan kerapkali berbicara dan menyebut-nyebut orang yang dicintainya, pada setiap kesempatan, tema yang ia buka dalam pembicaraan adalah tentang orang yang ia cintai dan tentang pelbagai hal yang menyangkut orang yang ia cintai.

Seorang pekerja pejabat, ketika ia sudah tenggelam dalam pekerjaan yang ia tekuni, ia hanya akan berbicara tentang pekerjaan dan perniagaannya, menghitung keuntungan yang ia dapat dan kerugian yang ia alami, ia untung pada sisi ini dan ia mengalami kerugian pada sisi yang itu, dan seterusnya. Seorang yang sangat mencintai anaknya, ia akan membicarakan tentang mereka, hampir di setiap waktu dan di setiap kesempatan.

Para sahabat ketika berbicara tentang Nabi SAW, tampak dari riak wajah mereka, kekaguman dan kerinduan yang mendalam, kecintaan mereka terhadap Nabi SAW telah menguasai setiap sendi mereka, mereka menemukan kenikmatan yang tak tergambarkan ketika mereka mencintai Nabi SAW.

Pengetahuan, ketundukan, kecintaan dan kerinduan yang mendalam kepada Nabi SAW yang seperti itulah yang

harus kita upayakan, agar kita dapat berkumpul dengannya di akhirat kelak. Ya Allah berikanlah kenikmatan kepada kami berupa makrifat tentang Nabi SAW yang menyeluruh dan kecintaan yang mendalam. Aamiin.

Upaya si pencinta untuk mencontohi yang ia cintai dan usaha untuk mengikuti jalan yang sudah dibuat orang yang ia cintai, merupakan satu dari rahasia-rahasia yang terpendam dari kata "cinta", yang merupakan sebab adanya alam semesta. Selama apapun seorang pecinta, ia akan mendapatkan kekuatan dari orang yang ia cintai, dan kekuatan itu berbanding lurus dengan seberapa tinggi kedudukan orang yang ia cintai.

Sungguh betapa sukarnya, mensifati Nabi SAW dengan sifat yang sesuai dengan dirinya

Dalam sebuah kisah para sahabat, dikisahkan bahawa Khalid bin Walid RA keluar memimpin pasukan *sariyah*, (pasukan yang tidak dipimpin oleh Nabi) ketika ia sampai di sebuah kampung, maka pemimpin kampung tersebut berkata padanya:

"Gambarkan kepada kami tentang Muhammad!"

Khalid menjawab: "Saya lebih memilih untuk tidak melakukan itu".

Pemimpun kampung itu berkata: "Kalau begitu gambarkan secara umum".

Khalid menjawab: “Kedudukan Rasul sesuai dengan yang mengutusnya”. [54]

Sebab yang mengutus Nabi Muhammad SAW, ialah Pencipta Alam semesta, Pemilik kekuasaan yang Maha Besar, maka fikirkanlah seperti apa kedudukan dan kemampuan yang dimiliki oleh Rasulullah SAW, shalawat dan salam semoga tetap tercurah kepadanya.

Ya Allah, berikanlah kekuatan untuk mencintai dan merindukan Rasulullah SAW sebagaimana para sahabat mencintai dan merindukanya, dan hiasilah hidup kami dengan kecintaan kepada Rasulullah SAW. Amiin.

54. Al-Manawy, Fathu al-qadir, juz: 5, 92/6478, al-Qastalani, terjemah al-Mawahib al-Laduniah, Istanbul, 1984, hal: 417.

Penutup

Sudah semestinya kita mengukur kehidupan kita dengan ukuran-ukuran yang diajarkan oleh Nabi SAW, agar kita mampu meraih syafaatnya di hari kiamat kelak, sebagaimana telah dijelaskan pada lembaran-lembaran sebelumnya, dan menilai diri sudah sejauh mana kita mengikuti Rasulullah SAW, pada titik mana kita berhenti mengikuti Nabi SAW. Kita harus melakukan itu semua dengan penuh kesungguhan dan semangat yang membara.

Kita harus berusaha dan berupaya dengan penuh kesungguhan dan semangat yang membara, disertai dengan kegembiraan dalam jiwa, untuk mengatur hidup kita agar sesuai dengan umat Muhammad yang menekankan keindahan akhlak Rasulullah SAW dan keharuman pribadinya yang tidak ada yang mampu menandingi dan menyamai. Kita menekankannya terhadap ibadah kita, terhadap sikap dan tingkah laku kita, terhadap perasaan dan pemikiran kita, terhadap hari kita sekarang dan esok, dan terhadap dunia dan akhirat kita. Seseorang akan tertawan oleh orang yang ia cintai, dan akan mengikuti orang yang ia cintai, dan itu sesuai dengan kadar kecintaan dirinya terhadap orang yang ia cintai. Oleh sebab itu, untuk mengikuti Rasulullah SAW, kita harus berusaha untuk mengetahui Nabi SAW dengan sebaik-baiknya dalam semua aspek dan segi kehidupanya, kita mesti

menghormati dan menghargai kepribadian Nabi SAW yang tepat, dengan tepat, sesuai dan semestinya.

Sesungguhnya, sesubur apapun sebidang tanah, ia tidak akan menghijau, selama tidak ada hujan yang turun menyiraminya, dan disapa oleh angin musim bunga yang sejuk. Kita dapat mengubah satu hati ke hati yang lebih baik, bagai tanah subur yang disirami hujan dan disemai oleh angin musim bunga, dengan cara tunduk dan mengikuti, sang kebanggaan seluruh umat manusia, sang suri teladan terbaik, iaitu Muhammad Rasulullah SAW.

Nabi Muhammad SAW, kedudukanya lebih tinggi dibanding dengan para Nabi yang diutus sebelumnya dan dibanding dengan orang-orang terbaik setelahnya, beliau adalah mata air yang tidak pernah mengering, yang menjadi sumber bagi segala kelebihan dan akhlak yang baik. Beliau juga menjadi sebab berkah dan rahmat yang selalu mengucur dan memenuhi semesta. Kepadanya diturunkan Al-Quran- yang kaya dengan hakikat dan kebenaran, dari sejak zaman azali hingga masa keabadian- yang merupakan hadiah bagi alam keimanan dan akidah.

Hasil secara keseluruhan dari semua pembincangan yang telah dipaparkan, dan kesimpulan dari semua fakta yang dijelaskan, adalah bahawa setinggi apapun penghormatan kita kepada Rasulullah SAW dan kepada segala sesuatu yang mengingatkan kita kepadanya-bahkan kepada hal yang paling terkecil dan paling remeh- sekalipun, itu tidak akan mampu memenuhi haknya. Rasulullah SAW yang agung dan mulia, adalah seorang yang disebut dan dipanggil dengan sebutan”

kekasih-Ku" oleh Allah SWT, oleh sebab itu, kata-kata yang kita tulis, tidak akan pernah dapat menggambarkan kesempurnaan dan keagungan Rasulullah SAW, bahkan mendekatipun tidak. Beliau adalah seorang dimana seluruh makhluk yang berada di alam raya serta para malaikat yang tidak terhitung jumlahnya, berShalawat kepadanya.

Sesungguhnya pengakuan dan kenyataan kita akan ketinggian darjat dan kedudukan Rasulullah SAW, itu tidak akan diterima, kecuali dengan disertai ketundukan dan pengakuan yang mendalam, akan kebesarannya, serta kita tidak dapat berbuat apapun kecualikediaman yang abadi. Lisan akan tetap tidak memiliki daya dan kekuatan untuk menggambarkanya, dan apa yang kita sebutkan sebelumnya, hanyalah setitis air di tengah lautan luas, ia hanyalah titisan-titisan yang dipercikkan kepada pemahaman dan kesedaran kita.

Betapa bahagianya, umatIslam yang hanya merindukan dan mencitai Rasulullah SAW semata, mereka tidak tertipu oleh bunga-bunga palsu di taman-taman manusia.

Mari sejenak kita, kembali kepada Tuhan kita, untuk menghirup udara ruhaniyah yang ditebarkan oleh Rasulullah SAW, mari kita menghirupnya dengan seluruh sel yang ada di tubuh kita dan dengan seluruh getar dan degup hati kita.

Mari sejenak kita menunduk dan mengharap kepada Tuhan kita, dengan menjadikan kecintaan kita kepada Rasulullah SAW sebagai buktinya.

Shalawat semoga tercurah kepada pemimpin dua alam, Muhammad Al-Mustafa.

Shalawat semoga tercurah kepada Rasul yang diutus untuk jin dan manusia, Muhamad Al-Mustafa

Shalawat semoga tercurah, kepada pemimpin haramain (Makkah dan Madinah),Muhammad Al-Mustafa.

Shalawat semoga tercurah kepada datukHasan dan Husain, Muhammad Al-Mustafa.

Ya Allah curahkanlah shalawat kepada Nabi Muhammad, kepada keluarga dan para sahabatnya, berkahilah dan liputilah mereka dengan keselamatan.

Ya Allah jadikanlah kami, orang-orang yang mengikuti jalan yang sudah dibentang oleh pembimbing kami, dan sumber kebahagiaan kami yang abadi, iaitu Muhammad Al-Mustafa SAW, dan berikanlah kepada kami bahagian dari kepribadianya yang tepat, sempurna dan agung, jadikanlah ia sebagai uswah yang baik bagi kami, dalam kadar dan cara yang Engkau ridhai.

Betapa indah dan sempurnanya dunia dan akhirat kami, ketika kami mampu mendapatkan dan mengambil sepercik cahaya dari keindahan akhlak dan cahaya Rasulullah SAW.

Siramilah hati-hati kami dengan titisan-titisan yang menyejukkan, yang terpancar dari ruhiyahnya yang luas.

Jadikanlah hati-hati kami, tempat dimana kecintaan kepada Allah dan kecintaan kepada Rasululah, yang selalu bersemayam dan memekar indah.

Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami semuanya keagungan perlindunganRasulullah…Aamiin.

Alangkah mulianya kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW

Setiap kebaikan dan keindahan merupakan cermin pribadi Rasulullah SAW. Tidak ada bunga yang mekar di dunia ini melainkan ia telah memperoleh cahaya Baginda SAW. Kita tidak diciptakan dan hadir ke alam ini melainkan kerana adanya penciptaan beliau.

Beliau bagaikan sekuntum bunga mawar yang elok dan terus mekar tiada layu, bahkan dengan semakin berlalunya waktu ia semakin indah dan cantik untuk dipandang, beliau juga bagaikan cahaya yang bersinar dari ujung rambut sampai ujung kaki beliau.

Sesungguhnya, pendekatan diri kepada beliau yang sebenar-benarnya tidak akan tercapai kecuali dengan rasa rindu dan kecintaan yang lebih dalam dari sekadar akal, yang hanya dapat dilakukan dengan kerinduan getaran hati serta kepasrahan diri.

Kadar kemampuan kita untuk mengetahui hakikat pribadi Muhammad ibarat kemampuan anak kecil yang menerka kejadian-kejadian metafizikala (diluar kebiasaan)

Allah SWT telah memberikan pada kita suri teladan*insan yang sempurna* sesuai dengan kehendak-Nya dalam pribadi

Rasulullah SAW, Dia telah menjadikannya satu-satunya pribadi yang tiada keserupaan di seluruh alam manusia.

Satu-satunya manusia di alam ini -dalam sejarah manusia- yang terakam sejarah hidupnya dalam lembaran-lembaran kertas secara terperinci adalah tokoh pribadi Nabi SAW. Seluruh karya buku-buku Islam merupakan hasil usaha yang dicurahkan untuk menjelaskan satu kitab (Al-Qur'an) dan satu pribadi.

Kemuliaan hidup Nabi Muhammad SAW mengingatkan kita pada pelbagai macam warna dan hiasan taman-taman syurga yang dihiasi oleh bunga-bunga paling indah yang sangat jarang ditemukan. Sampai orang-orang yang mencari bunga tersebut tidak akan menemukannya kecuali di dalam tanaman ini.

Rasulullah SAW bersabda: "Tidak ada satupun (makhluk) di antara langit dan bumi melainkan ia mengetehui bahawasannya saya utusan Allah, kecuali jin dan manusia yang bermaksiat" (Musnad Ahmad, 3, 310)

Pelbagai ciptaan makhluk di muka bumi ini mengenalnya, seperti gunung Uhud, pelapah pokok kurma yang mendapatkan kasih sayang Rasulullah, binatang-binatang yang menjadikan Rasulullah SAW sebagai tempat berlindung dikala mereka tertimpa musibah, hanya sahaja Abu Jahal dan para sekutunya tidak mengetahui dan memahami keagungan kedudukan Rasulullah SAW, tidak pada hari kemarin mahupun hari ini.

Kehidupan dan perjalanan Nabi SAW bagaikan cermin yang jernih, dimana seseorang dapat menyaksikan dirinya

dalam cermin tersebut tentang jiwa, etika, perkataan, hingga perbuatannya, dengan hal ini ia dapat membandingkan dan mengetahui jati dirinya.

Sesungguhnya orang-orang yang menentang wahyu Ilahi (Al-Qur'an dan hadits) dan hidayah Nabi SAW, serta mereka yang selalu berbuat zalim kepada orang-orang mukmin, mereka akan mendapatkan siksaan yang amat pedih. Dan balasan tersebut merupakan ketetapan Ilahi yang tidak dapat berubah dan tergantikan.

Nabi Muhammad SAW adalah satu-satunya sumber pembawa rahmat dan mahabbah (cinta) yang menuntun manusia menyelami kedalaman laut cinta sang Khaliq.

Sesungguhnya benih cinta tidak akan tumbuh dan menjadi hijau kecuali ia ditanam di atas tanah mahabbah (kecintaan) Rasulullah. Beliaulah satu-satunya sumber pancaran Ilahi yang mengalir pada ruh dan hati seorang mukmin. Kecintaan pada Rasulullah lah yang membalikkan pelbagai keadaan hati yang kotor dan keras menjadi hati yang bersih nan jernih.

Kita seharusnya selalu ingat akan perjuangan yang dilakukan Rasulullah SAW dalam menyampaikan dan menyebarkan da'wah kemenangan dan keselamatan yang abadi bagi semua umat manusia, sekiranya dahulu manusia hidup dalam kegelapan jahiliyyah (kebodohan). Oleh sebab itu, kita sebagai umatnya sentiasa berusaha untuk mendapatkan hidayahnya dan berpikir dimana peran diri kita dalam usaha yang telah beliau curahkan.

Betapa besarnya kebahagiaan, kemenangan serta nasib orang-orang mukmin yang memperoleh mahabbah Rasulullah dan mahabbah para sahabatnya yang mulia. Berbahagialah mereka yang menghiasi imannya dengan kerinduan, hati mereka dengan perubahan dan spiritual ruh Al-Qur'an, serta perasaan mereka yang diselimuti oleh kejernihan dan kebaikan akhlak. Alangkah beruntungnya mereka, orang-orang yang menghabiskan masa hidupnya dengan kebahagiaan yang abadi.

Ya Allah, jadikanlah kami bahagian dari orang-orang yang mencintai dan merindukan Rasul-Mu Muhammad SAW, mereka yang menghidupkan Islam di tengah-tengah kegelapan, menjadikan Nabi sebagai pelita hidup mereka, menjadikan Al-Qura'an sebagai pegangan jejak hidupnya, serta menggunakannya dalam pelbagai macam ladang hidup mereka. Ya Allah, jadikanlah kecintaan pada-Mu dan pada Rasul-Mu sebagai modal harta kesenangan yang abadi. Aamiin